



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 36**

**Rabu**

**14 November 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2019 (Halaman 26)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2019 (Halaman 26)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 14 November 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyelaraskan harga ubat di Malaysia dan strategi kerajaan untuk mengurangkan harga ubat. Adakah kementerian bercadang untuk menolong industri ubat generik tempatan sebagai satu langkah untuk menurunkan harga ubat.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Klang. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Klang menyinggung persoalan langkah-langkah kementerian untuk menyelaraskan harga ubat di Malaysia dan strategi kerajaan untuk mengurangkan harga ubat sekali gus dan aspek kedua adalah bagaimana kerajaan mahu membantu dan menolong industri ubat generik tempatan sebagai satu langkah untuk mengurangkan harga ubat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada strategi kementerian untuk menyelaraskan harga ubat di Malaysia, kementerian sedang dalam peringkat menyediakan kertas cadangan mekanisme pelaksanaan kawalan harga ubat-ubatan melalui satu undang-undang yang kita akan sediakan di bawah, bersama, bersekali dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) iaitu Akta Kawalan Harga dan Akta Antipencatutan atau Anti-Profitteering 2011, dengan izin. Mekanisme kawalan yang dicadangkan adalah bantuan harga jualan siling kepada pengguna di semua saluran pendispensan yang dilihat paling sesuai untuk dilaksanakan dan selari dengan amalan antarabangsa dengan izin, *best practice*.

Langkah ini secara tidak langsung dapat menyelaraskan harga ubat dan memastikan akses ubat-ubatan yang mampu milik kepada rakyat. Kementerian pastinya sentiasa mengambil berat dan menjaga kepentingan semua pihak termasuk pihak industri, pengamal perubatan dan terutamanya rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam memperincikan mekanisme kawalan harga ubat-ubatan yang akan dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, aspek keduanya berkenaan inisiatif kerajaan dalam membantu industri ubat generik tempatan. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa menggalakkan usaha

untuk menggunakan ubat generik yang mampu milik dengan memberi keutamaan kepada ubat generik tempatan dalam perolehan ubat-ubatan sektor awam. Perolehan ubat-ubatan di KKM dibuat berteraskan kepada prinsip perolehan ataupun akauntabiliti awam. Diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Urusan perolehan ubat-ubatan KKM adalah dilaksanakan sama ada secara tender terbuka dan pelantikan syarikat konsesi berpandukan kepada undang-undang dan peraturan perolehan kerajaan yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah sedia menyokong industri ubat tempatan malah keutamaan perolehan barang tempatan adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 169.2 dan Pekeliling Perbendaharaan yang menyatakan bahan barangan dan perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya oleh kementerian dan jabatan dalam satu perolehan. Perolehan melalui import akan dipertimbangkan setelah dipastikan ianya tidak boleh diperolehi secara tempatan.

Dalam tahun 2017 Tuan Yang di-Pertua, peratus perolehan ubat generik berbanding inovator adalah sebanyak 53.6 peratus dengan nilai perolehan RM1.3 bilion daripadanya itu. Ini sebanyak 50.3 peratus adalah merupakan ubat generik buatan tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang begitu bagus daripada Menteri Kesihatan. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian untuk membawa Akta Kawalan Harga dan juga Akta Pencatutan ubat dan saya harap bahawa ada *consultation* dan rujukan dengan semua *stakeholders* sebelum akta ini dibawa ke Parlimen.

Saya bangkit isu ini Yang Berhormat Menteri, sebab ada banyak kajian yang menunjukkan bahawa harga ubat yang digunakan di Malaysia dan kalau kita banding dengan negara-negara lain khususnya Australia, harga ubat di Malaysia adalah lebih tinggi 30 peratus hingga 148 peratus. *This is extremely very high* dan mengapa di Australia, harga itu diseragamkan ataupun diselaraskan adalah kerana mereka telah *regulate prices of* ubat tetapi saya fikir kalau kita dapat mencapai matlamat yang sama di Malaysia bahawa kita selaraskan, kita seragamkan harga ubat.

Kajian yang saya katakan tadi yang dibuat pada tahun 2012, mengatakan juga bahawa di Pulau Pinang khususnya dalam satu kawasan perniagaan ataupun satu taman kalau kita ada dua tiga *pharmaceutical shop*, kita dapati tiga harga yang berlainan untuk ubat yang sama. So oleh kerana itu, saya fikir 'Akta Kawalan Harga dan Akta Pencatutan' ubat mesti diterima oleh orang ramai dan saya harap ada *consultation*. Isu yang berbangkit ialah berkait dengan penolongan ataupun *support* kepada *generic industry*.

#### ■1010

Ini saya fikir adalah penting kerana sekarang kalau kita hendak merendahkan harga, *there must be government support for the generic industry*. Saya tidak nampak apa-apa jawapan yang datang daripada Menteri mengatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh

pihak kementerian untuk menolong *generic industry* untuk berkembang dan juga mungkin boleh dieksport kepada negara-negara lain di Asia Tenggara. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Klang yang saya tahu sejak berzaman memang sangat peka dan prihatin tentang perkara ini.

Jawapan yang boleh saya tambah. Pertamanya adalah kita berpandukan kepada WHO *guideline*. Kali ini memorandum Jemaah Menteri yang akan kita lakukan bersekali dengan KPDNHEP adalah untuk memastikan kawalan itu dapat kita lakukan berdasarkan satu *best practice* penentuan harga siling.

Saya sangat faham bahawa terdapat perbezaan harga pada *outlet* pendispensan dan juga khususnya dalam *private hospital* kerana persoalan *mark-up* itu berlaku secara tidak terkawal. Saya kena akui bahawa *private hospital* ada kecenderungan *charging* ataupun mengenakan bayaran lebih berbanding hospital awam. Ini kita akui. Dalam persoalan *mark-up* inilah kalau kita perhatikan, salah satu daripada cara mereka menentukan WHO *guideline* ini adalah *regulation of mark-up in the pharmaceutical supply and distribution chain*. Daripada rangkaian itulah akan dapat kita tentukan apabila kita menentukan harga siling itu. Itu satu yang saya kira adalah juga mustahak ataupun mekanisme yang paling mustahak untuk kita pastikan *standardization of drug prices*, dengan izin.

Kedua, aspek yang disebut oleh Yang Berhormat Klang adalah dasar kerajaan untuk membantu industri tempatan yang terlibat dalam *generic drug production*. Saya perhatikan tidak kurang daripada 18 syarikat generik yang sepuluh daripadanya adalah syarikat bumiputera dan yang lain itu semua terlibat dalam mendapat pembekalan melalui *concessionaire* melalui Pharmaniaga. Pharmaniaga mengambil sepertiga daripada— kita ada tiga mekanisme perolehan ubat iaitu beli melalui tender, beli langsung dan Pharmaniaga. Jadi, persepsi tentang Pharmaniaga monopoli ini saya harap akan ditamatkan kerana *they are only taking* sepertiga daripada keseluruhan perolehan. Mereka juga dalam proses tender itu, mengurus *tendering* itu dan inilah beberapa syarikat tempatan generik yang menghasilkan *generic drugs*.

Di situ saya ingin tekankan, apabila dasar keutamaan kerajaan membeli daripada *generic drug* yang dihasilkan oleh industri tempatan, itu bagi menggalakkan industri tempatan, satu. Keduanya juga pastinya dari sudut itu, kalau kita mahu pastikan— kalau saya boleh sebutkan sedikit— persoalan-persoalan efikasi ataupun keberkesanan, *safety* dan *effectiveness of the drugs*, dengan izin, ini semua adalah satu yang kita pastikan dahulu dan industri-industri ini kena lakukan dua kajian. *One is called the bioequivalence studies* dan *bioavailability studies*. BE adalah sangat penting, begitu juga *bioavailability studies*. Maaf kalau saya menggunakan teknikal jargon ini.

Jadi dengan kata lain, apabila *generic drug* itu dapat didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah *which is DCA, Drug Control Authority*, melalui sekretariatnya *which is NPRA* ataupun Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan, lalu setiap *generic drug* itu adalah sama dari sudut efikasinya dengan inovatornya, *the original drug*. Ini kita kena faham. *Although it is*

*generic drug* tetapi ketika ia telah melalui kajian BE dan BA, *bioavailability studies* dan *bioequivalence studies*, dengan izin, *generic drug* itu adalah terbukti, *evidence-based* bahawa ia adalah sama dengan *innovator drugs*. Lalu salah satu daripada dasar untuk membantu *local industry* adalah untuk kegunaan dalam negara— maaf, keutamaan pembelian diberikan kepada *generic drug locally produced*.

Cumanya, saya perlu fahamkan kepada semua Yang Berhormat bahawa harga *generic drug* tempatan ini adalah agak sikit tinggi kerana, satunya, keluarannya itu adalah untuk kegunaan dalaman negara. Dengan kata lain, *you may understand that the economics of scale* tidak dapat dicapai, lalu harga mereka itu tidaklah mampu bersaing dengan *generic drugs from overseas*. Terkadang-kali terdapat harga *generic drug* tempatan lebih mahal daripada *generic drug* bahkan *innovator drug* daripada luar negara. Ini kerana keseluruhan bahan mentah untuk *produce*, mengeluarkan *generic drug* itu adalah diimport. *Now you see why it is difficult for generic drug* tempatan bersaing kerana ia tidak ada *economics of scale* kerana ia tidak membuat eksport *market*.

Itu perkara yang juga saya ingin fahamkan kerana itu adalah sangat penting untuk perkara ini— ada beberapa isu lain tetapi mungkin saya ambil di situ dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Klang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, adakah ubat-ubatan negara kita ini dikecualikan daripada cukai-cukai yang ada? Jika dulu sewaktu GST, majoriti daripada ubat-ubatan dikecualikan daripada GST.

Kemudian, adakah Akta Antipencatutan digunakan untuk memastikan bahawa tidak ada mereka yang menjual ubat ini meletakkan harga sesuka hati mereka?

Seterusnya, hospital dan klinik kerajaan banyak mendapat ubat dan kita berikan subsidi. Ramai pesakit menerima ubat tetapi harganya cuma dikenakan RM1 sahaja. Adakah kerajaan akan meneruskan perkara itu? Seterusnya yang akhir ialah apabila kita bagi subsidi, adakah ubat itu ubat yang terbaik atau ubat yang *second class*? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Ubat *second class* itu, Yang Berhormat, saya dah terangkan tadi apabila sejenis ubat generik yang telah dapat didaftar melalui usaha kajian *bioequivalence studies*, *bioavailability studies*, tidak ada dah istilah *second class* ubat sebab generik itu adalah sama seperti ubat *innovator drugs*. Kita telah habis *patent period* nya yang dikeluarkan oleh industri, *therefore*, ia adalah sama dari sudut efikasi, dari sudut keberkesanan dan keselamatan. So, itu perkara pertama yang hendak saya tekankan.

Adapun dari sudut apa yang dikatakan sebagai usaha kami dalam memorandum ini, ia adalah khusus menjurus kepada mengelakkan harga ubat-ubat itu di mana pun di *outlet* nya, sama ada hospital mahupun dispensari, berbeza-beza kerana kita akan menentukan *the mark up price* itu menjadi satu yang *almost like the ceiling price*. So, *the ceiling price will determine what is the highest price* pada harga yang paling tinggi. *Therefore*, dengan harapan bahawa akan berlaku persaingan yang sihat di kalangan *industrial players*, pemain industri generik ini dan oleh

kerana itu, kebbaikannya adalah kepada rakyat ketika mereka tidak dapat *mark-up* ataupun meninggikan harga ubat ini.

Kita pun sudah sedia maklum persoalan cukai itu iaitu semuanya dikecualikan daripada cukai baharu ini, cukai SST, sebab ubat-ubatan ini tidak dikenakan cukai. Itu adalah bagi kerajaan prihatin untuk memastikan ubat-ubatan tidak dikenakan cukai, lalu memberikan satu yang memastikan harganya itu adalah mampu dibeli, *affordable* untuk rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah B40.

■1020

Saya kira saya telah sebutkan subsidi. Apa yang subsidi tadi? *[Disampuk]* Oh! Itu bukan, subsidi yang dikatakan RM1 itu adalah bayaran yang dibuat oleh *outpatient* apabila datang kepada hospital, berjumpa dengan doktor itu RM1. Berjumpa dengan pakar itu RM5 dan untuk dia mendapatkan *drug* itu adalah dengan RM1 itu. Itu masih kekal meskipun kita telah memperkenalkan skim ataupun perlindungan kesihatan, Peduli Kesihatan B40 iaitu kita jamin kekal dengan harga RM1 untuk berjumpa doktor dan ubat-ubatannya *as an outpatient* dan pesakit luar dan juga RM5 untuk bayaran berjumpa pakar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan berkenaan PPUM dan generik *drug*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan sebagai contoh, di hospital pengajar tidak dapat memperoleh— adakah benar hospital pengajar tidak dapat memperoleh ubatan generik pada kos yang paling rendah jika dibandingkan dengan hospital awam ataupun hospital kerajaan?

Kedua, apakah langkah-langkah yang boleh diambil pada kadar segera oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan untuk mengiktiraf hospital pengajar sebagai hospital awam untuk memudahcarakan pengurangan kos untuk ubat generik? Saya bagi contoh, *Sofosbuvir untuk treatment hepatitis C* yang mana saya difahamkan hospital pengajar seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak dapat memperoleh pada harga yang rendah kalau dibandingkan dengan hospital awam ataupun hospital kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Isu ini kalau saya mahu lanjutkan dengan pembutirannya agak rumit tetapi saya permudahkan. Saya belum pernah dengar bahawa tiga hospital yang di bawah hospital pengajar ini ataupun *university hospital* yang di bawah kementerian, bukan kementerian saya, adalah di bawah Kementerian Pendidikan tidak mendapat capaian kepada ubat generik itu, saya buat pertama kali dengar.

Mungkin saya akan susuli untuk memastikan bahawa mereka juga dapat ubat generik pada harga yang munasabah, yang sama. Sebenarnya dalam hal ini kalau saya boleh saya lanjutkan sedikit Tuan Yang di-Pertua, andainya kesemua hospital kita sama ada hospital di

bawah Kementerian Kesihatan, sama ada hospital di bawah Kementerian Pendidikan, bahkan hospital-hospital di bawah Kementerian Pertahanan.

Ya, kita ada tak kurang daripada dua atau tiga, tiga juga, tiga hospital di bawah Kementerian Pertahanan. Andainya kalau kita lakukan apa yang disebut sebagai *procurement* secara *pool* ataupun kita rangkumkan pembelian ubat-ubatan kita khususnya *innovator drug* dan juga generik daripada luar, saya yakin kita akan dapat satu kedudukan dan posisi yang kuat. Ini kerana kita punya, istilahnya *the economy of scale* dengan izin dan *procurement* itu akan meletakkan kesemua KKM, MOE dan juga Kementerian Pertahanan mendapat perolehan ubat dengan harga yang lebih baik sebenarnya.

Saya mengarah ke situ, satu hari nanti *we will do this pooling* ataupun kita bersama membuat perolehan itu dan *we will have the muscle, the power of economy of scale*. Adapun yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi saya kira itu satu perbincangan yang agak rumit kerana hospital-hospital di bawah MOE adalah hospital yang wujud, tidak sama seperti hospital awam. [Disampuk] Ya okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Menteri pandang sini.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Lalu saya mahukan perkara ini dihalusi di forum yang lain kerana isu polemik, bukanlah polemik. Isu ini adalah satu isu yang dasar sementara hospital universiti itu adalah hospital di bawah Kementerian Pendidikan. Akan tetapi, ia bukan hospital awam. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat sedia untuk berbahas suatu hari nanti kerana kita akan cuba rumuskan bagaimana akhirnya hospital universiti juga mendapat status hospital awam. Dengan kata lain, apa pun *rights and regulation* nya itu adalah sama seperti hospital-hospital di bawah KKM.

Saya amat memahami apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, tetapi isu ini sudah menjadi satu isu dengan izin, *perennial and long outstanding*. Saya ingat sudah sampai masa untuk kita bahaskan dalam satu perbahasan rang undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Untuk seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan pelajar dan guru-guru daripada Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar. Selamat datang ke Dewan Rakyat. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, saya mulai dengan pantun.

*Musim tengkujuh sudah tiba,*

*Banjir boleh melanda bila-bila masa,*

*Mohon jawapan soalan saya nombor dua,*

*Diharap dapat menggembarakan rakyat dan semua mangsa bencana.*

2. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan tahap kesiapsiagaan dan persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh khususnya di negeri Kelantan.

**Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Kota Samarahan pada 4 Disember 2018 dan Yang Berhormat Papar yang juga bertanya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menghadapi monsun timur laut yang sudah bermula pada 27 November yang lalu sehingga dijangka 2 Mac 2019 tahun depan. Semua agensi yang terlibat dengan usaha memberikan amaran awal, mencari dan menyelamatkan kalau sudah berlakunya banjir, pemindahan mangsa, pengurusan pusat pemindahan dan urusan pasca banjir telah pun bersiap siaga.

Persediaan yang telah dibuat di seluruh negara adalah seperti berikut. Agensi-agensi *first responder*, polis, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam akan menggerakkan kekuatan anggota seramai 78,612 orang ke lokasi banjir. Sebanyak 1,080 daripada 5,448 pusat pemindahan sedia ada di kawasan berisiko banjir telah mula diaktifkan. Sebanyak lima depoh simpanan, 165 stor bencana dan 581 pangkalan hadapan telah diperlengkap dengan makanan dan keperluan mangsa dan 1,454 kenderaan pacuan empat roda atau *four-wheel drive*, 15 aset udara termasuk helikopter, 859 lori dan 1,138 bot termasuk Amphibious Sealegs dan 425 ambulans, polis, bomba dan APM sedia untuk digerakkan.

Khusus bagi Negeri Kelantan, persiapan yang telah dibuat melibatkan 1,984 anggota polis, bomba dan APM. Sebanyak 94 kenderaan pacuan empat roda, 59 lori, 23 ambulans, 109 bot dan 33 kenderaan lain. Sebanyak 607 pusat pemindahan telah diaktifkan untuk menampung seramai 1,198 mangsa dan 225 *facility* penyimpanan bantuan bencana itu, depoh, stor dan pangkalan hadapan telah pun diperlengkap. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengarahkan semua hospital dan klinik membuat persiapan logistik dan stok ubat-ubatan serta mengenal pasti pesakit yang memerlukan rawatan khusus.

Seperti mana yang mereka – kalau ada yang kena dialisis, kita Kementerian Kesihatan telah memberikan arahan untuk bersiap siaga. Pada 30 Oktober 2018 yang lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah memutuskan supaya kegiatan pembalakan semasa monsun timur laut di Kelantan dihentikan. Cuti anggota yang terlibat dibekukan mulai November hinggalah Disember 2018 dan berkemungkinan akan dilanjutkan sehingga Mac 2019 bergantung kepada keadaan cuaca dan negeri yang terbabit.

■1030

Rakyat khususnya mangsa banjir perlu mematuhi arahan pihak berkuasa untuk memudahkan segala bentuk operasi. Rakyat juga dinasihatkan untuk menjaga kebersihan di pusat pemindahan khususnya tandas agar sistem kumbahan tidak mengalami masalah tersumbat dan kesihatan semua terpelihara. Satunya yang saya katakan kegiatan pembalakan,



kita juga hendak berbincang dengan kementerian Yang Berhormat Yeo Bee Yin, panjang nama kementerian dia untuk mengatakan *reforest station*, tanaman semula mana-mana tempat pembalakan yang telah dilakukan. Begitu juga untuk mangsa-mangsa banjir kita mesti ingatkan bahawa macam *pampers* yang telah digunakan, yang kotor itu tidaklah ditinggalkan merata-rata kerana ini akan kalau dimasukkan dalam tandas membuatkan tandas itu tersumbat.

Saya sendiri telah pergi ke Kelantan untuk mempengerusikan Mesyuarat Persediaan Menghadapi Banjir di Negeri-negeri Pantai Timur, Kelantan, Terengganu dan Pahang pada 4 November lalu dan meninjau kesiapsiagaan di depot dan program ramalan dan amaran banjir negara di Tambatan Diraja Kota Bharu berhampiran dengan Sungai Kelantan di samping memastikan siren amaran di lokasi tersebut berfungsi. Dia lakukan dan saya juga tegurlah kalau boleh hendak bagikan pengumuman itu mungkin dalam bahasa Kelantan, "*mare, mare*" macam itulah. NGO juga telah memberikan komitmen untuk turut sama membantu ketika bencana banjir berlaku. Kita ada banyak yang datang memberi sumbangan dan komitmen.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kota Samarahan berkaitan inisiatif baru kerajaan dalam menguruskan bencana banjir. Beberapa inisiatif telah di dan akan dilaksanakan seperti pemberian peruntukan awal kepada tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) sebanyak RM1.74 juta bagi perbelanjaan sekretariat jawatankuasa pengurusan bencana negeri dan perbelanjaan operasi jawatankuasa pengurusan bencana daerah.

Selain daripada peruntukan di agensi berkaitan, rundingan bersama dengan telco di bawah tanggungjawab sosial korporat, CSR untuk menyampaikan mesej SMS, hebahan notis amaran banjir kepada penduduk yang terlibat. Rundingan bersama dengan Indah Water Konsortium (IWK) bagi memastikan sistem kumbahan di pusat pemindahan di selenggara sepenuhnya. Oleh sebab saya difahamkan bahawa ada tandas-tandas yang bergerak ini dia hendak bagi, hendak buang kumbahan itu kita perlukan IWK memberikan khidmat supaya dia tidak tersumbat.

Di samping itu dalam jangka masa yang pendek kerajaan akan membangunkan peta risiko bencana negara yang membolehkan respons awal dibuat. Kajian untuk menaik tarafkan sistem perparitan akan dijalankan dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Sementara itu PBT diminta untuk menyegerakan penyelenggaraan perparitan di kawasan operasi masing-masing. Ini di Rantau Panjang sebab sungai itu cetek, jadinya hendak buat penyelenggaraan ini untuk kita dapatkan air itu boleh melimpah. Oleh sebab saya diberitahu juga bahawa kalau diikuti Sungai Golok, di sebelah Thailand itu dia sudah naikkan tembok. Akan tetapi belah sempadan kita belum lagi dan air bila hujan dan banjir dia melimpah ruah kepada belah kita. Ini dalam rancangan untuk kita menanganinya bersama.

Saya tahu Yang Berhormat Rantau Panjang memang gigih merentasi air, nampak dalam *WhatsApp* semua, saya sudah tengok tadi. Syabaslah ya untuk segala komitmen. Jadi dalam jangka masa yang panjang, kerajaan akan terus mencari kaedah pengurangan risiko bencana melalui penerapan sains dan teknologi yang berkesan untuk menyokong proses pembuatan keputusan dan tindakan yang lebih cepat dan tepat.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Papar mengenai cadangan mewujudkan tabung kecemasan dan *impress system* melalui *reimbursement*. Dimaklumkan bahawa tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) ini telah ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk membiayai pengurusan operasi bencana dan bantuan kepada mangsa dan sejumlah RM422 juta telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2017 dan RM25.8 juta telah dibelanjakan bagi tempoh Januari hingga ke Oktober tahun ini.

Kerajaan akan memastikan peruntukan KWABBN ini sentiasa mencukupi untuk keperluan pengurusan bencana. Ini bermakna sebarang kekurangan peruntukan KWABBN akan ditambah balik, *reimburse* mengikut anggaran keperluan. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas pelbagai usaha kerajaan untuk siap siaga dalam menghadapi bencana yang menjadi acara ataupun menjadi tahunan. Kalau tidak banjir itu sudah barangkali macam pelik kalau di Rantau Panjang.

Jadi, saya ingin tahu ialah terutama kebajikan agensi ataupun pegawai-pegawai yang terlibat. Kita amat berterima kasih kepada anggota bomba, termasuk polis, termasuk Angkatan Pertahanan Awam yang begitu bekerja bertungkus-lumus untuk membantu mangsa banjir. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, sampai hari ini di Rantau Panjang tidak ada pejabat APM dan perjawatan tetap tidak ada.

Jadi saya ingin tahu setakat ini apakah dan berapakah program kerajaan? Apakah program kerajaan untuk memastikan supaya setiap daerah yang berisiko banjir mempunyai pejabat APM yang tetap dan begitu juga pegawai yang berjawatan tetap yang mendapat elaun yang tetap, yang mendapat gaji yang tetap untuk mengurus sebab mereka adalah sebagai agensi yang cukup penting dalam membantu pengurusan banjir.

Jadi saya ingin tahu apakah kerajaan bersedia untuk menyediakan peruntukan khas untuk menyediakan pejabat yang tetap di Rantau Panjang yang menjadi tempat yang paling berisiko di Kelantan, sedangkan tidak ada pejabat APM dan tidak ada perjawatan yang tetap di Rantau Panjang. Begitu juga saya ingin tahu apakah kerajaan akan mengenakan ataupun memperkenalkan kenaikan gred perjawatan terutama di kalangan kakitangan Angkatan Pertahanan Awam ini supaya sebagai menghargai jasa mereka. Jadi, setakat ini saya dimaklumkan di seluruh negeri Kelantan, pejabat tetap APM hanya ada tiga buah sahaja dengan jumlah pegawai yang berjawatan tetap sangat sedikit. Jadi apa sebenarnya kedudukan ini. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Okey, memang kita ambil maklum bahawa mereka yang ke depan ini, *first responders* ini terutamanya APM ini adalah mereka yang diberikan tanggungjawab dan telah menjalankan tanggungjawab dengan baik. Ini memang saya telah mendapat kunjungan juga daripada pihak-pihak yang berkenaan supaya kita menaik tarafkan dan memberikan penghargaan pada mereka. Memang ada dikatakan pejabat tetapi sudah

hendak dipindahkan kerana masalah tanah di mana pejabat itu ditempatkan, saya ingat di Rantau Panjang sekarang ini, tadi dia hendak tukar. Jadi ini dalam perbincangan bersama. Namun, kita ambil maklum bahawa memang telah mereka ini, NADMA satu level dan juga APM satu lagi *level*. Jadi ini kalau koordinasi ini dijalankan dengan baik dan diselaraskan, memang menjadikan licinlah perjalanan kalau ada apa-apa banjir berlaku.

Kita memang mahukan mengiktiraf apa sumbangan APM ini. Namun apa yang kita dapati bahawa ada kekangan sedikit dan apabila gred-gred ini boleh dipertimbangkan dan diperhalusi. Kalau kita ada peruntukan yang saya akan tanya lagi sekali kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana ini adalah bila berlaku bencana, merekalah yang menjadikan tangan dan kaki kita untuk menolong mangsa-mangsa bencana. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Parit Sulong, Parit Sulong banjir.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya lihat banyak pertanyaan. Yang Berhormat Kota Samarahan telah dijawab, Yang Berhormat Papar juga telah dijawab.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Ledang Tuan Yang di-Pertua, sebelah sini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong sudah ada pusat pemindahan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya jemput Yang Berhormat Ledang.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Amboi, Ledang ada pusat pemindahan kah?

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong sudah buka sudah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar lah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ini Batu Pahat juga tahu ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Paya Besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Fasal banjir Paya Besar ini.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya percaya bahawa pihak kerajaan akan mengambil sikap yang paling peka berkenaan dengan bencana yang bakal berlaku dan saya juga tidak faham bahawa perkara amat penting untuk dilihat terutama daripada kawasan-kawasan yang mempunyai kritikal, kawasan kritikal banjir terutamanya daripada kawasan-kawasan gunung, daripada hulu sampai ke hilir. Serupa juga di

kawasan saya iaitu dari Gunung Ledang dia turun dan boleh mengakibatkan keadaan yang kritikal.

■1040

Jadi, dalam laporan *Third National Communications* dan *Second Biennial Update Report Malaysia* kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim (PBB), penilaian keterancaman dan adaptasi ataupun *assessment of vulnerability and adaptation* menyatakan bahawa kekerapan hujan lebat yang lebih tinggi boleh menyumbang kepada paras empangan yang kritikal dan meningkatkan kekerapan banjir di kawasan hilir.

Jadi soalan saya, sejauh manakah kerajaan menggunakan maklumat-maklumat ini untuk merancang tindakan pengurangan risiko bencana. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang kerana soalan yang menunjukkan ada *research*. Kita rasakan bahawa sejak kebelakangan ini kita melihat bahawa negara kita Malaysia terdedah kepada pelbagai bencana berkaitan dengan iklim yang berubah seperti banjir, banjir kilat, tanah runtuh, angin kencang. Ini adalah sebahagian daripada kesan perubahan iklim yang harus kita cerap kerana ianya kritikal dan persediaan menghadapi bencana.

Saya bersetuju bahawa Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sendiri tidak mampu melaksanakan tindakan pengurangan risiko bencana (*disaster risk reduction*) tanpa kerjasama dengan kementerian dan agensi lain. Oleh sebab itu kerajaan giat mengurus perdanakan kepentingan pengurangan risiko bencana dalam agenda pembangunan dan penggubalan dasar merentasi sektor. Kita juga akan terus menggembelng tenaga dan sumber secara bersepadu untuk mengurangkan faktor-faktor risiko dan melaksanakan pembangunan yang mampan dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, usaha berkaitan tebatan banjir terus dipertingkatkan dengan mengambil kira kekuatan dan kekerapan kejadian cuaca yang melampau (*extreme weather*). Malaysia juga telah menubuhkan Panel Sains dan Teknikal Mengenai *Disaster Risk Reduction* ini bagi menyediakan panduan saintifik berkaitan pengurusan risiko bencana untuk pertimbangan dasar dan untuk memberikan input berasaskan bukti bagi menyokong aktiviti operasi platform nasional untuk pengurangan risiko bencana.

Antara risiko yang sedang tindakan, dalam pemerhatian kerajaan termasuk gempa bumi yang sebelum tahun 2015 tidak pernah dihadapi oleh kita, Malaysia. Kerajaan telah membangunkan *Malaysian Standard* untuk semua pembangunan masa depan di Malaysia bagi memastikan bangunan-bangunan adalah tahan kepada gempa bumi dan disokong oleh Peta Bahaya Gempa Bumi Kebangsaan bagi memudahkan pelaburan bermaklumat dalam negara.

Setakat ini, standard ini telah digunakan di kawasan yang mempunyai kecenderungan seperti gempa di Sabah. Pengurangan risiko bencana akan berjaya dengan penerapan sains dan teknologi yang berkesan untuk menolong proses membuat keputusan oleh kerajaan. Di samping

itu, maklumat yang diperoleh juga akan membantu dalam perancangan bantuan bencana untuk kebajikan dan keperluan orang kurang upaya, kanak-kanak, warga emas dan wanita.

Akan tapi saya juga ingin nak mengingatkan untuk masyarakat supaya peka dan juga mempunyai sikap yang bertanggungjawab. Kalaulah ada amaran bencana itu, berpindah awal. Saya tahu ada kekangan dan masalah apabila mereka tidak hendak tinggalkan rumah kerana dia kata barang kena curilah, ada masalahlah. Dia akan tunggu sampai air naik ke paras dada, baru hendak telefon. Pada masa itu memang sukar untuk sesiapa datang, APM atau bomba untuk menyelamatkan.

Satu lagi adalah sikap kita ini buang sampah merata-rata kerana sistem perparitan kita ini tidak boleh menampung kalau tidak ada penyelenggaraan, *maintenance* oleh longkang-longkang dan *drainage* kita. Itu kita mestilah lakukan sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Satu soalan lagi boleh, banjir.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Kota Samarahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya sudah benarkan dua soalan tambahan.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Kota Samarahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jawapan telah panjang lebar.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Sarawak, Sarawak, Kota Samarahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tadi telah jawab Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Tidak, saya minta penjelasan sedikit.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulonglah. Penting ini.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Kota Samarahan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sudah banjir sudah pusat pemindahan lagi.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Saya mohon penjelasan daripada jawapan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ingin meneruskan kepada soalan..

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua, penting Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila menjemput..

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Sebab maklumat yang diberi itu kurang jelas, kurang jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, dapat jawapan bertulis nanti.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seterusnya saya ingin menjemput..

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Tuan Yang di-Pertua, satu saja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sudah jelas, sudah jelas.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Satu saja untuk penjelasan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Kawasan *Deputy Speaker* panggil saya tolong tahu. Parit Sulong tahu kawasan Batu Pahat.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Satu saja baru dua.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sudah jelas, sudah jelas.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Boleh soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik saya benarkan satu soalan ringkas daripada Yang Berhormat Kota Samarahan. Sila.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Steady* Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menjawab persoalan berkaitan dengan persiapan awal bencana banjir untuk tahun ini dan saya sebenarnya ingin hendak mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan dengan jawapan yang dikemukakan kepada saya.

Pertama sekali langkah yang diberi adalah memberi peruntukan awal kepada Sekretariat ataupun Jawatankuasa Bencana Negeri. Saya ingin hendak mohon pengesahan untuk Kerajaan Negeri Sarawak, sudah kah peruntukan ini diberikan? Oleh sebab kita dimaklumkan kita belum lagi menerima apa-apa peruntukan daripada Kerajaan Pusat khasnya Tabung Kumpulan Wang Amanah Bencana Negara untuk persiapan banjir.

Yang kedua berkaitan dengan jawapan nombor tiga itu, rundingan kerjasama dengan Indah Water Konsortium bagi memastikan sistem kumbahan di pusat pemindahan diselenggarakan sepenuhnya. Sebenarnya di Sarawak tidak ada Indah Water Konsortium. Itu saja, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Tunggulah sekejap, sabarlah. Kita baharu sahaja keluarkan, kata kita nak sampaikan [*Ketawa*] kepada, dekat sana. Sarawak ini orang kata, sudahlah tidak undi kita, tidak bagi sokongan.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas terdapat satu projek mitigasi banjir di Kota Samarahan itu sendiri [*Dewan tepuk*] iaitu projek menaik taraf perimeter parit dan tebatan banjir di Skim IADA (Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu) dengan kos RM10 juta dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang lain itu memang lah, tunggu lah sampai. Saya sudah jawab, cukuplah, terima kasih.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** [*Ketawa*] Tidak, saya nak minta penjelasan peruntukan awal tadi.

**3. Tuan Wong Tack [Bentong]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan rancangan pembangunan pelancongan untuk Daerah Bentong. Adakah rancangan itu dapat disemak semula supaya pandangan pakar, rakyat Bentong dan pihak yang berkepentingan dapat diambil kira? Apakah jumlah peruntukan yang dapat disalurkan.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bentong. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daerah Bentong di negeri Pahang sememangnya kaya dengan khazanah alam semula jadi yang menawarkan pelbagai produk pelancongan yang menarik untuk dikunjungi pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Sehubungan itu, perancangan pembangunan pelancongan di Bentong sentiasa dinilai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC) dari semasa ke semasa bagi disesuaikan dengan keperluan setempat dan permintaan semasa. Perkara ini dilaksanakan secara bersama dengan pemilik produk, ketua masyarakat serta pakar perunding seperti Pelan Malaysia dan Majlis Perbandaran Bentong menerusi penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Bentong sehingga 2035 dan Rancangan Kajian Khas Janda Baik.

Semua pandangan, syor dan cadangan akan diambil kira dan dinilai oleh kementerian dalam merangka pembangunan pelancongan di Bentong pada masa hadapan seperti mana pakej pelancongan kesihatan atau *lung washing* atau lebih tepat *lung cleansing* khusus bagi pasaran China yang kini sedang giat dipromosikan kementerian melalui *Tourism Malaysia*.

Kementerian juga dalam pada masa yang sama telah merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangunkan dan memastikan kelestarian produk pelancongan terutama produk berkonsepkan ekopelancongan di Bentong, kekal mampan. Oleh yang demikian, selaras dengan pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, kluster ekopelancongan Kenong, Kuala Lipis, Raub, Bentong telah dikenal pasti kementerian sebagai produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan.

#### ■1050

Pembangunan kluster ekopelancongan ini akan membolehkan aktiviti ekopelancongan dan aktiviti berasaskan *community-based tourism* (CBT) dengan izin dapat diperkembangkan serta di promosikan secara lebih holistik. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM38.9 juta telah diperuntukkan kementerian bagi membiayai 60 buah projek berkaitan produk pelancongan di

Negeri Pahang termasuklah Daerah Bentong secara *one-off* di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Projek yang terlibat adalah menaik taraf landskap dan tapak semaian *homestay* Janda Baik, Bentong sebanyak RM20 ribu ada 12 pengusaha *homestay* di situ. Menaik taraf landskap dan tapak semaian *homestay* Felda Mempaga 1, Bentong sebanyak RM20 ribu, ada 14 pengusaha *homestay* di situ dan menaik taraf kemudahan *homestay* Janda Baik, Bentong sebanyak RM200 ribu.

Manakala RM1.7 juta turut diperuntukkan kementerian bagi membiayai tiga buah projek secara *one-off* di Negeri Pahang di bawah RMK11 seperti berikut:

- (i) Peningkatan kemudahan pelancongan bagi membina laluan pejalan kaki di keliling kolam renang utama. Membina gerai dan lain-lain kemudahan yang berkaitan di kolam air panas Bentong berjumlah RM200 ribu;
- (ii) Projek memperbaiki kemudahan pelancongan di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang berjumlah RM500 ribu; dan
- (iii) Projek pembinaan jeti dan Pusat Informasi Fireflies di Sungai Cherating Kuantan, Pahang berjumlah RM1 juta.

Untuk *rolling plan* keempat, kementerian memperuntukkan sebanyak sejumlah RM4.2 juta untuk projek pembangunan *ecotourism* di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut untuk membina kanopi dan jambatan gantung Taman Negara dan melupuskan titian yang lama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Tack [Bentong]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mahu tanya pada Yang Berhormat, Bentong adalah bukan sahaja musang *kingdom* tetapi Bentong juga *gateway* kepada Pahang. Kita berdekatan dengan kawasan Raub dan Kuala Lipis, terus ke Gua Musang juga. So, saya hendak minta adakah kementerian bersedia tubuhkan satu *Tourism Information Centre* di kawasan musang *kingdom* saya? Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya musang king atau pun durian ialah di bawah Kementerian MOA di mana ianya sebagai sebahagian *agrotourism*. Soalan berkenaan dengan *information centre* di Bentong, sebenarnya kita melihat akan jumlah pelancong yang datang ke Daerah Bentong.

Kita tengok bahawa cuma ada 160,000 pelancong yang datang di daerah Bentong dan cuma satu peratus daripada yang luar bermakna 99 peratus pengunjung di Bentong ialah daripada warga negara Malaysia. Jadi, *information centre* tidak *viable*, tidak kita rasa untuk diadakan di situ.

Sebenarnya banyak projek yang telah kita laksanakan kementerian dan kita serahkan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan dan kerajaan-kerajaan negeri atau pun agensi kerajaan tempatan yang lain. Sebahagiannya kita selenggara dengan baik, kita serahkan diselenggara



dengan baik dan ada juga yang tidak diselenggara dengan baik dalam keadaan yang terbiar dan tidak terjaga.

Jadi contohnya saya pergi melawat beberapa kawasan sebelum ini, *toilet* atau pun kemudahan tandas, *boardwalk* yang kita buat telah pun rosak dan tidak dijaga dengan baik. Bila kita tanya kepada agensi yang berkenaan, mereka mengatakan mereka tidak ada peruntukan untuk menyelenggara sedangkan pihak kementerian cuma menyediakan *one-off* tadi. Menyediakan, membangunkan seterusnya haruslah di selenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan atau pun agensi-agensi yang berkenaan. Jadi, saya mengharapkan satu mekanisme atau pun kaedah bagaimana kita boleh menyalurkan wang atau pun peruntukan penyelenggaraan itu.

Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bentong berkenaan dengan pejabat *Tourism Information Centre* (TIC) tadi kita kementerian mempunyai SOP supaya setiap TIC itu perlu terletak di pintu-pintu masuk utama sahaja seperti di lapangan terbang, jeti dan sebagainya bukan di daerah-daerah yang tertentu. Terima kasih.

**4. Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rancangan dan langkah yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands?

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesesakan jalan raya di Cameron Highlands adalah serius dan rumit kerana ia melibatkan bidang kuasa beberapa agensi Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan tanpa mengambil pendekatan *multi-agency* dengan izin adalah mustahil masalah tersebut dapat ditangani sepenuhnya sesempurnanya. Pertama sekali laluan persekutuan ft59 merupakan satu-satunya jalan yang menghubungkan pekan-pekan utama di Daerah Cameron Highlands seperti Ringlet, Habu, Tanah Rata, Brinchang, Tringkap, Kuala Terla, Kampung Raja, Blue Valley sehingga ke Simpang Pulai.

Jalan FT59 ini telah mencapai tahap kapasiti maksimum dan tidak berkeupayaan untuk menampung aliran dan frekuensi trafik yang sangat tinggi terutamanya pada hujung minggu, cuti persekolahan dan cuti umum. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan sedang mengkaji untuk membangunkan jalan pintasan Cameron Highlands sebagai jalan alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands.

Walau bagaimanapun cadangan pembinaan jalan pintasan Cameron Highlands ini perlu diteliti dengan kajian kemungkinan, *feasibility study* dengan izin perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengenal pasti daya maju projek. Setelah kajian ini selesai kerajaan juga perlu memperuntukkan sumber kewangan untuk menampung kos projek ini. Kajian ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan dijangka akan selesai pada tahun 2020.

Menurut makluman dari Kementerian Kerja Raya sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, pihak kerajaan masih mempertimbangkan pelaksanaan projek menaik taraf dan melebarkan Jalan Persekutuan FT59, Jalan Ringlet ke Blue Valley. Dalam hubungan ini KKR akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mengenal pasti peruntukan kewangan yang diperlukan supaya projek ini boleh dilaksanakan sebelum tahun 2020.

Di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan pula tumpuan akan diberi dari segi rancangan pembangunan dan penambahbaikan pengangkutan awam di Cameron Highlands yang sebelum ini tidak diberikan perhatian yang serius. Punca kesesakan jalan raya di Cameron Highlands adalah kereta-kereta pelancong yang mengunjungi kawasan Cameron Highlands pada hujung minggu dan cuti sekolah.

Untuk makluman di seluruh Daerah Cameron Highlands hanya terdapat 151 permit teksi kereta sewa yang aktif beroperasi di samping perkhidmatan *e-hailing* seperti Grab dan MyCar. Bagi perkhidmatan bas pula hanya terdapat sebuah syarikat pengendali bas yang memberi perkhidmatan bas henti-henti di laluan Tanah Rata, Kampung Raja, Blue Valley dengan 19 *trip* setiap hari dan purata penumpang 200 orang sahaja setiap hari. Jelas peningkatan perkhidmatan pengangkutan awam harus menjadi sebahagian daripada strategi dalam menangani kesesakan lalu lintas di Cameron Highlands. Pihak Kementerian Pengangkutan akan menilai semula perkhidmatan bas di Cameron Highlands dan menggalakkan pihak swasta untuk menambah bilangan dan kekerapan bas supaya dapat menggalakkan warga tempatan dan pelancong-pelancong menggunakan pengangkutan awam di Cameron Highlands bagi mengurangkan kesesakan.

#### ■1100

Kementerian Pengangkutan juga mengambil maklum tentang isu parkir yang tidak mencukupi dan juga aduan tentang operasi gerai-gerai di sepanjang jalan utama yang turut menyumbang kepada kesesakan. Walau bagaimanapun, isu-isu tersebut memerlukan usaha penguatkuasaan yang mantap dan strategi baharu oleh pihak kerajaan tempatan.

Kementerian Pengangkutan juga mengalu-alukan sebarang usaha oleh pihak Kerajaan Negeri Pahang untuk lebih proaktif dalam berbincang bersama Kerajaan Persekutuan dan mencari jalan penyelesaian yang menyeluruh terhadap isu kesesakan di Daerah Cameron Highlands. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas penerangan yang komprehensif tentang isu di Cameron Highlands. Bukan sahaja dari pihak pengangkutan tetapi JKR.

Saya setuju ada banyak faktor yang menyumbang kepada kesesakan jalan raya di Cameron Highlands. Salah satunya adalah kerana sikap pelancong dan juga pemandu-pemandu bas yang saja *parking* tepi jalan tanpa menghiraukan kesannya kepada kesesakan jalan raya dan juga kepada orang lain.

Jadi saya ingin tahu dari aspek penguatkuasaan, ada atau tidak pihak kementerian berniat atau ada cadangan untuk meningkatkan tenaga kerja JPJ khususnya dalam

penguatkuasaan di kawasan Cameron Highlands? Saya percaya bukan kesesakan sahaja menjadi isu besar kepada JPJ tetapi banyak lagi isu berkaitan pengangkutan jalan terlibat di Cameron Highlands. So, saya harap Yang Berhormat dapat memberi penjelasan tentang ini. *Thank you.*

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Sebagaimana saya bayangkan dalam jawapan asal tadi, penguatkuasaan ataupun urusan berkaitan dengan masalah parkir di dalam daerah bandar Cameron Highlands itu sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan.

Walau apa pun jika JPJ perlu dilibatkan, saya akan cuba pastikan daripada pihak JPJ, apakah sumbangan dan peranan yang mereka boleh lakukan lagi agar masalah yang kita semua rasai sebagai pelancong-pelancong domestik ini dapat kita permudahkan sedikit, ringankan sedikit untuk kebajikan kita semua.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, Jalan Johor Bahru ke Kota Tinggi pun selalu atau hari-hari sesak khususnya bahagian daripada Pasar Borong Pandan ke Bandar Tiram. Adakah Kementerian Pengangkutan ada perancangan untuk menaik taraf bahagian jalan raya ini untuk mengatasi masalah kesesakan? Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih. Walau apa pun Yang Berhormat Tebrau, saya sekadar dapat melaporkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) yang sekarang ini akan menjadi APAD memang ada membuat dan merancang Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (RIPAD) yang mana meliputi seluruh Semenanjung ini, wilayah selatan, wilayah utara dan wilayah timur.

Saya yakin dan percaya bahawa isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tebrau berkaitan dengan kesesakan Jalan Kota Tinggi-Johor Bahru itu, mestilah sudah tentunya akan berada di bawah pemerhatian dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (RIPAD) ini untuk wilayah selatan ini. Saya anggap ini akan diambil perhatian yang berat.

**5. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan komitmen untuk membaik pulih jalan-jalan persekutuan terutama di dalam kawasan Kapar yang sekian hari mengancam nyawa pengguna jalan raya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahagia untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kapar tentang komitmen untuk membaik pulih jalan-jalan persekutuan terutamanya yang melibatkan di dalam kawasan Parlimen Kapar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kapar, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan, *notice of defect* (NOD), dengan izin yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan

kepada Kementerian Kewangan. Apa pun kita bergantung dengan *approval* dan peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada MoF.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam di bawah skop penyenggaraan rutin. Kerja penampalan lubang ini ialah langkah awal atau kaedah *preventive* bagi tujuan faktor keselamatan pengguna jalan sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan. Yang Berhormat, kita tidak akan mengambil ringan apabila keadaan yang mengancam nyawa pengguna bagi tujuan keselamatan pengguna jalan sebelum kerja-kerja turapan kekal itu benar-benar dilaksanakan. Kita tidak akan kompromi soal *safety*. Jadi, soal-soal yang melibatkan *safety* ini, JKR yang kita tugaskan akan mengambil pasti bahawa langkah-langkah awal diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan di Jalan Persekutuan terutamanya penyenggaraan jalan, penyenggaraan turapan serta memastikan semua Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kapar, ada tiga buah Jalan Persekutuan yang melibatkan kawasan Parlimen Yang Berhormat. Satu, Jalan Klang ke Sabak Bernam, FT05. Panjang jalannya 23 kilometer. Kedua, jalan pintas Selat Klang Utara, yakni Persiaran Sultan Hishamuddin, FT20 yang melibatkan lapan kilometer. Ketiga, jalan masuk Kawasan Perindustrian Meru merangkumi Persiaran Hamzah Alang, Jalan Meru, Jalan Setia Alam dan Jalan Sireh yang disebut sebagai FT3217, dengan panjang jalannya 20.9 kilometer. Ini menjadikan Jalan Persekutuan yang melalui kawasan Parlimen Kapar semuanya sepanjang 51.9 kilometer di mana jalan yang menjadi tanggungjawab penuh kementerian ialah jalan-jalan yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

#### ■1110

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan begitu khusyuk dan saya akui bahawa lingkaran jalan sepanjang 51.9 kilometer itu adalah tanggungjawab sepenuhnya jalan-jalan persekutuan. Akan tetapi dia berhubung kait dengan jalan-jalan yang melibatkan jalan-jalan negeri yang memberikan laluan kepada pengguna kerana jalan itu jalan utama. Apa yang saya lihat bahawa turap itu tidak dapat ataupun tidak menyempurnakan, mengurangkan kemalangan kerana lebar jalan itu sebenarnya amat juga diperlukan untuk menyingkir kemalangan berlaku.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah langkah kerajaan untuk mengadakan jalan alternatif terutamanya jalan-jalan yang pergi ke kilang-kilang besar, jalan sirih iaitu melonggokkan kilang-kilang besar dan juga seperti kilang Top Glove yang terbaik dalam dunia ini berada di situ. Serta sekitar 268 kilang sekitar Meru, Sementa dan juga Selat Klang yang melibatkan jalan yang berjumlah 51.9 kilometer ini untuk mengurangkan tumpuan kegunaan satu jalan dengan mencadangkan peruntukan yang sekarang ini JKR Daerah Klang telah mencadangkan sebanyak RM58,240,000 untuk lebar jalan persekutuan ini di

daerah seluruh Klang. Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar tadi benar. Sangat benar iaitu jalan-jalan yang di luar daripada tanggungjawab kementerian iaitu jalan-jalan persekutuan juga terlibat dalam menjadikan keadaan, keselamatan para pengguna dan sebagainya. Akan tetapi seperti mana yang kita semua sedia maklum, jalan-jalan yang dikelolakan oleh Kementerian Kerja Raya ialah jalan-jalan persekutuan. Adapun jalan-jalan yang lain itu iaitu jalan negeri adalah di bawah jagaan ataupun pengelolaan utamanya oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Selangor diberikan peruntukan di bawah peruntukan MARRIS. Pada tahun 2017 sahaja, peruntukan yang diterima oleh Selangor ialah sebanyak RM511 juta. Ini untuk tujuan-tujuan *road maintenance* jalan-jalan negeri. Oleh sebab itu saya percaya Yang Berhormat bolehlah berbincang juga hal ini dengan pihak negeri dan *insya-Allah* kerjasama di antara kerajaan negeri dengan kementerian khususnya dengan jabatan kami di JKR akan boleh menyelesaikan antara masalah-masalah yang disebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kapar, cadangan yang beliau kemukakan tadi merupakan cadangan jalan baharu atau naik taraf. Ia bukan isu penyelenggaraan atau baik pulih jalan seperti soalan asal. Namun demikian, kementerian, Yang Berhormat akan mengkaji cadangan ini dalam Cadangan Peruntukan Pembangunan yang akan datang kerana ia melibatkan anggaran kos yang tinggi seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi sebanyak RM58 juta. Oleh itu Yang Berhormat, *insya-Allah* kita akan sama-sama bersabar untuk menjadikan cadangan Yang Berhormat ini menjadi satu kenyataan kemudian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan penjelasan dan jawapan tadi. Baru-baru ini Menteri Kerja Raya telah datang ke Sabak Bernam dan mengucapkan terima kasih kerana merasmikan jalan FR5 daripada Hutan Melintang ke Sabak Bernam telah siap. Kita dapati bahawa jalan itu walaupun sudah dirasmikan, dalam masa merasmikan sahaja saya lihat jalan itu berlubang-lubang. Kita nak pastikan SOP nya sama ada penyelenggaraan daripada segi teknikalnya betul ataupun tidak ataupun berlaku penyelewengan. Itu juga berlaku kemalangan jalan raya. Saya mengharapkan bahawa mungkin ada teknologi yang digunakan seperti teknologi asfalt terubahsuai getah beku.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah kesediaan kontraktor pembinaan dan baik pulih jalan raya teknologi CMA ini serta apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam pembinaan jalan raya terutama di kawasan Sabak Bernam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih Yang Berhormat. Soal jalan-jalan yang masih – ada yang masih berlubang walaupun baru sahaja dirasmikan dan proses pembuatan jalan itu dulunya mengambil masa yang panjang. Pihak kontraktor adalah diberikan tanggungjawab. Kita ada perjanjian dengan mereka. Akan tetapi perkara itu perkara lama.

Kadang-kadang telah berjalan sejak daripada kerajaan sebelum kami. Apa pun tanggungjawab kami ambil sekarang. Semua jalan yang berlubang itu yang barangkali kontraktor di masa yang lalu tidak mengambil langkah...

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Ini selepas pilihan raya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Memanglah. Perasmiannya selepas pilihan raya tetapi projek itu kan projek bertahun-tahun sebelum ini. *Insya-Allah...*

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Macam mana Yang Berhormat Menteri boleh membuat perasmian sedangkan jalan itu masih lagi dalam keadaan rosak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Kalau sekadar beberapa lubang kita nak tangguh perasmian...

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Banyak sehingga melibatkan kemalangan yang melibatkan nyawa.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Insya-Allah pihak yang berkenaan akan ditegur dan kami juga sentiasa mengalu-alukan teguran, peringatan dan kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya. *Insya-Allah, Yang Berhormat. Insya-Allah.*

**6. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah bentuk cukai baharu yang akan diperkenalkan kementerian untuk menampung defisit dari segi "revenue" kerajaan kerana penghapusan GST.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan yang ditujukan kepada saya daripada Yang Berhormat daripada Beluran.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 September 2018 bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Kerajaan juga telah mengumumkan pengenalan cukai baru serta langkah cukai untuk meningkatkan hasil dalam Pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November. Antaranya adalah seperti berikut:

Pertama, duti eksais akan dikenakan ke atas minuman bergula atau dengan izin *sugar sweetened beverages* mulai 1 April 2019 pada kadar 40 sen per liter yang melibatkan kategori minuman bergula yang dikilangkan dalam bentuk pembungkusan sedia diminum dengan nilai ambang atau *threshold* kandungan gula seperti berikut:

- (i) air minuman yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain yang mengandungi gula melebihi lima gram per 100 mililiter; dan
- (ii) jus buah-buahan dan sayur-sayuran yang mengandungi gula melebihi 12 gram per 100 mililiter.

## ■1120

Kedua, perkhidmatan luar negara dan atas talian akan dikenakan cukai perkhidmatan seperti berikut:

- (i) perkhidmatan arkitek, reka bentuk grafik, teknologi maklumat dan reka bentuk kejuruteraan yang diimport dikenakan cukai perkhidmatan mulai 1 Januari 2019; dan
- (ii) perkhidmatan atas talian yang diimport oleh pengguna akan dikenakan cukai perkhidmatan mulai 1 Januari 2020.

Ketiga, semakan semula kadar cukai keuntungan harta tanah (CKHT) ke atas keuntungan daripada kelulusan daripada pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun keenam dan tahun seterusnya berdasarkan nilai hartanah pada tahun 2000 untuk hartanah yang diperolehi sebelum tahun 2000 yang mana bagi syarikat individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada lima peratus kepada 10 peratus dan bagi individu warganegara dan penduduk tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada kosong peratus kepada lima peratus. Walau bagaimanapun, CKHT dikecualikan atas harga hartanah rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah mampu milik pada harga RM200,000 dan ke bawah.

Keempat, kadar duti setem bagi pemindahan hartanah bernilai lebih RM1 juta dinaikkan sebanyak satu mata peratusan daripada tiga peratus kepada empat peratus.

Kelima, kerajaan akan mengenakan sekatan masa ke atas kerugian perniagaan, baki elaun modal, baki elaun pelaburan semula dan baki rugi perintis yang tidak dapat diserap dibenarkan dibawa ke hadapan sehingga tujuh tahun taksiran sahaja.

Keenam, pengenalan levi pelepasan bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara akan dilaksanakan pada 1 Jun 2019 dengan kadar RM20 ke atas penumpang ke negara ASEAN dan RM40 ke atas penumpang ke negara lain.

Ketujuh, satu program khas pengakuan sukarela atau *special voluntary disclosure programme* telah diperkenalkan bermula 3 November 2018 dan akan berakhir pada 30 Jun 2019 untuk memberi peluang kepada pembayar cukai mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun pesisir pantai.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dikatakan kerajaan baharu ini memperkenalkan SST untuk mensejahterakan rakyat. Akan tetapi, kalau kita lihat, adakah cukai gula umpamanya akan mensejahterakan rakyat apabila minuman ini akan diguna pakai, diminum oleh keseluruhan masyarakat sama ada kaya ataupun miskin?

Begitu juga tambahan *at least* RM50 kepada gaji minimum akan juga memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan luar bandar yang juga akan memberi kesan kepada kesejahteraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak kerajaan mengenakan cukai kepada yang lebih mewah atau kaya seperti cukai kekayaan, cukai *capital gain tax* umpamanya? Adakah itu dalam

perancangan kerajaan di masa akan datang? Sekiranya seperti yang ditunjukkan hari ini harga minyak sudah mulai menurun semalam dan dijangkakan akan menurun dan pergantungan *revenue* kerajaan pada minyak 72 peratus tidak akan terkeluar daripada sasaran kerana harga minyak dijangka akan menurun, jadi soalnya, adakah kerajaan akan mengenakan cukai-cukai baharu kepada yang lebih mewah dan lebih kaya di masa akan datang? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Yang Berhormat, atas soalan tambahan itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sebut tentang duti eksais ke atas minuman bergula, ini memberi satu jenis cukai serampang dua mata iaitu bukan sahaja dapat, pada masa yang sama, mengurangkan minuman ataupun penggunaan minuman bergula tinggi ini terutamanya minuman yang telah tersedia untuk diminum atau dalam itu pakej, tetapi juga tentulah boleh meraih sedikit hasil.

Di sini kita lihat apakah yang dilakukan di peringkat antarabangsa. Seperti yang dimaklumkan oleh semua, memang penggunaan gula yang berlebihan, sekiranya boleh, dikurangkan. Tidak sebut bahawa tidak minum langsung. Akan tetapi pada masa yang sama, seperti yang kita faham bahawa itu bukan satu-satunya kaedah untuk mengurangkan penggunaan minuman bergula.

Yang penting ialah pendidikan. Itulah sebabnya sungguhpun kita bagi duti eksais tetapi harga gula pun diturunkan kerana kita mahu pastikan ia diguna tetapi bolehkah diguna secara berhemah oleh rakyat untuk jaga kesihatan. So, di sini saya rasa itu sesuatu usaha untuk memperluaskan asas pendapatan ataupun hasil negara dan juga dapat memberikan satu mesej bahawa semua makanan dan minuman haruslah kurangkan penggunaan gula sekiranya boleh.

Tentu 40 sen seliter sebenarnya bukan sesuatu yang amat membebankan tetapi itulah mesej yang telah diberikan oleh pihak kerajaan bahawa kita harus menuju ke arah mengurangkan isi kandungan gula dalam makanan atau minuman yang diproses oleh kilang-kilang. Saya rasa mesej ini sudah sampai.

Untuk masa depan, saya rasa kita lihat masa depan lah. Ini termasuk juga beberapa jenis cukai yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sungguhpun tidak dilaksanakan semasa jadi kerajaan dahulu. Akan tetapi, cadangan-cadangan ini tentu akan dipertimbangkan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat.

Tentang penurunan harga minyak, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sungguhpun harga minyak naik tetapi kerana kita hadapi masalah operasi, beberapa ladang gas dan minyak menghadapi masalah di mana ia harus diperbaiki dan apa yang kita sebut ialah *supply shock* iaitu kejutan ke atas perbekalan di mana operasi ladang-ladang tersebut hanya boleh berfungsi secara keseluruhannya pada pertengahan tahun depan. Itulah sebabnya kerajaan ataupun Petronas tidak dapat menikmati pulangan yang sepenuhnya ekoran daripada peningkatan harga minyak dan gas. So, dalam aspek ini, dari segi peningkatan adalah terhad kalau kita banding dengan kenaikan harga minyak dan gas sebelum ini.



Keadaan yang sama juga berlaku bila keadaan menjadi sebaliknya. Sungguhpun ada penurunan harga minyak dan gas tetapi oleh kerana dari segi impak tidak besar, penerimaan tidak besar, kekurangan penerimaan pun tidak besar seperti yang dijangka. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini penting kepada perhatian Menteri Kewangan. Pasir Gudang sependapat dengan Yang Berhormat Beluran iaitu kelihatannya kerajaan, sama ada kerajaan dahulu dan kerajaan sekarang ini, agak takut untuk mencukai, menaikkan cukai atau mengenakan cukai ke atas golongan kaya. Misalnya disebut tadi cukai kekayaan atau *wealth tax*, *inheritance tax* atau cukai pusaka dan *corporate tax*.

Dalam keadaan dibentangkan dahulu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bahawa jurang kaya miskin di negara kita ini terlalu lebar dan negara pun sekarang kekurangan wang, jadi bolehkah bagi alasan mengapa susah sangat atau bimbang sangat nak mencukai golongan-golongan kaya yang *super* kaya atau dikelaskan sebagai *ultra-rich*, terlalu kaya? Terima kasih.

■1130

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang. Seperti yang dimaklumkan dalam Belanjawan 2019 bahawa kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa reformasi cukai dan cadangan tersebut tidak diketengahkan oleh jawatankuasa tersebut kerana selepas mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk Bank Negara dan juga Suruhanjaya sekuriti serta pihak Kementerian Kewangan sendiri bahawa kebimbangan pulangan yang diterima oleh kerajaan tidak akan seimbang dengan kesan impak negatifnya ke atas pasaran modal dan juga kedudukan kewangan. Itulah sebabnya sekiranya langkah tersebut dijalankan dalam keadaan fiskal yang amat mencabar, ini juga akan merupakan satu kejutan ke atas pasaran modal dan kewangan.

Oleh sebab itu ada banyak tentangan daripada pihak Bank Negara dan juga daripada pihak Suruhanjaya Sekuriti bahawa langkah-langkah sedemikian sekiranya dilaksanakan khususnya kalau ada *capital gain tax* untuk saham dan juga *inheritance tax*, kesan pulangannya ialah tidak seimbang dengan kerugian atau kehilangan ekoran daripada keluaran modal yang mungkin akan jadi lebih besar. Akan tetapi walau bagaimanapun Jawatankuasa Reformasi Cukai masih menjalankan tugas mereka dan Yang Berhormat boleh membentangkan cadangan-cadangan tersebut dan selain daripada itu apa-apa cadangan lain macam mana kita boleh memperluaskan asas percukaian.

Akan tetapi tentulah kita bukan sahaja hendak melihat impak ke atas kedudukan kewangan fiskal dan juga *monetary* tetapi juga kena melihat adakah kita dapat berdaya saing kalau dibandingkan dengan negara-negara berjiran di ASEAN. Memang diketahui umum bahawa jiran-jiran tidak ada cukai sedemikian khususnya untuk *capital gain tax* bagi saham. Saya rasa

apa yang kita perlu buat pada masa ini ialah jangan kita terlalu ghairah sehingga kitakejutkan sistem secara keseluruhan. Itulah sebabnya apabila kita hendak mengawal defisit fiskal, kerajaan memutuskan untuk mengambil masa tiga tahun dan bukan dengan serta-merta.

Ini kerana sekiranya kita membuat secara mendadak ia akan mengejutkan sistem sehingga sekiranya sistem dalam keadaan kejutan, *in a state of shock*, ini mungkin akan menjejaskan lagi pemulihan kedudukan fiskal dan kewangan yang amat diperlukan supaya kita dapat dengan izin, *get back on track* supaya Malaysia bebas daripada kleptokrasi dan pulih menjadi negara demokrasi yang normal. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 15 November 2018.”

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." **[13 November 2018]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat Kapar yang sudah lama menunggu semenjak malam tadi, dipersilakan.

**11.35 pg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dengan begitu berfalsafah kan kepada "*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*". Saya mengambil peluang ini untuk menyinggung beberapa perkara yang saya fikir menyeluruh kepada kawasan saya dahulu baru saya pergi kepada pekerja.

Pendidikan yang telah saya utarakan sebelum ini mendapatkan sedikit rahmatnya apabila Menteri sudah pun menjenguk-jenguk dan melihat sekolah-sekolah yang saya nampak sudah bermula berbicara untuk menaiktarafkan dan juga menggantikan sekolah-sekolah yang lusuh untuk diberikan kelas-kelas yang baru. *Alhamdulillah* sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan Peraturan 37 tidak membenarkan pencelahan kerana saya ada 20 minit sahaja. Maka yang demikian saya memohon...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Apalah Yang Berhormat Kapar ini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Supaya kementerian segerakan untuk memastikan sekolah-sekolah di sekitar Kapar, Batu Lima Kapar yang memerlukan kelas-kelas yang baru kerana tidak ada keselamatan yang meyakinkan. Maka saya ingin menyarankan Kementerian Pendidikan supaya segerakan penambahbaikan itu dan bukan sahaja di Kapar, di

seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak yang mana keperluan itu keperluan yang mendesak.

Saya melihat di Saratok sebagai contoh, asrama yang dibekalkan dengan pangkin untuk mereka anak-anak murid tidur, ini tidak boleh berlaku dalam zaman kita menuju zaman negara maju. Kita jangan lupa pendidikan itu adalah berkait rapat dan juga berseragam dengan negara maju untuk memastikan pendidikan jangan di cacat cela kan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu jalan raya. Ya, betul jalan raya diberitahu oleh Menteri kepada saya ada perubahan. Di lubang di situ, ditampal. Lubang dia tidak okeylah tetapi masih lagi jalan itu jalan satu laluan. Saya mohon supaya JKR membenarkan laluan bagi dua atau tiga laluan supaya kemudahan laluan utama itu tidak menjadi sekatan ataupun akan melahirkan kemalangan yang tidak di undang. Maka saya memohon kepada Kementerian Kerja Raya yang telah pun memastikan bahawa jalan-jalan ini efisien supaya rakyat Kapar tidak akan menderita ataupun tidak *massage* secara automatik.

Saya nampak perubahan itu sedikit tetapi saya mohon disegerakan untuk memastikan penduduk Kapar tidak akan di cacat cela kan oleh keadaan jalan raya yang sepatutnya tidak boleh berada dalam posisi itu termasuk juga di seluruh negara, Sabah dan Sarawak. Saya pun pergi ke Sarikei, begitulah keadaannya. Saya mohon supaya mereka juga terbabit, gunakanlah peluang yang ada, berikanlah mandat rakyat yang memberikan kita kuasa dalam memastikan agenda reformasi itu jangan dianaktirikan. Jangan didiskriminasikan kepada sesiapa pun dan ini adalah iltizam yang saya nampak daripada Menteri Kewangan yang kerap kali membicarakan soal masa depan rakyat khususnya dan amnya kepada seluruh mereka-mereka yang terlibat secara langsung.

Saya ingin juga mengklankan sedikit untuk mohon maklumkan kehadiran pengundi kawasan Tampin. Yang Berhormat Tampin ada dekat sini, mereka ada di belakang. Tidak disebutkan, Yang Berhormat Tampin marah saya nanti.

Fasal itu persoalan banjir. Jadi apabila jalan tidak konsisten maka banjir pun timbul dan saya diberitahu oleh Yang Berhormat Fakhrurazi, adinda saya itu. Memaklumkan kepada saya bahawa JPS telah pun mengenal pasti iaitu punca utama antaranya ialah ketidakefisienan jalan raya. Keduanya, saluran longkang ataupun perparitan itu tidak menepati piawaian ataupun kehendak kepadatan air. Saya diberitahu juga bahawa cadangan penyelesaian skop kerja yang dicadangkan oleh JPS Kapar, satu kerja-kerja menaiktarafkan longkang Jalan Teratai, 1.5 kilometer, Jalan Meru, Jalan Bunga Raya, jalan hendak pergi ke Selat Klang dan juga jalan hendak pergi ke Sementa.

#### ■1140

Longkang-longkang itu perlu di lebar-luaskan dan yang paling sedih Tuan Yang di-Pertua, pembinaan kolam takungan air itu wajib kerana itu adalah *last solution* untuk air itu berpelabuhan. Maka, saya mohon supaya pihak kementerian JPS ini memikirkan kembali ataupun memberikan sedikit ruang penyelesaian yang berlaku di Meru, Kapar. Dahulu, Tuan Yang di-Pertua, banjir sebulan sekali pun susah. Hari ini, setiap minggu banjir! Sehingga bagaimana

hendak mati Yang Berhormat Tuan Mohd Fakhrulrazi 'duk' melawat-lawat, sampai letih dia melawat banjir. Jadi, setiap minggu banjir. Tiap-tiap minggu banjir.

Malah, apa yang mendukacitakan ialah pembinaan Outlet Kolam Setia Alam. Setia Alam membangun, Shah Alam pun membangun tetapi air limpahan diserahkan kepada Meru, di tempat saya. Mana adil! Maka, Setia Alam kena buat takungan air dia sendiri, jangan membebankan penduduk-penduduk Meru dan Kapar. Ini kerana, kami sudah cukup sengsara. Tiap-tiap minggu mereka melalui zaman pembaziran yang amat menyeksa mereka. Maka, saya minta, kementerian yang terlibat, saya gunakan— Jangan ada gangguan! Peraturan Mesyuarat 37.

Maka, saya tidak mahu mereka yang sana di atas bukit, hidup bersenang-lenang, derita rakyat kampung yang menanggung tiap-tiap minggu banjir. Saya mohon, pihak yang berkenaan JKR, JPS supaya segerakan atau membuat takungan air, selesaikan masalah derita masalah orang-orang Meru. Ini adalah pesan bersama saya dengan adinda saya Yang Berhormat Tuan Mohd Fakhrulrazi, DUN Meru.

Saya juga ingin menyinggung soal hospital, nombor tiga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Menteri kata, "*should be okay*". *Alhamdulillah*, Hospital Kapar, orang-orang Kapar sekalian, kita akan mendapat hospital tidak lama lagi. Terima kasih, Kementerian Kesihatan kerana meluluskan bajet untuk membina sebuah hospital di Kapar. Keempat, balai polis. Saya diberitahu oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, bahawa Projek Balai Polis Kapar, Klang Utara – Sebelum saya beritahu, di sebelah sana, kedai kopi sana, untuk membuat siasatan. Di sebelah bangunan sana, untuk membuat lokap. Saya kata, "*Ini bukan balai polis. Ini namanya kedai kopi!*".

Jadi akhirnya kementerian, *Alhamdulillah*, wahai anggota-anggota, sahabat-sahabat ku di Balai Polis, Klang Utara, *insya-Allah* kita akan dapat satu balai polis yang baharu, IPD yang baharu untuk kita tegakkan, untuk memastikan keselamatan penduduk seluruh Kapar itu dijamin. Mereka akan bekerja dengan lebih efisien kerana keselesaan itu berada ada dalam posisi yang sebenarnya.

Seterusnya kelima, saya terus menyinggung soal pekerja-pekerja, hak pekerja. Sebelum ini kita ada diberitahu, saya diberitahu bahawa, pindaan Akta Pekerja 1955 telah pun dibuat. Akan tetapi, saya tidak tengok pun di atas meja ini ada untuk kita bahaskan. Saya tidak nampak hari ini di mana yang telah dibentangkan di dalam belanjawan sebelum ini, contohnya cuti bersalin 90 hari— Yang Berhormat Pekan? *Thank you*. Jadi, ini juga akan memberikan kita isyarat bahawa pindaan tidak boleh hanya berbicara soal dalam Dewan tetapi pindaan itu perlu dibuat untuk memastikan seksyen 37, Akta Pekerja 1955, dijemlakan haknya.

Hari ini, majikan ada dua perbezaan. Satu, dia kata walaupun pada waktu itu Kerajaan Barisan Nasional mengumumkan tetapi ia tidak ada pindaan. Maka, tidak boleh diimplementasikan. Sebagai yang arif sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua tolong maklum bahawa setiap *judgement* akan dibuat haruslah melalui akta dan juga rang undang-undang yang melengkapkan keputusan. Maka, saya mohon, supaya Kementerian Sumber Manusia segerakan untuk meminda seksyen 37, termasuklah berhenti kerja setara, di bawah seksyen 60. Ini juga

memberikan satu persaingan kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu banyak sangat, saya ulangi, Telekom Malaysia itu pun mahu buang orang kerja. *Masya-Allah*, Telekom.

Jadi, begitu juga dengan syarikat-syarikat besar, agensi-agensi yang lain. Mengapa berlakunya begini? Seramai 16,000 orang, saya dimaklumkan. Adakah benar pekerja-pekerja telah dibuang dalam negara ini? Ini satu keseksaan dan juga kekhuatiran kepada semua rakyat dan pekerja Malaysia. Saya minta Kementerian Sumber Manusia buat sesuatu...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Buat sesuatu, jangan biarkan ia berlalu begitu sahaja.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Ini tanggungjawab yang tidak boleh

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong minta laluan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya mengikut Peraturan Mesyuarat 37...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar? Minta laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberikan laluan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Maka saya dengan sendirinya, saya menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia agar tegap, tegas, mantap...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Jangan berikan laluan kepada saudagar-saudagar yang tidak ada hati perut ini buang dengan tidak semena-mena...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar, minta mencelah Yang Berhormat Kapar? Isu sama.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Inilah yang berlaku dalam negara kalau kita tidak ada penguatkuasaan. Oleh sebab itu saya beritahu JTK itu perlu ditambahkan, 416 orang itu sudah menjadi wajib Tuan Yang di-Pertua. Seramai 416 orang hendak jaga 9,000 syarikat dan juga 90,000 sektor-sektor terlibat di bawah Akta 24, yang dipertanggungjawabkan. Tidak logik 400 orang boleh mampu untuk membuat penguatkuasaan.

Maka, saya menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia, JTK itu disegerakan untuk menambah pekerja-pekerja untuk penguatkuasaan. Seterusnya, saya mahu menyinggung Akta Perusahaan 1967. Mengikut pengalaman yang saya lalui, dengan kes-kes yang tertunggak...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya tersinggung.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Kita memohon supaya mahkamah pekerja rayuan itu perlu diwujudkan. Ini kerana apabila berlaku proses pekerja dibuang, di bawah seksyen 20, Menteri berkuasa di bawah seksyen 20(3). Akan tetapi isunya sekarang ialah, kebanyakan daripada Menteri dia mendapat pandangan daripada pegawai. Maka, pekerja itu telah dibuang. Apabila dibuang, dia hendak pergi ke Mahkamah Tinggi. Apabila Mahkamah

Tinggi, kosnya Tuan Yang di-Pertua, cukup tinggi. Jadi, saya ingin mencadangkan, sudah 10 tahun saya utarakan isu ini.

Saya ulangi kepada Kerajaan Pakatan Harapan untuk kita memastikan rakyat hidup dalam keadaan sejahtera dan tekanan tidak boleh dilakukan terhadap mereka. Maka, saya ingin cadangkan Mahkamah Rayuan Pekerja itu perlu diwujudkan yang sama taraf dengan mahkamah tinggi untuk sekurang-kurangnya pekerja itu tidak terbeban dengan kos yang tinggi itu dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Maka yang demikian juga, saya ingin menyinggung dalam seksyen 20(3) – Menteri saya mohon supaya dikaji semula dan dipertimbangkan supaya sekurang-kurangnya biarlah seperti mana amalan-amalan di *Philippine* yang mana mereka berkuasa penuh, dia tidak lagi, pegawai-pegawai JTK atau pegawai-pegawai perusahaan itu tidak disekat dengan kuasa seksyen 20(3). Maka, saya minta supaya Menteri kaji semula seksyen 20(3) untuk memberikan ruang luas kepada pegawai untuk membawa kes ini ke mahkamah.

Saya juga ingin menyinggung Akta Perusahaan ini bila hendak dibawa untuk dibuat pindaan? Ini juga melibatkan Akta Kesatuan Sekerja yang mana sebelum ini bila kita membawa kes dalam TTPA, kita bicara soal TTPA. Kita bicara soal pindaan. Belanja telah dibuat, tetapi kenapa sehingga hari ini pindaan belum lagi dilaksanakan?

Saya berbalik kepada soalan untuk menyinggung Perkara 7, iaitu Perkara SPAD. Walaupun semalam Menteri bicara kepada saya bahawa dia kata kita telah berikan tiga bulan. Alhamdulillah. Dia juga kata, dia *replaced* atau dia bawa SPAD itu kepada kementerian-kementerian yang lain. Saya bersyukur kerana ini adalah perkara yang sepatutnya. Namun dalam masa yang sama, saya memohon Kementerian Pengangkutan supaya janganlah sampai 50 peratus potongan mereka. Mereka bekerja di SPAD itu bukan asalnya mereka untuk dijadikan *replacement*. Ini tidak boleh berlaku. Akan tetapi, sudah berlaku demikian, tetapi pada masa yang sama, janganlah berlaku kezaliman.

Saya berterima kasih kerana masih ada lagi ruang untuk mereka bekerja. Akan tetapi, janganlah sampai 50 peratus potongan itu. Kalau mahu potong pun, berpada-padalalah. Sebanyak 20 peratus itu betullah untuk dia mahu dapatkan deskripsi mereka, untuk mereka dapat di jabatan yang baharu. Akan tetapi, yang saya hendak singgung ialah masih ada lagi perjanjian dalam tempoh percubaan. Mana boleh ada percubaan! Dia sudah tentulah *confirm*. Dulu dia kerja 10 tahun di SPAD. Sudah tentulah dia berwibawa. Jadi, saya minta maaf saya gunakan Peraturan Mesyuarat 37 iaitu tidak membenarkan sesiapa pun mencelah.

Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam percubaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak dibenarkan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Saya tersinggung.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Bagi tempoh enam bulan hingga 24 bulan. Jadi, maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, pekerja SPAD ini mereka bukan pekerja-pekerja baru. Ini boleh diambil sebagai pekerja baru.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar, bagilah laluan. Sudah menang, nombor satu pun tidak mahu bagi Yang Berhormat Kapar?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Akan tetapi mereka adalah pekerja yang berwibawa yang telah pun di*confirmkan* dan diisytiharkan bahawa mereka ini adalah pekerja tetap yang tidak perlu lagi percubaan. Maka, beberapa perkara yang saya lihat dalam perjanjian ini perlu diperbaiki. Saya minta Kementerian Pengangkutan perbaiki dalam *terms and conditions* kerana ini penting kerana mereka akan menyertai agensi yang baru.

Maka saya mohon, supaya Kementerian Sumber Manusia perhalusi dan pertimbangkan apa-apa yang patut mereka lakukan. Masa berlalu begitu laju dan saya terus kepada Megasteel. Saya minta Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia supaya panggil majikan termasuk dengan Perwaja Steel, panggil majikan dan *settlekan* dekat luar lah. '*Hang' dah* ambil duit, minta maaf. Dia sudah ambil duit EPF, SOCSO, duit insurans dan macam-macam duit Tuan Yang di-Pertua, dia ambil dan dia tidak bagi EPF, SOCSO dia tidak bagi.

#### ■1150

Ini satu penipuan dan perlu mereka diberikan hukuman. Maka saya minta Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Kementerian Sumber Manusia, di bawah Kementerian Kewangan untuk berikan pekerja-pekerja ini pulangan balik pampasan mereka, jangan dizalimi termasuk Perwaja.

Begitu juga nombor lapan, kenaikan pangkat anggota polis, anggota tentera, penjara dan mereka yang bekerja di dalam penguatkuasaan. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mengubah senario sistem yang ada, kita perlukan sesuatu yang memberikan anjakan untuk memastikan agenda reformasi ini dapat diberikan kepada rakyat. Saya mengambil pendekatan begini, anggota polis apabila dia bekerja dalam *ranking* yang paling bawah iaitu konstabel pergi kepada lans koperal, pergi kepada koperal, pergi kepada sarjan, pendekatan untuk kenaikan pangkat itu, saya kadang-kadang rasa sedih, '*bekerja berapa tahu, Mat? 'Saya kerja 32 tahun'*, pangkat koperal bertugas sudah 32 tahun. Dia kata macam mana naik pangkat ini, pangkat ini pergi kepada *panel interview* yang mengesahkan kebolehan mereka. Jikalau mereka tidak berwibawa, mana mungkin mereka boleh bekerja selama 32 tahun.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada setiap kementerian yang melibatkan anggota-anggota berpakaian seragam atau pun keselamatan, perlu mereka diberi peluang melalui senioriti. Jikalau dia berkhidmat selama 10 tahun, sekurang-kurangnya berpangkat koperal. Jikalau berkhidmat selama 20 tahun sekurang-kurangnya sarjan. Selepas itu seterusnya. Oleh sebab yang demikian, saya nampak tidak ada diskriminasi. Oleh sebab itu dalam konteks *job evaluation*, kita mesti ada, yang pertama kita mesti ada adalah pengalaman. Pengalaman mereka ini sudah memantapkan dan mengizinkan mereka layak untuk kenaikan pangkat.

Begitu juga ketika mereka menjalankan tugas. Kalau mereka tidak ada dalam kes-kes tertentu ataupun salah laku, mereka secara automatik diletakkan sebagai yang layak untuk dinaikkan pangkat. Sudahlah gaji OCPD, saya kadang-kadang pelik, macam dekat Baling, saya tanya gaji, saya tanya gred berapa tuan. Dia kata gred 48, OCPD gred 48. Kalau jadi darurat,



mereka *Chairman* mereka Pengerusi, YDP, DO di bawah dia. Akan tetapi kedudukan dia, gred 48. YDP gred 52 dan gred 54, dahsyat Tuan Yang di-Pertua. Inilah sistem yang kita perlu ubah untuk memberikan keselesaan dan juga hak keadilan kepada anggota-anggota, termasuk jawatan-jawatan kerajaan.

Saya diberitahu dalam jawatan kerajaan memohon supaya dipertimbangkan dalam kenaikan pangkat. Saya pun sedih, macam itu juga kes-kes pejabat awam. Contoh yang amat ketara sekali ialah Skim Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD), di mana kebanyakan pegawai selepas tiga tahun naik pangkat ke M44 Tuan Yang di-Pertua dan selepas itu ke gred M48 dalam masa lima hingga sembilan tahun.

Manakala dalam pejabat awam lain dalam skim perkhidmatan lain contohnya Sosial (S) seperti Pegawai Media, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pegawai Belia, Pegawai Ekonomi, Pegawai Statistik, Pegawai Skim (C), Pegawai Kimia, Pegawai Skim (F) dan Pegawai Teknologi Maklumat tidak mendapat layanan yang sama dalam sektor awam. Ini perlu dibuat perubahan. Apa *special* sangat kah PTD ini? Apakah tidak bermakna kah kepada mereka-mereka yang lain? Jadi di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, saya mohon supaya dikaji semula sistem ini, sistem yang tidak boleh diamalkan dalam kita hendak mengangkat agenda reformasi.

Kepada mereka yang bekerja di Perkhidmatan Awam, terima kasih diberikan nota pemberitahuan kerana mereka hendak bagi saya yang bercakap. Minta maaf. Jadi apa pun terima kasih di atas melengkapkan peluang saya untuk memastikan termasuk pejabat pakaian seragam ini menyediakan rumah-rumah untuk mereka apabila mereka bersara nanti. Anggota tentera, anggota penjara. *Masya-Allah* kita kena kaji balik untuk kedudukan mereka ini supaya mereka ini tidak duka lara atau kecewa apabila melepasi sebagai penjawat awam yang berseragam.

Akhir sekali saya juga gaji minimum. Terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah menaikkan daripada RM1,050 kepada RM1,100, tetapi jelas Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, kos sara hidup meningkat, keperluan barangan meningkat, dalam masa yang sama kita hendak keseimbangan. Keseimbangan ini ialah untuk melegakan— saya diberitahu, saya ulang balik, saya diberitahu oleh penyelarasan komiti gaji minimum ini telah bersetuju mencadangkan RM1,170.

Apalah salahnya. Kerajaan kena menampung untuk kenaikan percukaian itu, syarikat nya yang bayar cukai, pulangkan balik dengan gaji minimum, tidak banyak pun *18 percent*, sahaja, sekitar itu. Jadi apa yang saya lihat bahawa, setiap langkah kerajaan itu mencerminkan anjakan untuk mengangkat martabat rakyat dan memastikan rakyat jangan terseksa hidup mereka. Maka slogan yang kita maksudkan dalam, '*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*', maka sejahteralah rakyat, kalau kerajaan berfokus kepada kebajikan rakyat keseluruhannya.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Menggulung segala bicara saya tanpa membenarkan mereka-mereka mengganggu, satu saya hendak sebut Allah tidak akan mengubah nasib kaum itu, kaum itulah yang akan mengubah nasib mereka. Perubahan telah diberikan kepada kita, maka kita Pakatan Harapan harus membuktikan bahawa kita yang terbaik kalau dibandingkan daripada Barisan Nasional. Terima kasih, saya menyokong sepenuhnya Bajet '2015' *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tahun 2019 Yang Berhormat, dahsyat, tahun 2019 bukan tahun 2015.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar atas ucapan singgung menyinggung tadi. *[Ketawa]* Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pekan untuk meneruskan perbahasan.

### 11.56 pagi

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019.

Sebagai seorang yang pernah membentang, tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, sembilan bajet negara berturut-turut. Maka izinkan saya berkongsi sedikit pengalaman saya mencedok ataupun mengetengahkan pemikiran-pemikiran, strategi, prinsip, terutama sekali prinsip asas sesebuah bajet itu. Sama ada bajet itu hendak dikatakan bajet yang bagus, sangat bagus ataupun bajet yang sebaliknya, menghampakan rakyat ataupun mengecewakan rakyat. Kita mesti mengukur daripada beberapa prinsip asasnya. Apakah prinsip asas dia? Prinsip asasnya ada dua Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali yang paling pokok sekali, sama ada bajet ini adalah bajet untuk rakyat secara inklusif. Ini pokoknya. Inilah ukurannya dan kalau kita menilai Bajet 2019, cuba kita lihat. Saya melawat kawasan-kawasan luar bandar, saya pergi ke kawasan FELDA, saya pergi ke kawasan petani, saya pergi ke kawasan pekebun kecil dan nelayan. Saya tanya kepada mereka, kenapa keadaan di luar bandar ini muram, mereka kata tidak muram, kami sedang berkabung.

Kami sedang berkabung, saya pergi ke kawasan Beserah, saya minum teh dengan sekumpulan nelayan, mereka kata Dato' tengoklah, laut bergelora. Dalam sebulan kami cuma boleh keluar ke laut tujuh hari sebulan. Kami tidak malas, kami tidak faham mengapa ada orang kata tanam pokok rambutan dan nanas di belakang rumah. Kami harap kepada bantuan sebenarnya untuk menyara hidup kami.

Penjawat awam, saya bertemu dengan penjawat awam, mereka mengeluh. Kenapa kenaikan tahunan tidak diberikan tambahan kepada mereka dalam suasana menghadapi kos sara hidup yang kian bertambah. Mereka tanya, mereka mengharapkan kenaikan tahunan khas yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, tidak dilaksanakan. Sebaliknya dia bagi cuma RM500 sahaja bayaran khas. Orang Pahang kata, *[Bercakap dalam loghat Pahang]* Tuan

Yang di-Pertua. RM500, kita bagi RM1,500 bayaran khas, kita bagi kenaikan gaji tahunan, kita jaga penjawat awam dengan baik.

Saya jumpa orang bandar pula, saya tanya kepada mereka, mereka kata sebelum PRU14, Pakatan Harapan kata janji kalau belanja RM50 penuh satu troli dengan barang-barang. Apa selepas PRU14?

#### ■ 1200

Saya suka *quote* di sini. Saya petik Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dimuatkan dalam *Facebook*. Komen- seorang komen. Ini komen sebenar daripada rakyat biasa. Dia kata secara sinis, Pakatan Harapan memang benar-benar meringankan beban rakyat. Dahulu beli barang RM50 ada juga rasa berat tetapi sejak Pakatan Harapan memerintah beli barang RM100 pun masih terasa ringannya. Memang sah Pakatan Harapan bantu meringankan beban rakyat. *[Dewan riuh]* Ini *quotation* yang sebenarnya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini zaman BN punya, bukan baharu.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Daripada rakyat biasa.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Ini zaman BN punya, bukan sekarang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pekan, Jelutong minta jalan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Jangan ganggu saya, saya tidak mahu beri gangguan. Artikel dalam media Pakatan Harapan saya sebut pada media Pakatan Harapan yang sokong Pakatan Harapan ini. Dia kata, peniaga-peniaga bandar mengeluh sebab kos barang sudah naik, penjualan berkurangan 30 hingga 50 peratus. Ini peniaga-peniaga di bandar tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sedemikian, dalam keadaan rakyat susah, dalam keadaan keperitan, dalam keadaan harga komoditi jatuh, kos naik, sara hidup bertambah, sepatutnya Bajet 2019 bantuan kepada rakyat meningkat dan bertambah bukan sebaliknya. *[Tepuk]* Kenapa pula dikurangkan?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Pekan. Mohon mencelah.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Seperti mana.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Pekan, mohon mencelah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pekan, 10 tahun apa kita buat Yang Berhormat?

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Bukan 30 minit, banyak lagi hendak cakap.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kalau bukan Yang Berhormat Pekan, banyak lagi bantuan rakyat akan bertambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak beri laluan, sila duduk. Sila duduk.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Itu yang kena faham itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Duit 1MDB yang kita balun tadi di mana? Yang Berhormat?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Duit 1MDB itu.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** BR1M. Tuan Yang di-Pertua, dia ganggu saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Rasah, sila duduk.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Dia ganggu saya, saya tidak ganggu dia masa dia cakap.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Pekan, ayam RM1 ada tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** *Gentlemen* la sikit.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Takkan mencelah pun tidak boleh? Tidak *gentlemen* langsunglah Yang Berhormat Pekan ini.

**Seorang Ahli:** Hoi! Diamlah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Kapar tadi pun tidak beri celah, jangan kurang ajarlah.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** BR1M sepatutnya RM2,000.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Bera, bangunlah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Rasah, jangan biadablah.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Akan tetapi Bajet 2019 dicadangkan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Jangan biadablah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua, Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Rasah, sila duduk. Ikut peraturan mesyuarat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Hanya RM750 hingga RM1,000 sahaja. Bilangan pun berkurangan daripada RM7 juta sampai kepada RM4.1 juta. Ada satu kategori ini anak muda bujang ini tidak dapat apa. Adakah anak muda tidak ada masalah? Apakah ini ertinya orang muda yang tidak ada keluarga belum kahwin tidak ada masalah? Kenapa dikurangkan ataupun dimansuhkan sama sekali. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soal pokoknya kalau sebut dari segi rakyat saya hendak tanya, kenapa bila perbelanjaan dalam bajet ini naik 10 peratus, bantuan rakyat dikurangkan ataupun dihapuskan. Ini pokoknya.

Baik, soal kedua saya mengejar masa. Soal kedua, kalau kita hendak ukur bajet itu baik tidak baik, sama ada bajet itu memberikan keyakinan pada pasaran kewangan dan pada pelabur. Sama ada pelabur dalam negara atau luar negara. Biasanya Tuan Yang di-Pertua, biasanya bila kita bentangkan bajet, ada yang disebutkan apa yang dilihat sebagai *post budget rally* ini satu fenomena. Kesannya ada kesan pada pasaran *post budget rally*. Akan tetapi, sebaliknya bila Bajet 2019 dibentangkan, Bursa Saham, KLSE terus jatuh, 200 mata sejak PRU14 yang lalu. Ringgit pun sudah banyak orang sebut jatuh. Ini saya dengar ungkapan waktu sebelum pilihan raya. Kalau Najib turun, ringgit naik. Najib sudah turun, ringgit masih parah. Lebih parah lagi Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga saya hendak sebut ini aliran keluar dana asing. Dana asing semakin mengalir keluar daripada negara kita. Bererti bahawa bajet ini gagal dari segi memberi keyakinan kepada pasaran. Itu dua ukuran utama Tuan Yang di-Pertua. Ketiga, *point* yang ketiga saya hendak sebut. Ini satu asas bajet. Bila kita merangka bajet, kita gunakan asasnya *prudent* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin berhemah. Kita kena berhemah sebab kita tidak boleh ambil *the best scenario, the best case scenario*. Kita kena ambil keadaan yang agak berhemah, *prudent*, konservatif, sebab kalau keadaan lebih baik kita dapat bonus kalau keadaan semakin buruk kita sudah buat persediaan.

Salah satu daripada asas ini saya ada sebut masa perbahasan *midterm review* baru-baru ini. Saya sudah sebut bahawa jangan ambil harga minyak andaian 70 dolar satu tong bajet ini masa itu harga minyak 80 dalam bajet ini 72 Tuan Yang di-Pertua Dolar Amerika setong. Semalam *Brent Crude* sudah jatuh pada RM65. Maknanya tidak sampai 10 hari andaian Bajet 2019 ini sudah tidak relevan lagi. Ini serius Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini RM65 kalau dia turun lagi? Sampai ke 60, 55 waktu saya jadi Menteri Kewangan dahulu sampai 28 dolar Amerika setong jatuh tetapi kerana dasar kita yang *prudent* kita tidak mengalami krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi. [Tepuk]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini serius. Ini serius implikasi kepada hasil negara, kepada hutang negara seandainya saya harap tidak tetapi seandainya harga jatuh ke paras yang lebih rendah yang ini kemungkinan senario yang banyak orang kata boleh berlaku. Baik, *forecast* GDP. *Forecast* GDP 4.9 peratus tahun hadapan semua analis kata tidak mungkin Tuan Yang di-Pertua. saya tidak pernah tidak jumpa seorang pun kata 4.9 peratus banyak kata 4, 4.2 ada yang kata lebih rendah daripada itu. Apa implikasi kalau kita andainya *forecast* yang terlalu optimistik. Sepatutnya saya kata kita *prudent*, kita *forecast* pada 4 ke 4.2 peratus kalau naik 4.5 peratus makna satu pencapaian lebih baik.

Saya hendak juga beri sedikit amaran saya takut ini berlaku sebab penurunan penarafan Petronas ini yang telah dilakukan baru-baru ini. Saya hendak beri amaran Tuan Yang di-Pertua dengan izin *is it a precursor to a sovereign downgrade?* Ini saya hendak beri sedikit amaran, saya takut ini titik permulaan sebab kredit rating Petronas lebih tinggi daripada nasional kredit rating, kalau Petronas boleh *downgrade* tidak mustahil *sovereign rating* kita tidak boleh *downgrade*. Saya harap sekali lagi tidak berlaku tetapi kalau berlaku apa implikasinya? Hutang, pembayaran kos hutang kerajaan akan meningkat dengan mendadaknyanya. Ini serius Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebab itulah, selama ini Kerajaan Pakatan Harapan sebut hutang negara, hutang kerajaan RM1 trilion. Akan tetapi dalam buku RM686 bilion dan peratusan hutang kepada KDNK 50.7 peratus. Akan tetapi bila defisit naik kepada 3.7 peratus tahun ini, tahun hadapan naik 34 peratus walhal kita Kerajaan BN mengandaikan 2.8 peratus defisit tahun ini, kalau defisit terus meningkat, hutang negara, hutang kerajaan akan bertambah kepada RM820 bilion. Bererti bahawa impian Pakatan Harapan hendak capai RM1 trilion hutang kerajaan hampir-hampir menjadi kenyataan.

## ■1210

Inilah yang saya kata Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang serius, yang kita harus ambil kira dan sebut tentang masa depan dan apa kita sebut tentang ketelusan dan sebagainya. Jika Kerajaan PH benar-benar mahu menjulang ketelusan dan keadilan, mereka seharusnya mendedahkan perjanjian penyelesaian 2015 dan 2017 antara IPIC dan 1MDB bagi menunjukkan BN telah pun menyelesaikan isu 1MDB ini dan akan membuktikan bahawa BN bukanlah tidak bertanggungjawab. Jika sesiapa dalam Dewan yang mulia ini tidak bersetuju dengan saya yang Kerajaan PH berterusan menggunakan isu 1MDB sebagai modal politik mereka, izinkan saya memberikan beberapa contoh.

Dua minggu lalu Kerajaan PH mengeluarkan kenyataan bahawa mereka mahu batalkan perjanjian penyelesaian dengan IPIC dan dengan ini tidak akan membayar USD 4.5 bilion yang dikatakan kita hutang kepada IPIC. Apa yang anehnya, IPIC membalas serta-merta dan berkata dengan jelas bahawa 1MDB langsung tidak berhutang dengan mereka. Seakan-akan menuduh Kerajaan PH telah berbohong. Tuduhan yang amat berat tetapi tidak ada seorang pun pemimpin PH yang berbunyi, yang bertanya mengapa IPIC membuat kenyataan yang jelas bertentangan dengan tuduhan Kerajaan PH. Mengapa membisu? Ini kerana IPIC yang hutang kepada kita dan bukan sebaliknya.

Perjanjian penyelesaian yang saya mahu kerajaan dedahkan akan menunjukkan bahawa kita telah beri masa sehingga 30 Disember 2020 untuk IPIC bayar balik kepada 1MDB semua wang yang dikatakan hilang. Kalau dokumen-dokumen perjanjian ini didedahkan, maka terbukti kita telah berusaha memastikan harta dan hak rakyat Malaysia dijamin. Beberapa pegawai kanan IPIC turut didapati menerima secara langsung dan menggunakan dana berkenaan atau terlibat dalam penipuan.

Mengapa tiada satu pun pemimpin PH pernah bertanya, mengapa pegawai-pegawai kanan Abu Dhabi dan bos mereka tidak dipanggil untuk disoal siasat memandangkan wang itu dipindahkan kepada mereka dan merekalah yang didapati banyak menggunakan wang itu dan mengagih wang itu untuk tujuan-tujuan lain. Bukan senang untuk membuat dedahan dan tuduhan kepada kerajaan negara yang lain.

Selain membuat rundingan secara persahabatan bagi mendapatkan wang yang dikatakan hilang, Kerajaan PH juga harus meneruskan usaha-usaha membangun dan memaksimumkan aset-aset 1MDB seperti TRX, tanah Pulau Indah dan Bandar Malaysia. Jika dilaksanakan dengan langkah-langkah yang positif untuk memaksimumkan nilainya, 1MDB akan menjana keuntungan biarpun selepas membayar hutang mereka. Tuan Yang di-Pertua, tetapi persoalannya, adakah Kerajaan PH berani melakukan semua ini demi negara dan rakyat? Atau mereka akan terus berselimumt dengan modal politik serta berterusan memburukkan Barisan Nasional dan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih atas peluang ini dan saya berharap pandangan saya berguna untuk kita memikirkan tentang masa depan negara Malaysia kita yang tercinta ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pekan. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Melaka. Silakan.

**12.14 tgh.**

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan selaku Menteri Kewangan pada 2 November 2018. Tema Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan selaku Menteri Kewangan adalah "*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*" adalah amat tepat sekali. Kalau kita lihat sebelum bajet ini dibentangkan, ramai termasuk pakar analisis ekonomi menjangkakan mungkin ada wujudnya cukai yang baharu untuk menggantikan pembatalan GST. Akan tetapi apabila kita lihat pembentangan belanjawan tersebut, tidak ada cukai baharu yang ketara yang akan dilaksanakan. Itu satu langkah yang tepat.

Sebenarnya kerajaan telah membuat langkah yang begitu baik sekali iaitu apabila kita menjadi kerajaan, kita terus hapuskan GST. Hapuskan GST untuk membantu rakyat. Ini sejajar dengan tema "*Rakyat Sejahtera*". Kita boleh dilihat oleh sebab Barisan Nasional yang sebelum ini yang telah melaksanakan GST telah menyusahkan rakyat dan pelaksanaan GST ini adalah kerana skandal 1MDB dan skandal 1MDB ini adalah kerana salah laku Yang Berhormat Pekan apabila dia menjadi Perdana Menteri, [*Dewan riuh*] yang telah menyusahkan seluruh rakyat Malaysia.

Hari ini, apabila kita menjadi kerajaan, apabila Kerajaan Pakatan Harapan mengatakan kita menghapuskan GST dan kita melaksanakan SST, pihak pembangkang kata, "*Mengapa kita harus menghapuskan GST? Sepatutnya GST dikurangkan daripada enam peratus kepada tiga peratus*". Ini yang disebutkan oleh Barisan Nasional. Akan tetapi hakikatnya, saya percaya seluruh rakyat Malaysia termasuk pengundi-pengundi Malaysia ini tahu, andai kata kalau hari ini masih dipimpin oleh Barisan Nasional, mereka tidak akan berkata demikian. Mereka tidak akan turunkan GST daripada enam peratus kepada tiga peratus tetapi sudah pasti mereka akan naikkan GST daripada enam peratus kepada 10 peratus! Itu adalah yang kita boleh jangka...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh mencelah?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kalau hari ini Barisan Nasional lagi memerintah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kota Melaka boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian minta laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** Jangan kasi *chance*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Kota Melaka?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, ini rakyat harus ingat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberi laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kalau hari ini Barisan Nasional terus memerintah, GST akan dinaikkan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Bukankah Kerajaan PH yang naikkan daripada enam peratus kepada 10 peratus SST?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini sudah pasti sebab kalau kita lihat kepada pilihan raya pada tahun 2013, apabila Barisan Nasional menang, mereka jadi kerajaan, mereka naikkan harga minyak terus dalam masa dua minggu.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan, tahun depan kita akan membayar balik GST dan juga cukai pendapatan yang telah tertunggak yang tidak dibayar oleh kerajaan sebelum ini, di mana setakat 31 Mei 2018, RM19.4 bilion GST yang sepatutnya dibayar balik tetapi tidak dibayar balik, akan dibayar pada tahun 2019 termasuk juga RM16 bilion daripada cukai pendapatan juga akan dibayar balik. Ini merupakan satu keputusan yang baik kepada rakyat. Cuba kita bayangkan, kalau hari ini masih lagi Barisan Nasional yang memerintah, sudah pasti RM35.4 bilion ini tidak akan dikembalikan kepada rakyat. Bukan sahaja RM35.4 bilion tidak dikembalikan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu satu pertuduhan yang tidak berasas.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Bahkan ia akan tambah. Angka ini akan tambah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Itu...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Kenapa tidak bayar balik dahulu?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Bukan sahaja RM35.4 bilion tetapi ia akan tambah lebih banyak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebab kita kutip GST kita pulang balik. Majoriti daripada *claim* itu dipertikaikan oleh Kastam. Itu *claim*...

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Pontian duduk, Yang Berhormat Pontian duduk.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat saya beri kesempatan untuk berbahas kepada semua iaitu daripada sebelah kanan dan sebelah kiri. Jadi kalau ada apa-apa yang hendak dinyatakan, nyatakan apabila proses perbahasan bermula di sebelah sebaliknya. Kalau tidak, tidak akan wujud satu suasana yang tenteram dan kita akan menghabiskan masa. Senarai yang di depan saya masih panjang dan kita hanya mempunyai hari ini dan esok untuk memberi peluang kepada semua untuk berhujah. Silakan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat. Sedikit sahaja, sedikit sahaja, satu minit sahaja. Satu minit.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Okey.



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong minta laluan. Satu minit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau Yang Berhormat setuju dengan saya, kalau isu 1MDB ini tidak menyebabkan masalah-masalah yang kita hadapi, Jho Low boleh balik ke Malaysia untuk memberi penjelasan dan juga membersihkan nama Yang Berhormat Pekan. Mengapa Jho Low sehingga hari ini takut? Tidak mahu datang ke Malaysia, tidak mahu mendedahkan diri. Kalau tidak ada apa-apa kena mengena dengan Yang Berhormat Pekan dan tidak terlibat dalam isu skandal 1MDB, mengapa Jho Low takut sehingga hari ini tidak mahu balik ke Malaysia?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jho Low takut balik ke Malaysia sebab dia tahu dia salah.

#### ■1220

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kota Melaka, *come on* lah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi hari ini kita boleh diam apabila kerajaan mengambil keputusan mengembalikan RM35.4 bilion ini, telah menunjukkan kerajaan mempunyai tanggungjawab moral. Satu kerajaan yang bertanggungjawab dan tindakan ini akan membantu pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat mengalu-alukan di mana peruntukan sebanyak RM286.8 juta telah peruntukkan untuk mengurus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di mana terdapat peningkatan sebanyak 18.5 peratus daripada RM242.1 juta berbanding dengan tahun lepas dan penambahan ini akan digunakan untuk menambahkan jumlah kaki tangan seramai 100 orang. Ini satu keputusan yang amat dialu-alukan.

Ini membuktikan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah secara habis-habisan sebab hari ini kalau kita hendak lawan rasuah memang menghadapi cabaran yang besar. Kalau kita lihat hari ini pegawai hendak pergi kira berapa wang tunai dalam satu orang punya rumah pun ambil masa yang panjang. Bila pergi siasat satu rumah dalam barang kemas dia ada begitu banyak, emas yang begitu banyak, ambil masa yang begitu panjang. Sudah pasti kita perlukan pegawai yang lebih. Jadi, ini satu keputusan yang tepat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Rumah siapa Yang Berhormat Kota Melaka? Boleh beri penjelasan rumah siapa yang mereka jumpa duit itu?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Itu semua sudah tahu lah. Kita boleh tanya Yang Berhormat Pekan barangkali.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Hei! Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar bangun lagi minta laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jadi kita berharap dengan adanya penambahan peruntukan sedemikian, kita harap supaya ia ditingkatkan setiap tahun. Setiap tahun ditingkatkan supaya...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biarlah mahkamah yang menentukan. Jangan kita jadi hakim di sini.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ajak masuk mahkamah, masuk mahkamah pun boleh lepas.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Dah masuk mahkamah pun gugur kes. Apa cerita?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biarlah mahkamah yang memutuskan. Jangan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila duduk. Kedua-dua belah pihak sila duduk. Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk. Sila duduk. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk. Kalau keadaan tidak reda, saya akan terpaksa menggunakan peraturan mesyuarat untuk meredakan. Jadi, beginilah ya. Kalau wujud apa-apa kes yang sedang dibicarakan di mahkamah, elok kita tidak menyentuh kes-kes sedemikian. Ini secocok dengan *ruling* yang saya buat tempoh hari. Jadi, teruskan Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak sebut pun kes-kes tersebut Tuan Yang di-Pertua. Cuma di *Singapore*, mahkamah di *Singapore* pun sudah buat keputusan memang skandal 1MDB ini adalah satu kenyataan, memang salah. Mahkamah di *Singapore* sudah buat keputusan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You* duduk di *Singapore* lah, jangan duduk di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk. Ikut *ruling* ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita harap supaya dalam masa akan datang SPRM akan menjadi satu badan pembasmi rasuah yang disegani di peringkat antarabangsa.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Sebab kita masih ingat dulu apabila SPRM ditubuhkan, yang dahulu dipanggil BPR....

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *You promise* hendak jawab tadi. Isu Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ....Masa tu ICAC di Hong Kong mereka datang ke Malaysia untuk belajar daripada kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar sila duduk.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, di janji tadi Tuan Yang di-Pertua, hendak jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak dijanjikan. Ya, sila teruskan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada pihak berkuasa menumpukan perhatian kepada skandal 1MDB, saya juga ingin meminta supaya pihak berkuasa juga mengambil berat tentang kes rasuah yang berprofil tinggi di negeri Melaka juga. Di mana sebelum itu pada tahun 2017 pada bulan Mei, satu pendakwaan telah dijalankan ke atas Mohd Yusof Abu Hassan yang dikenali sebagai Yusof Soros di mana dia merupakan orang kanan kepada bekas Ketua Menteri Melaka pada masa tersebut telah didakwa ke mahkamah. Keputusan kesnya ialah dilepaskan tanpa dibebaskan DNAA dengan izin.

Akan tetapi, saya hendak menarik perhatian Dewan dan juga pihak berkuasa di mana apabila dia didakwa pada Mei 2017, selepas itu, dua minggu sebelum pilihan raya ke-14, bekas AG, bekas Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi telah memohon 90 ekar tanah daripada Kerajaan Negeri Melaka. Sebelum dua minggu tersebut, Kerajaan Negeri Melaka yang lepas sebelum itu telah meluluskan permohonan tersebut— 90 ekar. Selepas itu, kes ini menjadi DNAA.

Jadi, kita minta supaya pihak AG membuka semula kes tersebut sebab kita lihat kronologi di mana bulan Mei didakwa, lepas itu bekas AG memohon tanah 90 ekar dan diluluskan, dan selepas itu kes ini menjadi DNAA. Sungguhpun pada hari ini, tanah itu tidak diberikan kepada bekas AG tersebut kerana atas alasan teknikal sebab sudah kerajaan baharu, mereka tidak bagi.

Jadi, ini saya berharap supaya AG yang baharu akan membuka semula kes ini untuk menegakkan keadilan dan memerangi rasuah. Ini kerana dalam kes tersebut melibatkan harta yang hendak disita ialah lebih kurang RM150 juta. Dalam akaun bank yang didakwa itu ada sebanyak RM12 juta. Jadi, dengan jawatan yang dia pegang, bagaimana dia mempunyai wang yang begitu banyak? Jadi kita minta supaya AG mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan atas beberapa dasar mengukuhkan pengurusan fiskal baharu yang telah dan akan diperkenalkan iaitu *zero-based budgeting*, Akta Kebertanggungjawaban Fiskal, Akta Perolehan Kerajaan Tender Terbuka dan sudah pasti langkah-langkah ini walaupun kelihatan mudah tetapi akan memberi impak yang besar dalam memantapkan proses dan sistem kewangan negara.

Saya ada beberapa cadangan, soalan dan komen mengenai beberapa dasar ini. Pertama mengenai dengan *zero-based budgeting* ini, pada pendapat saya sistem ini agak sangat berkesan kerana ia memerlukan setiap agensi ataupun kementerian untuk betul-betul berfikir tentang jumlah belanjawan yang diperlukan dan tujuannya dan bukannya sekadar mengambil langkah mudah iaitu hanya perlu meningkatkan jumlah belanjawan berdasarkan jumlah tahun lepas.

Jadi, saya hendak tanya apakah pendapat Menteri Kewangan ataupun jangkaan Menteri Kewangan tentang hasil daripada keberkesanan *zero-based budgeting* yang baharu ini yang akan diperkenalkan. Setakat ini bagaimanakah respons pegawai kerajaan dan kementerian lain

mengenai dasar baharu ini? Berapakah anggaran jumlah wang yang dapat dijimatkan melalui kaedah baharu ini?

Manakala bagi Akta Kebertanggungjawaban Fiskal, Akta Perolehan Kerajaan, pembaharuan dan akta-akta ini sangat penting untuk mengelak Menteri terlalu berkuasa dan penyalahgunaan kuasa. Cadangan saya ialah supaya akta-akta baharu ini juga melibatkan kerajaan-kerajaan negeri. Ia bukan sahaja kerajaan di peringkat Persekutuan tetapi di peringkat negeri juga harus mengamalkan sistem yang sama. Saya percaya dengan adanya *open tender* yang akan dilaksanakan, sudah pasti ia akan membantu negara dan kerajaan menjimatkan wang rakyat.

Begitu juga, saya hendak memberikan satu cadangan supaya kerajaan boleh menukar mentaliti perbelanjaan agensi ataupun jabatan kerajaan pada masa ini. Contohnya, terdapat banyak situasi di mana banyak agensi kerajaan yang akan bertungkus-lumus menghabiskan belanjawan pada akhir tahun jika ada lebihan atau baki kerana mereka rasa wang tersebut akan terbazir kalau tidak digunakan. Padahalnya, sepatutnya ia dilihat dari segi penjimatan di mana penjimatan tersebut akan menjimatkan untuk kerajaan.

■1230

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** So, apakah langkah kerajaan, kementerian untuk mengatasi masalah sedemikian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kedah minta laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Contohnya, kita boleh membentuk satu sistem penilaian di mana agensi yang berjaya menjimatkan wang akan diberi ganjaran ataupun pengiktirafan. Ataupun membenarkan penjimatan tersebut untuk *roll forward* kepada tahun hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kedah minta laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Masa saya singkatlah. Saya minta maaf.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sikit sahaja, *half minute*. *Half minute*, poin yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diberi atau tidak? Diberikan. Silakan Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya hendak *interject* sedikit kerana itu poin yang telah dibangkitkan banyak kali di Parlimen ini pada persidangan yang lepas tentang *Christmas shopping*. Jadi saya minta jawapan Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada *zero-based budgeting* ini dapat mengurangkan insiden *Christmas shopping* tadi. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, isu yang selanjutnya yang saya hendak bangkitkan ialah tentang PTPTN, di mana dalam belanjawan telah mengatakan dua peratus hingga 15 peratus harus dibayar oleh mereka yang meminjam di mana pendapatan mereka lebih daripada RM1,000. Jadi, kita hendak minta supaya pihak kerajaan

barangkali boleh terangkan kepada semua kenapa angka RM1,000 dipilih. Apakah rasionalnya kita meminta supaya mereka bayar sebaik sahaja pendapatan mereka lebih daripada RM1,000? Kenapa bukannya RM2,500 ataupun angka-angka yang lain? Di dalam manifesto kita, kita kata RM4,000 ke atas baru mula membayar tetapi sekarang RM1,000.

Kita faham kerana kedudukan kewangan, kerajaan telah memaksa berbuat sedemikian tetapi setidaknya-tidaknya kita minta supaya memberi penerangan. Ini kerana secara kolektifnya, sekiranya mereka yang peminjam gaji mereka rendah perlu bayar, mungkin sebulan mereka perlu bayar RM100, contoh. RM100 bagi kerajaan mungkin itu satu jumlah yang kecil tetapi ia akan amat terasa bagi peminjam tersebut kalau gaji mereka hanya RM150 tetapi mereka perlu bayar RM100.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jadi di sini kita melihat supaya kita dapat memberi penerangan dan kita cadangkan supaya kerajaan berikan penerangan di mana kalau kita berdasarkan kepada kajian Institut Penyelidikan Khazanah pada tahun 2016, isi rumah dengan pendapatan bulanan RM2,000 ke bawah membelanjakan...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...95 peratus daripada pendapatan untuk keperluan harian dan pendapatan yang masih berbaki...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Setiawangsa.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Selepas mengambil kira inflasi hanya tinggal sekadar RM76 sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan. Diberikan?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan duduk.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Maka jika boleh...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Putus kawan ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Dapat saya minta supaya barangkali kita boleh lihat, memandangkan kerajaan akan meminta pinjaman ataupun bon daripada Kerajaan Jepun dengan kadar hanya sekadar yang amat rendah iaitu 0.65 peratus sahaja, maka barangkali kita boleh menggunakan sebahagian daripada bon ini untuk membantu dalam kes PTPTN ini supaya kita barangkali RM1,000 itu kita boleh naikkan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang lain lagi yang saya hendak bangkitkan ialah di bawah fokus kedua Belanjawan 2019 iaitu memastikan kesejahteraan rakyat. Yang Berhormat Menteri Kewangan juga mengumumkan Skim Caruman KWSP i-Suri untuk golongan suri rumah di bawah Program eKasih.

Sebelum itu, saya ingin menyentuh mengenai program eKasih ini. Program eKasih ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di

peringkat nasional bagi memudahkan agensi-agensi pemberi bantuan untuk memilih golongan yang benar-benar layak menerima bantuan di bawah program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan.

Memandangkan betapa pentingnya sistem data eKasih ini, maka saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Saya ingin tanya, sejauh mana data di dalam sistem eKasih ini dikemaskinikan? Seperti yang kita maklum, ada yang tidak layak telah didaftarkan pada zaman apabila Barisan Nasional menjadi kerajaan sebab mereka menggunakan e-Kasih ini sebagai dedak untuk memancing undi. Jadi ada ramai yang tidak layak tetapi telah didaftarkan di bawah eKasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tipu. Kenyataan penipu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengurangkan faktor keciciran seperti liputan dan perangkaan yang tidak dilakukan dengan teliti?

Ada juga kes di mana golongan miskin tegar tidak mempunyai akses internet untuk mendaftar secara *online* dan tidak berkemampuan untuk pergi ke pejabat daerah ataupun ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat permohonan secara manual. Jadi, adakah pihak kerajaan telah atau akan menghantar pegawai untuk turun padang dan mengenal pasti lalu mendaftarkan golongan miskin tegar ini di dalam sistem eKasih? Pendapat saya, jika sistem eKasih ini tidak dikemaskinikan dan diselenggara dengan baik dan berlakunya keciciran, maka usaha kerajaan untuk menyalurkan bantuan dan membasmi kemiskinan akan terjejas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Seterusnya— Tuan Yang di-Pertua, saya minta sikit sahaja masa kecederaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tadi ada gangguan. Saya minta lagi satu isu. Saya akan habiskan dengan cepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, seminit.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Iaitu mengenai dengan memastikan kesejahteraan rakyat juga iaitu kerajaan perlu memastikan meningkatkan pendapatan boleh guna sebenar di mana kita akan menitikberatkan kepada perumahan dan juga pengangkutan.

Hari ini saya hendak sentuh tentang perumahan terutamanya meningkatkan kemampuan memiliki rumah bagi golongan B40. Kita lihat dalam belanjawan, RM1.5 bilion akan diperuntukkan untuk PPR, Perumahan Penjawat Awam Malaysia, PR1MA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad untuk bekalkan rumah yang secukupnya.

Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang PR1MA. Tentang PR1MA di mana ia telah dilaksanakan sejak tahun 2013. Dalam masa tempoh sehingga sekarang, telah belanja RM8 bilion. Sejumlah RM8 bilion telah dibelanjakan dalam projek PR1MA tetapi hanya sekadar 1.6 peratus sahaja, *1.6 percent only*, dengan izinnya, tercapai. Mereka

sebelum itu mengatakan bahawa PR1MA ini belanja RM8 bilion dan mereka hendak bina satu juta rumah tetapi hari ini hanya mampu membina 16,682 unit sahaja.

Sudah pasti PR1MA ini mungkin juga akan menjadi satu skandal yang besar di mana kita lihat bahawa banyak projek PR1MA yang dilaksanakan oleh kerajaan yang lampau, yang sebelum itu, mereka pergi cari lokasi atau tempat tapak pembinaan untuk perumahan PR1MA ini adalah kawasan yang tidak sesuai, yang cuba mengaut keuntungan melalui program ini. Segelintir kecil kroni UMNO Barisan Nasional yang mendapat keuntungan daripada projek PR1MA ini. Jadi kita hendak minta supaya kerajaan...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Sangkaan jahat terhadap UMNO itu.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kerajaan baharu ini kita harus mengambil langkah yang berkesan untuk menyelamatkan projek PR1MA ini demi kebaikan rakyat. Barangkali kita boleh gunakan *crowdfunding* yang baru diperkenalkan untuk kita gunakan sistem ini dalam menyelamatkan projek perumahan PR1MA.

Juga, kita lihat di Melaka, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Poin terakhir ya?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya. Sebanyak 12 projek perumahan PR1MA dijalankan. Sehingga hari ini tidak satu unit pun rumah yang siap dibina. Satu pun tidak ada. Sebanyak 12 projek telah dijalankan sejak tahun 2013 sampai hari ini, begitu banyak belanja telah dibuat, tidak siap. Bukan itu sahaja. Kontraktor-kontraktor yang menjalankan projek PR1MA ini semua tidak dapat bayaran. Tidak dapat bayaran kerana kerajaan yang sebelum itu tidak bayar mereka. Ini harus diselesaikan supaya kita boleh capai matlamat supaya rakyat boleh mendapat rumah sendiri.

Jadi, di sini akhirnya saya hendak tekankan sungguhpun banyak usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan seperti *crowdfunding* atau memberi pinjaman dengan kadar faedah yang begitu rendah 3.5 peratus, tetapi sebagai seorang yang pernah berkhidmat di bank sebelum itu dalam bahagian pinjaman, saya lihat isu pokoknya ialah harga rumah. Harga rumah yang ada pada hari ini terlalu tinggi telah menyebabkan mereka tidak mampu terutamanya golongan B40 untuk membeli rumah tersebut.

Contohnya, *crowdfunding* sungguhpun dikatakan mereka boleh keluarkan 20 peratus untuk menyertai projek tersebut, sistem skim tersebut, tetapi pengalaman saya di bank, sekiranya seorang pembeli rumah kalau dia mampu untuk keluarkan 20 peratus sebagai pendahuluan, sudah pasti mereka akan layak untuk mendapat pinjaman daripada bank. Masalah sekarang ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh habiskan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Mereka yang B40 tidak mampu hendak keluarkan pendahuluan itu. Bagaimana kita hendak bantu? Itu yang penting. Cara untuk membantu, bagi saya, ialah kita harus mengawal harga rumah.

## ■1240

Harga rumah hari ini terlalu tinggi sehingga mereka tidak mampu hendak membeli. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sebenarnya saya ada banyak lagi *point* tetapi saya telah diganggu. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa dah tamat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Akhir kata, Belanjawan 2019 ini merupakan satu belanjawan yang pertama dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan di bawah era Malaysia baharu. Seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat Bagan iaitu Menteri Kewangan, keadaan fiskal negara akan pulih dalam masa tiga tahun sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan bersih, berjiwa rakyat dan berjaya melaksanakan reformasi institusi. Memandangkan kepada tiga faktor utama dan 12 strategi yang dibentangkan di dalam belanjawan ini, saya percaya matlamat untuk memulihkan keadaan fiskal negara dalam masa tiga tahun akan tercapai. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh, silakan.

## 12.41 tgh.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan belanjawan bagi tahun 2019 di mana belanjawan yang dibentangkan kali ini adalah yang terbesar dalam sejarah negara kita. Belanjawan ini memberi satu gambaran kepada dunia bagaimana mentaliti yang dimiliki oleh kerajaan semasa yang memerintah negara. Kalau diperhatikan kepada fokus yang diberikan di dalam belanjawan ini sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan, belanjawan kita pada kali ini tidak memberi fokus kepada golongan sasaran yang sepatutnya diberikan iaitu kepada golongan petani, nelayan, buruh-buruh kasar dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini walaupun kita lihat memberi kesan kepada satu golongan bawahan di dalam negara kita tetapi perlu kita ingat bahawa isu ini akan memberi kesan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kesannya kepada pelabur-pelabur asing yang bakal akan datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh sedikit kebimbangan, takut-takut apa yang dibentangkan ini satu nasib dengan buku yang dijanjikan sebelum daripada pilihan raya iaitu manifesto PH yang hari ini ternyata menjadi suatu yang menakutkan rakyat. Mengapa saya mengatakan belanjawan kali ini akan menerima nasib yang hampir sama dengan buku manifesto? Ia kerana kalau kita lihat unjuran ekonomi yang dijangkakan oleh pihak kerajaan bagi tahun 2019 sebanyak RM261.8 bilion yang berasaskan kepada keuntungan yang akan bakal dicapai oleh Petronas, di mana unjuran pencapaian ini saya kira sangat meleset.

Ini kerana Petronas yang dijangkakan dalam ucapan yang dikeluarkan oleh negara-negara pengeluar minyak utama dunia semalam daripada Qatar, Emiriah Arab Bersatu dan Arab



Saudi yang meletakkan ramalan bahawa tahun 2019 unjuran kepada keuntungan syarikat-syarikat minyak ini akan menjunam turun. Ini kebimbangan mereka dan saya memberi satu sokongan, bukan sokongan, saya menyokong apa yang disebut oleh negara-negara pengeluar minyak utama di dunia.

Jadi kalau sekiranya unjuran ekonomi negara kita ini menjunam, tentunya hasil RM261.8 bilion yang disasarkan oleh pihak kerajaan tidak tercapai, maka pembentangan bajet kali ini akan menyaksikan paling kurang kalau kita hendak melaksanakan agenda yang diagendakan oleh kerajaan, negara terpaksa menanggung hutang yang sangat tinggi dan hutang yang sentiasa disebut mencecah RM1 trilion, ia akan menjadi kenyataan. Nauzubillah, kita mohon perlindungan daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sebut iaitu tajuk ataupun tema belanjawan "*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*". Tema yang sangat lunak tetapi usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan ke arah itu setakat ini dalam tempoh enam bulan, saya tidak nampak satu usaha yang benar-benar bersungguh. Oleh sebab itu kalau kita lihat ucapan yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat daripada Pasir Gudang, saya ucap ribuan terima kasih kerana kedua-dua Yang Berhormat ini sangat terbuka.

Ucapan-ucapan ini memberi gambaran bahawa kita berada di ambang keresahan sebab daripada pihak kerajaan kalau kita bercakap untuk kita mewujudkan reformasi institusi. Sebagai contoh, seharusnya kita mulakan dengan Parlimen. Kalau perbincangan dalam Parlimen ini tidak profesional, di sebelah pihak kerajaan apa juga yang dibentangkan dia kira telan kecuali beberapa orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sanggup mengkritik, saya ucap ribuan terima kasih tetapi yang lain sanggup telan.

Kalau sebut isu 1MDB, mengapa isu banglo tidak disebut? Kenapa isu skandal Perwaja yang saya kira kalau Yang Berhormat Jelutong dalam ceramah waktu Pakatan Rakyat, *sorry* ya. Inilah isu yang penuh mulut dia sahaja disebut, isu BMF, isu Forex yang menjadi isu yang menyebabkan negara kita menghadapi krisis ekonomi yang besar tapi kalau kita benar-benar profesional kita sebut secara terbuka. Ini diajar, kalau kami di dalam agama Islam, Rasulullah SAW bersabda. *[Membaca sepotong Hadis]* "*Demi sesungguhnya sekiranya kalau anak ku sendiri yang mencuri, aku akan potong tangan dia*". Inilah dia keadilan sejagat.

Kalau kita inginkan reformasikan institusi dalam negara kita ini, ayuh kita mulakan dengan sistem perbahasan di dalam Parlimen kita. *[Tepuk]* *Insya-Allah* saya kira sebagaimana yang di *ruling* oleh Tuan Yang di-Pertua selepas daripada ini tidak ada isu yang sedang dibicarakan di dalam mahkamah disebut di dalam Dewan yang mulia ini kerana standard kita adalah standard Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Kita dipilih oleh rakyat bukan untuk kita melaungkan di dalam Dewan ini semata-mata untuk melepaskan nafsu kita, geram kita tetapi Dewan ini adalah Dewan untuk kita memerah akal kita membina negara dan untuk kita pacu negara kita ini menjadi sebuah negara maju. *[Disampuk]* *Insya-Allah* Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Pasir Gudang boleh sekolahkan Yang Berhormat Jelutong. *[Ketawa]* Kawan dia, dia tak marah dan kawan saya.

Tuan Yang di-Pertua, rasa kebimbangan saya walaupun kita bercakap reformasi institusi, kita bercakap kita hendak kepada sistem keadilan yang menyeluruh dalam negara kita, seharusnya kita bermula daripada kerajaan. Isu yang membabitkan Kerajaan Pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri, Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Negeri Perlis yang sekarang ini menjadi kerajaan pembangkang. Akan tetapi oleh kerana negara kita ini negara Demokrasi Berparlimen, kita harus faham ada tanggungjawab negeri kepada pusat dan ada tanggungjawab pusat kepada negeri dan tanggungjawab ini diajar dalam mana-mana agama.

#### ■1250

Kebetulan, saya dianugerah untuk mempelajari agama-agama yang berbagai-bagai. Saya banyak baca kitab-kitab agama Buddha, agama Hindu, agama Kristian, agama Yahudi kerana bidang pengajian saya. Semua agama ini mengajar untuk berlaku adil. Di dalam Islam, Allah berfirman [*Membaca firman Allah*] maksudnya, "*Jangan sekali-kali perbezaan pendapat, pertembungan kamu dengan mana-mana kumpulan yang lain menyebabkan kamu berlaku tidak adil kepada kumpulan tersebut. Berlakulah adil kerana berlaku adil itu menghampirkan kamu kepada takwa kepada Allah SWT*".

Kita nak mengejar negara maju. Kalau kita tidak boleh merealisasikan tanggungjawab kerajaan pusat kepada kerajaan negeri, sudah banyak disebut isu royalti. Sudah banyak rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak menyebut hak mereka yang perlu diberikan kerana hasil yang dipungut daripada negeri-negeri sebagai contoh Kelantan yang mencecah RM9 bilion, bukan sedikit. Mengapa tidak boleh diberikan hak untuk mereka? Begitu juga negeri-negeri yang lain. Oleh sebab itulah isu ini disebut di dalam mana-mana kitab suci. Saya rasa *insya-Allah* Yang Berhormat Jelutong yang kuat beragama, dia boleh memahami perkara ini.

Saya sebut dalam ucapan ini, kalaulah Kesatuan Eropah (EU) boleh melaksanakan satu sistem dan sistem ini sememangnya wujud di dalam agama Islam, tidak ada sempadan negara. Kita pergi ke Eropah, dari Turki kita pergi ke mana-mana negara, kita pergi ke Hungary, kita pergi ke Jerman, kita pergi ke Itali, seolah-olah tidak ada sempadan negara. Tak sedar kalau kita *drive* kereta, kita dah masuk negara lain. Tak sedar. Ini negara maju.

Kalau kita nak kejar negara maju sedangkan isu membabitkan hak kerajaan pusat kepada kerajaan negeri, negeri ini duduk dalam Malaysia, tak boleh disempurnakan, jangan kita bercakap negara maju. Ha, tahun 2020 hampir sampai. Mungkin, mudah-mudahan tak berlaku. Saya bimbang takut tahun 2020, hutang kita lebih banyak. Bebanan rakyat ini lebih terbeban. Bukan kita capai negara maju tetapi kita merobohkan tangga yang telah dibina oleh pemimpin kita sebelum daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu memastikan kesejahteraan rakyat. Kalau kita lihat kepada peruntukan yang dibentangkan di dalam belanjawan kali ini menyaksikan keselamatan hanya 2.3 peratus daripada RM314.550 bilion yang dibelanjakan di dalam negara. Ini saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar sebelum daripada ini.

Bagaimana fokus kerajaan kepada isu keselamatan. Keselamatan dalam negara kita ini makin hari makin mencabar.

Bagaimana pendatang asing yang masuk dengan mudah, bagaimana mereka yang masuk dengan permit, visa melawat tiba-tiba mereka duduk bekerja dalam negara kita yang begitu lama dan banyak lagi isu-isu jenayah yang lain. Yang sebelum daripada ini, dua tiga hari lepas disebut oleh Yang Berhormat Lanang, kes rogol yang sangat menjijikkan. Memberi gambaran bahawa fokus kepada keselamatan negara ini tidak diambil kira dengan serius dan ini sangat mendukacitakan.

Oleh sebab itu kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju yang lain di mana kita lihat agensi-agensi keselamatan yang sangat profesional kerana mereka mendapat balasan daripada pihak kerajaan secara adil. Tak perlu kita melihat jauh, kita lihat kepada negara Singapura sebagai contoh. Saya kerap menyebut Singapura kerana Singapura adalah berasal daripada Malaysia, satu pulau yang kecil. Keselamatan dia dengan maaf saya sebut, bukan saya nak sebut kesalahan keselamatan negara tetapi kesalahan kerajaan yang memberi fokus kepada anggota keselamatan. Keselamatan di Singapura lebih baik, lebih baik. Gaji kakitangan anggota keselamatan jauh lebih baik.

Bahkan sebelum daripada ini, saya sebut hasil padi. Menteri Pertanian tak ada. Saya jolok sahaja hasil padi Singapura lebih baik daripada Malaysia. Ramai kalau saya sebut 'balaci' dalam *Facebook*, dalam media sosial cuba hentam saya. Saya biarkan supaya mereka terbuka minda. Singapura negara yang kecil, yang tidak ada sawah. Mengapa mereka boleh mengeksport padi lebih tinggi daripada Malaysia? Perlu kita kaji. Ini kebijaksanaan. *Minded* yang ada pada pemimpin-pemimpin Singapura. Mereka ada sawah padi beratus, beribu-ribu hektar di Singapura, di Vietnam. Sebagaimana mereka meletakkan tentera-tentera mereka di negara-negara yang berbagai-bagai sehingga disebut di rantau kita ini, tentera yang paling kuat adalah tentera dari Singapura.

Ini kehebatan negara yang kecil yang perlu kita ingat. Jadi sebab itu kalau kita bercakap kita hendak mengejar negara maju, kita ada potensi yang saya nak ingatkan, kita ada potensi, bukan tidak ada potensi. Kita ada. Kita ada *student* yang ramai. Saya nak sentuh berkenaan Dasar Pendidikan Negara. Jangan sekali-kali *graduate* yang keluar dari universiti, kita biarkan mereka. Mereka ada kepakaran. Kalau ada negara dalam dunia ini banyak, semua rakyat mereka jadikan rakyat dia mesti berdaftar dengan tentera. Mengapa kita tak boleh mencipta sejarah, rakyat dalam negara kita ini kita wajibkan mereka bekerja. Kita ada tanah yang luas. Mengapa kita dicaturkan oleh pihak kerajaan?

Kita ada pakar yang banyak daripada universiti-universiti kita yang menghasilkan hasil-hasil tanaman yang sangat bagus bahkan lebih baik daripada negara Jepun. Saya bagi contoh satu syarikat..... [*Tidak jelas*] yang hari ini mencipta baja yang sangat baik, lebih baik dari Jerman. Hari ini Jerman adalah nama yang pertama dalam dunia mencipta baja sehingga mereka boleh *cut* tempoh pertanian ini separuh. Kita ada tetapi kerajaan melihat ini dengan sebelah mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya kita programkan anak-anak kita, bangsa kita yang telah keluar dari universiti dalam bidang yang berbagai-bagai, kerajaan sediakan medan kepada mereka kemudian buat peraturan-peraturan yang boleh menggerakkan mereka supaya mereka bekerja. Jangan kita lepaskan begitu sehingga mereka menjadi penganggur. Kita ada bidang yang banyak. Kita ada bidang pertanian, kita ada bidang nelayan, perikanan. Kita ada industri, kita ada macam-macam. Jadi semua ini perlu diambil oleh negara dan kita kena ada sikap.

Saya menyokong PH memperkenalkan sistem penghapusan PTPTN sebelum daripada pilihan raya. Saya sebut *please*, belalah mahasiswa-mahasiswi kita. Kalau tidak semua, kita ambil yang *first class* supaya diberikan pengecualian bagi mendorong anak-anak kita yang lain untuk bangkit menjadi pelajar model dalam dunia global pada hari ini. Ini yang perlu dimainkan oleh pihak kerajaan dan kita perlu menyediakan satu medan kepada mereka ini supaya mereka ini lebih pantas ke hadapan.

Isu yang terakhir yang saya ingin sebut dalam masa satu minit lebih iaitulah berkenaan dengan ICERD di mana satu benda yang harus kita lihat secara terbuka. Badan antarabangsa ini sepatutnya mereka melabelkan ICERD ini kepada negara Israel yang membunuh manusia siang malam, pagi dan petang. Labelkan ICERD ini kepada Kerajaan Myanmar hatta kerajaan di China, di sebelah Afrika yang bakar manusia di dalam bandar kerana perbezaan agama.

Malaysia yang telah terbukti daripada sejak kita merdeka sampai hari ini kita boleh duduk dalam keadaan aman damai dan sememangnya disebut oleh mana-mana majalah di peringkat antarabangsa bahawa satu-satunya negara yang menerima pendatang-pendatang dan diberi kerakyatan tetap dan diberi peluang perniagaan, diberi peluang untuk bertanding dalam pilihan raya. Ini adalah Malaysia. ICERD tidak perlu mengganggu Malaysia. *[Tepuk]*

Oleh sebab itu saya menyokong apa yang disebut oleh Presiden PAS merangkap Yang Berhormat dari Maran bahawa PAS akan menggerakkan rakyat untuk memenuhi jalan raya. Saya ingin menambah kali ini, kalau benar-benar perkara ini tidak ditangani dengan serius, Majlis Syura Ulama' yang menjadi badan yang paling tinggi di dalam Parti Islam Se-Malaysia yang tidak pernah campur tangan dalam perkara demonstrasi dan seumpamanya, kali ini Majlis Syura Ulama' akan berada di saf hadapan. *[Tepuk]*

Bukan kita hendak mengugut sesiapa tapi kita hendak memastikan negara kita berada dalam keadaan aman, berada dalam keadaan baik sebab negara kita, masa depan kita nak jadi negara maju. Kita nak jaga kestabilan dalam negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa. Sila gulung.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Saya kira yang terakhir, saya nak merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua rakan-rakan yang menyuarakan hasratnya di dalam perbahasan kali ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya ingin memberikan senarai untuk sesi yang seterusnya. Selepas ini Yang Berhormat Tebrau. Selepas Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang

Berhormat Hulu Rejang, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Tenggara. Nanti saya akan berikan senarai penuh selepas ini ya.

Jadi kita teruskan persidangan pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming] mempengerusikan Mesyuarat]**

#### ■1430

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis bersambung semula. Memandangkan masih lagi dianggarkan lebih kurang 30 orang Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini, saya hadkan tempoh perbahasan kepada 15 minit seorang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau. Sila.

#### 2.32 ptg

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan tentang Belanjawan 2019 di Dewan yang mulia ini. Saya cuba membahaskan dalam 15 minit. Saya ucap syabas kepada Yang Berhormat Bagan yang menyediakan satu belanjawan yang munasabah dan saksama kepada rakyat khususnya golongan B40. Namun, saya ingin meminta pencerahan ke atas beberapa perkara dan juga memberi sedikit komen atas perkara-perkara lain.

Ada dekat 20 perkara saya akan sentuh. Pertama, program khas pengakuan sukarela, *special voluntary disclosure* dengan izin. Ini saya mencadangkan kadar denda 10 peratus jika melaporkan pendapatan secara sukarela sebelum 1 April 2019 diturunkan kepada lima peratus sahaja. Ini saya percaya akan menarik lebih kepada sesiapa yang tidak melaporkan pendapatan yang sepenuhnya.

Kedua, harta kekayaan luar biasa, *unexplained wealth tax* dengan izin. Saya ingin mencadangkan bahawa seseorang penjawat awam termasuk wakil-wakil rakyat dan Menteri-menteri, jika disabit salah oleh mahkamah kerana ada harta kekayaan luar biasa, harus dipenjarakan dan harta mereka harus dirampas oleh kerajaan.

Ketiga, sekatan kerugian ke atas kerugian bagi elaun modal dan lain-lain. Saya ingin Yang Berhormat Bagan menjawab sama ada sekatan tujuh tahun juga dikenakan kepada kerugian dibawa ke hadapan dan elaun modal yang belum diserap pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan.

Keempat, penyeludupan rokok dan arak. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Bagan, macam mana kerajaan akan mengatasi masalah penyeludupan dan label kastam palsu yang mengakibatkan kerajaan kehilangan cukai eksais dijangka beberapa bilion ringgit setiap tahun.

Kelima, cukai fi dan levi ke atas sektor perjudian. Biasanya peningkatan cukai fi atau levi atas benda seperti rokok dan minuman arak akan mengakibatkan orang yang tertentu akan beroperasi secara haram untuk menjimatkan kos. Saya ingin mendapat jawapan sama ada Kerajaan PH telah menyediakan mekanisme untuk buat kawalan yang berkesan dan memastikan pihak PDRM akan bertindak segera dengan TNB untuk memotong elektrik jika tempat berjudi haram semakin bertambah selepas cukai fi dan levi ke atas sektor perjudian dilaksanakan.

Keenam, dividen khas Petronas. Saya pernah menyebut dalam perbahasan saya adalah amat tidak adil dan saksama jika cukai pendapatan terlebih bayar dan tunggakan pembayaran balik cukai GST sebelum pertukaran kerajaan tidak dipulangkan kepada pembayar-pembayar cukai secepat mungkin. Pembayar-pembayar cukai telah banyak menyumbang kepada negara melalui bayaran cukai berjenis-jenis malahan kegagalan membayar balik oleh kerajaan lama atas sebab yang akan diketahui selepas PAC melaporkan siasatan mereka tidak lama lagi mengakibatkan mereka harus meminjam daripada bank untuk beroperasi dan kos pembuatan barangan akan meningkat kerana ada faedah kena dibayar atas pinjaman. Oleh sebab itu, saya menerima dengan baik keputusan kerajaan untuk memerlukan Petronas membayar RM30 bilion dividen khas untuk tujuan membayar balik tunggakan bayaran balik cukai GST dan juga cukai pendapatan terlebih bayar sebanyak RM37 bilion.

Ketujuh, subsidi minyak. Saya ingin Yang Berhormat Bagan menyatakan apa maksudnya kereta mewah jika kereta itu berkapasiti 1,500cc dan ke bawah. Perkataan mewah memerlukan definisi untuk memastikan bahawa warganegara yang betul-betul memerlukan subsidi diberi subsidi dan bukan yang sebaliknya.

Aplikasi *price catcher*. Aplikasi *price catcher* akan diperkenalkan kepada rakyat untuk memantau harga barangan. Akan tetapi, mengikut pengetahuan saya rakyat jelata yang betul-betul terkilan jika berlaku kenaikan harga barangan, biasanya tidak mampu untuk memiliki telefon pintar atau membeli pelan data atau tidak tahu menggunakan aplikasi-aplikasi telefon pintas. Oleh yang demikian, saya memohon Yang Berhormat Bagan memberi pencerahan. Apa jenis penguatkuasaan yang lebih kesan selain daripada aplikasi *price catcher* yang dimaksudkan yang memerlukan RM20 juta untuk pelaksanaan?

Kesembilan, subsidi elektrik. Saya menerima dengan baik cadangan untuk meningkatkan subsidi elektrik daripada RM20 sehingga RM40 bagi golongan B40 sebelum memohon supaya subsidi 100 peratus diberi kepada semua sekolah rendah dan menengah yang beroperasi bukan untuk tujuan keuntungan juga.

#### ■1440

Yang kesepuluh potongan cukai. Saya memohon Yang Berhormat Bagan menjelaskan apa *social enterprise* yang dimaksudkan bagi tujuan membantu pembayar cukai mengenal pasti sama ada satu *enterprise* adalah *social enterprise* atau tidak supaya mereka boleh menikmati potongan cukai pendapatan yang disediakan oleh kerajaan.

Sebelas, gaji minimum. Saya tidak berapa setuju dengan gaji minimum sebanyak RM1,100 sebulan atas sebab kos sara hidup memang terlalu tinggi bagi rakyat khususnya

keluarga B40. Pada masa yang sama, saya berharap Kerajaan PH akan menyediakan pasukan penguat kuasa untuk memastikan tiada majikan akan menipu dengan mengguna cara mengira gaji minimum dengan memasukkan gaji, OT, elaun makanan, elaun kereta dan elaun penginapan dan elaun-elaun lain.

Yang kedua belas, membaik pulih klinik dan hospital. Saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM10.8 bilion bagi membaik pulih klinik dan hospital. Mudah-mudahan Hospital Sultan Ismail di Tebrau dan Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru dapat dimasukkan dalam senarai hospital yang akan diperbaiki dalam 2019. Begitu juga saya berharap Klinik Kampung Sinaran Baru di Tebrau dapat dinaik taraf untuk memberi perkhidmatan rawatan yang sepenuhnya. Lagi satu yang saya sangat harapkan adalah Klinik Bandar Tiram boleh dipindah kepada Bandar Cemerlang di Ulu Tiram oleh sebab klinik itu adalah punca kesesakan jalan hari-hari di situ. Ini saya berharap ada dalam peruntukan yang disebut.

Yang ketiga belas mempertingkatkan keselamatan. Kerajaan memberi peruntukan pembangunan sebanyak RM5.9 bilion untuk mempertingkatkan keselamatan negeri dan pertahanan negara. Saya berharap ini termasuk kenderaan-kenderaan rondaan untuk bertambah peronda di kawasan-kawasan hitam. Mudah-mudahan ada peruntukan pembangunan untuk mengalihkan balai tiram ke Bandar Cemerlang dan juga Balai Taman Pasir Putih ke Taman Kota Masai di Tebrau kerana Balai Tiram dalam keadaan daif dan Balai Taman Pasir Putih mengguna premis kedai yang amat tidak sesuai.

Yang keempat belas, perumahan untuk semua. Saya memohon bahawa kontraktor-kontraktor pembinaan yang dipilih untuk membina rumah harus melalui tender secara terbuka dan hanya kontraktor-kontraktor yang ada *track record* dengan izin yang baik dan ada modal diri sendiri yang mencukupi untuk menghabiskan pembinaan baru dipilih.

Yang kelima belas pengecualian SST ke atas perkhidmatan pembinaan dan bahan binaan. Saya ingin Yang Berhormat Bagan memberitahu macam mana kerajaan akan memastikan harga projek baharu akan dikurangkan sebanyak 10 peratus apabila tidak ada satu projek pun di pasaran adalah yang sama. Saya bimbang bahawa akan ada pemaju-pemaju yang akan lakukan amalan yang tidak telus dan saksama supaya tidak ada sesiapa yang akan tahu sama ada 10 peratus penurunan harga itu betul-betul dilaksanakan atau tidak.

Yang keenam belas, penjanaaan dana masyarakat atau *property crowdfunding* dengan izin dan perkara ini saya memohon Yang Berhormat Bagan menyatakan sama ada kemudahan *property crowdfunding* dengan izin ini terbuka kepada rumah-rumah yang jenis rumah mampu milik sahaja atau terbuka kepada semua jenis rumah.

Yang ketujuh belas, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Walaupun saya menerima dengan baik kempen membeli pas bulanan RM100 dan RM50 bagi tujuan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam oleh sebab ini akan mengurangkan kesesakan di jalan raya dan mengurangkan juga CO2 di udara kami. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Bagan sama ada jadual untuk diperluaskan bagi meliputi syarikat bas lain boleh dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini atau ini akan diumumkan pada masa yang akan datang.

Laluan Tambak Johor dan laluan kedua ke *Singapore*, saya bagi pihak warganegara yang berulang alik ke Singapura setiap hari mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan PH yang telah memberi komitmen untuk mengurangkan kesesakan yang dihadapi oleh mereka. Cuma saya ingin tahu Yang Berhormat Bagan, bilakah kerja menaik taraf *autogate Malaysia Automated Clearing System* dan MBike akan bermula dan habis supaya yang terjejas tidak perlu bertanya-tanya lagi bilakah kesulitan mereka akan dapat perhatian daripada Kerajaan PH.

Yang kesembilan belas, penyumbang kepada tabung penyelenggaraan sekolah layak menuntut potongan cukai. Kelayakan untuk potongan cukai akan menggalakkan warganegara menyumbang kepada tabung penyelenggaraan tetapi hanya terpakai kepada sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan dan yang lain akan diberi pertimbangan kes demi kes. Saya berharap sekolah dan institut pengajian tinggi yang beroperasi bukan untuk keuntungan tetapi untuk memacukan pendidikan dan budaya harus dimasukkan sekali dalam inisiatif ini dan diperluaskan kepada tabung pembinaan bangunan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menyeru Kerajaan Persekutuan PH untuk mengarah ke semua kerajaan tempatan untuk mengadakan garis panduan untuk memberi pengecualian pembayaran keperluan wang perkhidmatan awam atau ISF dengan izin kepada semua dan institut pengajian tinggi yang beroperasi bukan untuk keuntungan oleh sebab dana yang diterima oleh sekolah dan IPT ke semuanya adalah sumbangan daripada rakyat.

Yang kedua puluh, harapan membawa pulang pingat emas pertama di Sukan Olimpik. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik hasrat Kerajaan PH untuk membawa pulang pingat emas Olimpik pertama tetapi saya lebih prihatin kepada usaha-usaha selepas atlet kita membawa pulang pingat emas khususnya para atlet OKU. Saya memohon Yang Berhormat Bagan menyatakan sama ada kita ada memperuntukkan dana untuk membantu para atlet OKU yang telah membawa pulang pingat emas untuk menjana pendapatan untuk menanggung kos sara hidup mereka atau kita ada sediakan pekerjaan untuk mereka atau akan membantu mereka mencari pekerjaan kerana kebanyakan mereka datang daripada keluarga yang di golongan B40.

Pingat emas Para Asia 2018 dalam acara trek 400 meter adalah Siti Nur Aisyah binti Mohd Ariffin daripada Tebrau. Kini beliau sedang mencari pekerjaan tetapi tidak berjaya selama ini. Lonjakan industri, Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat kerana telah memperuntukkan beberapa jenis bantuan untuk memastikan pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang negara kita khususnya SME yang tidak ketinggalan bersaing daripada SME-SME di sekitar Rantau Asia Timur Selatan. Kebanyakan industri kita merupakan SME dan mereka wajib dibantu dalam usaha mengautomasikan proses pengeluaran atau pembuatan supaya tidak terlalu bergantung kepada pekerja buruh yang tidak mahir. Begitu juga bantuan harus diberikan kepada SME untuk memasarkan Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Tebrau, sila menggulung.



**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** ...berjaya sebagai global halal *hub*. Izinkan dua minit lagi boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada dua minit, masa sudah tamat.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Okey, okey, saya penutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kerana masa itu emas.

#### ■1450

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Okey penutup. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Yang Berhormat Bagan untuk mempercepatkan pelaksanaan sistem perakaunan perakruan ataupun *accrual accounting*, dengan izin bahawa satu jadual pelaksanaan oleh kesemua agensi kerajaan, kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan boleh disediakan dan dijadualkan penghabisan pelaksanaan pada 31 Disember 2020 selewat-lewatnya untuk memastikan kedudukan kewangan negara termasuk kedudukan hutang negara yang dikemukakan kepada rakyat adalah benar dan betul.

Kuasa Audit Negara juga harus diperluaskan dan beliau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, sila menggulung.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Kena diberi kebebasan untuk memilih mana-mana entiti untuk melakukan audit dan jika beliau suspek satu perkara yang dalam sudut pengauditan terpaksa disiasat dengan lebih dalam, Ketua Audit Negara harus berlaku begitu tanpa campur tangan daripada pihak atasan.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Belanjawan 2019.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih dan syabas juga kepada Yang Berhormat Tebrau. Walaupun masa singkat, sempat membangkitkan 20 perkara. Syabas saya ucapkan, padat dan ringkas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jempol, sila.

#### 2.51 ptg.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta pada hari ini untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019. Ingin saya petikkan kata-kata Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, "Apa yang berlaku pada masa yang lalu adalah sejarah dan pentadbiran baharu perlu berhenti menyalahkan kerajaan sebelum ini serta memberi tumpuan kepada usaha menunaikan janji kepada rakyat yang mengundi mereka pada PRU yang ke-14".

Sebelum ini, Manifesto Pakatan Harapan telah menjanjikan penjimatan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM20 bilion setahun, ternyata telah gagal untuk dikotakan kerana tiada sebarang penjimatan berlaku dalam Belanjawan 2019. Jumlah keseluruhan perbelanjaan telah meningkat sebanyak RM34.3 bilion, bersamaan 12 peratus daripada RM282.3 bilion bagi 2018 kepada RM316.6 bilion bagi 2019. Perbelanjaan mengurus meningkat 11

peratus, manakala perbelanjaan pembangunan meningkat 18 peratus. Kerajaan PH juga menjangkakan kutipan hasil negara meningkat sebanyak RM21.9 bilion iaitu RM261.8 bilion bagi 2019 berbanding RM239.9 bilion bagi 2018.

Walau bagaimanapun, jumlah tersebut melibatkan RM30 bilion dividen khas daripada Petronas. Keseluruhan Petronas akan membayar dividen berjumlah RM54 bilion berbanding sebelum ini hanyalah sebanyak RM15 bilion hingga RM30 bilion. Bermakna, Malaysia kembali meletakkan kebergantungan terhadap wang Petronas bagi tujuan perbelanjaan kerajaan. Belanjawan kali ini didapati tidak ada sebarang perkara baharu yang boleh dibanggakan dan temanya yang gah itu pun boleh disifatkan sebagai, '*Indah khabar dari rupa*'.

Selain itu, kita juga dapat menyaksikan kebajikan masyarakat di luar bandar telah dipinggirkan dan didiskriminasikan di bawah tadbir Kerajaan PH menerusi agihan belanjawannya. Semasa pembentangan, tidak ada perkataan disebut sebagai "*pesawah, petani, peladang, penoreh getah dan nelayan*". Ini disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Adakah golongan ini tidak ada kepentingan buat Kerajaan PH? Sekiranya benar, mereka juga harus diberi perhatian dan pembelaan yang sewajarnya.

Sebelum ini kebajikan golongan ini sangat ditekankan dan diberikan peruntukan yang paling besar sebanyak RM6.5 bilion pada Belanjawan 2018. Antaranya sejumlah RM2.3 bilion bagi bantuan insentif seperti baja serta input pengeluaran kepada pesawah, pekebun kecil, getah dan nelayan. Bantuan Musim Tengkujuh bagi pekebun kecil dan penoreh getah berjumlah RM261 juta telah diperuntukkan untuk membantu lebih kurang 440,000 penoreh getah dan pekebun kecil.

Skim Bantuan Khas Pesawah Sementara Menunggu Hasil berjumlah RM150 juta telah diperuntukkan bagi membantu 200,000 petani. Elaun Sara Hidup Nelayan berjumlah RM12 juta telah diperuntukkan bagi membantu sekitar 5,200 nelayan. Wang sara hidup bulanan peneroka bagi yang terlibat dalam skim tanaman semula RM1,000 hingga RM1,500 dibayar setiap bulan bagi memanfaatkan sekitar 31,000 peneroka. Harapan masyarakat luar bandar, khususnya peneroka FELDA, yang bertarung untuk melawan kesengsaraan hidup mereka ketika ini, jelas sekali tidak kesampaian di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

Merujuk kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Langkawi pada 10 November, beliau menyatakan bahawa kerajaan tidak akan meneruskan pemberian insentif kepada nelayan, penoreh getah dan juga peneroka sawit, sedangkan pada masa ini, keadaan kewangan mereka begitu tenat, memerlukan pembelaan kerajaan. Pada siapa lagi mereka mahu mengharapkan belas ihsan, kalau bukan daripada kerajaan yang memerintah.

Kita tahu bahawa kedudukan sawit sekarang dalam bulan Januari adalah sebanyak RM530 setan. Sekarang di bulan Oktober adalah sebanyak RM380 setan. Ini menunjukkan kejatuhan harga sawit yang berlaku sejak Mei 2018 memberi kesan pada pendapatan peneroka seluruh negara. Purata setiap peneroka mempunyai 10 ekar tanah dan dapat menghasilkan sekitar lapan tan sebulan, sekiranya tidak berlaku sebarang masalah menyumbang kepada kekurangan hasil sawit. Pada masa ini, purata pendapatan peneroka sekitar RM1,000. Begitu juga dengan pekebun getah. Purata pendapatan bulanan mereka hanyalah RM900, setelah

harga getah jatuh merudum kepada RM1.80 sekilogram. Walau bagaimanapun, tidak ada pengumuman yang boleh melegakan mereka menerusi Belanjawan 2019. Apakah ini dimaksudkan dengan bajet korban dan perlu ditanggung oleh masyarakat luar bandar?

Awal tahun 2019 nanti, sesi persekolahan akan bermula. Bagaimana mereka hendak menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak mereka? Maka, tidak hairanlah kita mendengar ada di antara mereka yang terpaksa meminjam daripada along. Kerajaan PH tidak seharusnya mengamalkan sikap prejudis terhadap golongan ini dan menghukum mereka melalui Belanjawan 2019. Lebih menyedihkan insentif yang diumumkan masih berkaitan dengan program ...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya tidak ada masa, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong minta mencelah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong hendak balas.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Lebih menyedihkan insentif yang diumumkan masih berkaitan dengan program biodiesel...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Pembinaan jalan raya berasaskan getah, insentif pengurangan getah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jempol tidak bagi laluan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sangat mendukacitakan kerana sebelum ini ada lagi sebarang insentif ataupun alternatif baru daripada Kerajaan PH untuk menstabilkan harga komoditi tersebut dalam membantu menambah pendapatan para peneroka. Keputusan yang dibuat menerusi Belanjawan 2019 jelas menunjukkan bahawa Kerajaan PH tidak komited dalam membantu ekonomi peneroka yang telah terjejas teruk dalam PRU Ke-14.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, betullah sebab Barisan sudah curi duit semua.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sebelum ini ketika Kerajaan BN...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita baru memerintah enam bulan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kerajaan BN...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tunggulah. Beri kita masa dua tahun, tiga tahun lagi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kerajaan BN menerusi projek ECRL ...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mana ada curi duit.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kepada syarikat milik Kerajaan China secara tidak langsung telah mendatangkan manfaat ...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang simpan di rumah Yang Berhormat Pekan banyak-banyak itu duit siapa?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kepada peneroka FELDA di seluruh negara.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Duit GST mana pergi?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Malaysia telah mengeksport hampir 20 bilion setiap tahun kepada China bagi minyak sawit dan getah. Februari lalu, Duta China juga telah mengumumkan bahawa China tidak akan meletakkan sebarang had.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jempol, Jelutong minta laluan hendak balas.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ada 15 minit. Ada 15 minit ini saya bagi selepas ini. Duduk dulu Yang Berhormat Jelutong. Jangan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jempol jangan marah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak marah. Suka.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hendak balas saja.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Suka. Selepas ini *you* cakap. [Ketawa] Eksport ke China telah melonjak. Namun segalanya telah lenyap dengan sekelip mata di bawah era pentadbiran Kerajaan PH. Di saat peneroka di seluruh negara bergelut dengan kepayahan hidup, China pula telah menandatangani kontrak pembelian sawit daripada Indonesia yang bernilai RM3 bilion seberat 1.1 juta tan bagi jangka masa satu tahun akan datang.

Pada Julai 2018, Presiden dan CEO Felda Global Ventures, Dato' Zakaria Arshad telah memperakui bahawa sememangnya terdapat penurunan permintaan sawit Malaysia dari China. Apakah yang sudah terjadi?

#### ■1500

Sebelum ini, hubungan baik antara Malaysia dan China sering dipolitikkan. Pelbagai tuduhan dilemparkan, kononnya Kerajaan Barisan Nasional mahu menjual negara dan juga menggadaikan kedaulatan negara. Hakikatnya, perkara tersebut adalah tidak benar dan sengaja dilakukan untuk mewujudkan persepsi buruk terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan kebajikan peneroka, saya berharap agar Kerajaan Pakatan Harapan menimbang semula keputusan berkenaan pemberian insentif yang diperkenalkan sebelum ini.

Saya juga ingin mencadangkan agar Kerajaan Pakatan Harapan memberikan bantuan *one-off* kepada peneroka serta mewujudkan satu mekanisme baharu dengan meletakkan kadar harga lantai RM500 setan bagi sawit dan RM4 sekilogram bagi getah bagi membantu golongan tersebut menghadapi fasa ketidakpastian pasaran komoditi.

Seterusnya, Perumahan Generasi Baharu FELDA. Tiada sebarang perincian yang disentuh dan diumumkan berkaitan perkara ini menerusi Belanjawan 2019. Sedangkan Manifesto PH telah berjanji untuk membina bandar-bandar baru FELDA dan perumahan generasi kedua yang lengkap dengan kemudahan asas, Internet dan fasiliti rumah kedai bagi mencipta peluang usahawan.

Apakah dosa mereka sehingga dilupakan oleh Kerajaan PH? Di Jempol sahaja terdapat sekitar 1,800 rumah generasi baharu FELDA yang masih terbengkalai.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jelutong hendak tanya tentang skandal FELDA Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sedangkan, mereka ini masih menumpang di rumah ibu ayahnya. Saya menuntut penjelasan perkara ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jempol, skandal FELDA di mana di Barisan Nasional guna duit untuk beli hotel, boleh ulas tidak?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Selain itu, saya juga ingin mengetahui perancangan Kerajaan PH terhadap golongan kedua FELDA serta pelan tindakan kerajaan bagi memastikan generasi FELDA akan dapat kalis pengangguran.

Seterusnya, pembinaan dan pembaikan rumah rakyat miskin di luar bandar. Semasa pembentangan Belanjawan 2019, perkara yang disentuh oleh Program Perumahan Rakyat, Perumahan Penjawat Awam Malaysia, PR1MA dan Syarikat Perumahan Nasional Bhd dengan peruntukkan RM1.5 bilion. Walau bagaimanapun, tiada perincian berkenaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kawasan luar bandar. Adakah masyarakat luar bandar sememangnya sudah tiada dalam kamus pentadbiran Kerajaan PH? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan perkara ini.

Seterusnya, inisiatif kontroversi subsidi minyak RON95. Pengumuman insentif ini telah menjadi pertikaian dan perdebatan pelbagai pihak. Saya juga tidak bersetuju dengan kaedah penentuan yang ditetapkan kerana terlalu luas dan tidak spesifik, ibarat 'lurus di depan, rencong di dalam'.

Insentif ini dilihat tidak adil kerana kereta tempatan yang bersifat mampu milik tidak layak untuk mendapatkan subsidi tersebut seperti Proton Saga 1.6, Proton Wira 1.6 dan lain lagi. Sedangkan kereta import mewah yang berkapasiti bawah 1,500cc layak menerimanya. Saya kira insentif bersasar ini telah jauh tersasar daripada landasan tanpa formula pengagihan yang tepat agar dapat dimanfaatkan oleh semua kumpulan sasar.

Setelah pengumuman dibuat, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengeluarkan kenyataan bahawa mekanisme subsidi petrol tersebut masih lagi di peringkat kajian. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan PH tidak serius dengan setiap perkataan yang diucapkan.

Selain itu, subsidi ini juga akan mula dilaksanakan setelah minyak diapungkan semula seperti sebelum ini. Perkara ini jelas bertentangan dengan janji PH untuk menstabilkan dan menurunkan harga petrol jauh lebih murah berbanding era pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Saya fikir lebih baik Kerajaan PH memperkenalkan subsidi barangan makanan berbanding subsidi petrol. Saya percaya bahawa subsidi barangan makanan akan lebih dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia sama ada berada di dalam bandar, luar bandar atau pedalaman, maka makanan merupakan keperluan harian rakyat.

Tambahan pula, keadaan ekonomi masyarakat luar bandar tidak menentu akibat ketidakstabilan harga komoditi. Pada saya, insentif pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan

yang meliputi perkhidmatan rel dan bas RapidKL dengan peruntukan RM240 juta sudah memadai bagi masyarakat bandar. Masyarakat luar bandar tidak dapat manfaat langsung daripada insentif tersebut.

Kalau subsidi 30 sen seliter, kereta terhad 100 liter bersamaan RM30 sebulan. Bagi motosikal terhad 40 liter bersamaan RM12 sahaja sebulan. Perkiraan ini sudah tentunya tidak adil kerana orang susah mempunyai motosikal diberi subsidi lebih rendah berbanding yang mempunyai kereta iaitu sama nilainya dengan harga sekampit beras 5kg. Di mana saya jangkakan bahawa kalau perkenalkan beras tersebut sudah pasti lah beras BERNAS, boleh kita bagi kepada rakyat yang berada di luar bandar yang tidak ada stesen minyak, yang tidak boleh gunakan minyak petrol dan sebagainya. Saya mahukan bahawa beras-beras ini kita *branding* seperti beras yang ada kualiti. Saya bagi contoh Beras Wangi Super Cap Langkawi, Beras Perang Cap Bagan, Beras Hancur Cap Jelutong. [*Dewan ketawa*] Tujuan saya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, sebelah saya, bagi *chance* dulu.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Beras-beras yang hendak ditawarkan kepada penduduk luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Eh! Beras hancur itu cap Pekan lah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Saya hendak tanya, apakah beras yang lebih baik ada dalam senarai?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sebenarnya beras hancur ini baik, saya oleh kerana tanya soalan itu sebelah saya, saya jawab. Beras hancur ini buat capati, buat tose. Jangan pandang persepsi buruk kerana beras hancur ini lagi mahal kadang-kadang.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Siapa makan capati?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Akan tetapi tidak tahu nilai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa tinggal 10 saat lagi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tujuan saya membangkitkan isu yang lain iaitu—oleh kerana masa yang tidak ada. Membangkitkan perkara elaun guru pedalaman yang mana guru pedalaman selama ini tidak di bela. Guru pedalaman 1, elaunnya RM500, pedalaman 2, RM1,000 dan pedalaman 3, adalah RM1,500. Tidak pernah dikaji elaun tersebut, kepayahan guru-guru. Kita sibuk pasal sekolah daif tetapi kita tidak pernah sibuk tentang guru-guru yang daif berada di pedalaman yang mendidik anak bangsa kita.

Jadi, dalam bajet ini saya meminta Menteri Kewangan agar memikirkan bagaimana guru-guru yang di pedalaman, tidak ada bekalan elektrik, tidak ada *handphone*, tidak ada internet, tidak ada rumah dan sebagainya. Kesusahan dan kesengsaraan mereka tidak boleh dibayar dengan duit. Akan tetapi namun duit juga diperlukan untuk berada di pedalaman. Kita minta naikkan setiap P1 RM500, P2 RM500 dan juga P3 RM500. Sebelum saya menggulung, keadaan ini dah begitu cemas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Begitu cemas, begitu cemas. *Last, last.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Tidak payah menggulung lagi.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Buang masa lah, cukup lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila duduk, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya akan menggulung kan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, patut sarankan guru-guru pun diberi beg Birkin Yang Berhormat

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya akan menggulung.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Semua isteri Yang Berhormat Pekan dah sapu dah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya berharap agar belanjawan Pakatan Harapan disemak semula bagi memastikan masyarakat luar bandar juga mendapat manfaat terutama melibatkan insentif dan bantuan alternatif kepada golongan peneroka, penoreh getah, pekebun kecil, nelayan dan sebagainya.

Bagi mengakhiri perbahasan, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun yang telah dicipta oleh salah seorang penduduk di Jempol yang berbunyi:

*Harapan rakyat setinggi gunung,*

*Hancur berderai menjadi debu,*

*Kesengsaraan pula berat ditanggung,*

*Apabila harapan ternyata hanyalah palsu.*

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Pantun koyak lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa memang terhad kecuali Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tamatkan persidangan pada pukul 12.00 malam. Saya sekarang jemput Yang Berhormat Kuala Kedah. Sila.

### 3.08 ptg.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya turut sama berdebat dalam isu Belanjawan 2019. Pertamanya saya ingin ucapkan tahniah kepada *team* Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana menyediakan satu belanjawan yang di luar jangkaan. Kita menjangkakan satu belanjawan yang jauh lebih ketat, lebih membebankan tetapi ini satu belanjawan yang *surprisingly better than expected* pada saya, mengambil kira semua keadaan sekarang. Ini belanjawan pertama yang menggunakan kaedah *zero-based budgeting* iaitu belanjawan atau *budgeting* berasaskan sifar. Maknanya kita melihat kembali semuanya.

Saya berharap dengan belanjawan ini yang sepatutnya dengan *zero-based budgeting* ini akan lebih sensitif, *kalibrasinya* akan lebih baik, lebih tepat. Maka, segala pembaziran, ketirisan yang disebut di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, lima tahun yang lepas masa saya mula-mula masuk ke sini sepanjang lima tahun tersebut seperti *Christmas shopping*. Kementerian Pertahanan sebab tidak mahu belanjawan itu atau bajet itu hangus begitu, maka dilakukan *shopping* di hujung tahun. Sedangkan benda-benda yang dibeli itu di simpan dalam stor dan tidak digunakan, itu akan dapat dielakkan.

■1510

Juga, saya berharap dengan *zero-based budgeting* dan belanjawan yang lebih sensitif, *kalibrasinya* lebih tepat, maka segala peruntukan yang kita berikan sebahagian daripada, dengan izin, *affirmative action* akan lebih tepat sampai ke sasarannya.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu ragu apabila peruntukan yang kita lihat itu kurang daripada yang lepas angka-angkanya bagi sara hidup nelayan, petani dan lain-lain lagi. Ini kerana sifat belanjawan ini ialah ia sensitif kepada segala yang disebut dalam perbahasan dan sensitif pada segala *feedback*. Ia tidak rigid, ia fleksibel, ia anjal. Maka itu harus kita ambil kira.

Oleh kerana itu juga, saya mengalu-alukannya kerana kita memegang amanah yang besar, wang rakyat. Sebelum ini, bukanlah satu rahsia sara hidup nelayan misalnya— saya dari kawasan Parlimen Kuala Kedah, ramai nelayan pesisir pantai di kawasan saya— bukan rahsia— bahawa orang yang tidak ada kena-mengena dengan nelayan ataupun tidak pergi ke laut tetapi kerana mereka berada dalam kedudukan tertentu dalam masyarakat, mereka dapat sara hidup, mereka juga mengambil subsidi diesel dan petrol dan menjualnya.

Saya tidak mengatakan ramai— tidak— tetapi setiap tempat ada ceritanya. Itu membazirkan wang rakyat yang banyak. Kita pegang amanah, maka kita perlu tunaikan amanah dengan baik dan sasarkan kepada yang perlu. Itu saya harap, *insya-Allah*, akan kita capai melalui belanjawan ini yang sepatutnya lebih sensitif dan *kalibrasinya*, *calibrationnya*, dengan izin, lebih tepat.

Oleh kerana itu, saya alu-alukan apa yang dibentangkan baru-baru ini. Tidak timbul persoalan seperti yang dibangkitkan oleh pembahas sebelum saya ini misalnya, tentang kereta tadi— kereta mewah dan kereta tidak mewah— tidak. Sebab, ia sensitif. Kalau orang membeli BMW atau Mercedes walaupun CC nya itu boleh dapat subsidi, dia tidak akan dapat. Itu akan diperhaluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga gembira kerana belanjawan ini mengambil kira falsafah yang dahulu diperjuangkan oleh Pakatan Rakyat dan akhirnya Pakatan Harapan iaitu walau apa keadaan sekalipun, walaupun kita terpaksa mengikat perut kita, tetapi pendidikan kita utama dan kesihatan kita tetap letak sebagai satu keutamaan. Belanjawan ini memberikan peruntukan yang terbesar kepada pendidikan sebanyak RM60 bilion dan RM29 bilion kepada kesihatan. Itu pada saya ialah satu pelaburan yang baik. Pendidikan dan masa depan negara terus terjaga dengan kita beri peruntukan yang secukupnya kepada anak-anak kita yang di sekolah dan di universiti



dan kesihatan rakyat terus dipelihara. Apabila kita sihat, kita dapat terus menjaga negara dengan baik, kita dapat cari rezeki dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut di sini bahawa walaupun beberapa kali dibangkitkan tentang isu baja untuk petani dan segala subsidi dan bantuan dalam sektor pertanian yang pada saya juga satu benda yang sangat penting kerana saya juga mewakili sebahagian besar petani di kawasan saya, dan saya mengambil maklum daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa yang akan dilakukan adalah melihat kembali dengan lebih rasional, dengan lebih objektif akan segala bantuan tadi, tetapi saya berharap bahawa akhirnya di penghujung perdebatan kita, maka satu *recalibration*, dengan izin, akan dilakukan dan akhirnya segala bantuan tadi dalam bentuk *affirmative action* akan sampai.

Saya mengalu-alukan kerana walaupun di masa yang lepas kita membelanjakan ratusan juta ringgit untuk subsidi baja, subsidi racun, tetapi maklum balas daripada semua Ahli Parlimen sebelah sana dan sebelah sini di Parlimen yang lepas, hampir semua memberikan maklum balas bahawa petani tidak menggunakan baja yang diberi dan racun yang diberi kerana tidak berkesan. Kita harus lihat balik, kita harus memutihkan balik senarai pembekal, pengedar dan pembuat dan harus melihat kembali baja itu sendiri misalannya.

Saya ingat mantan Yang Berhormat Sungai Siput, beliau banyak kali menyebut perkara ini. Dr. Michael Jeyakumar, beliau menyebut bahawa beliau berjumpa ramai petani di Perak, mereka tidak gunakan racun dan baja kerana tidak berkesan. Kita menyalahkan mereka kerana tidak menggunakan dan menjual baja dan racun tadi. Sedangkan, ada orang yang mengaut ratusan juta. Mungkin apa yang dibekalkan itu hanya hampas-hampas yang tidak berkesan. Tidak ada sesiapaupun memerlukannya.

Oleh kerana itulah dalam bajet ini, dalam belanjawan ini, harus kita lihat kembali segala-galanya daripada kandungan baja dan racun tadi, daripada pembekalnya, daripada harganya, daripada pengedarnya. Maka itulah baru kita capai hasrat belanjawan ini menjalankan amanah rakyat, memberikan bantuan secara *affirmative* kepada petani, nelayan dan lain-lain lagi yang berkesan. Bukan yang berlaku di mana kita menyalahkan mereka tetapi kita memberikan hampas-hampas yang tidak ada gunanya kepada mereka dan oleh kerana itu mereka tidak gunakan dan sebahagiannya menjualnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya akan terus kepada isu yang pernah menjadi portfolio saya ketika kita pembangkang iaitu isu kesihatan. Ini kerana ancaman kepada kesejahteraan rakyat, selain daripada apa yang telah kita sebutkan ini, ialah masalah kesihatan.

Dalam konteks ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana mesej Deepavali beliau baru-baru ini adalah merupakan satu mesej yang popular. Ramai rumah orang Tamil yang saya kunjungi, mereka gembira mendengar beliau bertutur dalam bahasa Tamil walaupun sebutannya mungkin bukan *dokto* tapi *dakte* ya.

Akan tetapi, mesej itu merupakan satu anjakan yang besar. Beliau menyebut tentang mengurangkan gula. Itu anjakan yang besar, anjakan paradigma. Anjakan paradigma kerana sebelum ini Kementerian Kesihatan tidak memfokuskan kepada masalah terbesar, punca

terbesar penyakit-penyakit tidak berjangkit atau yang disebut sebagai, dengan izin, *non-communicable diseases*— diabetes, darah tinggi, sakit jantung, strok dan lain-lainnya— iaitu masalah terbesarnya adalah makan yang toksik.

Kementerian Kesihatan sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa kali saya berbahas di Parlimen, jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang lepas ialah bahawa fokus mereka ialah kepada kalori. Mungkin ini satu benda yang agak teknikal tetapi saya akan sebut secara dasar. Fokus kalori maksudnya *calorie in* dan *calorie out* harus seimbang. Kalau tidak seimbang, itu mendatangkan masalah kesihatan. Kena tambah dengan *exercise*.

Maka di rata-rata tempat di lebuhraya, di tepi pantai, di kampung-kampung diletakkan karipap berapa kalori, pisang berapa kalori bersamaan dengan jalan 1.5 meter, 400 meter, 500 meter. Di masjid juga ada. Dan diletakkan piramid makanan, kemudian diletakkan kalori. Itu ialah falsafah lama 40 tahun lebih. Ia tidak berkesan. Tidak ada satu pun kajian saintifik membuktikan ia berkesan dalam menangani NCD atau *non-communicable diseases*. Akan tetapi itulah yang dilaburkan masa, tenaga dan wang ringgit oleh Kementerian Kesihatan yang lepas, disokong oleh Kementerian Kerja Raya di lebuhraya-lebuhraya diletakkan mi bandung berapa kalori. Itu tidak berkesan dan membuang banyak masa.

Saya melihat ucapan Deepavali Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini sebagai satu anjakan paradigma. Sekarang ini kita tidak ada piramid makanan lagi, tidak ada. Apa yang ada adalah makanan toksik dan tidak bertoksik. Paling toksik ialah gula putih atau *refine sugar*. Itu fokus yang benar. Seterusnya adalah *refine carbohydrate*. Itu fokus yang tepat. Saya melihat ini satu fokus yang jauh lebih berkesan.

Ini kerana di tempat saya, golongan miskin B40, nelayan, mereka bekerja siang malam bertungkus-lumus membanting tulang. Mereka tidak ada isu tidak *exercise* tetapi merekalah yang paling banyak terkena penyakit *non-communicable diseases* seperti *diabetes*, *hypertension*, darah tinggi, jantung dan strok. Umur 25 tahun, 22 tahun sudah ada diabetes, darah tinggi. Umur 29 tahun sudah ada strok dan kena serangan sakit jantung. Ini kerana pagi mereka sarapan dengan minuman gula yang sangat murah dapat di semua kawasan setinggan dan sarapan mereka ialah karbohidrat ringkas yang dikoyak daripada plastik dan dimakan dan terus mereka bekerja.

Itu isu yang tidak sama sekali diberikan fokus oleh Kementerian Kesihatan dengan fokus kalori mereka yang lepas. Saya berharap *team* baharu Kementerian Kesihatan yang saya rasa lebih terbuka kepada pandangan baharu, lebih saintifik *approach* nya, pendekatannya, maka akan lebih baik. Kerana itu yang lebih berkesan.

Oleh kerana itu, walaupun banyak orang meragui apa yang disebut dalam ucapan belanjawan tentang cukai minuman bergula yang disebut secara popular sebagai *soda tax* di negara-negara lain, saya sangat positif itu adalah satu langkah yang baik. Ini kerana sekurang-kurangnya ia melabelkan apa yang bahaya seperti juga kita melabelkan rokok atau merokok sebagai satu perbuatan yang bahaya. Maka minuman bergula ialah satu masalah yang besar. Saya akan beri bukti-bukti saintifik apabila kita berbahas nanti. Akan tetapi, itu satu langkah yang

sangat baik, satu permulaan pada saya yang sangat baik bagi sekurang-kurangnya bagi menyedarkan rakyat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** [Bangun]

■1520

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya mohon maaf kerana masa sangat terhad. Itu kita akan sentuh lagi bila kita berbahas nanti, *insya-Allah* Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya juga dulu di Kubang Kerian, tahun 1985-1987 di USM. Itu satu masalah tentang *non-communicable disease* (NCD).

Kedua ialah tentang pengagihan dadah dan bahan-bahan yang menyebabkan ketagihan. Bahan-bahan yang merosakkan seperti ketum, gam dan lain-lain lagi. Saya mengambil maklum dan mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa Kementerian Dalam Negeri akan melihat kembali isu ketum dan akan mendrafkan undang-undang yang baru. Saya dari dulu mengatakan bahawa kita perlu ada satu akta khusus untuk ketum.

Tuan Yang di-Pertua, ketum ialah satu masalah besar di kawasan saya dan penyalahgunaan ketum bermula di Parlimen Kuala Kedah. Saya nak sebut di sini bahawa cara kita melihat ketum ini pada saya adalah tidak tepat. Ketum ialah herba tradisional yang ada kesan ubatnya. Seperti semua ubat, ia sesuai untuk orang yang memerlukan ubat dan bukannya untuk orang yang tidak ada sebarang masalah kesihatan yang memerlukan ubat ketum tadi.

Maka kerana itulah saya meminta supaya akta khusus dibuat bagi mengawal penyalahgunaan ketum. Akan tetapi kita juga harus ada akta yang sensitif yang boleh memberikan kebenaran kepada petani-petani tertentu dengan kawalan tertentu yang *straight*, yang ketat menanam ketum untuk industri perubatan yang mana kita bukan sahaja ada kepentingan tetapi kita sebenarnya ada *the itch* dengan izin. Kita ada kelebihan. Kelebihannya adalah kerana ketum yang paling berkesan, yang *mitragynine* nya cukup, hanya tumbuh di kawasan utara Semenanjung khususnya di Kedah, Perlis dan juga Kelantan.

Ketum boleh dibawa dan ditanam di Florida tetapi tidak ada *mitragynine* dan ketum ialah satu ubat yang berpotensi untuk penyakit saraf dan juga untuk beberapa penyakit lain. Maka kerana itu saya merasakan kita ada *research* yang baik di USM dan beberapa tempat yang lain. Oleh kerana itu kita perlu ada satu akta khusus. Selama ini kita cuba mengawal penyalahgunaan dadah dengan menggunakan *Dangerous Drug Act* (DDA) atau Akta Dadah Berbahaya. Itu tidak betul. Dia tidak boleh *one size fits all*. Tidak boleh. Tidak boleh!

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Mohon maaf, Yang Berhormat. Sekejap sahaja Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tinggal satu minit sahaja.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, saya mohon maaf. *Very sorry my neighbor*. Maka kita perlu ada akta-akta khusus. Akta khusus, daun ketum ini misalnya dia ubat tradisional. Kalau kita menjadikan ia sebagai dadah berbahaya, tumbuh di belakang rumah kita, masalah.

Dia *indigenous plant*. Tumbuhan yang boleh tumbuh bila-bila masa dan ia juga boleh digunakan untuk ubat. Maka kita kawal.

Mungkin kita boleh ambil model Turki. Petani menanam opium tetapi mereka kawal bersungguh-sungguh. Opium itu digunakan untuk industri *pharmaceutical*. Kita juga beli opium. Mungkin kita boleh kaji tetapi kita bincangkan. Akan tetapi berbaloi kita bincang. Kalau kita haramkan semua, hapuskan semua, apa faedahnya? Orang yang menggunakannya dengan betul. Akan tetapi penyalahgunaan, anak-anak sekolah diumpan, dijadikan penagih ketum, tangkap dan hukum. Tutup, rampas dan juga rotan budak-budak yang beli ketum. Apa salahnya? Apakah kita tidak boleh fleksibel? Sangat *rigid* undang-undang kita sampai tidak boleh nak fleksibel.

Akhir sekali, begitu juga tentang *cannabis oil*. *Cannabis oil* ada kebaikannya dan kita tahu ada kebaikan. Kita juga perlu ada *accessibility* dan guna. *Seizure* dan epilepsi yang tidak boleh dikawal dengan ubat lain boleh dikawal oleh kanabis dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas izin yang diberikan. Walaupun tidak sempat nak habiskan semua tetapi saya gulungkan dengan saya menyokong belanjawan ini dan saya berharap dari selepas perbahasan ini kita akan dapat benda-benda *feedback* dan input yang baik dan belanjawan ini akan diperbaiki lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang. Selepas itu Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sila.

### 3.24 ptg.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Belanjawan 2019 ini sangat penting terutamanya bagi saya dan rakyat Hulu Rajang khususnya. Saya amat mengharapkan Belanjawan 2019 ini adalah lebih baik dan lebih menguntungkan untuk rakyat. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, rupanya bukanlah seperti yang saya jangkakan, Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan sebanyak RM4.346 bilion kepada negeri Sarawak. Belanjawan 2019, Sarawak hanya mendapat RM4.34 bilion sedangkan negeri Sabah yang saiznya lebih kecil mendapat peruntukan sebanyak RM5 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Adakah peruntukan terhadap rakan kongsi gagasan Malaysia ini berpandukan parti politik mana yang memerintah semamata, Tuan Yang di-Pertua? Tidak masuk akal langsung, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apa rasional Sarawak mendapat peruntukan yang lebih kecil daripada negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua.

Kejatuhan harga minyak sawit kepada paras amat rendah sekali. Harga FAB kelapa sawit satu tan di kawasan Hulu Rajang hanya RM350 per tan. Gred B berharga RM321, gred C berharga RM289. Lingkungan harga ini sangat rendah dan tidak boleh menampung kehidupan pekebun-pekebun kecil di kawasan pedalaman saya di Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua. Harga yang rendah dan lambakan eksport yang tinggi bagi minyak sawit bukanlah satu kombinasi yang

menguntungkan. Sudahlah kita menggalakkan lebih ramai petani mengusahakan tanah, bila sudah tanam, harga menjunam pula. Kesian pekebun kecil kita di pedalaman, Tuan Yang di-Pertua.

Pembangunan seimbang, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM240 juta untuk pas bulanan RM100 tanpa had untuk perkhidmatan rel Kuala Lumpur. Akan tetapi bagaimana pula dengan rakyat di pedalaman? Di Hulu Rajang. Mereka bergantung sepenuhnya terhadap pengangkutan sungai. Menggunakan bot ekspres, Tuan Yang di-Pertua. Tiada jalan lain, tiada alternatif. Mereka terpaksa menggunakan bot ekspres. Macam kawasan saya pergi ke Kapit, ke Sibu, Tuan Yang di-Pertua. Itu pengangkutan awam.

Dengan kos tambang pergi balik sebanyak RM70 seorang. Tidak murah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau pergi ke Belaga, juga. Dari Kapit pergi ke Belaga, kosnya RM55 seorang. Kalau ulang-alik, berharga RM110, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan sahaja terjadi di kawasan Parlimen Hulu Rajang. Ini juga terjadi di kawasan Parlimen Kapit, di Bintulu, di Baram. Semuanya bergantung kepada pengangkutan awam sungai yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mendengar pembelaan Yang Berhormat Port Dickson tempoh hari kepada golongan miskin tegar di Sarawak dan Sabah. Saya berterima kasih kepada beliau, kepada Yang Berhormat Port Dickson kerana cukup memahami kepayahan hidup di pedalaman Sarawak. Oleh itu saya ingin memohon kepada Kementerian Kewangan supaya boleh memberikan sebahagian daripada RM240 juta itu untuk pas bulanan untuk membantu dari segi subsidi pengangkutan awam di Sarawak. Mereka ini tiada pilihan yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara ini juga terjadi kepada subsidi minyak kereta dan motosikal. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan Parlimen Hulu Rajang, Kapit, Baram dan Bintulu, penggunaan *pick-up* 4x4 roda adalah sangat diperlukan. Kapasiti enjin Land Cruiser dan Toyota Hilux sahaja sudah mencecah 2,500 cc atau 3,000 cc, Tuan Yang di-Pertua. Bukan hendak bermewah tetapi itu sahaja yang boleh digunakan kerana geografinya bergunung-ganang, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan, adakah kementerian boleh menyediakan subsidi minyak untuk enjin yang melebihi 1,500 cc. Berharap, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) berkata tentang pembangunan seimbang. Saya ingin memohon sebahagian daripada peruntukan sebanyak RM926 juta itu untuk membina jalan raya dari Nanga Mujong ke Rumah Tunku Nanga Sebiro Sungai Gaat sepanjang 74 kilometer, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah terima jawapan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan ia masih di peringkat kajian. Sampai bila nak mengkaji, Tuan Yang di-Pertua? Kajian Separuh Penggal sudah dibentangkan peruntukan dalam Belanjawan 2019. Sudah ada. Tolonglah laksanakan projek ini dengan seberapa segera, Tuan Yang di-Pertua. Sampai bila rakyat perlu bergadai nyawa melalui jalan sungai. Oleh itu saya sangat berharap kementerian memberi keutamaan kepada jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berkata tentang kaum minoriti, kerajaan telah mencadangkan RM100 juta bagi kaum Orang Asli. Saya pastikan kaum Orang Asli bersyukur terhadap peruntukan tersebut.

■1530

Akan tetapi apabila berkata tentang kaum minoriti seperti kaum Orang Asli bagaimana pula tentang kebajikan suku kaum orang ulu di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Seperti kaum Sihan, kurang lebih 300 orang dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua. Kaum Penan, kaum Beketan, kaum Ukit, kaum Punan, kaum Seping, kaum Tanyung, kaum Kejaman, kaum Lahanan dan kaum Sekapan. Mereka ini adalah Orang Asli juga Tuan Yang di-Pertua.

Mereka ini kaum minoriti seperti kaum Orang Asli juga, Tuan Yang di-Pertua. Namun pada belanjawan kali ini mereka bagaikan *invisible*, dengan izin dari mata kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Adakah mereka ini tidak layak mendapat pembangunan yang telah dijanjikan seperti rakyat Malaysia yang lain? Mereka juga rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Jangan dipinggirkan mereka wahai Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang. Tolonglah laksanakan tanggungjawab. MA63 yang telah lama dilupakan itu juga, kebajikan rakyat adalah satu tanggungjawab yang besar bukan dimain-mainkan, Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan RM60 bilion pendidikan yang paling tinggi dalam kementerian pada tahun 2019 ini. Menyaksikan sektor pendidikan mendapat peruntukan yang lebih tinggi. Menteri Pendidikan memboncengkan amanah yang sangat besar untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan telus, tanpa prejudis dan adil dan saksama supaya semua lapisan masyarakat boleh menikmati masa depan yang cerah.

Akan tetapi adalah amat dikesali kerana Belanjawan 2019 ini tidak memberi penekanan terhadap masalah sekolah daif yang terdapat di negeri Sarawak apa lagi di kawasan Parlimen Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2018 kerajaan dahulu telah memperuntukkan RM1 bilion untuk masalah ini tetapi kenapa kerajaan hari ini hanya memperuntukkan RM100 juta sahaja. Adakah kerajaan memang tidak membiarkan pelajar-pelajar seluruh Malaysia belajar dengan suasana yang sangat daif.

Sebanyak RM100 juta jujurnya Tuan Yang di-Pertua. Dalam hati saya, mustahil kerana boleh menaik taraf dalam tempoh setahun dengan bajet yang sebegitu rupa, Tuan Yang di-Pertua. Di Sarawak sahaja, 1,020 sekolah yang daif, apalagi di seluruh Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya anak-anak kita akan masih terus belajar dalam keadaan yang daif dan menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua.

Masih terdapat perbezaan elaun guru-guru di Sarawak terutamanya elaun tambang penerbangan balik, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh seorang guru dari Kuching yang bertugas di Bario perlu menaiki kapal terbang untuk balik kampung ke Kuching, kos penerbangan balik hanya ditanggung diri sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Manakala seorang guru dari Melaka yang bertugas di Sarawak pula menaiki kapal terbang balik ke Melaka menggunakan elaun tambang penerbangan balik ditanggung oleh kementerian, Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak adil, Tuan Yang di-Pertua.

Sarawak ini bukan kecil sebesar Semenanjung. Dari segi hujung ke hujung boleh mencecah sehari-hari melalui jalan darat. Adakah guru Sarawak ini dipandang enteng dan rendah oleh kerajaan sehingga mereka tidak layak menerima elaun penerbangan? Janganlah suruh kami rakyat Sarawak naik sampan dan lalu jalan balak setiap hari, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu saya hendak bertanya kepada Kementerian Pendidikan, bilakah elaun guru Sarawak dan Semenanjung dan Sabah akan diselaraskan? Berapakah peruntukan untuk sekolah daif di kawasan Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan MA63 ini, Belanjawan 2019 nampak Sarawak lagi dipinggirkan. Oleh itu saya menyeru kepada semua Ahli Parlimen Sarawak dan Sabah di Dewan yang mulia ini, kita tidak kira kerajaan dan pembangkang, bangunlah, bangkitlah, ayuhlah itu hak kita. Hak kita perlu diperbetulkan. Hak kita perlu dihaluskan. Hak kita perlu dikembalikan kepada asalnya, Tuan Yang di-Pertua. Bangkit dan menuntut hak ini bersama-samalah kita, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang ini Gabungan Parti Sarawak adalah Kerajaan Negeri Sarawak dan Pakatan Harapan kerajaan di Malaysia ini. Kedua-duanya adalah kerajaan pemerintah, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kekuatan yang diberi oleh rakyat. Kenapa kita perlu bergaduh sedangkan kita boleh bekerjasama demi rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah, Tuan Yang di-Pertua. Sudahlah kita bertelagah. *To old Sarawakian and Sabahan politician, knock some sense into your head, please*, dengan izin. Pakatan Harapan, *you govern this country to the best of your ability. The people expect nothing less of you but to do the administer to this country. Stop blame the game and don't pointing fingers*. Itulah yang sebenar-benarnya hak rakyat Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, sama-samalah kita tunaikan di Dewan yang mulia ini. Dengan itu sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Rajang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sila.

### 3.36 ptg.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbincangan saya dengan mengatakan bahawa Belanjawan 2019 Pakatan Harapan mungkin tidak sempurna. Namun, ia sememangnya lebih baik daripada belanjawan tahun-tahun terdahulu oleh rejim Barisan Nasional. Ini kerana Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan kita berusaha memperuntukkan bajet yang terbaik daripada kedudukan kewangan yang terburuk sekali di mana banyak hutang dan perbelanjaan yang tinggi telah pun diwarisi daripada kerajaan yang terdahulu. Saya tidak sebut 1MDB, saya sebut Trans Sabah Gas Pipeline di mana kosnya RM4 bilion, kerja buat 13 peratus tetapi bayar 87 peratus yang diluluskan oleh mantan Menteri Kewangan yang terdahulu.

Untuk kawan-kawan saya di Sarawak, saya rasa Sarawak ini memang kaya dengan sendiri kerana Tun Sarawak baru-baru ini telah meluluskan untuk pengutipan cukai jualan atas

produk petroleum lima peratus. So, kamu ada bajet RM10 bilion untuk negeri Sarawak dan setiap ADUN Kerajaan GPS di Sarawak mempunyai peruntukan yang lebih besar daripada Ahli Parlimen Pakatan Harapan. So, saya rasa tiada alasan untuk Sarawak mengadu di sini kekurangan bajet. *[Tepuk]*

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat, boleh minta laluan tidak? Boleh minta laluan tidak?

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** *Sorry, sorry* tiada masa, tiada masa.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua, kita ini 1Malaysia ada tanggungjawab, Kerajaan Persekutuan ada tanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sibuti, minta izin dahulu. *[Menutup pembesar suara]* Ahli-ahli Yang Berhormat, minta izin dahulu sebelum hendak berucap. Ada masanya untuk mencelah.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Minta laluan saya sudah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Menutup pembesar suara]* Ya, minta izin dahulu. *This is his floor.*

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Saya minta izin. Sedikit sahaja ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika dia bagi, bagilah.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ini kerana kesuntukan masa, sudah 13 minit. Kita bincang di luar. Bincang luar, bincang luar. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Sekejap, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Kota Kinabalu teruskan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ini kawan-kawan, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Saya hendak cakap untuk contoh.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Okey.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Sarawak dan Sabah kalau kita mempunyai peruntukan yang banyak *we should not be penalized by Federal*, boleh tidak? Betul ya. Okey, terima kasih.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ini bukan *penalized*. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, silakan Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Kalau cakap *penalized* pun yang ADUN pembangkang di Sarawak pun tidak ada apa-apa sedangkan kita Pakatan Harapan memberikan peruntukan untuk Ahli Parlimen Pembangkang juga. *[Tepuk]* Dari segi perspektif Sabah, Sabah memang diperuntukkan lebih banyak daripada RM4.133 bilion di bawah Barisan Nasional pada tahun lalu dan tahun ini kepada RM5 bilion untuk tahun depan. Syabas saya ucapkan. Tidak tepat kalau menuduh bajet ini merupakan bajet bandar semata-mata. Saya telah pun meneliti buku



bajet dan mendapati pembangunan utiliti asas untuk kawasan luar bandar Sabah turut diberikan perhatian.

Pertama, untuk utiliti asas. Sabah Electricity Sdn Bhd. (SESB) diperuntukkan dengan jumlah RM456 juta bagi tujuan pembangunan. Jumlah ini adalah jauh lebih besar daripada RM170 juta pada tahun 2017 dan RM173 juta pada tahun 2018. Untuk membangunkan bekalan elektrik luar bandar untuk negeri Sabah, bajet pembangunan juga dinaikkan daripada RM181 juta pada tahun 2018 kepada RM430 juta pada tahun depan.

#### ■1540

Ini peningkatan sebanyak dua kali ganda dan lebih banyak rakyat di Sabah terutamanya luar bandar dan di kawasan pedalaman akan menikmati bekalan elektrik. Dan selain daripada, bajet pembangunan untuk membangunkan bekalan air luar bandar untuk Sabah juga dinaikkan dari RM129 juta pada tahun ini kepada RM295 juta pada tahun depan. Ini peningkatan sebanyak 43 peratus. So jelas sekali bajet ini bukan bajet bandar tetapi juga inklusif untuk luar bandar Sabah. Dan untuk sektor alam sekitar dan pelancongan di Sabah, saya mendapati bahawa bajet bagi penubuhan Stesen Hutan Jati Sabah, Pusat Perhutanan Bersepadu Kota Kinabalu ditingkatkan 11 kali ganda daripada 0.3 juta pada tahun ini kepada 3.54 juta pada tahun depan.

Saya juga mendapati bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang menaikkan peruntukan bagi projek *Heart of Borneo* Negeri Sabah dari RM5.7 juta kepada RM6.6 juta. Dan kita juga ada IADA di Kota Belud sebanyak RM35 juta diperuntukkan dan ESSCOM untuk segi keselamatan. Saya mengambil perhatian bahawa ESSCOM telah pun diperuntukkan bajet pembangunan sebanyak RM74.5 juta pada tahun depan berbanding dengan hanya RM34.7 juta pada tahun ini. Saya berterima kasih kepada kerajaan atas penambahan peruntukan untuk pihak ESSCOM supaya dapat melengkapkan alat-alat yang lebih canggih bagi mempertahankan Pantai Timur Sabah yang sememangnya kawasannya luas dan selalu berlaku kejadian penculikan rentas sempadan yang jarang berlaku di mana-mana tempat yang lain.

Kelima, RM2 bilion juga diperuntukkan untuk Lebuhraya Pan Borneo. So tidak tepat kalau kita kata Lebuhraya Pan Borneo diberhentikan. Selain itu, peruntukan pembangunan untuk jalan raya dan jambatan Sabah dinaikkan dari RM344 juta pada tahun 2018 kepada RM385 juta pada tahun depan. Namun saya juga ingin menyeru supaya Berat Dalam Muatan (BDM) maksimum yang dibenarkan di jalan raya Sabah haruslah diselaraskan dengan Semenanjung. Ini untuk menambah baik kualiti jalan raya dan jambatan di Sabah.

Dan untuk pengangkutan awam, ini ada sedikit yang saya katakan kurang sempurna kerana saya dapat – bahawa peruntukan pembangunan bagi pengangkutan awam bandar dikurangkan daripada RM21.8 juta pada tahun 2018 kepada hanya RM9.5 juta pada 2019. Di sini saya ingin merayu kepada kerajaan juga memberikan perhatian kepada pembangunan pengangkutan awam selain daripada Lembah Klang tetapi Kota Kinabalu juga. Secara spesifik saya ingin merayu agar Sistem Bas Rapid Transit dengan anggaran kos RM1 bilion yang telah dikaji sebelum ini dilaksanakan.

Untuk peruntukan pembangunan bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Labuan, juga diperuntukkan RM20 juta pada tahun 2019. Manakala peruntukan untuk projek pembaikan kereta api Sabah dinaikkan dari RM32.1 juta pada tahun 2018 sehingga RM33.6 juta pada tahun 2019.

Saya mengambil maklum dengan ucapan Menteri Kewangan suatu cadangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Amanah Pelaburan Hartanah Bagi Lapangan terbang atau *Airport Real Estate Investment Trust (REIT)* melalui penjualan 30 peratus ekuiti REIT lapangan terbang kepada institusi pelaburan yang memainkan peranan Pengurus Dana. Saya mengalu-alukan cadangan ini dan supaya semua lapangan terbang di Sabah ini 30 peratus *share* ini harus diletakkan prioriti untuk dijual kepada GLC negeri Sabah. Supaya kita ada autonomi untuk menentukan sistem pengangkutan udara di negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak menuduh bahawa walaupun jumlah peruntukan pembangunan bagi Sabah dinaikkan kepada RM5 bilion untuk tahun depan, ia masih tidak cukup atau merupakan jumlah yang kecil dengan lebih kurang sembilan peratus dari keseluruhan bajet pembangunan. Saya ingin membangkitkan di sini, saya percaya bahawa terdapat banyak peruntukan pembangunan yang sebenarnya diklasifikasikan sebagai *multi state* dengan izin yang saya rasa ia mungkin tidak termasuk dalam RM5 bilion khas yang disebut oleh Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet pada dua minggu yang lalu.

Contohnya seperti, projek kemiskinan Semenanjung, Sabah Sarawak sebanyak RM110 juta daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Program Kerjasama Serantau IMT-GT dan BIMP-EAGA sebanyak RM5 juta daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, kerja-kerja pengerukan kuala-kuala sungai di Sabah dan Sarawak sebanyak RM83 juta daripada Kementerian Pengangkutan. Ini semua yang bersifat *multi state*. So saya rasa yang RM5 bilion yang disebut oleh Menteri Kewangan yang pada dua minggu yang lepas itu mungkin tidak termasuk peruntukan pembangunan yang *multi state* ini dan saya mohon supaya Menteri Kewangan boleh memberikan butiran yang lebih jelas untuk semua peruntukan-peruntukan yang dinamakan yang tadi itu yang *multi state* ini.

Lima minit masih sempat. So – adakah Sabah dipinggirkan? Memang terdapat tawaran daripada rakan-rakan saya daripada sebelah sana, terutama Yang Berhormat Keningau yang hari ini dia tidak ada, bahawa negeri Sabah telah pun dipinggirkan ataupun *short changed* dengan izin dalam bajet ini. Saya rasa ini tidak benar. Saya ingin menyatakan bahawa atas sebab Kerajaan Barisan Nasional terdahulu telah pun gagal membuat bayaran balik GST kepada rakyat, maka Kerajaan Pakatan Harapan terpaksa menutup lubang yang besar dahulu dengan menggunakan bayaran dividen khas RM30 bilion daripada Petronas.

Saya rasa ini jelas sekali perkara pertama yang menyebabkan kesukaran atau kesusahan Kerajaan Pakatan Harapan untuk membayar 20 peratus *oil royalty*. Pakatan Harapan sedang berusaha dan saya rasa inilah yang paling penting yang nampak usaha ini. Tutuplah lubang ini dengan secepat mungkin supaya mulai tahun 2020, saya harap sebagai orang Sabah, kita nampak royalti minyak 20 peratus untuk belanjawan yang akan datang.

Saya ingin membangkitkan isu bahawa pemberian khas tahunan Sabah. Pada bajet ini masih dikekalkan pada jumlah RM26.7 juta. Dalam perkara ini saya ingin menggesa Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah segera dalam membuka rundingan semula untuk menyemak tuntutan geran khas Sabah. Berdasarkan artikel Perlembagaan 112C(1), Bahagian 4 Jadual 10, Perlembagaan Persekutuan, Sabah berhak menuntut geran khas sebanyak 40 peratus daripada hasil pendapatan bersih yang diperolehi oleh Persekutuan dari Sabah sejak tahun 1963. Sejak tahun 1969 hingga 1973, Sabah tidak lagi menerima perolehan tambahan sebanyak 40 peratus tetapi sebaliknya kita menerima pemberian tetap iaitu masing-masing berjumlah RM20 juta, RM21.5 juta, RM23.1 juta, RM24.8 juta, RM26.7 juta dan dalam tempoh lima tahun terbabit. Jumlah RM26.7 juta ini yang dari tahun 1973 dikekalkan sehingga sekarang iaitu sejak 45 tahun yang lalu.

Saya rasa memang dahulu Kerajaan Barisan Nasional yang menetapkan ini. Akan tetapi sampai masa kita Pakatan Harapan untuk menukarnya. Saya harap Kerajaan Persekutuan dapat memberikan suatu laporan berkenaan jumlah pendapatan hasil cukai yang dikutip dari Sabah agar perbandingan dapat dilakukan dengan peruntukan bagi negeri Sabah.

Masih lagi berkenaan dengan hak Sabah dan Sarawak. Saya hendak berbahas pula tentang royalti yang dikenakan ke atas minyak yang dikeluarkan daripada Sabah dan Sarawak. Sehingga kini Kerajaan Persekutuan memang masih belum membuat bayaran 20 peratus seperti yang dijanjikan.

Kerajaan GBS Sarawak telah pun pada 7 November yang lalu dalam bajet negeri mengumumkan keputusan untuk mengenakan cukai jualan lima peratus ke atas produk petroleum yang dikeluarkan oleh Sarawak berkuat kuasa 1 Januari tahun depan. Petronas yang merupakan pembeli utama, akan menerima kesan yang paling besar. Pada masa yang sama, cukai ini akan menjadikan produk petroleum keluaran negara ini menjadi lebih mahal berbanding produk keluaran negara pengeluar minyak yang lain. Cukai ini memang ikut Perlembagaan boleh dikenakan oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak ada hak istimewa untuk mengenakan cukai jualan. Di sini saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya kita berbincang secara baik-baik dengan Sabah dan Sarawak supaya bayar 20 peratus *oil royalty* selepas itu mereka tidak perlu untuk mengenakan lima peratus cukai jualan yang tambahan ini.

#### ■1550

Saya faham bahawa tahun depan, Petronas sebanyak RM30 bilion sudah diperuntukkan untuk membayar balik bayaran balik GST dan selepas ini kita boleh menikmati royalti minyak pada tahun 2020 dan ke atas. Kesimpulannya, Bajet Persekutuan seharusnya selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 yang memupuk semangat *federalism* dan keseimbangan wilayah. Dalam hal ini, saya ingin menggesa agar Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Malaysia Agreement 1963 mengadakan mesyuarat dengan secepat mungkin supaya perkara-perkara berkenaan MA63 dapat dilaksanakan tanpa dilengah-lengahkan lagi. Ini sahaja perbahasan saya daripada Kota Kinabalu, saya masih ada beberapa masa. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong usul daripada Menteri Kewangan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Kinabalu kerana menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tenggara. Selepas itu, Yang Berhormat Labuan. Sila.

### **3.51 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada Tenggara untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. “Bajet Kerajaan yang terseliuh”, itulah gambaran yang saya katakan kerana Belanjawan 2019 ini memperuntukkan sejumlah yang paling besar berbanding Belanjawan yang pernah dibentangkan sepanjang 61 tahun usia kemerdekaan negara iaitu yang berjumlah RM316 bilion.

Akan tetapi, belanjawan yang paling besar ini juga menyaksikan titik sentuhan atau *touch point* kepada rakyat, ada yang dimansuhkan ada yang dikurangkan. Belanjawan yang paling besar ini jugalah yang melihatkan kita bagaimana kebergantungan negara kepada hasil minyak naik mencanak. Belanjawan yang paling besar ini juga secara tidak langsung memberikan gambaran jelas tentang pakej rangsangan ekonomi dan persediaan negara sekiranya menghadapi ketidaktentuan ekonomi global pada tahun hadapan. Fokus perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua, tertumpu kepada lima perkara. Pertama, *zero-based budgeting*, kedua, kos sara hidup, ketiga, kebergantungan kepada pekerja asing, keempat, Pendidikan Kemahiran TVET, kelima, kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan menggunakan sistem ‘*zero-based budgeting*’ iaitu sistem perancangan belanjawan yang bermula dengan jumlah sifar. Ini langkah yang baik sesuai dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan penjimatan (2K 1P). Kami di pihak Barisan Nasional tidak mempunyai masalah untuk bersetuju dengan cadangan ini. Akan tetapi perlu diingatkan jangan kerana hendak berjimat semata-mata, kementerian pula meletakkan penjimatan sebagai KPI mereka. Tahun 2019, adalah tahun yang mencabar. Dijangka berlaku kelembapan ekonomi global disebabkan perang dagangan antara Amerika dan China berterusan. Kemungkinan Amerika Syarikat akan terus menaikkan kadar faedah mereka. Jika kerajaan meletakkan penjimatan semata-mata sebagai keutamaan, saya khawatir aktiviti ekonomi domestik juga akan menguncup dan seterusnya akan memberikan kesan negatif yang lebih besar kepada kedudukan ekonomi negara kita.

Tindakan populis Kerajaan Pakatan Harapan memansuhkan GST ternyata tidak memberikan kesan besar kepada harga barangan. Rakyat masih perlu membayar harga yang sama ataupun tinggi. Manakala, kerajaan pula kehilangan kantong hasil yang besar dan itu masalahnya. Apa yang lebih beruntung adalah peniaga yang mempunyai ruang untuk lari dari membayar cukai menerusi ‘*black economy*’ yang wujud disebabkan kelompangan SST. Ini yang kita minta diselesaikan. Sebenarnya, keadaan harga barangan ketika ini, masih belum menunjukkan gambaran sebenar kesan buruk SST ini. Kebanyakan barangan yang berada di pasaran kita ini adalah stok yang dikeluarkan ketika tempoh tax holiday dari bulan Jun sehingga September. Yang mana, ketika itu pengilang atau pengimport masih belum dikenakan SST.

Akan tetapi, seperti mana kenyataan yang dikeluarkan oleh *Nomura Global Markets Research*, inflasi berkemungkinan besar berlaku pada tahun hadapan. Kerana apa inflasi akan berlaku? Ini kerana kesan *cascading* SST yang hanya mula masuk ke pasaran melalui stok barangan yang dikeluarkan selepas SST dilaksanakan. Ketika itulah barulah kita dapat melihat sejauh mana keburukan SST yang akan menyebabkan kos sara hidup rakyat menaik dan meningkat. Pada itu, kita berharap janganlah lagi ada kenyataan dari pemimpin Pakatan Harapan yang menuding jari menyalahkan kerajaan terdahulu, janganlah lagi berdalih kononnya inilah legasi Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal harga barangan ataupun kos sara hidup ini kita juga tidak boleh lari daripada bercakap soal peluang pekerjaan. Pakatan Harapan sebelum memenangi pilihan raya yang lalu begitu lantang bercakap tentang tekad mereka untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing. Dalam janji 34 manifesto Pakatan Harapan, jelas mengatakan bahawa mereka akan mengurangkan sehingga dua juta orang pekerja asing di negara ini. Namun, pembentangan Belanjawan 2019 tempoh hari tidak begitu jelas. Apakah perancangan untuk mencapai hasrat ini? Tidak ada langkah tuntas dinyatakan selain kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini hanyalah kesinambungan langkah yang diambil oleh kerajaan yang terdahulu.

Kami di sini akui, hakikat bahawa memang perlu ada solusi ataupun penyelesaian yang menyeluruh bagi menghadapi masalah kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing. Walau bagaimanapun, kami juga akui terdapat beberapa sektor atau industri yang dilihat masih perlu mengekalkan sejumlah besar pekerja asing ini. Contoh, pekerjaan penjaga keselamatan, tukang cuci, pekerja binaan, buruh ladang. Hakikatnya, kita akui walaupun ada sebilangan kecil namun tidak ramai rakyat Malaysia yang sanggup membuat kerja-kerja ini. Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, Pakatan Harapan berjanji akan mengurangkan sejumlah dua juta pekerja asing di negara ini. Namun begitu, mengikut data yang saya dapat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan baru-baru ini iaitu pada September yang lalu, hanya terdapat sejumlah 516,000 orang sahaja penganggur di Malaysia.

Ini bermakna, terdapat kekurangan pekerja sekitar 1.5 juta orang untuk memenuhi kekosongan ini yang telah ditinggalkan akibat pengurangan dua juta orang pekerja asing tadi. Secara tidak langsung, data ini menunjukkan bahawa keperluan kepada pekerja asing masih wujud dan mungkin akan kekal untuk tempoh masa yang panjang. Selain daripada itu, pekerjaan-pekerjaan untuk pekerja asing bukanlah pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Mengikut perancangan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, kita sememangnya memberikan fokus untuk melahirkan sumber manusia yang mempunyai kemahiran yang tinggi. Jadi, bukanlah hasrat kita untuk menjadikan pekerjaan berkemahiran rendah dan menawarkan gaji yang rendah sebagai mata pencarian untuk rakyat Malaysia.

Oleh sebab itu, sejumlah RM4.9 bilion untuk bidang kemahiran dan vokasional atau TVET di bentang dalam Belanjawan Barisan Nasional 2018 yang dahulu. Kerajaan terdahulu juga telah mewujudkan Malaysia Board of Technologists (MBOT), Tuan Yang di-Pertua, untuk

mengangkat martabat profesion bidang kemahiran terutama sekali kejuruteraan *technologist*. Ini banyak kebajikannya. Ini semua adalah langkah kalis masa hadapan yang difikirkan bagi memastikan Malaysia mampu merempuh cabaran Revolusi Industri 4.0.

Akan tetapi, kita juga kena akui, masih banyak ruang yang perlu dipertingkatkan bagi memastikan Malaysia benar-benar ampuh dalam menghadapi cabaran yang besar ini. Jika kita lihat pada sejarah berkaitan dengan kemahiran ataupun *engineering technologist*, pada tahun 1970an atau 1980an, Malaysia berada pada paras yang baik berbanding dengan contoh, Korea Selatan. Namun, pada tahun 90-an, Korea Selatan mula mengejar Malaysia dan kini Korea Selatan telah jauh meninggalkan kita. Tidak salah dikatakan bidang kemahiran negara kita mungkin adalah terkebelakang 10 tahun ke belakang. Soalnya, bagaimana Korea Selatan mampu mencapai peningkatan ketara ini? Ini kerana mereka telah melaksanakan satu pelaburan besar kepada industri *engineering technologist* dengan menghantar pelajar-pelajar mereka ke negara yang jauh ke hadapan, sepanjang tempoh tahun tersebut, seperti ke negara Jerman.

Bermula di situ, mereka dapat melahirkan lebih ramai tenaga pengajar, *'teacher'* atau pensyarah di universiti-universiti di negara mereka. Apabila pensyarah ini adalah di dalam kalangan lepasan PhD, maka keyakinan kepada generasi seterusnya untuk melibatkan diri dalam bidang kemahiran diperoleh dan upah yang tinggi diberikan kepada rakyat mereka. Kalau dilihat di Malaysia, kita tidak ada *database* ataupun data yang besar menyeluruh pemegang PhD dalam bidang kemahiran. Mungkin untuk bidang kejuruteraan, kita ada *database* iaitu *Board of Engineers*. Akan tetapi, untuk kemahiran *engineering technologist*, kemungkinan kita tiada langsung pakar yang boleh dijadikan sumber rujukan dalam sebahagian bidang yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kerangka kelayakan Malaysia, tadbir urus TVET adalah di bawah dua agensi iaitu *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) di bawah Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Oleh sebab pelaksanaan akreditasi program TVET ini adalah di bawah dua agensi yang berbeza, telah timbul keraguan pihak industri dan awam berhubung kualiti program-program dan juga pensijilan.

#### ■1600

Saya telah mendapat jawapan bertulis dari kementerian berhubung cadangan mewujudkan akreditasi tunggal bagi bidang TVET. Melalui jawapan tersebut, dimaklumkan sistem akreditasi tunggal akan dapat dicapai hanya pada awal tahun hadapan. Ini bermakna, tempoh ini telah dijanjikan berbanding dengan perancangan awal untuk melaksanakannya pada tahun ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Justeru, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kekangan sehinggakan perkara ini berlaku? Persoalan yang penting, memandangkan sistem akreditasi yang berbeza, ia telah membatasi ruang pelajar untuk menyambung pendidikan mereka ke tahap lebih tinggi. Laluan atau *framework* pendidikan di peringkat ijazah bagi lepas akreditasi JPK, menghadapi

kesukaran berikutan program di bawah JPK ini memberi penekanan kepada komponen praktikal berbanding tahap pendidikan ijazah yang lebih yang berorientasi akademik. Sedangkan, bagi bidang kemahiran ini, asas kepada komponen praktikal lebih utama.

Jadi kita hendak melahirkan lebih ramai tenaga pengajar dalam bidang TVET. Kita perlukan individu yang mempunyai kemahiran praktikal dan bukan semata-mata memahami teori. Jadi di sini, kita perlu belajar dengan – contoh, Korea Selatan, 70 peratus sumber manusia di negara mereka dalam bidang akademik adalah pekerja berkemahiran tinggi dan pakar dalam satu-satu bidang ataupun memiliki PhD. Jadi, untuk kita melahirkan individu berkelayakan tinggi untuk menjadi tenaga pengajar di Malaysia, berupah tinggi, bermakna, kerajaan perlu membuat pelaburan besar dengan menghantar pelajar kita ke luar negara atau ke institusi pengajian berbentuk liga untuk mencapai tahap pendidikan yang tinggi.

Akan tetapi, perhatikan Belanjawan 2019, peruntukan biasiswa pun telah dipotong. Malangnya, Biasiswa Kecil Persekutuan kurang RM2.8 juta, Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam turun 33 peratus, Biasiswa Kementerian Pendidikan turun 26 peratus. Program MyBrain yang penting pun langsung tidak disebut. Lulusan kelas pertama PTPTN pun sudah tidak layak ditukar kepada biasiswa kecuali mereka di bawah B40. Jadi saya hendak tanya dan tidak nampak bagaimana Kerajaan Pakatan Harapan benar-benar mempunyai iltizam dalam melengkapkan negara kita dalam menghadapi cabaran IR 4.0.

Daripada pendidikan saya beralih kepada bidang kesihatan. Sebagai seorang *practitioner* perubatan, penting untuk saya bawakan suara *practitioner* di sini. Antara masalah utama yang dihadapi oleh klinik-klinik swasta ketika ini ialah kelewatan bayaran daripada *Managed Care Organisations (MCO)* iaitu orang tengah yang mengendalikan pembayaran kos rawatan kesihatan antara satu syarikat dengan klinik panel yang dilantik. Disebabkan kelewatan pembayaran ini, telah banyak klinik swasta yang tidak mampu membuat *roll over* untuk menampung kos operasi klinik termasuklah membayar gaji pembantu klinik serta mendapatkan stok ubat yang baik. Telah mula ada klinik yang terpaksa gulung tikar disebabkan kelewatan pembayaran oleh *Managed Care Organisations* ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin meminta pihak kementerian membuat pemantauan terhadap operasi farmasi-farmasi di luar klinik kesihatan ataupun awam yang dilihat akhir-akhir ini menjual ubat-ubat tanpa preskripsi doktor bertauliah. Ini adalah tindakan di luar peruntukan undang-undang-undang. Namun disebabkan penguatkuasaan yang lemah, telah banyak farmasi mengambil kesempatan terhadap perkara ini. Malah ada yang mula mengambil alih tugas sebagai pengamal perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk saya menyentuh berkaitan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 yang diumumkan. Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang ini, jumlah perlindungan RM8,000 tidak cukup untuk rawatan kesihatan di hospital swasta. Ditambah pula dengan perlindungan kesihatan yang hanya dihadkan kepada golongan B40, sudah tentu mereka menghadapi kesukaran untuk membayar bayaran tambahan apabila jumlah RM8,000 telah dihabiskan.

Untuk itu, soal kita hendak mendanakan syarikat yang diberikan sebagai Great Eastern, adakah Great Eastern Malaysia dengan caruman RM2 bilion telah menempuh satu persetujuan muktamad antara kerajaan dan syarikat ini? Adakah ia merupakan unsur *quid pro quo* ataupun pembalasan suatu untuk suatu serta layanan khas yang diberikan kepada syarikat Great Eastern Life Assurance ini, yang bercanggah dengan prinsip ketelusan yang sering dilaungkan oleh Pakatan Harapan? Ini seterusnya menimbulkan persoalan lain. Adakah akan ada syarikat insurans luar yang akan mendapat layanan sama seperti mana pengecualian dipohon oleh syarikat Great Eastern ini pada masa hadapan? Jadi saya tidak pasti sama ada skim ini dibuat secara ikhlas atau hanyalah untuk menjaga kepentingan sesetengah pihak yang langsung tidak memberi keuntungan kepada negara.

Bercakap soal kesihatan, saya mohon agar Kementerian Kesihatan dapat membuat pertimbangan untuk menaikkan taraf klinik kesihatan Felda Bukit Besar dalam kawasan Tenggara daripada kategori sekarang kepada KK3, memandangkan terdapat keperluan.

Saya rasa cukuplah perkara yang telah pun saya sentuh dalam ruang perbahasan ini. Seperti mana yang dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya di sebelah sini, inisiatif baik untuk rakyat menerusi Belanjawan 2019 ini akan kami sokong, yang tidak baik akan pasti kami tolak. Disebabkan secara dasarnya lebih banyak kekurangan, terutama melihatkan banyak titik sentuh rakyat dipotong atau dibatalkan, saya menolak Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Labuan.

#### **4.06 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan Bajet 2019. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan, kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pasukan yang telah dapat menyiapkan Belanjawan 2019 dengan penumpuan kepada tiga fokus iaitu melaksanakan reformasi institusi, memastikan kesejahteraan rakyat dan memupuk budaya negara keusahawanan.

Tiga fokus ini memang pilihan tepat pada masanya. Cuma dalam perancangan dan pelaksanaan strategi-strategi dan apa jua langkah-langkah seterusnya, kita mesti ingat bahawa kita perlu mengambil kira yang negara kita ini adalah terbahagi kepada tiga wilayah utama iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mana ketidakseimbangan dari segi pembangunan infrastruktur dan sosioekonominya amat ketara dan masih menjadi isu utama. Ketiga-tiga wilayah tersebut mempunyai keadaan yang berbeza, keperluan yang berbeza, masalah dan cabaran yang berbeza dan memerlukan formula dan pendekatan yang berbeza untuk ditangani dengan berkesan. Memang begitu ketara jarak tertinggalnya wilayah Sabah dan Sarawak dibandingkan dengan Semenanjung, bukan sahaja dari segi infrastruktur dan ekonomi setempat, tetapi juga



dari segi peluang pendidikan berkualiti dan pembangunan modal insan rakyatnya, walaupun kita sudah merdeka lebih setengah abad.

Jadi apakah cara untuk membolehkan kita memastikan jurang ketidakseimbangan ini dikecilkan secepatnya? Jawapannya tidak lain adalah dengan kita memberikan *empowerment* kepada kerajaan negeri kedua-dua wilayah Sabah dan Sarawak tersebut dan seterusnya mengembalikan hak-hak dan bantuan tambahan terutamanya dari segi kewangan peruntukan supaya keadilan dapat ditegakkan sesuai dengan apa yang sudah dipersetujui dalam *Malaysia Agreement 1963* (MA63) semasa Malaysia dibentuk.

*Alhamdulillah*, tahniah dan terima kasih kepada kerajaan baharu yang telah menubuhkan Jawatankuasa Khas MA63 yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya berharap semua yang terlibat akan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan supaya pembetulan segera dilakukan dan kita tidak perlu lagi menunggu lama dan membiarkan masa berlalu tanpa ada penyelesaian yang sudah lama ditunggu-tunggu oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

Sesuai dan seiring dengan slogan 'Malaysia Baharu', kita sepatutnya terus mula melakukan *devolution of power* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Ini juga sebagai tanda simbolik tiga wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah *equal partner*, dengan izin. Kabinet Kerajaan Persekutuan sepatutnya mempunyai tiga Timbalan Perdana Menteri dengan masing-masing mewakili Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

#### ■1610

Selain seorang daripada Semenanjung yang dilantik oleh Perdana Menteri, kedua-dua Ketua Menteri Sabah dan Sarawak juga menjadi Timbalan Perdana Menteri dan menjadi sebahagian daripada Kabinet Kerajaan Persekutuan mewakili wilayah masing-masing. Jangankan Sabah dan Sarawak yang begitu besar dan luas kawasannya, Labuan yang sangat kecil pun banyak masalah dan banyak bukti-bukti ketidakberkesanan dalam pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan apabila kurangnya *empowerment*. Sistem kita terlalu berpusat atau *centralize* dengan izin.

Labuan yang keluasanya cuma 93 kilometer persegi dengan penduduk tidak sampai 100,000 dan sudah dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan, sebagai pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa, sebagai hab logistik minyak dan gas. Dalam pulau tersebut ada lebih 80 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan tetapi masih kadar penghuni setingan nombor satu dalam negara. Kadar pengangguran juga nombor satu dalam negara. Kadar pesakit mental, Labuan berasingan dengan Sabah juga nombor satu dan Labuan campur sekali dengan Sabah pun nombor satu dalam negara. Kos sara hidup di antara yang tertinggi di dalam negara.

Labuan yang kecil dengan ada kementerian yang dikhaskan untuk melihat dan menjaga supaya Labuan menjadi sebuah pulau yang menjadi tingkap kepada dunia tetapi keadaan prasarana yang ada tidak melambangkan status sebenar Labuan. Pernah jambatan kampung air di mana ada program homestay yang terlalu usang yang sudah lama kita tunggu peruntukan-peruntukan untuk kita selenggara telah roboh sewaktu Ketua Setiausaha Kementerian

Pelancongan datang melawat iaitu Tan Sri Dr. Ong Hong Peng. Beliau jatuh ke dalam air, nasib tidak mengalami kecederaan yang teruk. Orang kampung memang selalulah jatuh termasuk sewaktu hari raya sebab selalu berjalan, ramai-ramai satu keluarga.

Padahal tujuan Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan adalah untuk Labuan dimajukan dan akan menjadi perangsang kepada pembangunan ekonomi rantau tersebut, sebab itulah Kerajaan Negeri Sabah tidak meminta bayaran langsung daripada Kerajaan Persekutuan untuk penyerahan tersebut, bukan seperti penyerahan Kuala Lumpur dan Putrajaya di mana Kerajaan Persekutuan memberikan bayaran yang besar kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Labuan sepatutnya dibangunkan oleh Kerajaan Pusat dengan pesatnya supaya ia memberi manfaat kepada rakyat Malaysia terutamanya rakyat Sabah. Akan tetapi setelah 34 tahun berlalu, kadar kemiskinan di Labuan adalah nombor dua selepas Sabah dalam perbandingan antara negeri-negeri di negara ini. Purata pendapatan B40 di Labuan hanya RM1,200 dibandingkan purata nasional RM2,900. Padahal Labuan juga adalah nombor dua tertinggi *income* per kapita selepas Kuala Lumpur.

Ini bererti gap ataupun jurang di antara yang di bawah dengan yang di atas di dalam masyarakat itu adalah sangat besar. Siapakah yang mempunyai pendapatan yang besar tersebut? Saya jangka selain dari mereka yang berjawatan tinggi di sektor minyak dan gas yang hampir kesemuanya orang luar adalah mereka yang bekerja dengan syarikat yang berdaftar di Labuan tetapi berada di pejabat pemasaran dan korporat di Kuala Lumpur yang tidak hidup di Labuan pun. Ini adalah sangat menyedihkan.

Orang Labuan atau orang Sabah adalah kebanyakannya yang bekerja sebagai pembantu atau pun *rigger* dan yang menjadi penyuci bahagian dalam tangki dan terdedah kepada risiko dedahan bahan kimia. Anak jati Labuan yang bekerja di Petronas Methanol (Labuan) pun cuma 20 peratus walaupun sudah beroperasi di Labuan selama 26 tahun. Itu pun kebanyakannya di jawatan bawahan. Pegawai-pegawai atasan adalah kebanyakannya datang dari luar. Ini juga menjadi isu yang mungkin tidak dirasai oleh pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai di peringkat pusat.

Tadi saya sebut mengenai setinggan. Bolehkah rakan-rakan Ahli Parlimen di sini, di Dewan yang mulia ini bayangkan Labuan yang dikenali di seluruh dunia sebagai pusat kewangan, masih mempunyai penduduk yang ramai yang tinggal di rumah-rumah yang tidak bertandas. Disebabkan berlaku beberapa kes penyakit di mana potensi wabak ditakuti maka kami di Labuan bersama-sama dengan jabatan kesihatan mengadakan gotong-royong perdana di kawasan setinggan atau penempatan tersebut di mana sebelum gotong-royong bermula, kami diberi amaran untuk berhati-hati dengan bungkusan-bungkusan plastik yang bertaburan di sana sini disebabkan ia berisi najis manusia.

Penghuni-penghuni kawasan ini jugalah yang sebahagiannya bekerja ataupun bersekolah bercampur dengan penduduk lain di Labuan. Bayangkanlah selain risiko kesihatan mereka yang perlu beri perhatian atas perikemanusiaan walaupun mereka cuma pemegang

dokumen IMM13, risiko penduduk tempatan juga sangat tinggi dari jangkitan wabak apabila ia berlaku bila-bila masa.

Sudah sebut fasal IMM13, apakah dasar dan arah tuju negara kita mengenai hal ini? Semakin lama dibiarkan, semakin ramai *stateless kids* disebabkan mereka juga bercampur dengan warga tempatan. Di dalam sebuah pulau yang kecil seperti Labuan, memang ia begitu terasa dan ia tidak boleh disembunyikan. Kita perlu mula lakukan *decentralization* untuk Sabah, Sarawak termasuk Labuan untuk kita dapat menyelesaikan semua isu-isu yang berlarutan ini. Kadang-kadang pemimpin daripada pusat datang, mereka memang nampak risau tetapi apabila mereka kembali ke Putrajaya, maka mereka akan sibuk dengan isu-isu yang lebih besar negara.

Akan tetapi pada masa yang sama tidak mahu memberikan kepercayaan ataupun memberikan *empowerment* kepada pegawai-pegawai yang ramai yang sudah diberikan *training* dan gred yang tinggi di Labuan ataupun di Sabah dan Sarawak. *Empowerment* untuk rakyat Labuan yang paling *urgent* dan berkesan adalah untuk rakyat Labuan mempunyai yayasan yang disokong oleh kerajaan yang akan diberikan kekuatan oleh kerajaan seperti mana tertubuhnya yayasan-yayasan negeri-negeri yang lain apabila mereka diberikan kawasan balak dan sebagainya untuk mereka dapat terus memulakan agenda dan terus menjadi satu badan yang kuat untuk mengadakan agenda-agenda dan *empowerment* kepada rakyat masing-masing.

Terima kasih, saya ingin mengambil kesempatan ini juga di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab terhadap Labuan kerana sudah mula datang dengan kerap ke Labuan untuk mendengar sendiri isu-isu yang banyak daripada isu kemiskinan sampailah kepada isu-isu peniaga dan sebagainya yang perlu diselesaikan. Kami perlukan seorang yang mendengar dan kami berharap reformasi institusi, reformasi *culture*, cara bekerja akan dapat dilaksanakan dan dijadikan realiti secepat mungkin.

#### ■1620

Kami mahukan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk mendengar keluhan di kawasan, bukannya datang dengan mempunyai jawapan ataupun idea untuk dilaksanakan tanpa mendengar apa yang perlu dilaksanakan.

Di sini juga saya ingin memohon supaya Pengerusi Perbadanan Labuan diberi peluang ataupun dibenarkan untuk masuk ke dalam *post Cabinet Meeting* dan turut hadir di dalam Mesyuarat Labuan Land Exco yang dipengerusikan oleh KSN. Saya tahu ini adalah satu keperluan besar. Saya selama lima tahun menjadi Pengerusi Perbadanan Labuan tetapi tidak diberi masuk ke *post Cabinet* disebabkan saya terlalu bercakap, saya terlalu meluahkan apa yang diperlukan oleh Labuan. Akan tetapi, sebenarnya inilah punca ketidakberkesanan pentadbiran dan penyelesaian masalah-masalah yang kita ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa telah tamat, Yang Berhormat Labuan. Sila rumuskan, Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tidak cukup cuma sekadar ketua pegawai eksekutif sahaja yang hadir di dalam dua mesyuarat tersebut— mesyuarat yang sangat penting. Ini

disebabkan budaya di dalam kerajaan di mana ketua-ketua pengarah eksekutif kadang-kadang takut bercakap apabila ada KSU dan KSN berada di dalam mesyuarat tersebut.

Dengan itu, saya Labuan mohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Pasir Mas.

#### 4.21 ptg.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Firman Allah SWT... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Yang bermaksud, “Dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak pula kedekut dan adalah perbelanjaan mereka di tengah di antara kedua-duanya”. Surah Al-Furqan ayat 67.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk sama mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 2019 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, “*Malaysia umpama seekor harimau Asia yang selama ini tidur lena. Sekarang bangkit mengaum semula*”. Demikian petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dimuatkan di dalam halaman awal buku Belanjawan 2019 pada kali ini. Justeru, belanjawan pada kali ini dirangka untuk memastikan Malaysia muncul sebagai harimau ekonomi yang akan mengaum semula setelah tidur lena. Pada hari ini saya akan memfokuskan perbahasan kepada apakah benar belanjawan ini dapat memberikan rangsangan kepada sang harimau untuk mengaum atau sebenarnya ia akan terus lena.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan ucapan tadi dengan membaca ayat Al-Quran daripada Surah Al-Furqan ayat 67 yang antara lain menyebut bahawa di antara sifat orang yang beriman ialah apabila berbelanja tidak terlalu berlebih-lebihan dan tidak pula terlalu berjimat. Prinsip Islam di dalam perbelanjaan ialah bersederhana. Justeru, salah satu elemen *maqasid syariah* yang digariskan Islam ialah *hifzul mal* yang bermaksud bahawa Islam meletakkan kepentingan untuk menjaga dan menguruskan kewangan dengan baik. Islam menggalakkan manusia untuk menghasilkan, mengembang dan menggunakan harta dengan bijaksana dan tersusun. Malah, melalui harta yang dikurniakan kepada manusia, ia menjadi ujian kepada mereka untuk terus bersyukur atau bongkak dengan kemewahan dunia yang sementara.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 memperuntukkan RM314.5 bilion berbanding Bajet 2018 sebanyak RM290.4 bilion. Peningkatan sebanyak RM24.1 bilion merupakan satu angka yang biasa. Namun, jika diterjemahkan dalam situasi negara yang dikatakan sedang menghadapi krisis kewangan yang teruk, ia merupakan satu jumlah yang agak besar. Dengan kehilangan kutipan GST sebanyak RM42 bilion, daripada manakah kerajaan menambah hasil sehingga membuat anggaran belanjawan sebanyak RM314.5 bilion?

Jawapannya ialah selain daripada kutipan cukai SST yang dianggarkan sebanyak RM22 bilion, sumber dividen Petronas juga telah dianggarkan sebanyak RM30.9 bilion berbanding

hanya RM15.7 bilion tahun 2017 dan RM21.7 bilion tahun 2018. Ia bererti berbanding era pentadbiran kerajaan sebelum ini, Petronas diminta membayar dividen pada kerajaan sebanyak dua kali ganda dan ini merupakan satu perkembangan yang tidak baik untuk syarikat milik kerajaan ini.

Dalam erti kata lain, sebenarnya kehilangan daripada kutipan GST ditampung oleh dividen daripada Petronas. Tidakkah jika berlaku penurunan harga minyak sebanyak sehingga USD40 *per barrel* akan mengganggu aliran tunai Petronas? Jika tiba-tiba harga minyak turun mendadak, adakah Petronas akan tetap akan dipaksa membayar dividen sebanyak yang telah dianggarkan di dalam belanjawan?

Oleh sebab itu, saya ingin menyokong semula saranan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Iskandar Puteri seperti yang termaktub dalam web [www.therocket.com.my](http://www.therocket.com.my) dengan izin, di bawah satu artikel "*Where has all the money gone?*" bertarikh 15 Oktober 2009 di mana Yang Berhormat Iskandar Puteri telah mencadangkan agar laporan Petronas kewangan dan liabilitinya turut dibentangkan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan seperti biasa bercakap berkenaan angka, namun kebahagiaan bukan secara mutlaknya berada di situ. Wang boleh membeli rumah tetapi tidak boleh membeli rumah tangga.

Saya ingin mengambil kesempatan di dalam ucapan ini menyentuh isu guru duka lara yang semakin berlanjutan. Saya menerima banyak rintihan cikgu duka lara ini. Ada yang telah berkhidmat melebihi lapan sehingga 23 tahun di sekolah yang sama. Dua hari lepas, *viral* berkenaan seorang guru 13 tahun duka lara dan perkahwinan jarak jauh (PJJ) sampai bercerai kerana tidak dapat bertukar dari Johor ke Kelantan. Jual rumah sampai sanggup menyerahkan anak kepada sesiapa pun kerana sedang mengalami kemurungan.

Masalah pertukaran guru duka lara ini tiada kesudahannya. Beberapa hari lepas, 12 November 2018, keluar *result* e-GTukar iaitu permohonan pertukaran guru. Yang memohon seramai 20,716 orang tetapi yang berjaya mohon bertukar hanya 20 peratus iaitu seramai 4,169 orang dan yang tidak berjaya memohon untuk bertukar 79 peratus. Pada pengumuman titah ucapan yang lalu, saya sebut ada data 245 guru duka lara yang tidak berjaya untuk memohon bertukar.

Saya tidak bermaksud untuk menyalahkan Yang Berhormat Menteri secara seratus peratus dalam isu ini kerana isu ini merupakan isu yang lama, tetapi saya kira dalam masa enam bulan kerajaan ini dilantik, sepatutnya Yang Berhormat Menteri boleh melaksanakan sesuatu tindakan yang drastik. Lagi teruk isu ini apabila guru baharu ditempatkan terus di kampung halamannya pada Oktober setiap tahun dan menutup peluang guru yang lebih senior untuk yang diberitahu keputusan pertukarannya hanya pada bulan November setiap tahun. Guru lebih senior mohon bertukar tetapi tidak dibenarkan.

Isu ini melampaui isu politik, agama dan juga bangsa tetapi ia lebih kepada isu kemanusiaan yang saya mengharap supaya pihak Kementerian Pendidikan dapat melaksanakan reformasi dalam sistem e-GTukar yang telah dilaksanakan pada hari ini. Apa yang

paling penting, reformasi harus dilakukan di PPD, JPN bahkan di KPM sendiri dan tidak menjadikan pendidikan sebagai pentas politik. Saya tahu bahawa Yang Berhormat Menteri mempunyai komitmen ini tetapi ia harus diterjemahkan sehingga sampai ke peringkat akar umbi bahawa pendidikan haruslah bebas daripada kefahaman politik partisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung golongan orang kelainan upaya (OKU) dan perhatian belanjawan terhadap mereka. Saya ingin mulakan dengan isu mushaf Al-Quran Braille versi Malaysia. Isu ini telah mula dibangkitkan di Dewan yang mulia ini sejak sesi Belanjawan 2017 yang lalu. Saya juga difahamkan adanya usaha-usaha dimulai oleh Bahagian Kawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri dan juga JAKIM. Saya menyarankan usaha ini terus diberikan perhatian khusus dan dilaksanakan sebaik mungkin. Kepakaran dari pihak terbabit terutama dari kalangan OKU penglihatan sendiri mestilah diberikan fokus. Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan (PERTIS) perlu dilibatkan secara langsung. Saya difahamkan Jawatankuasa Al-Quran Braille telah pun dibentuk tetapi masih belum mempunyai natijah yang benar-benar dapat menghasilkan, merealisasikan cita-cita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan syarat pendapatan RM1,200 atau ke bawah kepada setiap OKU yang bekerja bagi menikmati EPC ini dihapuskan. Adalah amat wajar untuk EPC yang kini berjumlah RM400 diberikan kepada semua OKU yang bekerja. Sekali lagi saya mengambil satu contoh bagaimana seorang OKU penglihatan yang bekerja di luar kawasan Lembah Klang termasuk di Pantai Timur, beliau terpaksa membayar kereta sewa RM30 sehari untuk berulang-alik ke tempat kerja dan aktiviti harian.

Saya bangkitkan dalam ucapan saya yang lepas supaya elaun jurulatih di pusat dalam komuniti (PDK) hendaklah dinaikkan. Barangkali Yang Berhormat Menteri beliau keliru di antara jurulatih dan juga pelatih. Saya mohon supaya elaun jurulatih ini dinaikkan daripada RM800 kepada RM1,050 gaji minimum yang telah ditetapkan di dalam Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu *International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)*.

#### ■1630

Jika kelmarin Yang Berhormat Marang dan juga tadi Yang Berhormat Pasir Puteh meletak ataupun menjelaskan berkenaan dengan isu ICERD yang dijangka akan menjadi suatu ledakan dalam masyarakat pada hari ini, maka saya ingin menyatakan bahawa di samping isu ICERD, maka di sana *International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)* lebih bahaya daripada isu ICERD.

Apa yang penting, tidak ada keperluan bagi kerajaan Malaysia untuk meratifikasikan perjanjian ataupun konvensyen-konvensyen PBB ini. ICCPR, artikel 18 menyebut bahawa setiap orang mempunyai peluang ataupun kebebasan untuk menganut apa jua agama yang mereka mahu dan ini secara tidak langsung boleh menggugat undang-undang ataupun kekangan ataupun halangan kepada umat Islam untuk mereka keluar daripada agama Islam.

Kena tahu bahawa di Malaysia pada hari ini, setiap orang boleh menganut apa jua agama tetapi umat Islam yang sudah menganut agama Islam, mereka tidak boleh dibenarkan untuk

murtad daripada agama mereka. Justeru, kita ingin mengulangi sekali lagi bahawa sekiranya ICERD ataupun ICCPR ini diratifikasikan, maka ia akan mengundang suatu situasi yang tidak mampu kita bayangkan. Tidak mustahil bahawa anak-anak muda akan turun ke jalan raya, akan melakukan perkara-perkara yang tidak dapat kita bayangkan kerana ia akan menggugat ketuanan dan juga perkara-perkara yang telah kita sepakati...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Boleh saya tanya soalan? Penjelasan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Maaf ya, saya panjang sikit lagi ini.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Satu penjelasan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Panjang sikit. Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada isu Belanjawan 2019, merujuk Buku Anggaran Peruntukan Perbelanjaan, peruntukan Kementerian Kewangan paling tinggi ialah RM68.3 bilion, peruntukan Kumpulan Wang Terkanun naik mendadak dari RM1.66 bilion kepada RM38.7 bilion. Justifikasi Menteri Kewangan adalah disebabkan bayaran balik GST dan cukai pendapatan sebanyak RM37 bilion.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Minta maaf, boleh saya tanya satu penjelasan?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Persoalannya – saya tidak bagi. Maaf ya sebab saya...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Hanya berkenaan dengan ICERD yang mana – boleh saya tanya?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Kejap, begini, ICERD – saya kira ICERD parti-parti komponen Pakatan Harapan telah jelas, pimpinan parti PBBM telah keluarkan kenyataan ICERD tidak mungkin, tidak sampai masa untuk diratifikasikan. Saya juga baca kenyataan Timbalan Presiden Amanah, Yang Berhormat Menteri Pertanian menolak ICERD. Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat perlukan penjelasan, sila dapatkan penjelasan daripada pimpinan-pimpinan Pakatan Harapan. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Bukan, ini berkenaan dengan ayat – penjelasan ialah satu ayat Yang Berhormat katakan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Persoalannya, berapakah jumlah cukai yang tidak diambil oleh kerajaan daripada pembayar cukai yang lari dari memanipulasi laporan kewangan mereka untuk lari dari cukai? Bukankah kerajaan patut mengambil kira kutipan hasil cukai dari mereka yang lari sebagai hasil... di samping menggunakan bajet sehingga RM37 bilion untuk bayaran balik cukai dan bukan pembangunan dan kebajikan rakyat.

Pengangkutan juga menerima kenaikan peruntukan sebanyak 28.9 peratus dengan justifikasi bayaran pampasan AES sebanyak RM200 juta. Apakah perincian pampasan itu? Berapa lama tempoh bayaran? Adakah boleh dibuat berkala atau secara *lump sum*? Senarai kementerian yang berkait rapat dengan kebajikan rakyat miskin di luar bandar dalam carta peruntukan yang amat sedikit, bahkan ada yang dipotong terus. Sebagai contoh, Kementerian Industri Utama dipotong perbelanjaannya sebanyak 4.1 peratus. Sedangkan ia melibatkan

bantuan musim tengkujuh, penoreh getah dan juga pekebun getah. Subsidi baja, padi, elaun, nelayan, penurunan bajet kepada MARA, ini perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu penagihan dadah yang semakin meningkat pada hari ini, suka untuk saya nyatakan bahawa kita perlu tumpukan penyelesaian kepada sistemik dan bukan sistematik dengan maksud bahawa kita perlu bertukar sistem bukan dengan memberikan ubat kepada simptom-simptom yang ada pada hari ini. Isu penagihan dadah hendaklah diberikan kesedaran kepada penagih-penagih dadah ini dalam bentuk kesedaran agama kerana sekiranya jika mereka tidak diberikan kesedaran agama, maka kita bimbang bahawa isu penagihan dadah ini akan meruntuhkan keharmonian yang telah kita bina ataupun meruntuhkan keharmonian masyarakat, meningkatkan kadar jenayah yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Kelantan, terasa amat kecewa bila tiada pengumuman khusus untuk negeri ini dan juga negeri-negeri pantai timur, tiada penegasan khusus berkenaan dengan projek tebatan banjir, pembesaran lapangan terbang, projek-projek lain yang sudah dijanjikan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Bertuahlah negeri Kedah kerana sekurang-kurangnya ada Bukit Kayu Hitam disebut di dalam bajet. Saya ingin ingatkan bajet ini jangan jadi bajet balas dendam. Saya mohon supaya Kerajaan Pusat cepatlah bayar hutang kepada kerajaan negeri. Contohnya, hutang bayaran premium tanah kerajaan bagi tapak IPG Kota Bharu yang dipohon oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan...

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Pasir Mas, tentang dadah. Hendak tanya, penjelasan saja. Boleh? Satu minit sahaja.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila-sila. Sikit, 10 saat.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** 30 saat, saya cuma hendak tanya. Okey, adakah Yang Berhormat Pasir Mas setuju dengan saya, selain daripada agama, latar belakang terutama sosioekonomi akan memberi pengaruh tentang kegiatan dadah ini. Maknanya, banyak golongan yang daripada miskin dan tidak begitu tinggi pelajaran mereka akan terjebak dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih, saya setuju Yang Berhormat Kampar, terima kasih. Baik, saya mohon supaya Kerajaan Pusat, contohnya bayar hutang jumlah premium tanah IPG Kota Bharu RM113 juta notis 5A keluar pada 20 Mei 2018, luput pada 19 Ogos 2018. Premium tanah di Tanah Merah yang dipohon oleh FELDA notis 5A keluar pada 2 Julai luput pada 1 Oktober RM144 juta. Itu belum dikira bayaran royalti minyak yang menurut pimpinan parti DAP sendiri ialah mencecah RM14 bilion.

Oleh sebab itu saya setuju bila Menteri Kewangan mencadangkan Kelantan kena cari sumber yang lain untuk membangunkan negeri, saya juga ingin menyatakan bahawa Kerajaan Pusat sila cari sumber yang lain selain minyak yang ada di Kelantan. Kalau sekiranya kenyataan Menteri Kewangan itu ingin dipakai, namun dalam masa yang sama kita tetap tegas dengan



tuntutan yang telah kita nyatakan sekian lama ialah royalti minyak hak milik Kelantan hendaklah dibayar.

Belum lagi dibicarakan pampasan tanah di Kelantan yang diambil untuk dijadikan taman negara, pemeliharaan hutan di Kelantan, maklumat yang saya dapat untuk taman negara, Kelantan mewartakan 104,000 hektar dan hutan-hutan perlindungan 237,000 hektar. Kesemua ini tidak boleh dijadikan aktiviti pembalakan langsung. Kos melepasi mengikut anggaran rasmi RM6,000 sehingga RM18,000 sehektar hutan.

Jika diambil kos minimum RM6,000 sehektar, maka Kerajaan Pusat perlu membayar kepada Kelantan RM2.046 bilion. Ini saya maksudkan ialah bagaimana Kelantan telah berkorban untuk negara memelihara hutan sebagai paru-paru negara. Justeru, oleh yang demikian, saya baca kenyataan daripada Yang Berhormat Jerlun dan juga Menteri Besar Kedah di sidang DUN kelmarin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, minta rumuskan Yang Berhormat, rumuskan. Macam sudah habis.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Ya, bahawa memohon ditukarkan hutan bekalan air kepada geran, maka kalaulah Kedah diberikan pelepasan hutan bekalan air, ditukar kepada bentuk geran sudah tentu Kelantan juga perlu menikmati pelepasan yang sama. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebagai kesimpulannya, belanjawan ini hendaklah diterjemahkan sebagai belanjawan harimau yang mengaum, jangan menjadi belanjawan tikus yang tidur. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Libaran.

#### 4.37 ptg.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Libaran untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 dan dikenali sebagai Bajet 2019. Salam sejahtera kepada rakan-rakan yang masih juga bertahan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa rakyat Malaysia yang ada sekarang ini sedang berdepan dengan peningkatan kesusahan dan kehidupan yang gusar juga kehidupan yang meruncingkan. Dunia tanpa sempadan, era globalisasi dan era siber, inilah juga merupakan beberapa nama yang diberikan pada zaman sekarang ini iaitu abad ke-21 dalam era globalisasi. Kini kita berdepan dengan konsep dunia tanpa sempadan atau *borderless world* dengan izin dan kita tidak memerlukan sebarang kebenaran untuk mengetahui tentang negara lain. Walaupun jarak beribu-ribu batu, akan tetapi dengan adanya teknologi dunia semakin kecil ini, segala aspek kehidupan manusia termasuk daya saing menghadapi cabaran yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam konteks penubuhan jawatan khas kabinet untuk mengkaji semula dan memantau pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 atau dikenali sebagai MA63.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjanjian ini semua sedia maklum bahawa termasuk hak-hak negara Sabah dan juga Sarawak yang mengandungi satu daripadanya ialah minyak akan dibagi 20 peratus kepada Sabah dan Sarawak tetapi bukan dalam lingkungan atau jangkaan keuntungan tetapi adalah pendapatan. Lain-lain itu juga saya merasakan ialah hak-hak negeri Sabah, hak-hak dalam MA63 ini harus dan mesti juga dikembalikan kepada kedua-dua negeri ini.

Saya ingin maklumkan juga di sini Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional telah pun menggariskan dan menjanjikan bahawa hari itu supaya MA63 ini apa juga yang telah terambil, apa juga yang telah terpakai oleh pihak di sini akan dikembalikan kepada negeri Sabah. Kita mengharapkan bahawa hari ini Pakatan Harapan telah mengambil alih kerajaan baharu Malaysia. Kita mengharapkan segala janji-janji yang ada sekarang ini akan ditunaikan khasnya kepada negeri Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tahu bahawa pertumbuhan dan pembangunan Sabah dan Sarawak memang perlu dipercepatkan. Kita hari ini, kedua-dua negeri ini masih juga ketinggalan terutama sekali negeri Sabah kerana ialah MA63 itu tidak dilaksanakan. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan mengoptimumkan sumber asli serta kedudukan geografi yang ada di kedua-dua kawasan ini. Saya menaruh harapan yang tinggi kepada sebelas orang Ahli Jawatankuasa Kabinet ini dan berharap bahawa sebarang kajian yang dibuat dan keputusan yang diambil berpaksikan kepada kemakmuran rakyat bagi Sabah dan Sarawak. Apatah lagi hari ini, saya nampak bila MP daripada Yang Berhormat Batu Sapi iaitu daripada negeri Sabah telah diberi kuasa untuk mengatur perkara ini di Jabatan Ketua Menteri. Kita harap MP daripada Batu Sapi ini akan bersama-sama kita untuk memohon dan semestinya hak-hak negeri Sabah dan Sarawak ini dapat dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negeri Sabah juga bergantung kepada industri eksport bagi komoditi utama dan komoditi-komoditi yang lain diproses secara minima. Selain daripada pengilangan kayu, sektor pertanian, pelancongan dan pembuatan juga menunjukkan trend peningkatan dan pantas menjadi sumber utama ekonomi di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, petroleum, minyak sawit dan koko juga masih kekal sebagai tiga komoditi yang sentiasa dieksport ke luar negara. Sabah adalah satu pengeluar terbesar minyak kelapa sawit di Malaysia. Semua pun tahu dan semua pun maklum, perladangan kelapa sawit meliputi lebih kurang 700,000 hektar di kawasan pantai timur Sabah dan ia juga telah menyumbang kepada kira-kira 25 peratus daripada eksport minyak kelapa sawit mentah di negara Malaysia.

Seperti yang ditunjukkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah telah merekodkan pertumbuhan KDNK tertinggi untuk mencatatkan pertumbuhan 8.2 peratus pada tahun 2017, berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya dan pertumbuhan KDNK di Sabah adalah juga

dipengaruhi oleh sektor berasaskan komoditi. Namun, apa yang membimbangkan kepada saya ialah eksport minyak kelapa sawit Malaysia untuk pada bulan Oktober yang lalu turut jatuh kepada 32.8 peratus berbanding bulan lepas 505,000 tan berbanding 752,000 tan bulan lepas pada tempoh yang sama. Malah harga buah tandan segar sawit yang dibayar kepada pekebun kecil di negeri Sabah juga turut jatuh kepada 37.7 peratus pada 19 November, iaitu RM383 satu tan berbanding RM615 setan pada tempoh yang sama.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, pekebun kecil getah juga turut membilang nasib yang sama seperti kelapa sawit. Purata harga ladang (*farmgate price*) dengan izin tiga jenis getah iaitu getah kepingan yang tidak di asap (*unsmoked sheets (US\$)*), getah kental (*latex*) dan getah skrap (*cuplump*) turut jatuh dalam lingkungan 12 peratus hingga 22 peratus pada 9 November baru-baru ini. Sekarang ini dibandingkan dengan tempoh yang sama iaitu *farmgate price* bagi ketiga-tiga getah *US\$*, *latex* dan *cuplump* ini masing-masing mencatatkan RM200.17, RM300.60 dan RM100.54 sekilogram. Berbanding dengan RM200.78, RM400.10, RM100.05 sekilogram pada tahun 2017.

Dalam tempoh yang sama, lebih juga membimbangkan paras harga sekilogram getah di Malaysia lebih rendah daripada sekilogram gula. *Seriously, what when wrong?* Apa masalah dia sekarang ini? Sebagai kerajaan baharu, kita mengharapkan Pakatan Harapan akan dapat memulihkan harga-harga ini kerana ini melibatkan kepada rakyat yang ada di akar umbi, pengusaha yang tidak mampu, selepas ini tidak ada pendapatan mereka. Kita mengharapkan kepada kerajaan baharu yang ada pada sekarang ini jangan hanya menunggu laporan daripada bawah, tetapi turunlah ke akar umbi untuk memeriksa dan melihat macam mana keadaan rakyat di kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu membela nasib juga pekebun kecil sawit dan getah. Golongan ini yang mengharapkan berdepan sepenuhnya sebagai pekebun sawit dan penoreh getah perlu menerima kenyataan bahawa mereka kini berdepan dengan masa depan yang tidak menentu. Malah dalam keadaan kegawatan ekonomi, perang perdagangan China-US, kenaikan harga barang, rata-rata golongan ini juga pastinya begitu terkesan dengan kejatuhan mendadak harga komoditi ini.

Kita mengharapkan kerajaan dapat membela nasib mereka. Bantuan yang sedia ada juga patut diteruskan. Kita tidak nampak bahawa ada bantuan sekarang ini tetapi Barisan Nasional pada masa-masa yang lalu memang ada bantuan. Apa yang pentingnya Menteri-menteri berkaitan perlu juga peka terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan pekebun kecil dan bukan hanya duduk di bawah sambil mendapat input daripada pegawai-pegawai kerajaan apatah lagi menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara pengimport komoditi kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua dalam Bajet 2018, Kerajaan Barisan Nasional telah memberi peruntukan khas kepada ESSCOM sebanyak RM280.25 bilion.

## ■1650

Namun tidak nampak sebarang peruntukan ESSCOM dalam bajet PH atau Pakatan Harapan yang ada sekarang pada tahun 2019 ini. Izinkan saya untuk membangkitkan isu penculikan di perairan Pulau Gaya, Semporna. Baru-baru ini berlaku. Yang berlaku baru-baru ini, media massa juga telah melaporkan bahawa kejadian ini berlaku di antara 12.30 tengah malam hingga 1.00 pagi pada 11 September 2018. Ketika kejadian itu, seramai empat krew berada di atas bot yang terbabit menangkap ikan di perairan berkenaan, dua krew bot warganegara Indonesia ini dipercayai diculik oleh kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini.

Mengikut kronologi, isu penculikan yang berlaku di Pantai Timur Sabah ini daripada tahun 2000 hingga kini sebelum ESSCOM ditubuhkan pada tahun 2013, didapati daripada tahun 2000 hingga tahun 2012, sejumlah tujuh insiden dan 40 tebusan dan dua kematian juga telah berlaku. Selepas ESSCOM ditubuhkan iaitu daripada tahun 2013 hingga kini, sejumlah satu insiden, dua tebusan, dua kematian yang terlibat. Kekurangan berlaku kes penculikan di Pantai Timur Sabah bertambah selepas ESSCOM ditubuhkan dan kes penculikan menjadi kerap berlaku di kawasan perairan berbanding di darat.

Perlu diambil tahu bahawa pada tahun 2014, kerajaan telah memperkenalkan perintah berkurung atau *curfew* dengan izin yang berlangsung dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi keesokannya. Walaupun perintah berkurung ini telah pun diperkenalkan, namun kes penculikan yang berlaku di Pulau Gaya, Semporna baru-baru ini tetap berlaku di pertengahan malam iaitu pada masa perintah berkurung berkuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan Yang Berhormat.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Ini difahamkan bahawa syarikat perikanan ada memaklumkan memohon keizinan lesen untuk menjalankan aktiviti kajian untuk mereka beroperasi. Justeru itu, adakah kementerian bercadang untuk membuat kajian tentang kelonggaran yang diberikan semasa perintah berkurung yang telah dimaktubkan oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Saya bangkitkan perkara ini kerana ini adalah penting dalam menjaga keselamatan dan keperluan juga harus Kerajaan PH memperuntukkan banyak lagi peruntukan untuk ESSCOM pada hari ini untuk menjaga keselamatan rakyat di negeri Sabah, terutama sekali pihak nelayan yang tiap hari, tiap masa untuk mencari nafkah.

Untuk makluman, kita dimaklumkan bahawa PH atau Pakatan Harapan dalam Bajet 2019 ini tidak pun menyentuh ataupun memberi peruntukan kepada ESSCOM di negeri Sabah. Kita mohonlah kerana negeri Sabah adalah juga satu negeri yang bersama-sama dalam Malaysia dan kita satu keluarga. Kita tidak mahu keluarga, anak kita, keluarga kita yang menjadi mangsa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini. Akan tetapi kalau tidak ada kewangan, kalau tidak ada peruntukan kepada ESSCOM, kepada orang-orang yang berkenaan ini, macam mana mereka untuk menjalankan tugas. Mohon Tuan Yang di-Pertua.

Malah Kerajaan Negeri Sabah yang baru ini telah pun satu perkara membatalkan pengharaman penggunaan *pump boat* dengan izin. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua,

rakan-rakan di Dewan yang mulia ini. Kalau kita di sini, barangkali tidak faham dengan apa itu *pump boat*. *Pump boat* sebenarnya kekal menjadi pilihan utama pihak-pihak tertentu untuk menjalankan kegiatan jahat seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia dan lain-lain kegiatan jenayah. Hal sedemikian adalah akibat reka bentuk *pump boat* yang saya cakap ini membolehkan bukan sahaja berfungsi di perairan yang cetek, malah boleh berfungsi di kawasan bakau yang hanya air satu inci daripada ini, boleh berjalan, boleh membawa masalah kepada rakan-rakan kita di kawasan yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, minta rumuskan. Masa telah tamat.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Sekejap lagi, bagi maklumat sedikit ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit lagi.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Jadi pengharaman *pump boat* adalah keputusan yang tepat dibuat oleh Barisan Nasional. Kerajaan Pakatan Harapan dalam meningkatkan keselamatan di Pantai Timur. Saya percepatkan. Kerajaan perlu membela nasib baik para nelayan, terutama para nelayan di negeri Sabah, mereka bukan sahaja perlu berdepan dengan risiko ancaman keselamatan dan nyawa, malah membatalkan bantuan sara hidup yang tidak diberi oleh Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi pelancongan juga menyumbang kepada ekonomi Negeri di Bawah Bayu. Sabah juga merupakan sebagai satu tapak untuk menyelam popular di dunia iaitu Pulau Sipadan dan juga Tapak Warisan Dunia, Taman Negara Kota Kinabalu, ekosistem yang kaya dengan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan media, *National Golden Week China* dengan izin satu perkara yang aneh telah berlaku di industri pelancongan itu, di sebaliknya jumlah pelancongan di Malaysia telah jatuh kepada 35 peratus. Sementara itu, media juga melaporkan bahawa kadar penghunian hotel di negeri Sabah pada bulan Oktober iaitu semasa Golden Week dengan izin, merosot kepada 50 ke 60 peratus berbanding dengan 80 hingga 85 peratus dengan tempoh yang sama pada tahun 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat Libaran, masa telah tamat.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak berikan pada yang lain pula.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Memang banyak lagi belum siap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa 15 minit telah diberi Yang Berhormat.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tetapi kalau boleh beri saya untuk penutupan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tadi saya telah beri satu minit.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Baik Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ikut peraturan.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Untuk makluman, ada banyak lagi di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa telah tamat. Ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tidak apa. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil penutupan di kawasan Libaran. Saya mohon Barisan Nasional telah meluluskan beberapa projek di kawasan Sandakan. Sila saya sebutkan hari ini, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu minit sahaja.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Satu daripadanya, saya mahu teruskan atas kehendak rakyat, naik taraf Jalan Nalulit. Kedua ialah paip air ke Kampung Banting di kawasan Libaran. Paip air menuju ke Pulau Nunuyan, ini juga telah diluluskan. Membina jalan Kampung Semawang ke Kampung Kuala Gungum.

Yang kelima ialah meneruskan pembinaan jalan Pan Borneo daripada Batu 32 ke Lutam di kawasan Libaran. Keenam, pembinaan SMK Gungum 2. Ketujuh ialah pembinaan SMK Libaran dan yang kelapan juga yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua jangan risau lagi, ini terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya kena berlaku adillah Yang Berhormat Libaran. Naik taraf Airport Sandakan...

#### ■1700

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya kena berlaku adillah, Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** ...adalah keperluan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Alor Setar.

#### 5.00 ptg.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih. Saya pun nak minta setengah jam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kawan-kawan semua. Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kita nak bahas belanjawan sama ada peringkat negeri ataupun pusat, ramai wakil rakyat akan asyik tuntutan dan minta peruntukan untuk tambah sini sana, untuk buat jalan, buat longkang, buat jambatan tetapi yang isunya duit ini bukan boleh kita tanam dapat buah. Maka,

perlu cari daripada mana hasil dia. Minyak kah ataupun sumber asli ini boleh habis, itu terhad. Pertanian boleh jual tetapi ikut pasaran, maka akhirnya kita kena cari. Maka saya rasa dalam tiga fokus belanjawan ini adalah cukup mantap kerana dia merangkumi tiga yang paling penting.

Pertama, kita nak wujudkan satu kerangka yang sempurna. Maka kita perlu *reform*, melaksanakan reformasi institusi daripada segi pelaksanaan penguatkuasaan. Yang kedua yang penting, memupuk budaya negara keusahawanan. Ini fokus ketiga. Sebab apa? Sebab kita perlu ada hasil yang lebih daripada sama ada pertanian ataupun sumber asli. Maka ini penting. Fokus yang kedua, memastikan kesejahteraan rakyat. Itulah isu pengagihan kekayaan yang kalau barangkali kita boleh janakan. Maka saya rasa fokus ini betul cuma isu dia, kita boleh bincang bagaimana mengagihkan belanjawan tetapi duit daripada mana? Itu yang jarang kita bincang. Itulah sebabnya dalam ekonomi ini ada satu pepatah yang popular iaitu seorang itu tak boleh lari daripada dua benda, dua perkara. Satu adalah mati, yang kedua ialah bayar cukai.

Maka, kita kena bincang cukai ini kena ambil daripada mana. Pertama, dalam reformasi institusi ini, saya setuju dengan strategi ketiga iaitu meningkatkan hasil kerajaan dengan semak semula Dasar Percukaian dan saya setuju dengan usaha baru-baru ini, pembubaran Pasukan Penguat kuasa Pemulihan Negara iaitu *the National Revenue Recovery Enforcement Team* iaitu selepas ini tak adalah pasukan pergi rumah, rampas, bawa pistol semua nak minta bayar cukai. Tak ada.

Akan tetapi yang penting, kita kena cari betul siapa yang sepatutnya harus bayar cukai, kena bayarlah. Apa yang kita dapat daripada maklumat ini adalah Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan ekonomi 2019 ini ada statistik bahawa seluruh Malaysia ada 14 juta tenaga kerja yang tengah kerja, dapat gaji. Ada 1.1 juta pertubuhan perniagaan termasuk syarikat, koperasi dan lain-lain. Di antara semua ini, yang bayar cukai kurang daripada 20 peratus. Saya bukan nak minta semua orang bayar cukai. Ada yang tak layak, ada yang tak mampu. Akan tetapi bayangkan kalau kita ada B40, maka Top 20 itu mana pergi? Top 20 *percent* itu adalah pendapatan yang lebih daripada RM8,000 lebih. Takkanlah kutipan cukai kurang daripada 20 peratus?

Termasuk juga kalau M40 itu ada yang di antara jurang RM3,800 sehingga RM8,000 lebih yang barangkali harus bayar cukai juga. Maka, dalam bab ini bukan kita hendak tekan rakyat untuk bayar cukai tetapi orang yang harus bayar kena bayar. Individu dan syarikat khususnya koperasi yang dapat kontrak-kontrak kerajaan haruslah LHDN semak sama ada keuntungan yang mereka dapat itu sudah kena cukai atau tidak. Akan tetapi pada waktu yang sama, saya minta LHDN ini ubah sikit perangai ataupun persepsi apabila semakan ataupun kutipan cukai.

Jangan kita anggap semua peniaga ini macam pencuri kah ataupun kita sengaja nak lari daripada cukai. Kerana apa? Kerana mungkin penjawat awam mungkin *depa* bukan biasa dengan suasana perniagaan ini, *depa* tak faham daripada segi konsep perniagaan ini. Saya bagi contoh, ada LHDN bila semak cukai ini, dia kata oh! Syarikat ini dia untung. Untung *on paper*. Macam mana? Kerana Tuan Yang di-Pertua, yang kira keuntungan ini bukan sahaja hasil penjualan tetapi termasuk juga barang-barang stok yang simpan tetapi apabila semakan

tersebut, katakan kalau simpanan stok itu sebenarnya nilai itu sudah tak sepadan dengan harga pasaran ataupun barang itu sudah rosak ataupun sudah *expired*, tak boleh pakai, maka kita buang.

Akan tetapi Lembaga Hasil Dalam Negeri akan kata itu adalah stok yang simpan, kira juga nilai tersebut akhirnya campur sekali, kira untung dan kena cukai. Maka tidak adil kepada peniaga dalam keadaan ini. Pada masa yang sama, ada juga cadangan ataupun pandangan pihak LHDN apabila buat semakan, anggap bahawa gaji bayaran kepada pekerja terlampau tinggi, disyaki lari daripada bayar cukai. Ada satu kes yang saya terima, satu syarikat kilang, dia bayar gaji kepada isteri dia RM5,000 maka Lembaga Hasil Dalam Negeri kata itu tak boleh. Terlampau tinggi kerana isteri dia hanya lepasan SPM sahaja sedangkan isteri dia kerja 30 tahun.

Inilah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita setuju bahawa pihak LHDN ini semak tetapi jangan asyik ingat peniaga ini sengaja nak lari cukai. Kena faham suasana peniaga tersebut supaya jangan aniaya kepada peniaga yang tak ada niat pun nak lari daripada cukai. Itu kita perlu betulkan pihak LHDN. Salah satu yang paling penting dalam persepsi sebelum ini, peniaga adalah bahawa kerajaan ini seolah-olah macam menekan peniaga. Kalau tak untung pun kena buat sampai untung untuk bayar cukai. Kalau tidak, dia mesti kacau.

Akan tetapi kalau *you* tak kena, *you* kena bayar sahaja. Kalau lebih bayar pun kerajaan tak kembalikan balik. Itulah sebabnya Jabatan Akauntan Negara lepas semakan, tunggakan yang kita terpaksa bayar balik GST sini RM19.4 bilion dan Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu *income tax* RM16 bilion.

Ini yang selalunya peniaga takut. Walaupun tak untung pun terpaksa bayar dan tak suka hati kerana bayar pun kalau lebih bayar, kembali balik amat lambat walaupun cukai individu cepat tetapi cukai syarikat lambat sangat nak bayar balik. Ini yang saya minta. Kalau kita nak *reform* keseluruhan Dasar Percukaian, mintalah *reform* juga daripada segi penguatkuasaan tersebut supaya janganlah menyusahkan perniagaan.

Pada waktu yang sama, dalam strategi ini terdapat ada satu polisi baru bahawa baki rugi perintis yang tidak dapat diserap, dibenarkan dibawa ke hadapan sehingga tujuh tahun sahaja, tujuh tahun taksiran sahaja. Sebelum ini, tak ada sekatan. Ini saya minta kaji semula kerana ada kerugian syarikat ini bukan disebabkan kerana perniagaan sahaja tetapi termasuk bencana ataupun kes lain yang terpaksa kerugian tersebut cukup banyak sehingga dia lebih daripada tujuh tahun tetapi kalau kita hadkan kepada tujuh tahun, seolah-olah macam kita nak paksa dia, peniaga tersebut mesti kena dapat untung dalam jangka masa tujuh tahun.

Saya rasa itu perlu semak semula. Yang penting, apabila kita ada strategi untuk memperkukuhkan pengurusan fiskal dengan *zero-based budgeting*. Saya setuju dengan *zero-based budgeting* sedangkan ini telah diamalkan di Amerika Syarikat pada tahun 70-an dan di China 90-an. Akan tetapi yang penting di sini adalah *zero budgeting* bukan hanya bermaksud setiap projek kita kira 'A' to 'Z' mana satu haruskan *deduct*. Pada waktu yang sama, saya bagi satu hujahan yang saya rasa amat tepat. Dengan izin, *without quality measure, zero-based budgeting simply will not work because decision package cannot be ranked*.



Masalah kita adalah kita tak sampai hati untuk potong projek-projek ataupun polisi-polisi yang tak efektif. Maka kita tak boleh nak gunakan *zero budgeting* hanya kerana kita nak mulakan satu projek baru, kita susun, kita ukur sama ada dia efektif atau tidak tetapi kita kena *compare*, kita kena banding dengan projek ataupun program yang lebih kurang sama. Kalau program 'A' ini sudah tak efektif, kita nak wujudkan program 'B' maka kena pancung program 'A' tetapi kerana kita terlalu manja sangat, kalau potong ini kata tak boleh, tak boleh kurang ini, tak boleh kurang ini maka akhirnya kita asyik tambah projek sahaja. Maka itu tidak sebenarnya merupakan *zero budgeting concept*.

Yang satu lagi, saya cadangkan dalam CKHT ini, Cukai Keuntungan Harta Tanah ini, dalam percukaian baru ini akan mengenakan lima peratus ke atas harta tanah yang pindah milik lebih daripada lima tahun. Sebelum ini adalah kosong. Saya faham bahawa kerajaan ingin nak kutip cukai dalam harta pindahan ini tetapi cukai ini sebenarnya bertujuan untuk kurangkan spekulasi tetapi bukan semata-mata untuk kutip cukai, kutip duit. Kalau kita bagi *open-ended*, contoh dengan ini lebih daripada lima tahun sama ada enam ataupun 60 tahun pun dikenakan cukai, bayangkan kalau rumah tok nenek yang kita miliki 50 tahun sebelum ini, yakni pastilah naik harga tetapi kalau nak pindah, nak jual pun kena juga. Maka saya rasa tak kena *target* dia.

Kalau kita nak letak bahawa lebih daripada lima tahun, kena dikenakan cukai lima peratus, maka perlu ada satu *ending* sama ada tahun keenam, tahun ketujuh, tahun kelapan kemudian tak kena barulah kita boleh sasarkan dengan betul cukai ini dan juga khususnya cukai ini terkecuali untuk rumah kos rendah dan mampu milik.

#### ■1710

Saya setuju. Cuma, kalau katakan rumah mampu milik atau rumah kos rendah ini, peningkatan keuntungan terlampau banyak pun harus dikaji balik. Rumah kos rendah RM35,000. Kadangkala kerana di bawah subsidi, ada rumah kos rendah. Lepas lima tahun dia jual, tidak tentu RM50,000, mungkin RM100,000. Ada peningkatan tersebut, kita tidak ambil kira. Harus ambil kira juga dan harus dimasukkan kalaulah ada peningkatan yang terlampau tersebut.

Dalam fokus yang kedua, memastikan kesejahteraan rakyat ini, saya setuju dengan RM45 juta untuk i-SURI EPF kepada isteri. Akan tetapi dia kalau had kepada mereka yang di bawah eKasih sahaja, saya rasa perlu kita *extend* kepada M40. Bukan sahaja B40 kerana tujuan polisi ini bukan semata-mata untuk hendak bagi sumbangan kepada B40 tetapi dia memupuk satu budaya dan juga hasrat untuk sayangkan isteri. Maka haruslah *extend* sampai M40 bukan sahaja terikat kepada mereka yang di bawah eKasih.

Dalam strategi kelima, meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpasaran. Menjelang tahun 2020, anggaran satu juta pekerja yang produktif di antara umur 61 tahun sampai 65 tahun tetapi kita cadangkan caruman enam *percent* kurang sehingga empat *percent* bagi caruman majikan dan pekerja adalah '0'. Ini saya setuju. Cuma saya cadangkan kalaulah kita hendak galakkan umur 61 tahun sampai 65 tahun ini boleh meningkatkan produktiviti, maka pada masa yang sama, perlu EPF juga, KWSP bagi bantuan kematian RM2,500 tersebut kepada mereka yang membuat caruman melebihi 60 tahun.

Ini kerana setakat ini, mereka yang bayar juga caruman tetapi lepas umur 60 tahun, tidak layak bantuan kematian. Maka kalau kita hendak galakkan sehingga umur 65 tahun, maka ini pun harus dipanjangkan dan termasuk walaupun dalam keadaan yang tidak ada kredit dalam akaun tersebut, sedangkan dia sudah bagi sumbangan yang banyak sebelum ini, haruslah diambil kira.

Bagi kebajikan sosial iaitu SOCSO dan juga EPF yang lain, saya rasa dalam sistem yang baru ini kita hendak menggalakkan insurans. Kita pecahkan potongan cukai RM6,000 untuk pelepasan cukai tersebut dan tingkatkan kepada RM7,000 dengan RM4,000 adalah simpanan KWSP dan RM3,000 adalah *life insurance*. Saya sebenarnya tidak setuju setakat RM7,000. Saya minta naik sampai RM8,000, buat sampai RM4,000 kepada EPF, RM4,000 untuk potongan pelepasan cukai, untuk insurans untuk menggalakkan pembelian *life insurance*. Juga kita ingin meningkatkan bayaran pampasan kehilangan pekerjaan untuk pekerja yang hilang pekerjaan.

Pada masa yang sama, saya cadangkan untuk SOCSO ini, bagi perlindungan pampasan keilangan yang kurang daripada 60 tahun ini, meningkat sehingga 65 tahun. Ini kerana selepas umur 60 tahun, kalau dia terkena kehilangan keupayaan, mereka tidak layak tuntutan untuk hilang upaya di bawah keilangan. Di bawah skim yang sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita mengkaji seseorang itu sama ada dia hilang keilangan, dia hilang keupayaan sampai dia layak untuk dapat keilangan adalah, 70 peratus kehilangan keupayaan. Bagaimana *assessment* setakat ini, kalau potong dua tangan dengan satu kaki pun tidak sampai 70 peratus, maka tidak layak untuk keilangan. Maka saya rasa itu perlu dikaji semula.

Bagi strategi ketujuh untuk pendapatan boleh guna. Setakat ini harga purata perumahan meningkat 9.3 peratus dan pertumbuhan purata pelepasan isi rumah hanya 8.1 peratus. Maksudnya, peningkatan pendapatan adalah lebih perlahan daripada peningkatan harga rumah. Itulah sebabnya kita wujudkan pelbagai skim semua ini. Di sini saya hendak minta untuk tolong kajikan ke-efektif-an bagi skim-skim perumahan ini.

Baru ini kita hendak luluskan RM1.5 bilion untuk PPR, SPNB, PR1MA dan sebagainya. Kita sudah letak jutaan ringgit, RM25 juta untuk Cagamas Berhad untuk memberi fasiliti supaya *first time buyer* untuk dapat deposit untuk senang dapat pinjaman. Sebenarnya, *zero-based budgeting*, tolong semak skim yang lebih kurang sama contohnya Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang di tubuh sebelum ini juga bertujuan untuk menjamin *first time buyer* untuk dapatkan pinjaman. Mengapa itu tidak berkesan kah ataupun apa yang berlaku kerana akhirnya semua pun pakai bank yang sama.

Akan tetapi apa pengalaman yang kita dapat bila kita tanya bank-bank mana yang susah sangat dapatkan pinjaman rumah ini, banyak bank yang sangkut dengan GLC kerajaan, Bank Maybank. Dulu saya di Perlis saya tanya, bank mana yang paling susah dapat walaupun beli rumah kos rendah. Bank Islam. Ini semua bank yang bersangkut dengan GLC kerajaan. Kalau semua bank besar ini pun tidak reti hendak bagi pinjaman, kita buat berapa banyak skim pun, tidak akan ada kesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa tamat. Saya minta rumuskan.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Akhirnya, saya hendak cadangkan satu adalah potongan cukai yang saya setuju dengan pihak kerajaan untuk mewujudkan satu tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan untuk potongan cukai. Saya setuju dengan potongan cukai sumbangan *social enterprise* 10 peratus untuk pendapatan *aggregate* syarikat dan tujuh peratus pendapatan *aggregate* individu. Ini sudah wujud sebelum ini.

Saya cuma minta satu adalah konsep zakat yang dilaksanakan oleh kawan-kawan Muslim kita. Bagus, dapat *rebate*, zakat fitrah. Maka saya minta kita wujudkan tabung yang sama, sama ada untuk sekolah, sama ada untuk tujuan agama bukan Islam tetapi bukan pelepasan cukai di *aggregate*. Akan tetapi sama taraf iaitu *rebate* di bawah pelepasan cukai supaya menggalakkan kawan-kawan bukan Islam kita juga boleh bagi bantuan, bagi sumbangan kepada tokong, gereja, sekolah yang dapat taraf *rebate* bukan pelepasan percukaian sahaja.

Akhir sekali, saya cadangkan bahawa PTPTN yang bagi potongan pinjaman kepada kelas pertama B40, *first class honour*, saya harapkan ini kita kekalkan potongan sama kepada M40 juga kerana ada M40 sebenarnya kononnya M40 tetapi kalau dia duduk di kawasan bandar, dia tidak setaraf dengan M40 yang kawasan di luar bandar kerana tanggungan dia amat berat.

Maka dengan ini, oleh kerana tidak cukup masa untuk saya bahas untuk fokus ketiga, saya ucap terima kasih dan saya mohon sokongan belanjawan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batang Lupar.

#### 5.17 ptg.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian di dalam membahaskan belanjawan tahun 2019. Saya ingin membawa kepada cadangan bahawa pihak kerajaan akan memperuntukkan iaitu RM4.346 bilion kepada Sarawak. Saya juga ingin mendapat perincian mengenai jumlah ini dan adakah ia setimpal dengan kedudukan Sarawak sebagai sebuah wilayah dalam Malaysia? Belanjawan tahun 2019 untuk Sarawak seharusnya untuk meneruskan segala perancangan untuk pembangunan Sarawak. Sarawak memang seharusnya mendapat peruntukan dari Persekutuan seperti termaktub dalam perjanjian MA63 iaitu hak Sarawak.

Saya juga berharap bahawa Kerajaan Persekutuan akan menambah keahlian di dalam jawatankuasa khas bagi membincang secara terperinci Perjanjian Malaysia (MA63) dengan melantik jumlah anggota yang saksama di kalangan tiga wilayah iaitu kalau jumlah ahli dalam jawatankuasa adalah 16 orang, bermakna ketiga-tiga wilayah mempunyai keahlian yang dibahagikan sama rata antara mereka supaya keputusan dapat dikendalikan dengan adil.

Oleh yang demikian, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dewan Undangan Negeri Sarawak yang mewujudkan *special committee* iaitu *MA63 consultative committee*, dengan izin yang boleh menasihatkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengenai apa-apa juga

yang berkaitan dengan MA63. Sebagai mengingati sejarah sedikit sebanyak, dulu masa pembentukan Malaysia iaitu untuk mewujudkan perjanjian MA63, keanggotaan adalah saksama iaitu empat orang dari Tanah Melayu, empat orang dari Sabah, empat orang dari Sarawak dan empat orang dari Singapura. Kenapa kita tidak menggunakan formula yang sama?

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang telah meluluskan peruntukan yang besar untuk melunaskan janji pilihan raya (PRU Ke-14) bagi meneruskan pembinaan Jambatan Batang Lupar.

#### ■1720

Walaupun dijanjikan oleh kerajaan dahulu dengan Kerajaan Sarawak untuk membiayai 50 peratus iaitu 50 peratus persekutuan, 50 peratus Sarawak, tetapi nampaknya tidak ada langsung dalam Belanjawan 2019 peruntukan daripada persekutuan. Projek ini sangat-sangat dinantikan oleh rakyat Sarawak khasnya di kawasan Batang Lupar sebab ianya memberi *connectivity* melintasi Sungai Batang Lupar amnya dan juga untuk rakyat Sarawak. Jambatan ini juga akan membuka banyak kawasan yang berdekatan sebagai *game changer* dengan izin, dan boleh membuka kawasan untuk dibangunkan dan berpotensi menambah pendapatan penduduk tempatan di luar bandar. Jadi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kerana mendengar denyut nadi rakyat luar bandar khususnya di kawasan Batang Lupar.

Saya berterima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dengan insentif yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memberi RM1,000 kepada setiap bayi yang dilahirkan di Sarawak dalam tahun 2019. Saya berharap Sarawak akan dapat *baby boom*, dengan izin dengan insentif ini yang mana simpanan ini boleh dikeluarkan pada usia 18 tahun bagi membantu perbelanjaan pelajaran untuk melanjutkan pelajaran anak-anak. Ini adalah insentif yang menyejahterakan rakyat Sarawak. Saya tidak melihat di dalam belanjawan kali ini iaitu Belanjawan 2019 untuk insentif sebegini iaitu kepada bayi-bayi yang lahir dalam tahun 2019. Dulu kita ada dinamakan ADAM50.

Saya hendak menyentuh Belanjawan 2019 yang boleh menyejahterakan rakyat Sarawak dari Kerajaan Persekutuan seperti yang dijanjikan dalam PRU14. Saya ingin menyentuh dari segi pembangunan pertanian secara moden dan komersial yang boleh menambah pendapatan kumpulan petani, penternak dan nelayan yang memang ramai dan penting di kawasan Batang Lupar. Kerajaan Negeri Sarawak serius dan begitu komited dalam pembangunan pertanian bukan sahaja untuk negara tetapi juga untuk eksport ke luar negara iaitu bersesuaian dengan wawasan Sarawak yang hendak menjadi *net exporter* makanan menjelang tahun 2030.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai projek mega Jelapang Padi Batang Lupar. Berapakah peruntukan di dalam belanjawan kali ini untuk melaksanakan fasa-fasa seterusnya. Saya berharap projek mega ini diteruskan sebab ianya telah menjadi harapan bagi tuan punya tanah di kawasan saya.

Saya tidak melihat di dalam belanjawan tahun 2019 yang menyatakan dengan jelas mengenai jelapang padi Batang Lupar dan juga projek-projek yang berkaitan termasuk

peruntukan untuk mentadbir IADA Batang Lupar. Saya juga hendak mengetahui mengenai program kesejahteraan untuk nelayan di Batang Lupar dan juga mengenai projek sakit iaitu Jeti Pendaratan Ikan di Beladin.

Saya juga hendak mendapat penjelasan dengan terperinci dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tentang beberapa projek pembangunan pertanian Sarawak yang memerlukan banyak sokongan kewangan dan teknikal dari Kerajaan Persekutuan seperti membangun zon pengeluaran makanan kekal, projek agropark, perwujudan *high income agropreneur* dari golongan belia, pengkhususan kepada beberapa tanaman secara besar-besaran, komersial dan moden bagi tanaman nanas, durian Musang King, kelapa dan pisang, akuakultur pengeluaran sarang burung dan juga untuk menerokai pertanian digital.

Saya juga mohon kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi membangunkan kawasan Batang Lupar sebagai tarikan pelancongan bagi pelancong dalam dan luar negara iaitu khususnya iaitu ada tarikan baru yang dinamakan santuari buaya di Pulau Seduku. Saya mengalu-alukan lah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bolehlah datang ke pulau untuk kita bermain-main dengan buaya ya. *[Ketawa]* Situ memang elok, tempat menetas telur buaya dan juga saya mengalu-alukan untuk hadir...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Buaya darat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** ...Ke Taman Negara Maludam dengan kera belandanya iaitu *proboscis monkey* yang hidung merah itu yang sekarang ini hampir pupus. Saya berharap dalam belanjawan ini akan membantu meningkatkan pembangunan pelancongan sebagai tarikan dan meningkatkan iaitu pendapatan rakyat di luar bandar. Saya juga mohon pelan tindakan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk menggalakkan dan membawa 30 juta pelancong asing ke Malaysia seperti yang disebutkan di dalam peruntukan ini untuk menikmati alam flora dan fauna khususnya di negara kita yang menjadi tarikan yang begitu baik kepada pelancong-pelancong asing.

Saya juga mohon kepada Kerajaan Pakatan Harapan untuk meneruskan projek-projek yang telah dibatalkan yang berjumlah RM245 juta bagi kawalan hakisan pantai yang rata-rata telah mengecewakan rakyat di Batang Lupar. Projek-projek ini telah diluluskan peruntukan dan ada juga telah di dalam proses *award tender* dengan izin seperti projek tambatan banjir, hakisan di Kampung Seberang Sebuyau. Risikonya berkemungkinan kampung itu akan hilang dalam laut akibat hakisan dan ini amat berbahaya kepada penduduk kampung tersebut.

Satu lagi yang hendak saya mohon penjelasan iaitu kehilangan hasil negeri Sarawak bila ASEAN Free Trade Area atau AFTA yang berkuat kuasa pada tahun 2000. Setiap tahun sebelum AFTA, Sarawak menerima hasil atau jumlah daripada duti eksais dan import berjumlah RM250 juta setahun. Akan tetapi selepas pelaksanaan AFTA, Sarawak sudah kehilangan *revenue* ini dan seharusnya diganti semula hasil ini dan saya mohon penjelasan daripada khususnya Menteri Kewangan sebab bukan sedikit ya amaun itu.

Untuk keselamatan, saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian Pertahanan mengenai inisiatif kementerian untuk memperkasakan aspek keselamatan seperti mewujudkan

pangkalan TLDM dan juga Rejimen Artileri memandangkan saiz Sarawak yang begitu besar dan isu berkaitan dengan sempadan yang begitu luas dan kita adalah berjiran dengan negara Indonesia, Brunei yang mungkin boleh melolos melalui laut dan juga sempadan hutan.

Jadi, saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan segala perancangan untuk menyejahterakan rakyat dan tidak perlu kita menggunakan retorik politik. Kita tunjukkan kesungguhan melalui belanjawan tahun 2019 bagi memberi harapan kepada rakyat dan meneruskan apa yang dicita-citakan oleh rakyat Malaysia khususnya di Sarawak. Jadi saya sangat-sangat berharap bahawa belanjawan kali ini adalah satu belanjawan yang betul dikatakan menyejahterakan rakyat. Saya mengucapkan terima kasih atas peluang membahaskan belanjawan kali ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Mas Gading.

**5.29 ptg.**

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam harapan. Harapan yang tinggi buat rakyat yang disayangi akan saya bawa hari ini.

Belanjawan 2019, hendak capak gembira, tidak, hendak capak sedih adalah sedikit. Mohon maaf jika ketidakpuasan hati ini menyinggung mana-mana pihak. Adanya saya di sini bukan sahaja membawa suara rakyat di Mas Gading, malah perasaan mereka, kerisauan mereka, kesusahan mereka, kemarahan mereka, mereka yang tertindas selama ini. Walaupun Yang Berhormat Pensiangan berada di pihak sebelah, namun sebagai orang muda apa yang disampaikan adalah sama dengan apa yang terbuku di hati ini.

■1730

Saya menyokong 100 peratus hujah-hujah yang disuarakan. Perpaduan dalam pembangunan itu tidak ada atau tidak wujud. Silap siapa? Mungkin silap kerajaan terdahulu. Bukan nak mengungkit tetapi itu adalah hakikat dan kita di sini pada hari ini adalah untuk memperbetulkannya. Lebih 55 tahun adalah tempoh yang terlalu lama untuk kami menunggu. Adakah kami perlu menunggu lagi? Di bawah pentadbiran sebelum ini, kami ketinggalan 20 tahun ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, tiga kali bertanding dalam pilihan raya, isu yang dimainkan adalah isu yang sama. Hujah saya semasa kempen yang kononnya menyentuh keperluan rakyat, perlu dekat dengan rakyat, hari ini saya suarakan semula di Dewan yang mulia ini. Malah semua Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak menekankan isu yang sama.

Beberapa minggu yang lepas, saya terdengar perbualan sekumpulan pegawai di luar Dewan. "*Yang Berhormat Sabah Sarawak ini banyak main isu tempatan. Patutnya mainlah isu nasional.*" Jawapannya, kami terpaksa. Kami terpaksa sebab itulah hakikatnya bila isu nasional gagal menyentuh kami orang-orang tempatan, gagal menyentuh kami bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Ya, negeri kami kaya tetapi rakyat kami miskin. Kami sentuh isu jalan sebab bukan saja jalan kami teruk tetapi sesetengah kawasan di Sarawak masih tidak ada jalan. Kami sentuh isu air bukan sebab masalah catuan air macam Selangor tetapi sesetengah kawasan di Sarawak memang tidak ada bekalan air bersih. Kami sentuh isu tanah bukan sebab kami tidak ada tanah tetapi masalahnya kami menumpang di tanah sendiri. Tidak ada geran. Akan tetapi, bila syarikat-syarikat hendak beli, hendak bangunkan, hendak buka ladang, terus ada geran. Bila rakyat minta, haram. Pilihan raya demi pilihan raya...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh Yang Berhormat Mas Gading?

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** ...Janji demi janji kami dipermainkan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Mas Gading, sikit.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Ya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sibuk beralih, tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading. Saya tertariklah, memang saya suka dengar hujah-hujah setakat inilah daripada Yang Berhormat Mas Gading. Memang kita dalam satu nada yang sama. Itu baiklah.

Akan tetapi, saya agak terkilan sedikit mendengar tadi dikatakan kita menumpang di tanah sendiri sebab kita belum ada geran tanah. Akan tetapi, sedar kah tidak Yang Berhormat Mas Gading, baru-baru ini Yang Berhormat Ba'kelalan, Menteri mengatakan secara umum dalam surat khabar juga bahawa geran tanah itu tidak penting, kata beliau. Jadi bolehkah Yang Berhormat Mas Gading ini kongsi sikit pandangan, adakah dia betul kah tidak?

Bagi saya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Mas Gading, geran itu begitu penting sekali sebagai *document evidence* kepunyaan ataupun kita pemilik tanah. Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Terima kasih. Untuk ulasan ataupun kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, kita serahkan kepada dia untuk menjawab. Akan tetapi bagi saya, pendapat saya sendiri, geran tanah itu sangat penting sebab dalam Manifesto Pakatan Harapan memperakui hak pemilikan tanah adat, mewujudkan tribunal khas tanah adat, menyediakan dana untuk kajian perimeter.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebelum ini sejak tahun 2010 telah memperuntukkan sebanyak RM154.5 juta dana Persekutuan untuk kajian perimeter walaupun pelaksanaannya kurang jelas. Namun, belanjawan kerajaan baharu hari ini tidak menyentuh tentang tanah adat. Maka dengan itu, saya mohon mencadangkan agar peruntukan khas untuk tanah adat di Sarawak diteruskan dan tribunal khas tanah adat itu seperti yang tertulis dalam Manifesto Pakatan Harapan ditubuhkan atas dasar tanggungjawab bukan untuk GPS, bukan untuk PH tetapi untuk masyarakat kami di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bila menyentuh...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Syabas Yang Berhormat Mas Gading, bagus.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Bila menyentuh isu royalti minyak, kita dapat lihat Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri pengeluar minyak seperti Kelantan dan Terengganu dan wilayah-wilayah pengeluar minyak seperti Sarawak dan Sabah merayu-rayu meminta balik hak mereka. Semasa pilihan raya, kita berkempen, bercakap kalau Pakatan Harapan jadi kerajaan, *no more negotiation*, dengan izin, 20 peratus royalti minyak akan terus dikembalikan kepada Sarawak. Akan tetapi, itu tidak berlaku.

Kami buat video untuk menyebarkan mesej tersebut seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Batang Sadong. Sekarang video tersebut terus dikongsi dan disebar tetapi disebar untuk menagih janji tersebut. Oleh kerana video tersebut juga, Yang Berhormat Bandar Kuching dihentam teruk. Insiden semalam menjatuhkan lagi reputasi Yang Berhormat Bandar Kuching kononnya tidak patriotik walaupun hakikatnya kedua-dua Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Batang Sadong cuba memperjuangkan hak Sarawak.

Di sebalik salah faham itu, kami mohon penjelasan, jaminan serta kepastian daripada pihak kerajaan, adakah 20 peratus royalti minyak atau nilai yang bersamaan akan dikembalikan? Bila saya balik kawasan, penduduk-penduduk di kawasan saya selalu bertanya, "*Ogik daik, ogik daik*". Itu bahasa Bidayuh. Dalam bahasa Melayunya, "*Ada kah tidak? Ada kah tidak?*" [Disampuk] *Ni dok taruh ya*. Dua puluh percent royalti *inyok*, kalau dalam bahasa Bidayuh. Mungkin Yang Berhormat Barisan Nasional atau kini GPS dulu tersilap atau usaha mereka tidak berjaya, atau suara mereka tidak dipedulikan oleh Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi, saya berharap perkara itu tidak akan berlaku pada kami dengan kerajaan baharu hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia untuk orang Malaysia. Maka perpaduan dalam segala aspek juga harus sama rata. Ingin saya bertanya kepada pihak kementerian atau kerajaan hari ini, adakah pihak Menteri dan semua Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini setuju bahawa semua agama di dunia ini mengajar umatnya untuk berbuat baik? Yang Berhormat Pasir Puteh juga ada menyebut perkara ini dalam bahasnya tadi. Semua agama menuntut umatnya berlaku adil. Adakah kita di sini bersetuju bahawa rumah ibadat adalah salah sebuah tempat yang terbaik untuk membina sahsiah individu?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang cuba saya bangkitkan di sini adalah tentang peruntukan untuk rumah ibadat bukan Islam terutama di Sarawak. Lebih kurang 70 peratus penduduk di Sarawak adalah bukan Islam dan lebih kurang 45 peratus daripada jumlah penduduk di Sarawak adalah beragama Kristian. Seramai 80 peratus penganut agama Kristian di Sarawak adalah golongan Bumiputera iaitu lebih kurang 35 peratus daripada keseluruhan penduduk di Sarawak adalah Bumiputera atau orang asal yang beragama Kristian. Di manakah mereka? Di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya di sini, kami sekali lagi terpinggir dan akan terus terpinggir jika perkara ini tidak dipandang serius, akan terus terpinggir jika isu ini terus dianggap sensitif padahal sensitiviti kami tidak terjaga.

Di kawasan saya Mas Gading terdapat lebih kurang 70 buah gereja yang memerlukan dana untuk baik pulih dan bina baharu. Setiap gereja tersebut terpaksa menjalankan kutipan



dana untuk menanggung kos baik pulih. Usaha kutipan dana ini bukan sahaja mengambil masa setahun dua, tetapi bertahun-tahun. Bayangkan 70 buah gereja ini terpaksa melakukan program atau majlis makan malam untuk kutipan dana setiap tahun. Satu tahun 70 buah gereja dan itu baru di kawasan Mas Gading, belum termasuk di kawasan-kawasan lain di seluruh Sarawak. Siapa tidak bankrap? Itu belum termasuk program-program kutipan dana oleh PIBG. Betapa terdesaknya, betapa tertekannya masyarakat di luar bandar di Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak sedar akan masalah ini dan menubuhkan Unit Hal Ehwal Agama-agama Lain (UNIFOR) pada tahun 2017 di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak. UNIFOR bertanggungjawab untuk mengawal selia dasar bagi mempromosikan keharmonian antara agama lain selain menilai, mencadangkan dan merumuskan dasar atau undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal agama bukan Islam di Sarawak. Malah, menjadi urus setia kepada *Sarawak Unit for Other Religions Charitable Trust* iaitu untuk menyalurkan dana kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam, tetapi tidak cukup.

Di kawasan bandar, situasi adalah berlainan kerana mereka ada sedikit kemampuan. Akan tetapi di luar bandar, kami tidak mampu hendak membuat kutipan dana. Sekali dua boleh tetapi kalau sudah tiap-tiap tahun, beban itu kian terasa. Mereka tidak minta kerajaan bina gereja. Mereka cuma minta sedikit bantuan daripada kerajaan untuk membantu mereka. Mereka perlukan RM300,000 tapi kerajaan melalui Ahli Parlimen hanya dibenarkan memberi RM10,000. Sedih. Tahu kenapa sedih? Sebab di kawasan luar bandar Sarawak, di kampung yang majoritinya adalah Kristian, bila ada satu atau dua buah keluarga yang memeluk agama Islam, dengan mudah surau dibina tetapi rumah ibadat golongan majoriti tidak mendapat perhatian. Di mana logik akal nya di situ? Gereja milik golongan majoriti yang lebih 50 tahun, yang daif, tidak dipedulikan.

Saya di sini bukan menidakkan agama lain. Cuma, saya menuntut sedikit keadilan bagi agama lain. Ini suara rakyat, bukan suara saya seorang. Saya percaya Yang Berhormat dari GPS juga bersetuju dengan hal ini.

Oleh itu, saya mohon mencadangkan agar kerajaan baharu hari ini memberikan peruntukan khas untuk agama-agama bukan Islam khususnya untuk projek baik pulih atau bina baharu rumah ibadat bukan Islam di Sabah dan Sarawak.

■1740

Melalui peruntukan khas yang disalurkan melalui Ahli Parlimen, kami hanya dibenarkan menyalurkan jumlah maksimum RM10 ribu sahaja untuk projek fizikal naik taraf rumah ibadat. Akan tetapi, tidak boleh digunakan untuk membiayai kos program anjuran agama bukan Islam. Jadi saya mohon pihak kerajaan memberi perhatian terhadap hal ini. Tuan Yang di-Pertua...

*Pucuk lemiding pucuk pakis,*

*Tumis belacan kegemaran semua,*

*Kajian punya kajian tidak habis-habis,*

*Jambatan di janji bila hendak bina.*

*Sarawak negeri berbukit-bukit,  
Jalan teruk pinggang pun sakit,  
Bajet 2019 bajet yang sempit,  
Harap Jambatan Selampit tidak di kepit.*

Isu jambatan Kampung Selampit yang saya ajukan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini. Jambatan yang dijanjikan sejak 2003, 15 tahun yang lepas ibarat jambatan yang tersangatlah panjang di Malaysia yang masih menunggu jawapan hingga hari ini. Begitulah juga dengan jalan sepanjang sembilan kilometer ke Kampung Kendaie di Lundu. Sebuah kampung yang jauh tercicir dari segala program pembangunan di Mas Gading. Sudahlah tidak ada air, tidak ada sumber air bersih sebab yang ada semuanya sudah tercemar. Sekolah di sana pula masih menggunakan set penjana tenaga. Lokasinya yang jauh, sejauh sembilan kilometer dari jalan utama pula ibarat menunggang *roller coaster*.

Itulah sebabnya kebanyakan penduduk di Sarawak juga Sabah terpaksa memilih kenderaan pacuan empat roda. Bukan atas dasar kemahuan tetapi atas dasar keperluan yang sakitnya bila bayar bulan-bulan. Belum lagi kos minyaknya, serba serbi kehidupan kami di Sabah dan Sarawak tertekan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga tentang reformasi subsektor agromakanan. Saya berharap reformasi ini akan dilakukan juga di kawasan luar bandar yang terpilih, terutamanya dalam usaha membina pusat-pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil tani sebab di Sarawak banyak pertanian dilakukan secara ala kadar kerana tidak ada galakan seperti kilang atau tempat pemprosesan.

Kerajaan yang lepas telah menyalurkan sebanyak RM1.3 juta dalam proses nanas MD2 di Bau. Melihat kepada jumlah pelaburan dan usaha yang telah dilakukan serta potensi projek tersebut pada masyarakat tempatan di Mas Gading dan juga Puncak Borneo, saya berharap pihak kerajaan akan terus membantu usahawan-usahawan desa serta pekebun-pekebun kecil kita yang kini ramai terkapai-kapai disebabkan peralihan kuasa.

Di kawasan Mas Gading, saya melihat sendiri beberapa anak muda yang begitu serius dengan penanaman sayur-sayuran seperti timun, terung, petola, tembikai dan cili. Apa yang mereka perlukan sekarang adalah suntikan dana untuk membeli jentera untuk tujuan membajak. Peruntukan untuk membuat jalan untuk ke kawasan pertanian mereka. Saya harap usaha ke arah pemerksaan anak muda khususnya dalam sektor pertanian di luar bandar akan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham akan masalah kewangan dan beban kewangan kerajaan yang kita warisi hari ini. Belanjawan yang dibentangkan sememangnya tidak sempurna. Akan tetapi saya sedar mereka yang terlibat sudah cuba sebaik mungkin. Cuma masih tersimpan harapan untuk melihat yang lebih baik khasnya untuk masyarakat kita di luar bandar di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, saya menyokong Belanjawan 2019 ini dengan harapan masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak diutamakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading dan juga merupakan Ahli Parlimen Belia. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Sabak Bernam. Selepas itu Yang Berhormat Tanjung Malim, Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Kuala Krai. Sila Yang Berhormat Sabak Bernam.

**5.43 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi kesempatan dan ruang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan RUU Perbekalan 2019.

Pertama dan utama, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah rahmatnya saya dapat turut serta dalam perbahasan Bajet 2019. Selawat dan salam ke atas perjuangan besar Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Baginda sekalian sempena bulan Rabiulawal, bulan kelahiran Nabi Muhammad SAW. Saya mengajak dan menyeru kita mencontohi baginda kerana sesungguhnya di dalam diri Rasulullah SAW itu terdapat teladan yang baik, *uswah hasanah* iaitu sebaik-baiknya ikutan dalam amalan kehidupan harian kita.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang mafhumnya "*Demi sesungguhnya adalah bagi kamu, pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik*". Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan ini dengan memetik ayat Al-Quran yang mafhumnya, "*Katakanlah wahai Muhammad, wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki dan engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang engkau kehendaki*".

Maka telah ditakdirkan oleh *Subhana Wa Taala*, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua dalam usia yang lanjut. Walaupun parti pimpinan beliau hanya memenangi 13 kerusi daripada 222 kerusi di Parlimen dalam PRU ke-14. Sekali gus menumbangkan Barisan Nasional yang telah diberi kepercayaan rakyat untuk mentadbir negara selama 61 tahun, setelah memberi khidmat bakti terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Maka kekalahan ini diterima dengan penuh reda dan sebagai iktibar dan memberi ruang untuk bermuhasabah diri.

Sebelum perbahasan RUU Perbekalan 2019 ini, izinkan saya mengimbas kembali tema bajet yang telah dibentangkan Kerajaan Barisan Nasional daripada tahun 2010 hingga 2018.

- (i) Bajet 2010, 1Malaysia, Kemakmuran Bersama yang menelan belanja sebanyak RM191.5 bilion;
- (ii) Bajet 2011, Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi yang menelan belanja sebanyak RM212 bilion;
- (iii) Bajet 2012, Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara sebanyak RM232.8 bilion;

- (iv) Bajet 2013, Memakmurkan Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati pada jumlah RM251.6 bilion;
- (v) Bajet 2014, Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi Dan Melaksanakan Janji RM264.2 bilion;
- (vi) Bajet 2018 Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50” yang berjumlah RM280.25 bilion; dan
- (vii) Bajet 2019, pada tahun hadapan Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera yang menelan belanja RM314.5 bilion belanja mengurus dan jumlah RM259 ataupun RM79.7 belanja pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini sebenarnya membuktikan kejayaan Barisan Nasional mentadbir negara ini dengan penuh tanggungjawab. Bajet Kerajaan Barisan Nasional dari Bajet 2010 hingga Bajet 2018 menunjukkan bukti prestasi ekonomi yang terus meningkat walaupun menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu. Seterusnya memastikan kesejahteraan semua rakyat tanpa mengira kaum dan etnik inklusif di bandar dan luar bandar serta memastikan tidak ada rakyat yang dipinggirkan dari segi kebajikan dan jaringan sosioekonomi.

Bagaimanapun Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2019 pada hari Jumaat sebagaimana tradisi Kerajaan Barisan Nasional yang sering membentangkan bajet pada hari Jumaat di bulan Oktober tetapi kerajaan ini pula terlewat hingga bulan November. Tuan Yang di-Pertua, dikatakan menanggung hutang hingga RM1 trilion dan hampir mufliis. Akan tetapi, Bajet 2019 menyediakan peruntukan sebanyak RM314.5 bilion iaitu pertambahan sebanyak RM36.3 bilion atau 11.5 peratus dengan belanja mengurus iaitu RM259.8 bilion ataupun 82.6 peratus dan belanja pembangunan sebanyak RM54.7 bilion atau 17.3 peratus.

#### ■1750

Maka pendekatan Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi Bajet 2019 tidak berbeza daripada bajet-bajet yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Ini kerana didakwa gagal mengurangkan belanja mengurus dan seterusnya meningkatkan belanja pembangunan. Bajet 2018 umpama berjumlah RM280.25 bilion dengan belanja mengurus RM234.25 bilion atau RM83.6 bilion dan belanja pembangunan sebanyak RM46 bilion ataupun 14.4 peratus. Maka tidak banyak penambahan Bajet 2019 ini daripada bajet Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Ibarat *cut and paste*.

Lebih membimbangkan kalau Bajet 2019 hanya sekadar janji yang tidak wajib ditepati atau ditunaikan. Ibarat, “*menanam tebu di bibir mulut*” berbanding bajet Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang begitu inklusif malah bajet yang dibentangkan bukan sahaja meliputi dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat tetapi juga daripada segi masih dalam kandungan hinggalah warga emas, bekerja swasta dan penjawat awam, polis dan tentera, petani, nelayan, pekebun kelapa, pesawah dan juga peladang juga wanita di sektor swasta dan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2019 ini menunjukkan tiada satu perkara pun yang membela nasib golongan pekebun kecil, petani, nelayan dan pesawah. Negara kita akan mengalami musim tengkujuh di mana golongan ini tidak akan mempunyai pendapatan untuk menyara keluarga mereka semasa musim tengkujuh tersebut. Saya berharap kerajaan hari ini jangan bersikap zalim kepada golongan marhaen ini.

Tuan Yang di-Pertua, agak membimbangkan unjuran KDNK negara telah merosot kepada 4.5 peratus tahun 2019 berbanding 5.8 peratus tahun 2018 tahun lepas. Tambahan pula kerajaan hari ini telah membuat tiga bulan tanpa kutipan cukai GST ataupun *tax holiday* yang telah merugikan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM31 bilion.

Kita agak kuarir dengan cara kerajaan sekarang menguruskan kewangan dan ekonomi negara khususnya dalam memastikan dan menentukan kebajikan setiap rakyat terbelah khususnya daripada segi sosial dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang Kementerian Pendidikan. Pertama, saya ingin menyentuh berhubung dengan pendidikan kerana bidang pendidikan ini adalah merupakan dekat di hati saya yang bertugas sebagai guru dan juga pegawai pendidikan daerah. Bagi Bajet 2019 ini, kerajaan telah memberi peruntukan berjumlah RM60.2 bilion iaitu RM55.1 bilion untuk belanja mengurus dan RM5.11 bilion untuk belanja pembangunan dalam sektor bidang pendidikan.

Namun, peruntukan ini diagihkan dengan tidak mengikut pertimbangan ataupun asas mengikut bilangan sekolah, lokaliti sama ada bandar dan luar bandar serta peruntukan ini di sekolah SRK dan SMK di bawah kerajaan mendapat jumlah yang sangat kecil berbanding dengan sekolah jenis kebangsaan (SJK) serta sekolah persendirian.

Peruntukan disediakan bagi meringankan beban kerja guru termasuklah melakukan kerja-kerja perkeranian. Peruntukan perlu dibuat secara menyeluruh bukan sahaja pada peringkat Kementerian pelajaran Malaysia malah arahan tersebut perlu jelas hingga turun ke sekolah sebagai contoh sekolah-sekolah. Daripada segi peruntukan untuk guru, saya menghantar pelajar-pelajar untuk mewakili sekolah ke daerah mahupun peringkat kebangsaan terpaksa menggunakan wang saku sendiri ataupun gaji sendiri untuk menjalankan ataupun menghantar pelajar. Namun, saya ingin mendapat penjelasan. Setakat manakah langkah kerajaan bagi memastikan gaji guru ini tidak terganggu daripada aktiviti sekolah dan kurikulum.

Berhubung dengan pendidikan ini, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan mengenai status dan kemajuan tentang cadangan pembinaan Pejabat Pelajaran Daerah Sabak Bernam tahun lepas yang telah diluluskan pembinaan ini yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini dan telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu.

Saya berharap, pihak kerajaan dan kementerian dapat meneruskan projek pembinaan ini kerana tanggungjawab PPD Sabak Bernam adalah besar kerana menguruskan 64 buah sekolah kebangsaan dan juga beberapa buah sekolah di kawasan tersebut.

Seterusnya berhubung dengan Kementerian Pendidikan, saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang memberikan bajet penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah bagi Bajet

2019 ini. Ini berjumlah RM615 juta bagi pembaikan sekolah kebangsaan, SJK(C), SJK(T) dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, saya membangkitkan tentang keperluan penyenggaraan yang mendesak bagi sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pendidikan ini juga saya ingin mendapat penjelasan status pertukaran guru-guru duka lara ini yang ingin bertukar tempat untuk mengajar. Ini kerana guru yang memohon perpindahan ada yang telah melebihi lima tahun serta pengambilan guru yang tidak mengikut keperluan negeri yang menyebabkan lebih guru yang berasal daripada Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu.

Guru daripada negeri ini terpaksa berkhidmat lama di negeri kekurangan guru ini seperti Sabah, Sarawak, Johor dan Selangor. Mengikut rekod kementerian, sebanyak 15,420 permohonan pertukaran guru ke negeri-negeri telah dipohon dan yang hanya diluluskan sebanyak 3,000 guru sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil bagi mengatasi pertukaran guru duka lara ini.

Saya ingin menyentuh tentang pendidikan tinggi yang mendapat peruntukan sebanyak RM400 juta dalam Bajet 2019 ini. Ini sesuai dengan pencapaian dan peningkatan pendidikan tinggi negara antaranya kelima-lima universiti pendidikan Malaysia telah tergolong daripada 300 buah universiti terbaik dunia. Malah Universitas 21 yang telah meletakkan sistem pendidikan Malaysia di tangga ke-25 yang sebelum ini kedudukannya ke-36 pada enam tahun yang lalu.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi kedudukan universiti-universiti tempatan dalam *ranking* Universitas 21. Pada masa ini bilangan pelajar asing yang menuntut di negara ini telah mencecah 170,000 orang. Dari satu sudut ia adalah baik kerana Malaysia menjadi hab pendidikan tinggi serantau. Namun saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan pelajar tempatan ataupun pelajar negara ini turut mendapat peluang dan tempat untuk mengikuti pengajian di IPTA ataupun IPTS yang ternama dan terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Akhir kalam, saya bawakan hadis sebagai peringatan kepada diri saya dan sahabat-sahabat saya di Dewan yang mulia ini. Hadis sahih Riwayat Al-Nakha'i, Tirmidzi dan Ahmad bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, *"bahawa akan datang pemimpin-pemimpin yang pembohong dan zalim. Dan sesiapa pergi dan membenarkan pembohongan dan kezaliman itu, sesungguhnya Aku bukan dari golongan mereka dan mereka bukan dari golongan ku dan mereka terhalang daripada mendatangi telaga Kautharku."*

Seterusnya Allah mengingatkan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 42. *"Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah. Dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya."* Sesungguhnya, Allah sentiasa berkati dan rahmati Malaysia dan rakyatnya. Sekian, terima kasih. Sabak Bernam menolak Bajet 2019.

## ■1800

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam yang mengakhiri perbahasan dengan ayat hadis. Kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, selamat menyambut Maulidur Rasul. [Tepuk] Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Malim. Sila.

**6.00 ptg.**

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu belanjawan *expansionary* walaupun sebelum ini kita semua ingat bajet ini, belanjawan ini adalah satu belanjawan yang agak kurang membawa sentimen positif. Akan tetapi hakikatnya Yang Berhormat Bagan telah membentangkan satu belanjawan *expansionary* terutamanya memberikan peruntukan yang banyak terutamanya kepada sektor kesihatan dan juga sektor pendidikan. Syabas dan tahniah.

Hari ini saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara. Pertama adalah perumahan. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk membantu anak-anak muda kita memiliki rumah. Usaha-usaha termasuk peruntukan sebanyak RM1.5 bilion untuk pembinaan rumah mampu milik, PPR, PPAM, PR1MA dan syarikat SPNB. Selama ini Tuan Yang di-Pertua, hutang isi rumah yang tinggi disebabkan oleh pinjaman perumahan kerana pembeli rumah terpaksa meminjam lebih banyak untuk membeli rumah sebab harga rumah yang semakin meningkat.

Hutang isi rumah yang melibatkan pinjaman perumahan adalah setinggi 52 peratus. Dalam sepuluh tahun yang lalu, purata saiz pinjaman perumahan yang diluluskan meningkat daripada RM180,000 kepada RM420,000. Saya berharap usaha kerajaan termasuk menyediakan dana pembiayaan perumahan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kadar pembiayaan 3.5 peratus, pinjaman *peer to peer* (P2P), pengecualian duti setem dan lain-lain akan memperbaiki keadaan yang semakin kritikal.

Kita kena juga pastikan pelaksanaan yang baik terutamanya senarai nama orang yang layak dapat PPR, mutu perumahan yang tinggi, tidak ada apa-apa *hidden cost* dan lain-lain. Namun, selain daripada pilihan pembiayaan, harga rumah yang terlalu tinggi merupakan masalah utama yang dihadapi oleh rakyat jelata. Menurut piawai antarabangsa, harga median rumah tiga kali ataupun ke bawah daripada pendapatan isi rumah dikategorikan sebagai *affordable* atau mampu milik dengan izin.

Namun pada tahun 2016, harga rumah median di seluruh Malaysia adalah 6.17 kali pendapatan isi rumah tahunan median iaitu di bawah kategori *severely unaffordable*. Kita sukar memiliki rumah kerana peningkatan pendapatan kita tidak dapat mengejar peningkatan harga rumah. Menurut *National Properties Information Centre* (NAPIC) 2018, *Compound Annual Growth Rate* (CAGR) untuk gaji bulanan Malaysia dari tahun 2013 kepada tahun 2017 meningkat sebanyak 6.17 peratus manakala Indeks Harga Rumah Malaysia (HPI) mencatatkan CAGR sebanyak 7.56 peratus dalam tempoh yang sama. Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna

pendapatan kita tidak dapat mengejar peningkatan kos ataupun harga rumah. Oleh sebab itu kita menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu perumahan ini, saya juga ingin sentuh satu lagi perkara iaitu Cukai Keuntungan Harta Tanah (RP Duty). Yang Berhormat Menteri telah mengenakan cukai *RB Duty* ini lima peratus walaupun pelupusan itu berlaku selepas lima tahun. Kalau rumah yang dibeli pada 20 tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, harga rumah meningkat dari RM100,000 kepada RM400,000, maka penjual rumah perlu bayar RM15,000 untuk *RP Duty*. Ini merupakan satu jumlah yang agak besar dan kurang munasabah. Tujuan *RB Duty* ini adalah untuk mencegah aktiviti-aktiviti spekulasi.

Kalau seseorang memiliki sebuah rumah sehingga 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua, maka jelas dia bukan seorang spekulator. Apakah rasional kerajaan untuk mengutip cukai yang *excessive* dengan izin daripada individu yang melupuskan harta tersebut? Oleh sebab itu, Tanjong Malim minta kerajaan menimbang semula *RP Duty* atas pelupusan harga selepas lima tahun supaya tidak membebankan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh berkaitan juga tentang keupayaan anak-anak muda kita untuk memiliki rumah iaitu gaji minimum. Tuan Yang di-Pertua, pendapatan boleh guna isi rumah (*household disposable income*) dengan izin merupakan penentu utama penggunaan swasta (*private consumption*). Menurut Bank Negara pada tahun 2014, pendapatan boleh guna isi rumah menyumbang 67 peratus kepada pertumbuhan penggunaan swasta. Penggunaan swasta merangkumi sekitar 55 peratus daripada KDNK negara kita. Maka lebih tinggi pendapatan boleh guna isi rumah, akan meningkatkan penggunaan swasta lalu menyumbang kepada KDNK negara.

Menurut pembentangan Menteri Kewangan, gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,100 di seluruh Malaysia pada tahun 2019. Pada tahun 2004, saya baru *graduate* dari universiti. Saya keluar, saya bekerja di sebuah syarikat. Gaji saya RM1,600. Masa itu...

**Seorang Ahli:** Banyak juga.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Banyak juga. *[Ketawa] 14 years ago. 14 years ago* RM1,600. Tuan Yang di-Pertua, masa itu harga petrol RM1.37 sen. Saya sewa bilik di sekitar Kuala Lumpur berharga RM300. Masa itu saya tidak ada kereta. Saya pakai motosikal. Akan tetapi dengan gaji RM1,600 itu pun pada hujung tahun, saya terpaksa menanggung hutang kad kredit sebanyak RM2,000 lebih. Itu 14 tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang, tahun 2018 dan tahun 2019 kerajaan nak naikkan gaji minimum ke tahap RM1,100.

Saya rasa ini adalah satu tahap yang kurang munasabah. Gaji minimum harus diletakkan di tahap di mana penerima gaji minimum dapat hidup secara serba minimum di dalam negara ini. Pada pandangan saya, gaji minimum harus ditetapkan pada tahap RM1,500 dan dengan jumlah RM1,500 pun saya rasa tidak ada seorang pun di kalangan kita yang dapat hidup di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Masalah kita bukan gaji minimum yang tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Masalah kita, banyak negara lain yang mempunyai gaji minimum yang lebih tinggi daripada negara kita



seperti Korea Selatan, Taiwan, Jepun dan China. Akan tetapi mereka lebih maju daripada kita. Industri mereka membangun dengan lebih pesat daripada kita.

Menurut Laporan *National Employment Returns* 2016, 76.3 peratus daripada perusahaan tidak mencatat peningkatan kos buruh berikutan pelaksanaan gaji minimum. Tuan Yang di-Pertua, masalah kita adalah industri kita tidak *move up the value chain* dengan izin. Sampai hari ini, industri kita masih bergantung kepada tenaga kerja yang murah. Keadaan ini tidak akan bertambah baik dengan membantutkan peningkatan gaji minimum malah gaji minimum yang berpatutan akan membantu industri kita naik taraf ke tahap yang lebih tinggi.

Apabila kos relatif buruh semakin meningkat, syarikat akan terdorong untuk menggantikan tenaga buruh dengan modal melalui automasi dan mekanisasi. Pekerja berkemahiran rendah akan dikurangkan dan produktiviti akan meningkat. Industri dijangka akan beralih daripada pekerja berkemahiran rendah kepada pekerja separuh mahir dan mahir serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing yang berkemahiran rendah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya menyeru, saya merayu kepada kerajaan pada hari ini supaya kita menimbang semula tahap gaji minimum supaya dapat meningkatkan kalau tidak sampai RM1,500 pun, sampai satu tahap yang lebih tinggi daripada sekarang.

#### ■1810

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin sentuh adalah saya ingin memperbetulkan persepsi yang cuba dibawa oleh pembangkang bahawa belanjawan ini telah meminggirkan peladang, petani, nelayan dan lain-lain. Saya ingin sebut bahawa dalam belanjawan ini walaupun mungkin tidak sebut peladang, walaupun tidak sebut petani tetapi dalam belanjawan telah pun Yang Berhormat Menteri mengusahakan banyak benda untuk masyarakat luar bandar seperti contoh, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM100 juta bagi naik taraf jalan FELDA, RM160 juta bagi projek sistem bekalan air FELDA, RM35 juta bagi projek membina dan menaik taraf bangunan serta projek pemasangan lampu jalan FELDA. Peningkatan peruntukan ini sebanyak 51 peratus, tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri.

Namun selain daripada peruntukan, peneroka-peneroka FELDA menghadapi masalah-masalah yang lain. Di kawasan Tanjung Malim terdapat 10, sekurang-kurangnya 10 FELDA. Tuan Yang di-Pertua, ....

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hendak bagi, sila.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan ada pembelaan terhadap petani, nelayan dan juga peladang. Akan tetapi apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu berkaitan dengan FELDA sahaja, tiada sebut petani, nelayan dan peladang. Mohon penjelasan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Boleh, selepas saya cakap FELDA nanti saya akan sentuh petani. [Ketawa] Peneroka FELDA selain daripada peruntukan kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan menyediakan peruntukan yang tinggi untuk

masyarakat FELDA tetapi masyarakat FELDA juga menghadapi masalah-masalah lain termasuk ulat bungkus di kawasan saya, Gunung Besout, Ladang Gunung Besout kebanyakan ladang telah diserang oleh ulat bungkus ini dan telah menyebabkan hasil mereka semakin hari makin berkurangan.

Walaupun di dalam slip itu setiap bulan kita ada potongan insurans tetapi kita mendapati bahawa pihak FELDA beritahu memang tidak ada insurans untuk ulat bungkus. Itu sebabnya saya minta kepada pihak yang berkenaan membantulah peneroka-peneroka kita yang menghadapi masalah ulat bungkus. Selain itu saya juga ingin memohon jasa baik Menteri-menteri kita untuk membantu peneroka-peneroka FELDA untuk mendapatkan MSPO – *Malaysia Sustainable Palm Oil Certificate* supaya hasil mereka dapat dijual kepada negara yang lain.

Satu lagi yang saya ingin sentuh tentang FELDA adalah kalau kita mengkaji peraturan, potongan elaun peneroka tersebut adalah kurang daripada RM1,000 kita tidak harus ada potongan tetapi saya nampak slip-slip yang dikemukakan oleh peneroka begitu kasihan mereka, slip gaji mereka RM180, RM230, RM300 dan lain-lain. Ini adalah elaun selepas dipotong. Saya minta jasa baik kementerian supaya memperbetulkan keadaan ini dan saya juga ingin menyambut baik cadangan daripada pihak pembangkang supaya harga lantai ditetapkan untuk penoreh getah walaupun mungkin kita menghadapi kekangan kewangan, kita tidak dapat ditetapkan pada RM4.00 sekilo tetapi RM3.00 sekilo pun cukup baik sudah.

Saya hendak sentuh tentang pertanian. Tadi pun peruntukan yang banyak telah disediakan untuk pertanian, RM47 juta, RM18 juta dan lain-lain tetapi petani di kawasan saya terutamanya menghadapi masalah bukan peruntukan tetapi tanah kita tidak ada. Petani kita tidak ada tanah untuk cocok-tanam walaupun mereka sudah menanam lebih daripada dua generasi. Itu sebabnya saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memberi perhatian dan cuba membantu para petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang *last*, yang akhir saya ingin sentuh adalah reformasi institusi. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk ada *Fiscal Responsibility Act* dan juga Akta Perolehan Kerajaan dan saya juga menyambut baik kerajaan untuk supaya kita semua ada *declare* aset, dengan izin tetapi Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini di dalam *website* MACC kita masih tidak nampak aset kita di *declare*, dengan izin belum diumumkan. Kita cuma umumkan *income* sahaja, itu adalah *income declaration* itu bukan *asset declaration*.

*Income declaration* tidak membawa apa-apa makna sebab tahun ini kita *declare income*, tahun depan *income* kita tetap sama sebab gaji sebagai seorang Ahli Parlimen adalah sama. So, kita kena *declare* aset supaya tahun depan bila kita *declare* kita tahu adakah tidak ada penambahan aset yang luar biasa. Oleh sebab itu saya minta kerajaan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang tersebut. Dengan itu, Tanjung Malim menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tanjung Malim. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beruas, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Cameron Highlands. Sila, Yang Berhormat Beruas.

**6.16 ptg.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkenaan dengan Perbelanjaan Persekutuan 2019. Saya memang tahu tentang kekangan yang dihadapi oleh pihak kerajaan kerana keadaan kewangan yang hutang menjangkau lebih RM1 trilion menyebabkan kerajaan terpaksa membuat satu belanjawan dalam keadaan yang amat susah. Syabas kepada pihak kerajaan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang baik sungguhpun ada beberapa perkara yang juga saya ingin bangkitkan supaya perbelanjaan ini akan dapat diperbaiki dengan lebih baik lagi.

Saya tiga perkara yang ingin saya bawa dalam perbahasan saya ini, pertama yang telah pun Yang Berhormat Tanjong Malim bangkitkan iaitu tentang cukai keuntungan harta tanah. Pihak kerajaan telah pun bercadang untuk mengenakan cukai keuntungan tanah bagi hartanah yang dijual selepas lima tahun daripada tarikh perolehan dan untuk individu dan rakyat Malaysia dikenakan lima peratus cukai atas keuntungan dan bagi syarikat dan mereka yang bukan warganegara dikenakan cukai 10 peratus.

Matlamat cukai keuntungan hartanah ini asalnya adalah untuk mengelakkan daripada spekulasi harga hartanah. Oleh sebab itu ia tidak ada cukai yang dikenakan selepas lima tahun pemerolehan harta tersebut. Dengan tidak menetapkan satu tempoh sebelum cukai keuntungan hartanah dikenakan ia sudah merupakan satu lagi lapisan cukai. Wang yang digunakan oleh seseorang pembeli itu untuk membeli sesuatu hartanah ini telah di cukai oleh pihak kerajaan sebelum pembelian hartanah tersebut melalui cukai pendapatan.

Kerajaan juga telah mengenakan cukai setem semasa hartanah dipindah milik. Dengan tidak menetapkan tempoh masa sesuatu hartanah diperolehi, hartanah keluarga yang sudah berpuluh tahun diperolehi pun akan dikenakan CKHD. Sungguhpun ia tidak mendatangkan keuntungan kepada keluarga tersebut, harga hartanah telah naik kerana nilai wang telah turun dengan peralihan zaman.

Dikatakan kalau 50 tahun yang lepas kita menggunakan RM10,000 kita dapat membina sebuah rumah kediaman yang selesa tetapi rumah yang sama mungkin memerlukan RM300,000 untuk dibina hari ini. Harga yang diperolehi oleh keluarga 50 tahun yang lepas dengan harga RM10,000 sahaja sekarang dijual dengan RM300,000 akan juga dikenakan lima peratus atas keuntungan iaitu RM14,500.

**■1820**

Begitu juga kita tahu ada mereka yang berhijrah daripada kampung ke bandar. Mereka hanya tukar rumah sahaja atau tempat kediaman. Kalau mereka menjual rumah kediaman keluarga yang telah lama diperolehi, mereka juga akan dikenakan cukai tersebut. Pada hemat saya, ini bukan niat kerajaan untuk mengenakan cukai ke atas mereka yang tidak mengaut keuntungan. Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan akan mengkaji semula peruntukan untuk dikenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah selepas lima tahun hartanah tersebut diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sekarang ini memang ada hartanah, rumah, kedai yang tidak terjual. Orang kata *overhang*. Sebenarnya CKHT tambahan ini tidak akan menggalakkan jual beli hartanah. Oleh itu saya cadangkan kepada kerajaan, kalau boleh hapuskan CKHT pada masa sekarang kerana niat CKHT ialah membendung spekulasi. Sekarang adalah masanya untuk menggalakkan mereka yang ada dana tunai yang lebih untuk masuk ke pasaran dan sedikit spekulasi hartanah pada masa kini merupakan sesuatu yang sihat.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah penurunan peruntukan yang mendadak untuk Kementerian Industri Utama. Saya terperanjat bahawa penurunan peruntukan untuk kementerian ini turun sebanyak 46 peratus daripada RM938,420,700 dalam tahun 2018 ini kepada RM506,463,800 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sektor komoditi adalah amat penting dalam ekonomi negara. Nilai KDNK komoditi negara adalah RM90.7 bilion untuk tahun 2017 dan disasarkan RM196.3 bilion untuk tahun ini 2018 dan kerajaan menyasarkan ia naik kepada RM140.1 bilion. Nilai eksport komoditi adalah RM140 bilion untuk tahun 2017 dan kerajaan juga menyasarkan supaya eksport komoditi juga naik. Oleh yang demikian, saya amat terperanjat dengan penurunan peruntukan yang mendadak ini.

Jika kita bandingkan dengan peruntukan pada tahun 2015, ia telah turun mendadak sebanyak hampir 68 peratus iaitu daripada RM1.577 bilion dalam tahun 2015 kepada RM506 juta yang saya nyatakan tadi iaitu satu penurunan lebih daripada RM1 bilion. Bagaimanakah kita hendak menaikkan nilai KDNK sektor komoditi daripada RM90.7 bilion kepada RM140 bilion untuk tahun 2019 kalau kita menurunkan peruntukan yang begitu banyak kepada kementerian ini?

Kementerian ini melibatkan golongan berpendapatan bawahan yang amat ramai. 550,000 pekebun kecil kelapa sawit dan 450,000 pekebun kecil dan juga ribuan lagi pekebun-pekebun kecil koko, lada dan kenaf adalah di bawah jagaan kementerian ini. Saya memohon kepada kerajaan untuk pertama, mengembalikan wang tanam semula kepada semua pekebun kecil. Kerajaan telah mengenakan SES dan lain-lain cukai atas getah dan kelapa sawit. Wang ini haruslah diberi balik kepada pekebun-pekebun kecil kerana SES dan cukai ini merupakan satu simpanan yang diberikan kepada kerajaan untuk disimpan dan dipulangkan kepada mereka apabila mereka memerlukannya untuk menanam semula pokok getah dan juga kelapa sawit.

Kerajaan telah mengambil langkah yang baik untuk memulangkan sebanyak RM37 bilion untuk kutipan GST dan cukai lain yang perlu dibayar balik kepada rakyat yang telah digunakan oleh kerajaan yang lepas. Ini merupakan satu tindakan yang patut kerana ini wang rakyat. Begitu jugalah wang tanaman semula ini merupakan wang rakyat dan kerajaan haruslah juga memberi peruntukan supaya wang tanaman semula ini diberikan balik kepada pekebun-pekebun kecil.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu tahun 2011 hingga 2015 telah diperuntukkan RM1 bilion untuk peruntukan menanam semula iaitu pada purata RM200 juta setahun. Dalam tahun 2017, Kerajaan Barisan Nasional telah menurunkan peruntukan menanam semula kepada RM30 juta sahaja iaitu penurunan sebanyak 85 peratus. Saya telah membuat

bantahan keras dalam Dewan ini dan pada 18 Mei 2017 semasa sambutan 100 tahun penanaman kelapa sawit secara komersial, mantan Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM510 juta untuk menanam semula ataupun untuk tanaman baru kelapa sawit.

Saya hendak tanya, ke manakah peruntukan atau wang sebanyak RM510 juta ini yang telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri atau ia satu pengumuman yang kosong sahaja? Saya merayu kepada pihak kerajaan supaya memperuntukkan sekurang-kurangnya RM200 juta setahun untuk tanaman semula memandangkan tahun 2017, 2018 tidak nampak ada peruntukan penanaman semula. Saya mohon kepada kerajaan untuk tahun 2019 memperuntukkan RM600 juta untuk penanaman semula kerana ramai antara pekebun-pekebun kecil yang telah pun memohon untuk tanaman semula yang telah lulus tetapi tidak diberikan wang tersebut dapat diberikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun dalam bajet ini nampak bahawa Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah sebanyak RM261 juta untuk tahun 2018 tidak lagi diperuntukkan untuk tahun 2019. Semasa harga kelapa sawit dan getah begitu rendah sekali, adalah penting pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk memberi peruntukan yang lebih, bukan memansuhkan peruntukan sedemikian supaya rakyat jelata yang termiskin dapat dibela.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun merayu kepada pihak kerajaan mengambil tindakan segera untuk membolehkan harga kelapa sawit dan getah pulih kepada tahap yang lebih tinggi. Daripada jawapan Parlimen yang saya pernah terima, dikatakan pihak Indonesia dan Thailand telah mengingkari perjanjian tripartite yang telah ditandatangani oleh Malaysia, Indonesia dan Thailand, sehinggakan harga getah turun menjunam. Saya berharap satu muafakat dapat dicapai dengan segera supaya harga getah dapat pulih ke satu tahap yang memuaskan.

Begitu juga dengan kelapa sawit. Negara Indonesia dan negara Malaysia mengeluarkan lebih kurang 87 peratus daripada keseluruhan pengeluaran kelapa sawit di dunia. Kedua-dua pihak haruslah duduk semeja berbincang bagaimana menetapkan satu harga yang munasabah dan menguntungkan bagi kedua-dua pihak. Tindakan ini perlu disegerakan agar rakyat tidak terus menderita dengan harga kelapa sawit yang amat rendah pada masa ini.

#### ■1830

Akhir sekali, iaitu perkara ketiga. Saya berharap dalam penyelenggaraan semua aset-aset dan juga perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat, ia dapat diteruskan supaya tidak timbulnya gambaran buruk terhadap kerajaan yang baharu. Saya telah timbulkan isu tentang balai polis bergerak di Changkat Keruing, di kawasan saya yang tidak beroperasi kerana tidak ada peralatan asas, seperti kerusi, meja, papan tanda, tempat tidur dan lain-lain. Sehinggakan, pihak polis terpaksa meminta derma daripada pihak orang ramai.

Saya telah menyarankan bahawa tindakan sebegini tidak boleh dibenarkan kerana ia mencemarkan nama baik pihak polis. Sehingga hari ini, saya belum lagi menerima jawapan bagaimana kerajaan hendak selesaikan isu balai polis bergerak di Changkat Keruing yang masih

belum beroperasi lagi. Saya harap mendapat jawapan segera kerana perkara yang kecil ini haruslah diselesaikan dengan segera supaya nama baik kerajaan baharu dapat dilindungi.

Saya juga ingin membahaskan perkara kecil yang lain-lain – Saya akan habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila menggulung.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya juga ingin membahaskan perkara kecil yang berlaku di kawasan saya yang akan menimbulkan nama buruk kerajaan baharu. Saya telah difahamkan tiga unit penyaman udara di Klinik Kesihatan Pangkor dan dua unit penyaman udara di Pejabat Kesihatan Daerah Manjung sudah sekian lama rosak tetapi tidak dapat dibaiki kerana dikatakan tidak ada peruntukan. Begitu juga di Klinik Kesihatan Setiawan, tidak ada ambulans. Setiap klinik mestilah mempunyai satu ambulans. Begitu juga setiap ambulans, mestilah mempunyai dua orang pemandu untuk bergilir-gilir kerana ambulans ini *standby* selama 24 jam.

Saya diberitahu bahawa, empat orang pemandu ambulans iaitu seorang di Klinik Kesihatan Pantai Remis, seorang lagi di Klinik Kesihatan Ayer Tawar dan dua orang pemandu di Pejabat Kesihatan Daerah Manjung sudah pun bersara. Akan tetapi, tidak ada pemandu yang menggantikan mereka. Begitu juga dengan dua orang lagi pemandu yang akan bersara tahun depan daripada Klinik Kesihatan Setiawan, tetapi tidak ada pengganti kepada mereka.

Saya berikan contoh-contoh ini memang perkara ini agak kecil, tetapi kalau tidak diselenggarakan, tidak diambil berat, rakyat yang memerlukan perkhidmatan mereka ini akan mendapat satu gambaran yang buruk terhadap kerajaan.

Begitu juga dengan contoh yang terakhir yang saya ingin bangkitkan dalam dewan ini ialah Pejabat JKR, Manjung. Setiap kali minta duit sedikit pun untuk penyelenggaraan lampu-lampu jalan pun dikatakan tidak dapat dibuat kerana tidak ada peruntukan. Memandangkan perkara-perkara ini merupakan perkara yang agak kecil, saya berharap dalam peruntukan untuk penyelenggaraan perkara-perkara yang asas ini kerajaan haruslah memastikan bahawa wang yang mencukupi diedarkan kepada semua jabatan supaya perkara-perkara yang memerlukan penyelenggaraan harian ini dapat berjalan dengan lancar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, menggulung. Habis.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong dengan pindaan yang telah saya syorkan untuk dibuat oleh kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Beruas. Menteri JKR ada di sini, masalah ini akan diselesaikan. Saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai. Sila.

**6.34 ptg.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Alhamdulillah. [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, segala puji-pujian kepada Allah kerana dengan izin dan limpah kurniannya serta barokah, maka dapat kita semua berkumpul di Dewan yang mulia ini.

Pemula bicara saya santunkan ucapan perbahasan Belanjawan 2019 ini dengan sepotong syair, [*Membaca syair dalam bahasa Arab*], Nukilan Ahmad Shauqi dengan madahnya yang bermaksud; “*Sesungguhnya sesebuah ummah ketamadunan akan kekal selamanya. Jika mereka mempunyai akhlak serta kesopanan yang baik. Manakala sesebuah ummah dan ketamadunan itu akan musnah jika akhlak serta kesopanan mereka itu rosak*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Santubong sebagai senior MP dalam Parlimen ini yang juga bekas Timbalan Yang di-Pertua atas pandangan dan nasihat yang amat baik untuk kebaikan Dewan yang mulia ini agar Dewan ini dapat bergerak ke arah *world-class Parliament* serta dapat berjalan dengan teratur mengikut adat dan budaya kita di Malaysia ini.

Terlebih dahulu, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih di atas keizinan dan peluang kepada Kuala Krai untuk bersama membahaskan Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lalu. Seperti yang kita sedia maklum, Belanjawan 2018 pernah digelar sebagai ‘ibu belanjawan’. Ini kerana besarnya nisbah belanja. Maka, sebaiknya belanjawan kali ini saya nyatakan sebagai ‘bapa belanjawan’.

Ini kerana terbukti nilai belanja untuk tahun 2019 ini, dek kerana terlalu besar jumlahnya, jauh meninggalkan catatan belanjawan yang terdahulu. Kenyataannya, di sebalik resah Perdana Menteri yang memberi ingat, menuntut rakyat agar perlu berkorban demi kelangsungan ekonomi negara yang menggelora tidaklah semuanya benar. Hal ini bersebab kerana pada ketika ini jauh lagi boros berbanding yang kononnya kerajaan kleptokrasi seketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dilanjutkan ucapan ini dengan lebih jauh, suka saya memetik kenyataan Tun Daim pada 8 November lepas sewaktu Siri Persidangan Affin Hwang Capital 2018. Beliau berkata, “apa yang berlaku sebelum ini adalah sejarah. Kerajaan baharu perlu berhenti menuding jari serta menyalahkan kerajaan terdahulu yang mentadbir negara ini selama 61 tahun. Sekarang sudah pun masuk enam bulan, kerajaan perlu memberikan tumpuan dalam pelaksanaan. Rakyat tahu apa yang terjadi, sebab itulah mereka undi untuk menyingkirkan kerajaan sebelum ini.” Justeru, adalah amat penting untuk kerajaan sekarang tidak mengulangi kesilapan pemimpin yang lama. Lagi pula, Tuan Yang di-Pertua, retorika kerajaan pada hari ini yang cenderung menyalahkan kerajaan terdahulu sudah bisa tercium dan tertangkap maksudnya oleh sekalian rakyat.

Ya, benar! Rakyat dan kita semua pernah terbuai dengan lunakkan alunan irama itu. Namun, tapi sampi bilakah lenggok-lenggok itu hendak terus dimainkan? Sesungguhnya, kami sudah muak. Semua kesalahan hanyalah kerana 1MDB, ketamakan kerana rasuah dan kejahatan kerajaan terdahulu. Lalu, di manakah janji-janji mulut kerajaan hari ini yang berjanji segala-galanya akan menjadi lebih baik dan bahagia seandainya diberikan peluang memerintah?

Nah, kalian sudah pun memerintah sekarang. Realitinya, PAS sendiri sangat konsisten ‘menggegerkan’ –ini bahasa Kelantan, gugatan-gugatan terhadap cara dan dasar pemerintahan

yang terdahulu. Malah kami akan sentiasa konsisten melontarkan kritik-kritik berkait hal dan cara dasar pemerintahan terkini. Seandainya ia tidak berada di landasan yang benar serta betul, serta merugikan Islam, merugikan ummah dan juga merugikan negara tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakyat Kuala Krai khususnya menantikan dengan penuh debar, sambil meninjau-ninjau bilakah detiknya bait-bait penoreh getah yang kebasahan pokok getahnya disebut dalam inti Belanjawan 2019 ini. Ternyata, belanjawan kali ini bukan perbelanjaan untuk kami namun adalah perbelanjaan buat kelompok rakyat yang menghuni di ibu kota. Hal ini berkemungkinan kerana Menterinya yang menjaga luar bandar dan Menteri yang menjaga komoditi asas utama tidak mewakili kawasan seperti Kuala Krai tetapi mewakili kawasan Titiwangsa dan Seputeh.

Justeru, saya mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar menukar posisi mereka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili masyarakat luar bandar yang kenal batang getah yang basah di musim tengkujuh. Kalau tidak, sekurang-kurangnya pun bekas Ahli Parlimen Kuala Krai iaitu Yang Berhormat Lumut mungkin pernah merasai 10 tahun di Kuala Krai, layak untuk menjadi Menteri.

#### ■1840

Saya juga mencadangkan supaya setidak-tidaknya Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat turun ke Kuala Krai atau ke kawasan-kawasan yang penduduknya bergantung pendapatan mereka kepada susu getah untuk menyelami sendiri kesusahan mereka khususnya di musim tengkujuh seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bawakan di Dewan yang mulia ini kepada situasi sebenar penoreh getah terutamanya pada bulan-bulan basah di musim tengkujuh ini. Pada minggu lepas, saya turun ke kawasan saya dan telah menyelami nasib penoreh getah di kala hujan turun sekarang ini. Tahu kah Tuan Yang di-Pertua bahawa mereka ini benar-benar bergantung kepada susu getah untuk sesuap nasi mereka? Jadi seandainya hujan turun, menjadi gelitalah dunia mereka.

Jika bukan di musim tengkujuh pun, mereka hanya mampu memperoleh sekitar RM500, RM600, RM700 sebulan. Bayangkanlah peritnya derita yang tidak bertanggung sekiranya musim tengkujuh ini menjengah tiba. Hatta satu sen pun tidak terimbuh. Sayugia ingin saya maklumkan di bulan Oktober, November, Disemberlah merupakan tempoh-tempoh sangat memeritkan.

Keperitan itu lantarannya bersambung pula bila tibanya bulan Januari di mana ketika inilah musim persekolahan memulakan episodnya. Barang diingat, belanja-belanjanya domestik seumpamanya pakaian sekolah, kasut sekolah, stoking hitamnya, peralatan, buku serta beg sekolah paling-paling berkehendakkan RM100 untuk seorang.

Kalau diputar edaran masa pada zaman kerajaan kleptokrasi dahulu, Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sebanyak RM260 juta diperuntukkan, manakala tahun 2019 tiada satu sen pun diperuntukkan. Malah, Kementerian Industri Utama yang merupakan kementerian yang berkaitan dengan hal ehwal getah telah ditoreh perbelanjaannya sebanyak 79.4 peratus. Daripada RM404 juta telah dikurangkan dalam belanjawan pada kali ini hanya kepada RM83 juta.



Hal yang sebaliknya di ketika ini, di saat ini, bantuan RM600 ini hilang tidak terjejak. Pasti kiranya perbandingan yang dibuat, saya benar-benar yakin dan percaya pengharapan penoreh getah kepada kerajaan yang kononnya lebih berharapan musnah dan hancur berkecai.

Ya, kita berbicara tentang sesuap nasi kerana itu yang terpaksa mereka fikirkan. Mereka mahu makan apa? Bukan mereka mahu makan di mana seperti kita. Saya dengan penuh rendah hati, berpalinglah dan rasailah perit mereka. Ramai rakyat sebegini yang di negara kita ini. Persoalan yang berlegar dalam kepala saya ialah apakah langkah-langkah segera yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam keadaan belanjawan yang dibentangkan ini amat menghampakan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita sering melaungkan bahawa antara ketidaktelusan Petronas ialah kerana status kewangan mereka tidak didedahkan kepada umum. Malahan pula, sahabat-sahabat saya di sebelah sana antara yang paling kuat memohon agar perbelanjaan Petronas dibentangkan di Parlimen. Lalu tertingkah tanya, kenapa nada mereka sangat berlainan sekarang ini?

Pada pembentangan Belanjawan Negeri Kelantan minggu lepas, Kerajaan Kelantan memasukkan hasil royalti Kelantan dalam perbelanjaan. Namun, Kerajaan Negeri Kelantan tidaklah dapat memasukkan jumlahnya berapa kerana tidak diketahui satu pun fakta berapakah nilai hasil minyak dan juga nilai hasil gas Kelantan yang disedut. Berapakah nilainya royalti kami ini? Dan lebih penting lagi, bilakah royalti ini mahu dibayar? Bagaimana tunggakan bayaran royalti sebelum-sebelum ini?

Dalam belanjawan kali ini juga, Kerajaan Pusat dengan sewenang-wenangnya mengambil duit hasil minyak Petronas sebanyak RM30 bilion. Tampaknya tidak jauh perbezaan kerajaan terdahulu dengan sekarang. Yang pastinya, rakyat Kelantan hanya mampu berharap dan berdoa kepada Allah SWT.

Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan soal royalti petroleum sepatutnya dibayar kepada Kelantan. Saya pernah mendengar pihak kerajaan mengatakan bahawa royalti ini tidak boleh dipertimbangkan kepada Kelantan kerana Kerajaan Kelantan telah memasukkan saman terhadap Petronas di mahkamah. Jadi boleh Yang Berhormat beritahu, apakah perkembangan saman tersebut di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ya, kalau itu alasan yang diberikan oleh pihak Menteri sebelum ini bahawasanya Kelantan tidak boleh diberikan bayaran royalti ini kerana saman, tetapi saya dapat maklumat daripada mesyuarat Exco dua minggu lepas bahawasanya Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju untuk menarik balik saman tersebut. Maka sudah pasti dengan keadaan ini, tidak ada lagi alasan kepada Kerajaan Malaysia ataupun Kerajaan Pusat pada hari ini untuk membayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Di kesempatan ini, saya ingin memberikan satu sanjungan...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Saya hendak bantu sedikit.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya tiada masa. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Saya hendak bantu sikit-sikit sahaja.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tidak apa. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kuala Krai juga menantikan berita tentang Jambatan Pasir Kelang yang mana dibatalkan sebaik kerajaan baharu memerintah. Ingatkan ia adalah pembatalan sementara dan dimasukkan di dalam belanjawan kali ini, tetapi ternyata hampa.

Kenapa jambatan ini sangat penting kepada rakyat Kuala Krai? Jambatan yang merentasi Sungai Kelantan ini bakal menghubungkan beberapa kampung seperti Kampung Pasir Kelang, Kampung Buyong, Kampung Bahagia dan juga menghubungkan dengan Parlimen Tanah Merah dan juga Parlimen Jeli.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan warga seberang Sungai Kelantan ini terpaksa menggunakan perkhidmatan feri yang jika air sungainya besar, perkhidmatan feri ini tidak dapat diteruskan. Malah, mereka beralih kepada bot-bot kecil yang kadang-kadang membahayakan khususnya anak-anak sekolah yang berulang alik ke sekolah menengah di sebarang tanah besar.

Saya juga ingin membangkitkan berkaitan Jambatan Kuala Pertang, sebuah jambatan yang dibina ataupun dikenali Jambatan Besi yang dibina sejak sekian lama menggunakan besi. Kedudukannya terlalu rendah dengan paras tebing menyebabkan sentiasa ditenggelami air bukan sahaja di musim banjir tetapi jika hujan lebat sekitar dua tiga jam, jambatan ini akan ditenggelami air. Bayangkan dalam sebulan ini, dalam bulan Oktober atau awal bulan November ini, sudah pun dua tiga kali jambatan tersebut tenggelam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemotongan peruntukan penyelenggaraan jalan persekutuan daripada daripada RM400 juta hanya tinggal RM100 juta sahaja, saya tetap berharap agar Jalan Kuala Krai–Gua Musang dan juga Jalan Jelawang–Dabong dapat diambil perhatian kerana ia laluan utama. Cuba gambarkan perjalanan di waktu malam dan dalam keadaan hujan lebat hampir tiada petanda untuk mengecam jalan kerana *line* putihnya hampir hilang dan permukaan jalannya yang bergeligr.

Oleh itu, saya mengharapkan agar pihak kerajaan dapat mengambil tindakan menyelesaikan isu ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dapat memorandum daripada kakitangan SPAD yang menyatakan kerisauan mereka tentang nasib yang sudah pasti dengan pemansuhan SPAD maka kerajaan mewujudkan APAD, bagaimanakah nasib mereka yang bilangan mereka hampir 1,000 pekerja yang tetap dan juga kontrak yang perlu perhatian pihak kerajaan? Walaupun ada tawaran-tawaran tertentu tetapi mestilah kepada satu keadaan yang tidak menganiayai mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ialah saya juga tertarik dengan perbelanjaan yang diperuntukkan untuk *e-sport* sebanyak RM10 juta yang telah diperuntukkan. *E-sport* adalah sukan berasaskan permainan *video game*, dengan izin.

Izinkan saya menzahirkan kekusaran serta kebimbangan saya terhadap *e-sport* ini. Walaupun ia adalah trend terkini, namun saya lihat banyak mudarat ke timbang manfaatnya. Dikhuatirkan anak-anak muda ini akan terlalai dan terobses. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga telah mengklasifikasikan ketagihan permainan video sebagai masalah kesihatan mental pada tahun 2018. Lantaran itu, status terkini WHO dalam klasifikasi penyakit kebangsaan ataupun ICD menerusi drafnya yang ke-11 menyatakan bahawa ketagihan permainan video telah termasuk dalam kategori mental, tingkah laku atau *new developmental* yang dikenali sebagai gangguan perkembangan.

Tambahan pula, berdasarkan kepada laporan agensi berita China *Xinhua*, untuk mengenal pasti dan mendiagnosis penyakit ini, seseorang itu sukar atau gagal mengawal sifatnya ke atas permainan sekali gus memberikan keutamaan kepada permainan video. Pada hemat saya, walaupun adinda saya Menteri Belia dan Sukan sangat menggemarinya, ia perlu dikaji dengan penuh teliti tentang aspek negatifnya. Ini kerana kita tidak mahu generasi mendatang sebagai generasi yang hilang pertimbangan warasnya dek kerana terobses dengan citra-citra fantasi yang merosak.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, berkesimpulan kalam namun bertegas tutur, Kuala Krai ingin mengatakan bahawa belanjawan kali ini benar-benar belanjawan yang jelas menjadikan masyarakat luar bandar sebagai masyarakat yang semakin terpinggir dan terus tidak terbela umpama pedu terpahit yang kami terpaksa telan. Dalam Al-Quran Allah beri peringatan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya di kalangan kamu."*

Sebelum berakhir, Kuala Krai menyahut seruan Yang Berhormat Marang berkaitan ICERD dan kami menantikan gendangnya. Kata orang Kelantan, *asa ghoyak ja*. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

#### ■1850

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sebelum saya jemput Yang Berhormat Padang Serai, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu "*Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu*". Saya ingin nasihatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila merujuk kepada jumlah belanjawan, seharusnya lebih berhati-hati. Apabila saya meneliti ucapan, ada kebanyakan katakana, saya bagi contoh Kementerian Industri Utama katakana mengalami potongan bajet sehingga RM404 juta.

Akan tetapi apabila saya baca dalam ringkasan jadual Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, jumlah peruntukan yang diterima oleh Kementerian Industri Utama adalah RM506 juta, bezanya RM102 juta. Oleh sebab itu saya nasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat agar lebih tepat dan berhati-hati apabila kita memetik angka-angka yang kita anggap benar tetapi yang sebenarnya telah pun terpesong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin– mungkin, saya dapat angka ini dari Anggaran Perbelanjaan Persekutuan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya tidak merujuk kepada Yang Berhormat Beruas. Sila Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu adalah satu nasihat yang begitu baik. Mungkin Tuan Yang di-Pertua perlu menasihatkan yang sebelah sana untuk berhati-hati dalam perbahasan mereka. *[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Apa fasal pula?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sejak pagi tadi saya lihat semua yang dibahaskan itu memang tidak tepat dan lari daripada tajuk Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Bagi satu contoh, jangan tuduhan sahaja. Itu persepsi itu, bagi satu contoh.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebagai Tuan Yang di-Pertua...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Ini juga mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ini Peraturan Mesyuarat 36(6), sangkaan jahat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila duduk.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Jangan populis lah Yang Berhormat Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Pada petang yang sejuk ini jangan kita berhati panas. Sebagai Tuan Yang di-Pertua, apabila saya memberikan nasihat, nawaitu dan hati saya adalah suci dan baik. Saya tidak merujuk kepada mana-mana pihak tetapi bak kata pepatah Melayu, “*Siapa makan cili, dia terasa pedas*”. *[Dewan riuh]*

Saya tidak merujuk kepada mana-mana pihak, saya bagi satu contoh lagi semalam saya meneliti setiap perkataan Ahli-ahli Yang Berhormat tuturkan, sebagai Tuan Yang di-Pertua saya duduk, saya meneliti setiap perkataan. Setiap ayat Yang Berhormat tuturkan, ada katakan pelabur asing lari daripada negara kita. Apabila saya meneliti jawapan Parlimen, di mana Timbalan Menteri telah pun menjawab dalam Dewan yang mulia ini, negara kita telah mengalami pelaburan FDI meningkat daripada RM43 bilion menjadi RM60 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama.

Maka adalah jelas, saya cuma menasihatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila kita bertutur sebagai Ahli Yang Berhormat, perbahasan kita bukan sahaja berkualiti tetapi

tepat dan benar, itu sahaja. Ini adalah demi untuk *sanctity of the house*, martabat Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Padang Serai, sila.

**6.54 ptg.**

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin ingin memberitahu pemergian Seniman Arwah Zaibo ke rahmatullah, marilah kita sama berdoa, bagi orang Islam Al-Fatihah, bagi agama lain ikut masing-masing, terima kasih. Salam sejahtera dan selamat malam Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Belum sampai waktu malam, petang sahaja.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** ...Oh! Petang sahaja. Okey, petang. Yang dihormati di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan ruang dan peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia pada tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa membuang masa saya selaku wakil rakyat ingin menyentuh beberapa perkara dan masalah-masalah yang berkaitan dengan beberapa kementerian bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat jelata amnya dan secara khususnya warga Padang Serai di bawah pimpinan Pakatan Harapan.

Menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan, saya menyarankan agar jumlah peruntukan dapat disalurkan bagi menampung kemudahan infrastruktur asas keutamaan bagi sekolah-sekolah di kawasan Padang Serai yang dilihat masih ketinggalan jauh sebagai sekolah daif. Walaupun kerajaan lampau telah berusaha untuk memperbaiki keadaan sekolah yang daif tetapi selepas 60 tahun masih lagi wujud perbezaan yang ketara dalam aspek infrastruktur terutamanya sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Selepas 60 tahun memerintah, saya tidak tahu apakah usaha yang diambil dalam memartabatkan sekolah-sekolah ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Ladang Biamar benar-benar memerlukan perhatian yang sewajarnya bagi menjamin kesejahteraan pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Harap Kementerian Pendidikan dapat mengalih perhatian kepada sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan agar kerajaan dapat menumpukan perhatian yang sewajarnya dalam memperkasakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang aktif. Bagi mengatasi masalah ini, saya menyarankan agar nasib guru-guru diberi perhatian agar permohonan pertukaran guru-guru yang ditempatkan jauh dari tempat asal, sambil menambah pengambilan guru-guru sandaran yang lebih, bagi meringankan beban guru tetap supaya kualiti pengajaran dapat dipertingkatkan.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Kesihatan di mana sejumlah RM29 bilion yang telah diperuntukkan iaitu peningkatan sebanyak 7.8 peratus

berbanding tahun lepas. Saya amat berharap agar peruntukan-peruntukan ini dapat diagihkan sama rata dalam aspek pembangunan sektor kesihatan di negara yang kita cintai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyarankan agar kerajaan dapat memberikan tumpuan dalam penambahbaikan hospital-hospital kerajaan serata klinik kesihatan agar rakyat dapat menerima rawatan dan perubatan yang mampu demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat kita. Saya serta rakyat Padang Serai akan sentiasa berterima kasih kepada kerajaan jika klinik kesihatan Padang Serai dapat dinaikkan taraf kepada hospital.

Bagi menampung keperluan semasa yang kini kepadatan penduduk yang kian meningkat saya juga sarankan agar kemudahan ambulans dan doktor-doktor serta jururawat dapat ditambah. Ini adalah kerana hospital yang paling dekat kini adalah Hospital Kulim di mana jarak Padang Serai ke Kulim mengambil masa lebih kurang satu jam perjalanan. Perkara ini adalah amat penting kerana terdapat banyak tragedi kemalangan maut akibat lambat sampai ke hospital. Walaupun dengan menggunakan ambulans kerana jalan raya serta kesesakan lalu lintas yang amat sangat. Saya juga mencadangkan agar e-KAD diwujudkan bagi pesakit-pesakit supaya segala urusan perkhidmatan kesihatan dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya mohon jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar dapat menimbang semula isu berkaitan pemilikan tanah sementara yang digunakan sementara yang digunakan sebagai tempat-tempat beribadat kaum India supaya dirizabkan sebagai tanah kekal yang tidak dipinda fungsi asalnya kepada hal-hal lain.

Dengan ini saya berharap kerajaan memberi perhatian kepada tanah-tanah perkuburan, tempat-tempat ibadat dan sekolah-sekolah supaya tanah digazetkan menjadi hak milik kerajaan atau ditubuhkan badan berkaitan agar tidak dipindah milik kepada orang lain. Isu yang sering dibangkitkan oleh penduduk di sini berkaitan penggunaan tanah sementara untuk tujuan tempat ibadat, kubur ataupun sekolah tiba-tiba dipindah milik oleh pihak tuan tanah.

Hal ini kerap menjadi isu sentimen perkauman terutama apabila tempat-tempat ibadat dirobohkan. Saya menyarankan agar sebahagian peruntukan dapat diagihkan dan di gazetkan tanah-tanah tersebut bagi mengatasi isu-isu sentimen perkauman negara ini. Jika perkara ini dipandang remeh, maka pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan ini untuk memecahbelahkan perpaduan di kalangan masyarakat yang makmur.

#### ■1900

Ini demi kepentingan politik mereka. Jangan kerana kepentingan sesetengah kelompok manusia, keharmonian, perpaduan serta silaturahim masyarakat kita diperkosa.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya beralih kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menarik perhatian kerajaan agar peruntukan Kementerian Dalam Negeri dapat dipertingkatkan demi ketenteraman dan keselamatan awam dalam negeri. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bilangan anggota polis di daerah Kulim hanya sebanyak 587 orang termasuk pegawai. Kepadatan penduduk di daerah Kulim kini mencecah sebanyak 300,000 orang. Dengan kekuatan anggota polis sedemikian, jelas mempamerkan kesan terhadap

perlakuan jenayah yang kian meningkat. Banyak kes rompakan dan jenayah berat mencatat-meningkat yang merisaukan masyarakat tempatan di Padang Serai, Daerah Kulim.

Saya menyarankan agar kementerian dapat menambahkan anggota serta pondok-pondok polis bagi membanteras aktiviti jenayah. Saya juga mencadangkan agar pangkat ketua polis daerah kini dipertingkatkan kepada ACP selaras dengan pembangunan pesat daerah Kulim, Padang Serai. Keanggotaan polis trafik serta jurukamera juga dapat ditambah segera demi menampung tugas serta permintaan polis kian dilihat amat diperlukan atas faktor pembangunan dan kesesakan trafik yang amat tinggi.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, hanya dua orang polis kamera sahaja ada di seluruh Parlimen. Dua- Parlimen, dua *cameraman* sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengiktiraf jalan raya, jalan luar bandar dan juga jambatan dibuktikan dengan peruntukan sebanyak RM926 juta di dalam Bajet 2019. Maka saya memohon supaya baik pulih jalan-jalan, lampu jalan, lampu isyarat- *traffic light*, di kawasan Parlimen Padang Serai turut disertakan di dalam peruntukan tersebut. Di kawasan Parlimen Padang Serai yang sememangnya terdapat jalan-jalan tar yang belum diterapkan sepenuhnya seperti jalan-jalan berlubang.

Begitu juga saya ingin mencadangkan untuk kaum India teruslah ambil perhatian yang serius di mana ramai orang India masih ketinggalan arus pembangunan negara. Didapati mereka telah pun ditinggal tidak ada saingan walaupun mereka adalah minoriti, serba-serbi minoriti. Hanya mereka ramai di penjara. So, kerajaan perlulah buat satu kajian terperinci untuk mengatasi masalah tersebut. Di samping itu juga...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat. Sikit sahaja, sikit sahaja. *One minute*.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** *Okay, one minute.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kebanyakan masalah yang dihadapi oleh pemuda-pemuda India ini adalah disebabkan pemimpin-pemimpin MIC gagal melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** *You* ini kalau tidak ganggu MIC tidak boleh kah? Sekarang itu semua dekat sana.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Memang betul. Ini adalah kezaliman oleh kerajaan dahulu. Okey, di samping itu juga saya ingin cadangkan untuk pertahanan negara kita, bajet haruslah ditambah memandangkan sesuatu negara haruslah dilihat atas kebolehan pertahanan yang kukuh. Di dunia ini mana-mana tempat akan beri *priority* yang pertama untuk pertahanan. Barulah pelabur-pelabur daripada luar negeri boleh datang ke negara kita untuk melabur. Negara kita ini tengok jet pun tidak cukup. Kapal di laut pun tidak cukup... *[Disampuk]* Kita selalu banding jiran-jiran di sebelah... *[Disampuk]* Apabila kita dapati, kita segan dengan *Singapore, Singapore* negara kecil tidak ada hasil tetapi pertahanannya dia canggih tetapi kita

ketinggalan zaman. Saya berharap kerajaan beri peruntukan yang lebih untuk pertahanan. Oleh sebab pertahananlah yang akan tunjukkan kebolehan...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Minta laluan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:**...negara kita.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Boleh? Sikit sahaja.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** *One minute.*

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Okey, Yang Berhormat. Baru-baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** ...Kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Dia kata Malaysia ini memiliki pertahanan yang terbaik. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Silakan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tidak dinafikan, pertahanan memang baik tetapi peralatan tidak mencukupi sebab kita selalu- apabila kita di negara ini haruslah memandang apakah kelebihan oleh negara yang kita akan melawan. Kita mesti mengatasi apakah kelebihan yang pegang oleh negara-negara yang kita takuti. Oleh itu kerajaan haruslah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Oleh sebab duit semua telah disamun oleh Barisan Nasional dan UMNO.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Beli kapal dahulu – apabila kapal kita ada kapal terbang sudah hilang, MAS sudah hilang, *Singapore* punya kapal sudah sampai, kita punya kapal *start* tidak boleh hidup... [*Dewan Ketawa*] RM500 juta beli kapal selam, tidak boleh selam. Malu. So, saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan mesti buat satu untuk beri bajet yang banyak. Beli kapal terbang banyak, kapal laut dan juga tentera darat mesti beli peralatan-peralatan yang canggih supaya perajurit-perajurit berbangga dengan- apabila perajurit dapat sesuatu kita tengok *sparepart* tidak ada, itu tidak ada dan sebagainya. Di manalah moral seorang tentera? So, saya harap Kerajaan Pakatan Harapan terutama sekali di bajet ini ditambah sedikit untuk membeli kapal terbang dan juga peralatan-peralatan yang canggih. Di samping itu juga...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat. Boleh mencelah sikit Yang Berhormat? Sikit sahaja.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cukup terujalah kerana Yang Berhormat cukup sensitif dengan keperluan pertahanan negara. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat melihat wajar seorang Ahli Parlimen yang mewakili tentera diminta berhenti dan digantikan dengan Ahli Parlimen bukan tentera? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Itu adalah konsep- bagi saya siapa ketua, apa dia minta, saya akan angguk. Itu prinsip saya. Selain daripada itu juga, banyak di



negara - pejabat-pejabat kerajaan didapati bendera-bendera mereka gantung adalah *season*. Mereka gantung bendera-bendera itu sebagai kain sahaja, haruslah dihormati bendera tersebut. Apabila kita lihat sesuatu pejabat kerajaan dilihat bendera koyak teruk digantung lagi...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Macam Barisan Nasional lah, sudah koyak.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Apakah kehormatan negara kita? Di manakah letak kehormatan negara kita? Bendera itu...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sudah koyak macam UMNO.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Benderalah yang menunjukkan...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Padang Serai ini janganlah selalu mengacau. Mintalah kebenaran secara tertib.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bukan Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, nanti saya beri peringatan. Sila, teruskan Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Okey, saya minta bendera-bendera *disupport* oleh pusat memberi satu standard bendera yang kualiti pada kerajaan-kerajaan negeri dan juga di semua tempat. Sempadan juga memberikan peraturan-peraturan cara meletakkan bendera. Janganlah suka hati ikat seperti kain. Okey, saya minta tolonglah. Saya sentiasa menangis apabila tengok bendera koyak. Kita tahu macam mana susah mahu pegang itu bendera untuk mempertahankan negara kita.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** So, saya rasa saya boleh- tuan-tuan boleh lihat di tempat pejabat-pejabat kerajaan, di mana-mana juga. Begitu juga saya akhir sekali mencadangkan di Dewan yang mulia ini setiap hari nyanyikan lagi Negaraku setiap pagi, sebelum kita hendak wujudkan doa selamat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, belum lagi ulas isu yang saya tanya itu. Adakah setuju MIC telah rompak kaum India Yang Berhormat?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Memang betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, masa sudah cukup. Masa sudah cukup. Baik, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sebelum saya hendak memanggil Yang Berhormat Cameron Highlands, satu peringatan cara pencelahan kepada soalan, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 37, "*Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang berucap kecuali*", dengar, dengar. "*Kecuali (b) Jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara dikeluarkan oleh Ahli-ahli yang sedang*

*bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat Ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah*", dia beri laluan dan duduk. *"Ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi"*, saya yang panggil, Pengerusi yang panggil. *"Tidak boleh terus memberikan ulasan"*.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Seorang Ahli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1910

7.10 mlm.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih saya ucapkan di atas peluang yang diberikan untuk saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lalu. Belanjawan ini dikatakan belanjawan yang terbesar dalam sejarah negara. Walaupun sebelum ini banyak rakan-rakan di sebelah sana berkata Malaysia akan mufliis, saya pun tidak pastilah bagaimana sebuah negara yang bakal mufliis ini mempunyai sumber kewangan yang secukupnya sehingga kerajaan mampu membentangkan belanjawan yang besar.

Walaupun bagaimanapun, saya mengalu-alukan perkara ini. Seperti yang saya katakan dalam perbahasan RMK *we actually need the expansionary budget, in order to stimulate the economy*. Namun perkara ini bersyarat. Belanjawan tersebut perlu disalurkan berdasarkan keperluan sebenar demi kepentingan rakyat. *There is where it actually went wrong*. Walaupun perbelanjaan ini paling besar dalam sejarah negara, hakikatnya adalah sebahagian besar perbelanjaan dalam sektor-sektor utama dalam belanjawan ini telah dipotong. Misalnya peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dipotong sebanyak RM109 juta, Bantuan Musim Tengkujuh pekebun-pekebun kecil dan penoreh getah yang dipotong, apa lagi pada masa-masa harga getah dan kelapa sawit yang semakin merudum. Saya tidak mahu mengulang unjuran-unjuran dan data-data berkaitan ekonomi nasional. Perkara ini sudah pun dinyatakan oleh rakan-rakan seperjuangan saya dalam hujah-hujah sebelum ini

Secara umumnya 2019 bakal menjadi tahun yang mencabar untuk rakyat di Malaysia. Ekonomi Malaysia dijangka akan terus bertumbuh pada kadar perlahan hingga Januari 2019 berdasarkan prestasi penunjuk ekonomi Malaysia. Persoalan saya kini, adakah Belanjawan 2019 ini benar-benar menyediakan satu pakej rangsangan yang baik untuk pembangunan sosioekonomi rakyat dalam menghadapi hari-hari datang yang penuh cabaran.

Tuan Yang di-Pertua ketika kerajaan Barisan Nasional melaksanakan GST, kepimpinan Pakatan Harapan seperti biasa melemparkan pelbagai tuduhan, contohnya GST zalim dan sebagainya. Akan tetapi segala tuduhan itu adalah berdasarkan bahawa GST meningkatkan harga barangan dan hari ini mereka telah menang. Tahniyah. Setelah mereka meletakkan GST pada kadar kosong peratus, setelah melaksanakan SST, adakah sebenarnya harga barangan sudah menurun? Adakah rakyat tidak dizalimi lagi? Anda sendiri tahu jawapannya.

Dulunya mereka di sebelah sana menggelakkan sahabat saya Yang Berhormat Pontian apabila beliau menunjukkan bukti harga barangan turun selepas pelaksanaan GST. Kini rakyat pula menggelakkan mereka balik apabila mereka terus mendabik dada dan berkata SST menurunkan harga barang. Saya ulang, yang gelak itu bukan kami ya, Yang Berhormat Jelutong, yang gelak itu rakyat sendiri. So kalau Barisan Nasional yang mengurangkan kadar bayaran Cukai Pendapatan dalam melaksanakan GST dikatakan zalim, bagaimana pula dengan Pakatan Harapan yang melaksanakan SST ditambah pula dengan pelbagai jenis cukai baharu, seperti *Soda Tax, Digital Tax, Levi Pelepasan*, Cukai Perkhidmatan yang Diimport, kenaikan dalam *Real Income Tax...*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan?

**Dato' Sivarrajh Chandran [Cameron Highlands]:** *Can I finish first? Sorry, I banyak lagi.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** SST dan GST dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak dapat penjelasan Yang Berhormat Cameron Highlands, bukankah benar ada banyak item-item barangan yang turun harga. Memandangkan kerajaan hanya mendapat lebih kurang RM 22 bilion daripada SST berbanding RM 45 bilion daripada GST. Tentunya rakyat sudah mendapat lebih ataupun kurang bayar cukai lebih RM 20 bilion. Ini maksudnya ada barangan yang turun harga. Setuju atau tidak? Kalau tidak, ke manakah kekurangan RM 22 bilion ataupun tiga bilion yang kerajaan tidak kutip itu pergi? Tolong beri penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas, sila Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Dato' Sivarrajh Chandran [Cameron Highlands]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya percaya Yang Berhormat Beruas arif dengan cara pelaksanaan GST dan SST, GST ini adalah cukai yang harus dibayar oleh semua. RM 21 bilion itu berkurangan daripada sana. Akan tetapi saya tidak mahu pergi secara mendalam dalam GST dan SST. Akan tetapi saya harap perkara in boleh dilihat ya. Itulah matlamat kita untuk berhujah.

Pendapatan negara merosot akibat penghapusan GST dan ini akan membawa- cukai-cukai baharu ini akan memberi *chain effect* yang akan akhirnya membebaskan negara. Itulah pandangan saya. Antaranya *Property Gain Tax*- sebenarnya saya menyokong tindakan ini kalau dikenakan untuk warga negara asing. lima hingga 10 peratus. Akan tetapi saya rasa, saya bantah sama sekali pelaksanaan cukai tersebut terhadap rakyat Malaysia pada kadar lima peratus.

Betul, kerajaan beri pelepasan kepada pembeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik. Akan tetapi ini semua hanya akan terjadi jika nilai rumah tersebut berada di bawah paras RM 200 ribu ke bawah. Persoalan saya kepada Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak rumah yang sedia ada dan bakal dibina dalam kategori ini berada para paras harga tersebut. Menurut pendapatan- kajian daripada Bank Negara Malaysia bertajuk "*Affordable Housing: Challenges and the Way Forward*", dalam *quarterly bulletin* mereka telah mengatakan

bahawa “*Houses in Malaysia remained seriously unaffordable by international standards, with a median multiple of 5.0. The maximum affordable houses price in Malaysia is estimated to be 282,000. Our actual median house price was 313,000 beyond the means of household*”.

Ini menunjukan secara puratanya rumah mampu milik ini bukan berada dalam kategori 200 ke bawah, tetapi lebih daripada itu. Jadi saya berharap kerajaan boleh melihat cara alternatif untuk membetulkan atau membantu pembangunan rumah-rumah kos rendah dan mampu milik ini secara besar-besaran.

Seterusnya tentang kebajikan rakyat di mana kita tahu bahawa kebajikan kumpulan B40 telah menjadi fokus utama kerajaan Barisan Nasional dahulu. Perkara ini tidak boleh dinafikan sekali oleh sesiapa. Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan lebih kurang- telah memberi bantuan BR1M kepada tujuh ribu penerima pelbagai latar belakang. Akan tetapi pada masa itu, rakan-rakan saya dari sana telah melontarkan pelbagai tuduhan dan dengan sebagainya dengan kata BN beri rasuah dan beli undi dan sebagainya.

Akan tetapi saya gembira dan saya sokong walaupun namanya diubah, tetapi BR1M dikekalkan. Oleh kerana ini akan menguntungkan, akan memberi manfaat kepada masyarakat miskin. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka. BR1M atau Bantuan Sara Hidup ini akan memberi satu *stimulating effect* untuk negara yang akan membantu dalam pembangunan ekonomi negara.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyatakan bantahan saya terhadap tindakan kerajaan menghapuskan dan mengurangkan beberapa bentuk subsidi yang disalurkan kepada para pekebun kecil, penoreh getah, petani serta nelayan. Ini pula pada masa-masa harga dunia bagi getah dan kelapa sawit berada di tahap yang paling rendah. Antaranya bantuan musim tengkujuh bagi pekebun kecil dan penoreh getah. Tidak ada peruntukan walau kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan lebih kurang RM 2.61 juta pada Belanjawan 2018.

Subsidi baja padi dan pertanian makanan dipotong sebanyak 50 peratus. Insentif pengeluaran padi pula dipotong 50 peratus. Elaun Sara Hidup nelayan dan insentif tangkapan nelayan sebanyak 63 peratus. Elaun Sara Hidup nelayan darat 72 peratus. Jadi keseluruhannya atas alasan kerajaan untuk mengurangkan belanja dan membawa negara ini ke peringkat yang lebih baik, benda-benda sebegini yang melibatkan golongan marhaen di luar itu diberhentikan, dimansuhkan. Jadi saya berharap kerajaan akan lebih peka dengan kehendak masyarakat di luar. Masyarakat inilah yang telah mengundi kerajaan baharu supaya dengan harapan bahawa kebajikan mereka akan terjaga

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Tidak boleh Yang Berhormat Jelutong, *sorry, I'm sorry*. Secara keseluruhannya peruntukan bagi insentif-insentif khas bertujuan kumpulan B40, M40 di kawasan luar bandar khususnya dipotong sebanyak 38 peratus, RM 2.202 bilion pada tahun 2018 hingga RM 1.2 bilion sahaja untuk 2019.

Jadi saya percaya kerajaan akan cuba menerangkan kenapa, apakah motif sebenar agenda mereka untuk memberi peruntukan yang kurang untuk golongan-golongan ini, di mana

golongan-golongan inilah yang memerlukan bantuan yang lebih daripada golongan-golongan yang lain.

Jadi pada masa yang sama, saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang jurang pendapatan. Jurang pendapatan itu walaupun *Gini Coefficient* Malaysia daripada 1940 hingga 2017 mencatatkan pengurangan secara drastik tetapi ia tidak bermakna kita antara yang terbaik di negara-negara ASEAN. Kita merupakan negara tertinggi jurang pendapatannya.

#### ■1920

Jadi saya percaya segala bentuk inisiatif, segala bentuk *affirmative policy* yang akan dibuat oleh kerajaan baharu ini adakan berdasarkan *Gini Coefficient* supaya kita boleh dapat mengurangkan jurang pendapatan yang semakin membesar. Kita tahu jurang pendapatan di antara golongan N40 dan B40 ini semakin membesar. Jadi, biarlah kita buat program-program dan segala inisiatif kerajaan itu menjurus kepada dengan motif untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara dua kumpulan ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh sikit tentang masyarakat India. Tuan Yang di-Pertua, seperti perkara-perkara lain pendidikan kaum India juga tidak diberi sebarang penekanan serius dalam belanjawan ini. Padahal dalam manifesto mereka sendiri yang menjanjikan bulan dan bintang kononnya akan membina sebuah sekolah Tamil pertama, padahal dalam realiti program prasekolah sedia ada di sekolah-sekolah Tamil pun tidak diberi, tidak disentuh langsung, tidak di...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong minta penjelasan atas isu sekolah Tamil.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** ...Tidak diberi sebarang peruntukan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Atas isu sekolah Tamil, Yang Berhormat.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** ...Barisan Nasional dalam Belanjawan 2018 telah memberi peruntukan RM10 juta untuk membina 50 buah pra-sekolah di sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara, telah memberi peruntukan khas untuk membeli perabot dan kelengkapan lain. Jadi, apa sudah terjadi dengan semua ini? Boleh Menteri bertanggungjawab tentang soal masyarakat India jawab.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, saya tanya Yang Berhormat, saya lontarkan soalan balik apa yang berlaku kepada peruntukan tersebut.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Berkali-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membenarkan. Berkali-kali saya tanyakan dalam Dewan ini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sepatutnya perbelanjaan itu...

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Jelutong janganlah kacau.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Berkali-kali saya tanyakan di dalam Dewan ini berkenaan status pelaksanaan Malaysian Indian Blueprint. Setiap kali saya tanya

setiap kali Menteri mengulangi retorik yang tidak berkesudahan, saya tanya mengenai perancangan dia jawab pula soal audit dalaman.

Kini tindakan-tindakan *affirmative* untuk masyarakat India yang termaktub dalam *Malaysian Indian Blueprint* seperti penetapan kuota pengambilan sekurang-kurangnya tujuh peratus ke universiti awam dan perkhidmatan awam entah ke mana.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bagilah masa, baru lima bulan. MIC buat 60 tahun tidak jadi apa pun.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Depan- saya akan jawab itu.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Jadi Yang Berhormat Jelutong itu jadi lah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Degil betullah Yang Berhormat Jelutong ini. Aduh.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Depan akhbar- kalau Yang Berhormat Jelutong setuju kita boleh berdebat tentang sumbangan MIC kepada masyarakat India untuk 60 tahun. Saya cabar.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Sahut, sahut, sahut.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya pun cabar, tidak ada masalah. Kita boleh berdebat sekarang. Sekarang saya- *no problem*, kita debat sekarang.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Bagus, kita jumpa di luar. Kita jumpa di luar.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Debat luar, luar.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Depan akhbar Menteri berkata kerajaan akan memperuntukkan RM4 bilion untuk masyarakat India untuk...

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Saya cabar Yang Berhormat Cameron Highlands debat sekarang lah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Jelutong ini, orang hendak- bagilah dia peluang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Siapa yang lebih hebat? MIC hebat kah?... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta supaya tidak ada gangguan. Saya minta terus, Yang Berhormat Cameron Highlands teruskan.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, depan akhbar Menteri berkata kerajaan akan memperuntukkan RM4 bilion untuk masyarakat India untuk jangka masa 10 tahun. Kenyataan daripada Menteri Perpaduan. Ini bermakna secara purata RM400 juta setiap tahun. Betul?... Betul. Akan tetapi dalam realitinya hanya RM150 juta diperuntukkan sebagai *direct budget* untuk masyarakat India jauh lebih rendah daripada apa yang diberikan oleh kami masa pemerintahan Barisan Nasional.

Sejak enam tahun yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional melalui SEED untuk program memperkasakan usahawan belia India telah membantu lebih kurang 28,215 usahawan India

mendapatkan bantuan modal dan pinjaman berjumlah lebih kurang RM1.1 bilion atau 70 peratus daripada 26,825 orang tersebut adalah usahawan-usahawan kecil yang mendapat RM340 juta manakala 30 peratus lagi adalah usahawan India dalam *small medium industry* yang menerima pinjaman berjumlah RM829 juta. Ini fakta, ini adalah fakta.

Jadi, tambahan hampir 3,500 usahawan India mendapat manfaat melalui program SEED *training series*. Ini bukan saya kata, ini adalah fakta daripada kenyataan rasmi mantan CEO SEED sendiri. Sekarang saya hendak bertanya apa sudah terjadi dengan inisiatif ini? Apakah program atau alternatif yang telah disediakan oleh kerajaan baharu untuk memperkasakan belia-belia India dalam sektor ekonomi. Jadi itulah yang saya harap daripada kerajaan baharu. Saya tidak cepat mengkritik mereka tetapi saya ingin melihat perubahan daripada kerajaan baharu khususnya dalam mengendalikan masalah masyarakat India.

Pimpinan Pakatan Harapan kata masyarakat India diabaikan oleh kami di Barisan Nasional. Seluruh negara Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara mereka menjajakan cerita ini. Kini kuasa di tangan mereka, ada empat Menteri yang mewakili kaum India. Akan tetapi peliknya peruntukan untuk masyarakat India, program untuk masyarakat India dalam belanjawan, dalam RMK mereka pun sudah jauh lebih rendah daripada apa yang diberikan oleh Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Siapa sebenarnya menzalimi masyarakat kaum India.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat tunggu dan lihat. Kita akan laksanakan. Pakatan Harapan akan bela nasib India. Bukan macam MIC... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya minta Yang Berhormat Cameron Highlands masa sudah tamat. Minta rumuskan apa perbahasan Yang Berhormat Cameron Highlands. Sila.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Abang saya Yang Berhormat Jelutong ini.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita boleh cadangkan supaya Yang Berhormat Jelutong minum dulu di luar ke apa, saya boleh temankan. Mai mai mai. Parit Sulong boleh belanja.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Jelutong ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Cameron Highlands teruskan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Rumusan kita yang bagi tahu yang benar. Kita yang rasa pedih itu. Itu fasal kita bagi tahu... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Now*, saya tanya Yang Berhormat Cameron Highlands, *University AIMST College*- bolehkah pemuda-pemuda India pergi menuntut tanpa kena... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap, saya tidak benarkan sesiapa pun bercakap. Sila Yang Berhormat Cameron Highlands rumuskan. Masa telah tamatlah.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Abang saya Yang Berhormat Jelutong ini dia *excited* sikit *especially after* pukul lima petang ini, hujan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang masyarakat orang asli. Daripada belanjawan ini saya dapati bahawa peruntukan asal untuk masyarakat orang asli telah dikurangkan sebanyak RM4 juta. Mereka ini merupakan golongan yang daif yang memerlukan sokongan kita yang sangat bergantung kepada kita.

Jadi janganlah kita mengurangkan peruntukan mereka dan membuat mereka merana. Mereka perlukan perumahan baru, mereka perlukan jalan raya, mereka perlukan pendidikan yang baik, telekomunikasi dan sebagainya. Jadi berilah keutamaan kepada mereka kerana mereka ini merupakan golongan yang memerlukan bantuan kerajaan secara terus menerus.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini dikatakan sebagai belanjawan yang baik dan menyeluruh. Namun setelah mengambil kira beberapa isu yang gagal diambil kira dalam belanjawan ini seperti peningkatan drastik dalam kes melibatkan kekerasan dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak serta kaum wanita, peningkatan kadar salah laku juvana, penyalahgunaan dan penagihan dadah yang tinggi di kalangan belia, saya berpandangan belanjawan ini tidaklah sebaik seperti yang dikatakan.

Kita semua mempunyai *moral obligation* untuk memastikan negara ini terus dipimpin secara sebaik mungkin. Itu adalah amanah rakyat kepada kita semua. Kita perlu sentiasa beringat bahawa kalau apa jua keadaan sekalipun, kebajikan rakyat, kelangsungan negara perlu terus dimartabatkan. Akhirnya, saya berpandangan Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini tidak memenuhi tuntutan pembangunan rakyat secara komprehensif walaupun dikatakan sebagai belanjawan terbesar dalam sejarah tanah air, ia masih mempunyai banyak ruang untuk diperbaiki. Oleh yang demikian, Cameron Highlands menolak belanjawan ini. Terima kasih.

## 7.27 mIm

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada Batu Gajah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2019. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat bimbang dan kecewa apabila Kementerian Kewangan mendedahkan bahawa hutang dan liabiliti kerajaan sehingga Jun 2018 telah melangkaui RM1 bilion.

Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Bagan menyatakan bahawa pentadbiran dahulu telah secara rahsia membayar hutang 1MDB hampir RM7 bilion. Saya mohon kepada Menteri Kewangan untuk mendedahkan secara terperinci bagaimanakah RM7 bilion pembayaran hutang 1MDB itu dibayar secara rahsia. Saya rasa, rakyat di luar sana juga ingin tahu tentang pendedahan ini.



Dalam pada itu, saya juga mohon kepada kerajaan menjelaskan tentang penyalahgunaan kuasa kerajaan dahulu dalam kontrak berat sebelah seperti projek *Trans Sabah Gas Pipeline* dan *Multi-Product Pipeline* yang kosnya berjumlah RM9.6 bilion. Namun, RM8.3 bilion telah dibayar walaupun hanya kurang 10 peratus kerja pembinaan telah disiapkan. Dalam kata lain, 86.4 peratus jumlah kos telah dibayar untuk 10 peratus kerja yang siap. Siapakah orang-orang yang terlibat dalam urus niaga projek ini?

Jelas di sini bahawa, wang rakyat telah disalahgunakan tanpa satu pemantauan yang baik. Adakah terdapat unsur rasuah dalam urus niaga ini? Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerajaan Pakatan Harapan terhadap orang-orang yang terlibat dalam skandal ini? bagaimanakah isu ini akan ditangani supaya kerugian dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Pakatan Harapan kerana melaksanakan atau menunaikan tanggungjawab moral untuk memulangkan kesemua tunggakan GST sebanyak RM19.4 bilion dan cukai pendapatan berjumlah RM16 bilion kepada individu dan syarikat dalam tahun 2019.

#### ■1930

Saya amat bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Kota Melaka yang menyatakan bahawa pulangan cukai-cukai ini tidak mungkin terlaksana jika Pakatan Harapan tidak memenangi PRU Ke-14... [*Tepuk*]Tahniah diucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang bijak membuat pemilihan yang jitu pada masa yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab satu soalan lisan di Dewan Rakyat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah memberi pandangan bahawa Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang juga dikenali sebagai sekolah bantuan modal yang tidak dapat menampung kos operasi penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur sekolah masing-masing agar menukar status SBK kepada sekolah kerajaan agar segala perbelanjaan pengurusan dan pembangunan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Kenyataan beliau telah disalah tafsir dan diperhebohkan dalam beberapa media utama dan media sosial. Ini adalah satu isu yang sensitif dan perlu berhati-hati apabila melaporkan kenyataan Menteri. Media melaporkan bahawa, Menteri telah mencadangkan supaya Sekolah Bantuan Kerajaan menukar status kepada sekolah kebangsaan. Sedangkan dalam jawapannya beliau mencadangkan dengan jelas bahawa Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan yang menghadapi masalah, boleh bertukar status kepada sekolah kerajaan, bukannya sekolah kebangsaan. Cadangan Menteri Pendidikan adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan untuk mengubah status Sekolah Bantuan Kerajaan kepada sekolah kerajaan. Isu tanah dan pemilikan bangunan adalah antara perkara-perkara yang sukar untuk diselesaikan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan ditambahkan. Ini boleh menyelesaikan masalah kekurangan dana di sekolah-sekolah tersebut. Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk membantu Sekolah-sekolah Bantuan

Kerajaan. Saya cadangkan, kerajaan-kerajaan negeri yang lain juga turut mencontohi pemberian peruntukan kerajaan negeri kepada Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri juga boleh membantu meringankan beban Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Makanan Tambahan. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah dikelola, diselia dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula tahun 1979. Pada masa ini, RMT hanya diberikan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional 2014 kepada murid-murid daripada kategori miskin tegar yang diperuntukkan seperti berikut:

- (i) di Semenanjung Malaysia, pendapatan isi rumah RM580 dengan pendapat per kapita RM140;
- (ii) di Sabah atau Labuan, pendapatan isi rumah RM710, pendapatan per kapita RM150; dan
- (iii) di Sarawak, pendapatan isi rumah RM660 dan pendapatan per kapita RM160.

Garis panduan PGK yang diperuntukkan adalah terlalu rendah dan ramai murid miskin daripada keluarga B40 tidak dapat menikmati RMT. Kebanyakan murid-murid daripada keluarga miskin ini datang ke sekolah tanpa bersarapan. Ini menjejaskan kesihatan mereka serta mengganggu proses pembelajaran mereka. Diharap, kerajaan dapat membuat kajian semula supaya murid-murid daripada keluarga miskin turut dapat menikmati bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2014 hingga 2017, kerajaan telah memperuntukkan RM295 juta kepada SEDIC untuk pembangunan sosioekonomi kaum India. Daripada jumlah itu, hanya RM203 juta telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Sebanyak RM91 juta telah dipulangkan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam tempoh tersebut. Ini bermakna, pemimpin-pemimpin kerajaan sebelum ini tidak serius dalam menyelesaikan masalah kaum India kerana mereka merasakan wang ini tidak perlu digunakan dan mereka menyimpan wang ini sehingga habis tempoh dan kemudian telah dipulangkan kepada kerajaan. RM91 juta itu boleh diagihkan kepada 180 buah sekolah Tamil dengan jumlah RM500 ribu setiap sekolah. Akan tetapi malangnya, pemimpin-pemimpin yang tidak prihatin itu telah mengembalikan wang tersebut kepada kerajaan. Harap perkara ini tidak berulang di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Batu Gajah. Siapakah pemimpin? Boleh Yang Berhormat beritahu daripada parti mana pemimpin-pemimpin ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya, sudah pastinya SEDIC ini diletakkan di bawah Barisan Nasional yang dipertanggungjawabkan ialah MIC. Sebab saya pernah bangkitkan isu ini, banyak kali dalam Dewan ini dan saya tidak pernah mendapat jawapan yang baik. Setiap kali saya minta supaya kerajaan memberikan penjelasan tentang perbelanjaan untuk SEDIC, saya tidak pernah mendapat jawapan yang terperinci.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Maksudnya MIC yang diberi amanah ini telah menggagalkan tanggungjawab mereka, Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya, betul.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Jadi Yang Berhormat Batu Gajah...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sama juga ...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh ada provokasi macam ini. Yang Berhormat Jelutong, mari keluar lah. Yang Berhormat Jelutong cepat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sama juga. Tidak guna kalau dalam Dewan ini kita ...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana boleh... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tidak guna dalam Dewan ini, dalam belanjawan kita umumkan jumlah yang besar, tetapi kita tidak belanjakan untuk komuniti. Apa guna? Tidak guna. Sama juga untuk SEED dan sebagainya. Saya juga hendak tahu.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** RM50 juta, RM50 juta yang telah diberikan tiap-tiap tahun untuk sekolah-sekolah Tamil. Adakah RM50 juta itu telah dibelanjakan?

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Batu Gajah, bagi saya, tidak sampai satu minit.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini adalah ruangan saya. Saya tidak mengganggu Yang Berhormat Cameron Highland tadi.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Saya boleh tolong.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Jadi jangan ganggu saya, okey.

**Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]:** Bukan hendak mengganggu. Saja hendak tanya tentang SEED/ SEDIC ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tidak ada, tidak ada. RM50 juta diberikan tiap-tiap tahun. Saya pernah tanya dalam Dewan yang mulia ini, adakah RM50 juta itu telah dibelanjakan untuk sekolah-sekolah Tamil? Saya tidak pernah dapat jawapan yang baik. Setakat ini saya tidak pernah dapat jawapan yang baik. Saya mohon kepada Menteri Pendidikan untuk mendedahkan sama ada RM50 juta yang telah diberikan oleh kerajaan dalam tempoh lima tahun yang terdahulu, ada atau tidak wang itu telah dibelanjakan dengan sepenuhnya ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menasarkankan 100 peratus sekolah perlu mempunyai kemudahan prasekolah. Sehingga 2018, hanya 212 buah daripada 524 buah SJK(T) mempunyai prasekolah. Bagi memenuhi permintaan prasekolah ini, kerajaan melalui SEDIC telah memberi peruntukan kepada beberapa NGO untuk menjalankan prasekolah komuniti sejak tahun 2014. Bagi tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan RM7 juta untuk membantu 7,000 kanak-kanak India menghadiri prasekolah komuniti. Adakah program ini akan diteruskan pada tahun 2019? Nyatakan rancangan kerajaan serta mekanisme pengendalian prasekolah yang

dicadangkan bagi tahun 2019 untuk membantu kanak-kanak daripada latar belakang keluarga B40.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2014, SEDIC telah memperuntukkan dana bagi melatih belia India dalam kemahiran teknik dan vokasional melalui institut latihan kemahiran swasta yang diiktiraf oleh kerajaan. Bermula tahun 2015 sehingga tahun 2017, SEDIC telah membelanjakan RM23 juta bagi melatih 2,525 belia India. Pada tahun 2018, sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan di bawah SEDIC untuk melatih 1,000 belia India. Apakah dana tersebut sudah diguna pakai dan siapakah penerima dana tersebut? Adakah peruntukan yang sama akan dihulurkan bagi membantu belia India pada tahun 2019?

Kerajaan Pakatan Harapan menjanjikan sekurang-kurangnya tujuh peratus kaum India dalam semua institusi pengajian tinggi awam, politeknik dan matrikulasi. Diminta Menteri Pendidikan memberi maklumat jumlah pengambilan dan peratus pelajar India tahun 2018 di universiti awam, politeknik dan matrikulasi. Pelaksanaan janji manifesto ini adalah amat penting untuk mengekalkan sokongan kaum India kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui apakah prestasi atau status pembinaan dan perbekalan peralatan kepada sekolah-sekolah atau bangunan tambahan yang dibina dalam Pakej Rancangan Khas 2012, 2013 dan peruntukan khas Perdana Menteri sebanyak RM20 juta.

#### ■1940

Kementerian perlu menjelaskan status semasa projek pembinaan tersebut dan rancangan untuk menyelesaikan projek yang tertangguh daripada tahun 2012. Antara sekolah-sekolah yang terlibat ialah SJK(T) Ladang Kulai Oil Palm, SJK(T) Rumbia, SJK(T) St. Helia, Bahau, SJK(T) Ladang Pertang, SJK(T) Ladang Jeram, SJK(T) Ladang Blue Valley, SJK(T) Ladang Seafield, SJK(T) Menglembu, SJK(T) Kerajaan Ipoh dan SJK(T) Gunung Rapat, Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia mengenai isu penyeludupan masuk pelbagai barang termasuk dadah ke dalam penjara. Walaupun Menteri Dalam Negeri kerajaan terdahulu telah menafikan perkara ini tetapi inilah realiti. Saya pernah mendengar cerita-cerita daripada bekas banduan tentang suasana dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam penjara. Harap Kementerian Dalam Negeri akan memandang serius dan tidak bersikap mengelak atau terperangkap dalam *denial syndrome* tentang hal ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya suasana *holiday in jail*, dengan izin, dapat dielakkan di bawah pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru kepada Kementerian Kesihatan untuk menyemak dan memantau harga ubat-ubatan yang dijual di hospital-hospital swasta. Saya telah menerima aduan bahawa harga ubat-ubatan yang dijual di farmasi hospital swasta adalah jauh lebih mahal daripada harga sebenar. Adakah ini benar? Apakah mekanisme kawalan yang diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan dalam mengawal harga ubat-ubatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada IPD Batu Gajah kerana berjaya menghapuskan kegiatan mesin

judi haram 100 peratus di kawasan kawalannya. Syabas kepada seluruh warga kerja IPD Batu Gajah dalam memerangi aktiviti jenayah ini. Saya juga difahamkan kadar jenayah Batu Gajah juga semakin berkurangan. Harap usaha-usaha melawan jenayah di teruskan supaya kadar jenayah mencapai paling minima di kawasan Parlimen Batu Gajah.

Sekian terima kasih, saya mohon menyokong Belanjawan 2019.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Sri Aman.

#### **7.42 mlm.**

**Dato' Masir Anak Kujat [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Usul Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November lepas. Walaupun Bajet 2019 agak besar iaitu lebih daripada RM300 bilion tetapi saya merasa kurang puas hati kerana kekurangan tumpuan kepada negeri Sarawak yang hanya menerima RM4.3 bilion berbanding dengan RM4.336 juta ataupun ribu juta yang diluluskan pada 2018. Peningkatan RM10 juta itu amat kecil kerana Sarawak masih memerlukan banyak lagi dana untuk pembangunan secara keseluruhan pertama sekali kawasan pedalaman. Kita masih lagi memerlukan membina jambatan, jalan kampung, bekalan air, elektrik dan sebagainya.

Satu lagi isu yang ketara ialah mengenai pemberian subsidi di kalangan petani dan nelayan di mana peruntukan pemberian subsidi banyak dikurangkan. Semalam Yang Berhormat Port Dickson telah pun bersetuju bahawa subsidi perlu dinilai semula ataupun ditambah untuk diberi kepada petani-petani di seluruh Malaysia. Petani dan nelayan yang berpendapatan rendah hanya bergantung kepada hasil tani dan para nelayan hanya bergantung kepada hasil tangkapan ikan mereka. Apa yang mereka amat mengharapkan kerajaan memberi subsidi seperti disebut oleh rakan yang lain, elaun harian mereka yang turun ke laut dan sebagainya dan juga petani-petani yang terpaksa menoreh getah dan ada juga pada musim tengkujuh mereka tidak boleh menoreh getah. Pada hemat saya memang ini adalah tidak mustahil sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan memberi elaun menggantikan masa mereka yang tidak dapat menoreh getah semasa musim tengkujuh.

Saya pun kalau kita lihat di Sri Aman ramai juga nelayan-nelayan dan petani-petani dan juga para pekebun kecil amat sukar untuk menyara hidup kerana banyak harga komoditi yang turun secara mendadak seperti harga sawit, getah, lada dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu berkaitan royalti minyak bagi negeri yang mengeluarkannya seperti Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu dan sebagainya. Saya menyokong penuh rakan-rakan ahli Dewan Rakyat dari JPS yang sama membahaskan isu ini. Saya faham beberapa siri perbincangan dan cadangan telah pun dikemukakan tetapi tiada kata putus mengenai isu royalti ini dari Kerajaan Pakatan Harapan seperti yang dijanjikan di dalam Manifesto mereka dalam PRU Ke-14.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak telah memutuskan untuk mengenakan cukai jualan 5 peratus kepada semua produk berkaitan petroleum yang dihasilkan dari negeri Sarawak dan ia akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2019. Dengan cara demikian, kita dapat memperoleh hasil yang agak lumayan untuk menampung segala dana pembangunan yang diperlukan negeri Sarawak pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penempatan kaum Bumiputera negeri Sarawak di jabatan Kerajaan Persekutuan ataupun negeri. Saya rasa kalau diselidik dengan betul dan rapi didapati ada ketidakadilan dari segi pengambilan kaum bumiputera, Sarawak sama ada dari kaum Iban, Bidayuh, Orang Ulu sebab kalau mengikut statistik yang ada, saya tidak mahu dedahkan pada setakat ini dan adalah ketidakseimbangan dari segi pengambilan. Bukan itu saja Tuan Yang di-Pertua, dari segi penjawat jawatan tertinggi kerajaan seperti KSU, Ketua Pengarah, Pengarah juga kekurangan di kalangan kaum Bumiputera yang lain selain daripada Melayu.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Sri Aman minta laluan sikit boleh.

**Dato' Masir Anak Kujat [Sri Aman]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Sri Aman adakah Yang Berhormat Sri Aman bersetuju bahawa disebabkan kekurangan peluang dan ruang yang diberi oleh kerajaan terdahulu kepada golongan bumiputera khususnya golongan bumiputera Sabah dan Sarawak menyebabkan bangsa Dayak khususnya bangsa Bidayuh, Iban dan sebagainya tercicir daripada arus pembangunan dan juga diberi ruang untuk menjawat jawatan awam yang tinggi di semua peringkat. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini adalah ketempangan yang dilakukan pada, oleh kerajaan yang lepas dan perlu diperbaiki oleh kerajaan sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Sri Aman.

**Dato' Masir Anak Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Memang tidak dapat dinafikan kalau kita lihat statistik selama 60 tahun memang didapati ketidakseimbangan di kalangan kaum Iban, Bidayuh ataupun Orang Ulu untuk menjawat jawatan tersebut. Tidak pernah pun seorang KSU atau ketua pengarah telah dilantik selama ini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Boleh saya masuk sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Sri Aman kata 60 tahun. Akan tetapi saya hendak pandangan Yang Berhormat Sri Aman, dalam masa sembilan tahun kebelakangan ini tidak boleh dinafikan ada daripada kaum Dayak, Bidayuh sebagai *high commissioner* ataupun *ambassador* dan sekarang pun ada di peringkat timbalan KSU. Sebelum itu tidak ada sekali. Baru-baru ini yang baru bersara minggu lepas, kita ada Lef. Jen. Datuk Steven Mundau seorang Iban. Dia pun layak bukan dia diangkat secara politik, tapi dia memang layak. Akan tetapi tidak boleh dikatakan tidak ada, ada mungkin

kita tidak puas hati, belum cukup mungkin dari segi bilangan mereka yang sepatutnya. Jadi itu lebih baik daripada rekod yang sebelum dalam masa 10 tahun.

Jadi saya kalau katakan saya hendak katakan era Pekan nanti ada di sebelah sana mengadu saya ini hendak mendewa-dewakan Yang Berhormat Pekan, tetapi *fact is fact*, kita tidak boleh nafikan. Sebelum era Pekan jadi, menerajui Kerajaan Persekutuan, tidak ada, Bidayuh pun tidak ada, Iban pun tidak ada di jawatan-jawatan yang tinggi seperti mana telah saya sebut tadi. Sekarang ada ramai juga yang sudah bersara. Jadi Yang Berhormat harus berhati-hati sikitlah dengan statistik ini.

#### ■1950

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Sri Aman teruskan.

**Dato' Masir anak Kujat [Sri Aman]:** Saya masukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya. Memandangkan yang demikian, saya menyeru kepada Jabatan Perdana Menteri melalui SPA ataupun JPA mengkaji dan meneliti perkara ini dengan lebih serius lagi supaya dapat mengubah nasib kaum bumiputera yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke isu berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Pertama, mengenai isu keselamatan sempadan. Kerajaan terdahulu iaitu Kerajaan Barisan Nasional telah pun mencadangkan agar pagar keselamatan dibina di utara Semenanjung dari Perlis hingga ke Kelantan. Apakah status terkini cadangan tersebut?

Perkara ini amat penting kerana sempadan yang polos akan mengundang jenayah, penyeludupan pelbagai barang larangan yang haram seperti senjata api, dadah dan sebagainya. Di Sarawak juga perkara yang sama boleh berlaku di mana-mana lokasi di sepanjang lebih 1,000 kilometer sempadan Sarawak dengan Kalimantan.

Maka dengan ini, saya menyeru Kementerian Dalam Negeri memberi fokus kepada isu keselamatan dengan mengawasi sempadan kita terutamanya kawasan strategik seperti ICQ, pintu masuk dan juga jalan-jalan tikus yang sering digunakan oleh PATI ataupun pendatang haram tanpa izin.

Saya juga ingin bertanya kepada KDN mengenai Agensi Keselamatan Sempadan (AKSEM). Bilakah AKSEM akan diperluaskan ke negeri Sarawak? Apabila diperluaskan nanti, ia dapat membantu mengawasi kawasan-kawasan yang saya katakan tadi yang strategik dengan menempatkan anggota Pasukan Gerakan Am seperti di Batu Lintang dan juga di Pekan Lachau, Sri Aman.

Kedua, saya ingin menyentuh isu mengenai Jabatan Pendaftaran. Semasa saya menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, masa itu kita sering mengadakan program khas Turun Padang JPN untuk membantu rakyat dalam pendaftaran lewat sijil kelahiran bagi penduduk-penduduk yang kurang bernasib baik atau miskin di luar bandar ataupun pedalaman. Saya juga ingin bertanya kepada JPN ataupun KDN, sama ada akan meneruskan program ini pada masa akan datang? Ini kerana Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Teknikal bolehlah membantu

JPN dalam hal ini. Program ini boleh membantu kanak-kanak yang ada masalah dokumentasi boleh mendapat sijil kelahiran bila diluluskan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara-perkara yang di Parlimen Sri Aman. Pertama, saya ingin bertanya kepada KKLW tentang status projek Jalan Balau-Banting yang telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu dengan siling peruntukan sebanyak RM56 juta. Penduduk di kawasan terlibat bertanya dan membangkitkan perkara ini. Saya ingin memohon KKLW menyatakan dan menjelaskan sama ada Jalan Balau-Banting ini diteruskan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan atau sebaliknya?

Mengenai isu kesihatan, saya ingin bertanya kepada kementerian tentang status pelaksanaan Hospital Sri Aman yang telah lewat jadual kebelakangan ini. Bilakah tarikh sebenar siapnya projek ini? Ini kerana rakyat di Sri Aman amat menunggu-nunggu siapnya projek tersebut nanti kerana kemudahan-kemudahan seperti pakar-pakar yang akan ditempatkan di hospital itu nanti.

Satu lagi mengenai kesihatan ialah Klinik Kesihatan Abok Pantu yang telah diluluskan dalam RMKe-11. Bilakah ia akan mula dibina walaupun ia telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ialah mengenai projek jelapang padi yang tadi Yang Berhormat Batang Sadong juga ada sebut hal ini kerana ia melibatkan kawasan saya juga di kawasan Tanjung Bijat, Setumbin. Apakah perkembangan pelaksanaan projek setakat ini selepas beberapa tahun ia bermula? Saya mohon penjelasan Kementerian Pertanian berhubung dengan kos yang telah dibelanjakan sehingga ke hari ini dan juga peratusan siap projek tersebut. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Saya ingin menjemput seterusnya Yang Berhormat Petaling Jaya.

#### **7.54 mlm.**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Belanjawan 2019 telah melafazkan sekali lagi iltizam kerajaan yang membawa perubahan dari segi reformasi institusi dan juga kesejahteraan rakyat.

Perbahasan saya adalah menyentuh lima perkara. Pertama ialah isu hala tuju ekonomi dan polisi percukaian.

Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan ekonomi di Asia Timur pada tahun 2019 akan turun kepada 6.1 peratus berbanding dengan pertumbuhan 6.3 peratus pada tahun 2018. Oleh itu, unjuran untuk tahun 2019 bagi Malaysia turut semakin muram di mana pertumbuhan dijangkakan akan berkurang ke 5.1 peratus berbanding kepada 5.4 peratus pada tahun 2018. Mengikut laporan *Khazanah Research Institute – The State of Households 2018*, dengan izin, didapati bahawa jurang purata pendapatan sebenar antara isi rumah T20 dan juga M40 serta B40 telah meningkat dua kali ganda berbanding dengan dua dekad lalu.



Ketidaksamarataan ekonomi semakin teruk. Dalam ucapan *Mid Term Review*, saya telah mencadangkan untuk mengkaji semula polisi percukaian negara supaya jaringan keselamatan sosial atau *social safety net*, dengan izin, dapat dikembangkan dan kekayaan negara dapat dikongsi dengan cara yang lebih saksama. Kita perlu sistem cukai yang lebih progresif.

Oleh itu, saya menyokong cadangan yang dikemukakan dalam Belanjawan 2019 untuk menaikkan cukai. Namun, itu tidak mencukupi lagi. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan pengenalan cukai-cukai seperti cukai keuntungan saham, *inheritance tax* dan juga cukai karbon. Cukai-cukai ini turut telah dicadangkan oleh Joseph Stiglitz, bekas Ketua Pakar Ekonomi Bank Dunia dan dikatakan akan diperkenalkan melalui Belanjawan 2019 ini.

Mengapakah cukai-cukai ini tidak diperkenalkan? Adakah kerajaan merancang untuk memperkenalkannya pada tahun-tahun hadapan? Selain itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan mempertimbangkan peningkatan cukai dalam golongan berpendapatan tertinggi selain daripada pecahan cukai pendapatan sedia ada.

Situasi geopolitik dunia yang kurang stabil bermaksud kita tidak boleh bergantung terlalu banyak kepada hasil petroleum. Dividen khas RM30 bilion yang kita perlukan untuk tahun 2019 untuk membayar cukai input GST tidak wajar diulang setiap tahun. Oleh itu, kita memerlukan sistem cukai yang lebih progresif supaya dasar ekonomi dan polisi percukaian jangka masa panjang adalah lebih *sustainable*.

Isu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya menghargai pengenalan *real estate investment trust (REIT)* lapangan terbang, saya mempunyai beberapa soalan. Adakah REIT ini hanya satu bentuk penswastan tidak langsung atau *indirect privatization*, dengan izin? Saya kurang jelas mengapa REIT adalah *investment vehicle* yang paling baik untuk menghasilkan kapital baharu. Mengapa tidak terus jual secara langsung kepada pihak lain? Bahawa sistem ini, dalam jangka masa pendek, mungkin kerajaan akan mendapat pelaburan baik. Namun, aset tersebut terikat dengan obligasi-obligasi tertentu. Hal ini bermakna tanah-tanah tersebut akhirnya mungkin tidak digunakan untuk pembangunan lapangan terbang namun dividen masih perlu dibayar kepada pelabur.

Secara amnya, lapangan terbang di seluruh dunia tidak menghasilkan keuntungan dan membangunkan lapangan terbang yang kecil kepada lapangan terbang yang lebih besar hanya boleh dimanfaatkan di lokasi tertentu sahaja seperti Pulau Pinang dan Subang.

#### ■2000

Saya meminta Kementerian Pengangkutan untuk mengkaji semula *rate* ini dan menghasilkan kerangka yang jelas bagi memperincikan bagaimana *rate* ini akan menjana hasil yang mampan untuk kerajaan.

Isu yang ketiga ialah perumahan golongan miskin bandar. Sejajar dengan matlamat kesejahteraan rakyat yang inklusif kerajaan harus melihat kepada kesengsaraan golongan miskin bandar. Di kawasan saya selain daripada PPR terdapat pelbagai *flat* kos rendah swasta yang kini

semakin tidak terurus kerana penduduk-penduduk tidak mampu untuk membayar *maintenance fees* dan lain-lain.

Tambahan pula penduduk-penduduk kebiasaannya mempunyai dua atau tiga pekerjaan menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk menjalankan tugas sebagai ahli JMB atau Persatuan Penduduk. Berkenaan dengan isu ini saya ingin membawa perhatian Dewan kepada peruntukkan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejumlah RM4.8 bilion telah diperuntukkan. Saya ingin mendapatkan maklum balas daripada Kementerian KPKT, adakah sebahagian daripada peruntukkan ini akan digunakan untuk mengambil alih pengurusan *flat* kos rendah supaya kebajikan penduduk dapat di jaga. Saya berharap bahawa dalam Belanjawan 2019 ini satu agenda perubahan perumahan bandar akan diberikan keutamaan oleh KPKT.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin membangkitkan kekhuatiran ramai pihak berkenaan dengan skim *crowdfunding* perumahan iaitu *Fund My Home*, dengan izin. Di bawah skim ini pembeli harus membayar 20 peratus untuk rumah berharga di bawah RM500 ribu dan setelah lima tahun sama ada rumah tersebut dijual atau pembeli itu sendiri perlu membayar lebih 80 peratus tersebut kepada pelabur. Khazanah pun menyoal konsep ini dan harap dipertimbangkan oleh kerajaan.

Soalan saya juga kepada Menteri Kewangan, sekiranya pembeli mampu membayar 20 peratus, mengapa pula mereka tidak mampu mendapat pinjaman bank melalui cara biasa? Seolah-olah skim ini hanya bertujuan untuk mengurangkan *overhang* iaitu jumlah rumah yang tidak dijual dan hanya menguntungkan pemaju-pemaju. Saranan saya kepada Kementerian Kewangan ialah supaya kerajaan memberi tumpuan untuk membina rumah mampu milik dan melakukan semula kaji selidik tentang cara-cara yang sesuai. Laporan *Making Housing Affordable* oleh *Khazanah Research Institute* yang diterbitkan pada tahun 2015 adalah titik permulaan yang bagus.

Isu yang keempat ialah sektor kesihatan awam. Saya turut meneliti cadangan Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan perlindungan insurans percuma sehingga RM8 ribu kepada isi rumah B40 untuk mendapatkan rawatan di hospital, klinik swasta dan mendapati beberapa masalah. Masalah pertama ialah kebiasaannya kos rawatan di klinik atau hospital swasta bagi penyakit kritikal itu melebihi daripada RM8 ribu. Semestinya setelah mendapat rawatan awal, pesakit-pesakit daripada golongan B40 tidak mampu untuk membayar rawatan susulan. Adakah Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk mengendalikan masalah *mismatch* ini?

Saya turut ingin membawa perhatian Dewan kepada peruntukkan tahun 2019 Kementerian Kesihatan iaitu RM28 bilion lebih meskipun peruntukkan ini adalah satu peningkatan berbanding tahun ini. Namun, ianya jauh daripada peratusan yang disarankan oleh *World Health Organization* iaitu supaya perbelanjaan kesihatan sesuatu negara harus ditetapkan di tujuh peratus GDP iaitu antara RM40 bilion sampai ke RM50 bilion. Ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Misalnya UK membelanjakan 9.8 peratus daripada GDP untuk perbelanjaan berkaitan

dengan kesihatan. Serupa dengan negara-negara maju lain. Sehubungan ini sudah tiba masa bagi kerajaan untuk menasaskan perbelanjaan kesihatan supaya ditingkatkan ke 7 peratus GDP. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Kementerian Kesihatan berkenaan dengan hal ini.

Isu yang keempat ialah *cash transfers*, akhir sekali saya ingin membangkitkan isu *cash transfers* untuk menyalurkan subsidi petrol dan pembayaran elaun sara hidup nelayan. Bolehkah bantuan subsidi petrol kepada kumpulan B40 disalurkan melalui saluran pembayaran BHS sedia ada? Hal ini boleh menjimatkan kos penyelenggaraan sistem dan hanya melibatkan elektronik *funds transfer* antara pihak kerajaan dan penerima. Kedua saya mohon penjelasan daripada Menteri Kewangan tentang kos yang akan ditanggung oleh kerajaan sekiranya bantuan ini dilaksanakan melalui kad pintar.

Saya hendak tanya Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, turut menyatakan bantuan elaun sara hidup nelayan akan dibayar melalui sistem kad pintar. Saya ingin memohon supaya sistem bantuan kewangan secara langsung dikekalkan.

Akhir sekali, sekarang Syarikat Lynas adalah satu juta tan *radioactive waste* di Kuantan dan Syarikat Lynas membuat kajian dalam *Condisoil* sesuatu jenis baja tetapi adakah kemungkinan *radionuclide* boleh *migrate* ke dalam ekosistem dan *food chain* kita?

Adakah Menteri akan meneruskan dengan kitar semula *radio waste* ini? Kalau tidak, apakah tindakan atau pelan-pelan atau rancangan yang akan di ambil oleh kementerian? Sekian, saya mewakili rakyat Petaling Jaya memohon menyokong Belanjawan 2019. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya, sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanah Merah.

#### 8.08 mlm.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh yang singkat ini sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat yang mewakili kawasan luar bandar saya akan memperkatakan dan membahaskan perkara berkaitan masyarakat luar bandar yang saya berpendapat kurang diberi perhatian dalam pembentangan Belanjawan 2019.

Isu pertama yang ingin saya bahaskan berhubung taraf pendidikan di kawasan luar bandar yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan. Kita perlu faham, rata-rata penduduk luar bandar terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Bagaimanapun soal pendidikan sentiasa menjadi keutamaan mereka dalam memastikan anak-anak mereka berjaya dalam hidup.

Justeru itulah saya menggesa kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf pendidikan di sekolah-sekolah luar bandar. Kawasan luar bandar bukanlah seperti di bandar yang pelajar-pelajar boleh mendapat pembelajaran di pusat-pusat tuisyen. Penduduk luar bandar

mengharapkan 100 peratus kepada kerajaan bagi meningkatkan mutu pembelajaran di sekolah-sekolah.

Tumpuan perlu diberikan kepada kekurangan guru bagi mata pelajaran-mata pelajaran utama seperti bahasa Inggeris. Di Kelantan jika mengikut kenyataan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) terdapat 500 kekurangan guru bahasa Inggeris dan saya yakin di negeri-negeri lain juga khususnya di kawasan luar bandar berhadapan dengan masalah ini. Keadaan ini jika di biarkan sudah tentulah akan memberi masalah kepada pelajar-pelajar di kawasan luar bandar untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

#### ■2010

Oleh itu, saya ingin menggesa kepada kerajaan bagi mencari satu mekanisme bagi mengatasi masalah ini. Fakta, pelajar Tanah Merah contohnya di tempat saya tidaklah sehandal pelajar Kota Tinggi, pelajar Damansara terutama juga kawasan luar bandar yang penguasaan bahasa mereka jauh lebih baik daripada kawasan luar bandar.

Masalah guru bahasa Inggeris perlu diatasi segera supaya ia tidak membantutkan usaha kita melahirkan golongan pelajar dari semua peringkat yang berupaya menguasai bahasa tersebut. Selain itu, tumpuan juga bukan sahaja perlu diberikan kepada mata pelajaran bahasa Inggeris tetapi juga subjek-subjek penting yang lain termasuk Sains dan Matematik.

Tuan Yang di-Pertua, selain masalah berkaitan dengan mata pelajaran saya juga ingin menggesa dan mencadangkan kepada kerajaan untuk memperluaskan lagi pengambilan pelajar-pelajar kawasan luar bandar untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga termasuklah MRSM.

Menyentuh soal ini, saya ingin mencadangkan supaya syarat kemasukan ke sekolah berasrama penuh melibatkan pelajar-pelajar anak golongan berpendapatan rendah khususnya di luar bandar perlu dilonggarkan. Kelonggaran yang diberikan bukanlah bertujuan untuk menurunkan kualiti pelajar-pelajar dari segi pencapaian akademik tetapi dilonggarkan sedikit. Contohnya cukuplah sekadar mendapat tiga A dalam mata pelajaran utama seperti Bahasa Melayu, Sains, Matematik ataupun Bahasa Inggeris.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji semula syarat pemilihan pelajar-pelajar ke sekolah berasrama penuh yang sebelum ini ditegaskan oleh Kementerian Pendidikan bukan menitikberatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan semata-mata. Sebaliknya, keputusan menyeluruh dari latar belakang seperti jasmani turut diambil kira seperti pengetahuan am, kecergasan emosi (EQ), kecerdasan intelektual (IQ), aspek kerohanian serta kemahiran sosial.

Walaupun saya bersetuju dengan syarat ini tetapi menimbangkan situasi sosial dan ekonomi serta latar belakang berbeza antara pelajar di bandar dan luar bandar, saya berpendapat kelonggaran ataupun pengecualian perlu diberikan kepada pelajar dalam aspek tersebut. Ia bagi memastikan pelajar-pelajar luar bandar turut berpeluang untuk mendapat pendidikan sempurna di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan mutu pelajaran anak di kawasan luar bandar saya juga ingin merayu kepada pihak kerajaan untuk meneruskan pembinaan-pembinaan sekolah berasrama penuh yang sebelum ini diluluskan pembinaan oleh kerajaan termasuklah di kawasan saya telah diluluskan untuk pembinaan sekolah berasrama penuh integrasi. Saya mohon ia dapat diteruskan.

Saya menyatakan perkara ini bukanlah demi kepentingan saya atau mana-mana Ahli Parlimen yang terlibat tetapi bagi memastikan pelajar-pelajar di luar bandar turut disediakan infrastruktur yang mencukupi bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah asrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pembangunan infrastruktur pula, saya ingin memohon penjelasan kerajaan berhubung peruntukan kepada sekolah-sekolah yang diumumkan dalam belanjawan baru-baru ini. Saya membangkitkan isu ini kerana sudah heboh dalam kalangan rakyat peruntukan yang dilihat adil dan sama rata itu sebenarnya tidak adil dan tidak sama rata.

Saya bukanlah berhasrat untuk membuat tuduhan sebaliknya hanya mahu penjelasan. Apakah rasional dan kriteria yang digunakan dalam memutuskan peruntukan tersebut. Sebagai contoh dan menjadi polemik di kalangan rakyat iaitu sekolah tahfiz yang berjumlah 618 buah mendapat peruntukan RM50 juta. Manakala sekolah Cina persendirian yang berjumlah 60 buah mendapat RM12 juta. Dari segi angka, peruntukan memang nampak peruntukan untuk sekolah tahfiz lebih besar. Akan tetapi kalau dihitung dari segi purata sebuah sekolah tahfiz hanya mendapat RM80,000 sebuah berbanding RM200,000 bagi setiap sekolah persendirian Cina.

Begitu juga peruntukan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan yang berjumlah 9,000 buah yang mendapat peruntukan RM250 juta. Puratanya setiap sekolah hanya mendapat RM27,778 berbanding Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang berjumlah 1,208 buah dan mendapat peruntukan RM50 juta. Jadi bermakna setiap Sekolah Jenis Kebangsaan Cina puratanya mendapat RM38,521 setiap sekolah berbanding sekolah kebangsaan ataupun sekolah menengah kebangsaan hanya mendapat RM27,778.

Fakta yang sama juga timbul apabila kita melihat peruntukan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berjumlah 532 buah mendapat peruntukan RM50 juta. Nampak banyak tetapi kalau dibandingkan dengan sekolah menengah persendirian Cina yang diberi peruntukan RM12 juta dengan 60 buah sekolah bermakna setiap Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil hanya mendapat RM93,985 berbanding RM200,000 bagi setiap sekolah menengah persendirian Cina.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini bukan hanya sekadar untuk mendapatkan penjelasan rasional di sebalik pembahagian peruntukan tersebut. Bagi mengelakkan ia mencetuskan pandangan negatif kepada kerajaan. Saya menghargai peruntukan-peruntukan itu yang sudah tentulah diberikan bagi meningkatkan taraf pendidikan dan infrastruktur di sekolah-sekolah berkenaan. Akan tetapi ada keraguan dan persoalan yang perlu dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat majmuk yang bersatu padu dan aman damai, perpaduan kaum dalam kalangan rakyat amat penting. Perpaduan ini harus dipupuk di peringkat sekolah lagi.

Selaras dengan itu, saya ingin menggesa kerajaan untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah menengah kebangsaan dengan menggalakkan lebih ramai rakyat menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah tersebut. Ingin ditegaskan, saya sama sekali tidak bermaksud mahu sekolah vernakular ditutup atau dipinggirkan tetapi apa yang saya ingin tegaskan ialah kerajaan perlu melipatgandakan usaha menggalakkan sekolah-sekolah kebangsaan mendapat sambutan rakyat.

Hanya di sekolah sahaja medan terbaik untuk kita membentuk perpaduan dan saling mengenali antara satu sama lain. Matlamat ini tidak akan tercapai jika sekolah-sekolah kebangsaan majoritinya dipenuhi oleh kaum-kaum tertentu sahaja seperti yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam musim tengkujuh yang meresahkan penoreh getah dan nelayan. Pada masa yang sama, kejatuhan harga komoditi pula semakin meresahkan golongan peneroka dan pekebun kecil. Oleh itu, saya ingin menggesa kepada kerajaan supaya melakukan satu tindakan untuk membela nasib golongan tersebut yang semakin terhimpit dengan masalah pendapatan yang semakin berkurangan.

Walaupun saya memahami, kerajaan sudah memutuskan tidak ada inisiatif khas untuk golongan tersebut tetapi saya merayulah kepada kerajaan mempertimbangkan semula pendirian tersebut. Janganlah memperkecilkan maruah golongan itu yang majoritinya orang Melayu dengan alasannya jika insentif diberikan kepada mereka kerana malas bekerja. Tak kanlah diberi ...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulung]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh tak saya mencelah?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Boleh. Sekejap ya Yang Berhormat Parit Sulong. Okeylah silakan. *One minute.*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulung]:** Bukan parit, Parit Sulong. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan apa Yang Berhormat bawakan mengenai penoreh getah, peneroka. Akan tetapi saya juga ingin tanya pendapat Yang Berhormat mengenai mereka yang mengusahakan secara kecil-kecilan kelapa sawit terutamanya di banyak kawasan di Malaysia.

Mereka juga terlibat ataupun terbabit dengan masalah yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Jadi setuju atau tidak dengan Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi apabila menyatakan insentif ini patut dibawa semula. Akan tetapi dari segi harga lantai juga. Apabila harga merudum, saya bagi contoh dekat kawasan saya. Majoriti daripada penduduk adalah yang mengusahakan kelapa sawit. Akan tetapi baru-baru ini dengan banjir sekali. Jadinya setuju atau tidak mengenai harga lantai yang banyak kali kita cadangkan di dalam Dewan ini mengenai harga-harga komoditi ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya setuju dan sependapat dengan Yang Berhormat Parit Sulong. Oleh sebab itulah pihak kerajaan perlu membantu. Kalau tidak ada kerajaan bantu, siapa lagi hendak bantu. Tak kanlah jika diberi insentif atau elaun bulanan RM200 sebulan boleh rehat sepanjang bulan. Insentif itu hanya tambahan bagi pendapatan yang diperoleh setiap hari.

Janganlah memberi gambaran seolah-olah orang Melayu hanya tahu minta bantuan dan tidak pandai berusaha. Kalau kerajaan hari ini memberi seribu satu alasan untuk tidak membantu mereka, kepada siapa lagilah mereka mahu bergantung. Kalaulah betul seperti mana Yang Berhormat Menteri Kewangan bawa, golongan itu akan dibantu seperti mana dinyatakan dalam Dewan ini pada hari Selasa lalu, iaitu dia kata dia akan insya-Allah saya pastikanlah janji itu dilaksanakan.

Janganlah janji tersebut seperti janji dalam manifesto. Akhirnya apa pun tidak ada. Sesungguhnya nasib penoreh getah, nelayan, pekebun kecil dan peneroka FELDA harus dibela. Janganlah mereka dilayan bagaikan habis madu, sepah dibuang. Ini memandangkan ketika pilihan raya umum lalu, golongan inilah yang menjadi sasaran utama Pemimpin Pakatan Harapan untuk meraih undi kerana memahami mereka adalah penyokong setia Barisan Nasional.

Akan tetapi disebabkan janji-janji manis yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan, mereka terpedaya. Akan tetapi mereka akhirnya berada dalam kedudukan bagaikan yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran. Namun, semua itu sudah menjadi sejarah.

#### ■2020

Kita menghormati keputusan dibuat tetapi apa yang saya minta dan merayu kepada kerajaan, belalah nasib mereka. Kerajaan perlu memikirkan strategi terbaik bagi mengurangkan bebanan golongan tersebut yang kini benar-benar terhimpit berikutan musim tengkujuh dan kejatuhan harga komoditi. Ia termasuklah mempertimbangkan ya, Yang Berhormat Parit Sulong, termasuklah mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan khas kepada mereka bagi membolehkan mereka mendapat pendapatan tambahan sehingga keadaan kembali pulih.

Kalaulah dalam isu tertentu kerajaan begitu cepat bertindak, kenapakah dalam soal kebajikan penoreh, pekebun kecil dan peneroka ini, kerajaan lambat untuk berbuat demikian? Kasihanilah golongan ini kerana ketika kita sedang berbahas di Dewan ini, di luar sana, di seluruh negara ribuan penoreh getah, pekebun kecil dan peneroka sedang merenung untung nasib mereka. Tuan Yang di-Pertua, mereka menanti-nantikan apakah tindakan segera kerajaan bagi mengurangkan penderitaan mereka selepas sebahagian besar daripada mereka terpedaya dengan janji manis Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat-amat bersimpati dengan anak-anak muda khususnya peminjam PTPTN yang jelas-jelas terpedaya dan tertipu dengan janji-janji kosong Pakatan Harapan untuk menghapuskan hutang mereka jika Pakatan Harapan tersebut menjadi kerajaan. Oleh itu saya berpendapat sekadar memohon maaf sahaja tidak mencukupi. Sebagai Pakatan yang sering menguar-uarkan sebagai pembela rakyat, saya mendesak kerajaan menunaikan apa yang sudah dijanjikan. Tidak boleh minta maaf mudah-mudah begitu sahaja.

Saya bukannya menggalakkan mereka tidak membayar hutang tetapi carilah mekanisme yang lebih baik supaya mereka tidak terbeban. Meletakkan syarat pendapatan RM1,000 perlu membayar kembali pinjaman antara dua hingga 15 peratus, saya fikir tidak wajar sama sekali. Selain itu saya juga ingin bertanya dan memohon penjelasan. Bagaimana dengan pelajar-pelajar yang mencatatkan kejayaan cemerlang seperti memperoleh CGPA 3.5 hingga 4.0. Adakah mereka juga terpaksa membayar sedangkan sebelum ini pengecualian diberikan kepada mereka. Apakah ia hanya untuk golongan B40 sahaja? Meneliti keluhan-keluhan anak-anak muda dan pelajar cemerlang dalam laman sosial Twitter dan Facebook, saya dapati keluhan mereka perlu kita beri perhatian. Saya bersetuju dengan pandangan hutang perlu dibayar tetapi saya juga tertanya kenapakah Pakatan Harapan membuat janji untuk memansuhkan PTPTN dalam pilihan raya umum lalu. Apakah tiada kajian dibuat atau ia sengaja dibuat semata-mata untuk meraih undi?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbincangan ini. Saya minta tambah sikit sahaja. Menggulung perbincangan ini dengan menggesa keseluruhan pimpinan kerajaan untuk menunaikan janji kepada rakyat seperti mana yang dibuat dalam kempen pilihan raya yang lalu. Di manakah moral politik sebuah pakatan yang kononnya mendabik dada berjuang untuk rakyat? Apabila akhirnya segala janji sudah disahkan, hanya sekadar penipuan dan pembohongan bagi meraih undi semata-mata.

Oleh itu, lihatlah rakyat dari sudut kemanusiaan dengan membela mereka secara bersungguh-sungguh...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan sikit.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ya, okey. Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah nak habis. Sudah nak habis. Masa sudah habis.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey. Selepas ini boleh? Bagi saya habis selepas itu saya bagi tetapi bergantung kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang sudah habis, kira sudah habislah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. *Last page.* Oleh itu – maaf ya Yang Berhormat Tumpat. Oleh itu lihatlah rakyat dari sudut kemanusiaan dengan membela mereka secara bersungguh-sungguh dan bukannya memberi seribu satu alasan apabila sudah mendapat kuasa. Oleh itu, saya juga menggesa kepimpinan kerajaan memfokuskan kepada usaha meningkatkan taraf hidup rakyat dan memakmurkan negara. Berhentilah dari terus menyalahkan kerajaan terdahulu apabila tidak mampu menunaikan janji. Janganlah memberi alasan dangkal dengan menuding jari kepada Barisan Nasional. Laksanakanlah amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya. Rakyat sudah memberi mandat kepada Pakatan Harapan, bukan untuk terus berpolitik tetapi untuk melaksanakan agenda yang lebih baik demi kesejahteraan mereka.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*



Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya sudah pun berlalu. Sekarang masa untuk bekerja. Cukup-cukuplah salah kerajaan terdahulu. Jangan nanti rakyat menjadi mangsa.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Minta laluan dengan Tuan Yang di-Pertua yang baru masuk.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, boleh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tumpat nak mencelah. Bolehkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi dengan ringkas. Masa pun sudah habis ya .

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Daripada ucapan daripada Yang Berhormat Tanah Merah tadi tentang janji dalam manifesto pilihan raya yang dilihat rata-ratanya tidak dapat dilaksanakan. Kita dengar macam-macam alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat daripada pihak kerajaan, yang menyalahkan kerajaan terdahulu dengan menyatakan oleh kerana kita ada masalah kewangan dan sebagainya menyebabkan janji-janji yang dibuat itu tidak dapat dilaksanakan kepada rakyat.

Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa manifesto yang dibuat dalam pilihan raya baru-baru ini oleh pihak Pakatan Harapan dibuat tanpa sebarang kajian? Ini kerana sepatutnya mereka sudah memahami keadaan kewangan negara dan sebagainya. Jadi dibuat tanpa sebarang kajian cuma sekadar untuk membeli undi pada pilihan raya yang lepas sahaja. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Saya setuju 200 peratuslah dengan Yang Berhormat Tumpat ini. Ya, betul. Kita apabila buat janji, kita berkempen. Kita semua orang politik. Kita berkempen. Kita kata bagilah kami menang. Bagi saya menang. Saya akan buat ini, buat itu, itu segala-galalah. Bumi segala janji. Bulan dan bintang pun mungkin ada antara kita yang berjanji. Oleh sebab itu saya kata di manakah moral politik? Apabila sudah berjaya, kita kata duit tidak ada. Maaf, duit tidak ada dan sebagainya. Tidak boleh. Jadi saya mohon mendesak. Tidak apa. Saya boleh kira. Sekarang ini baru tahun pertama tetapi janji tetap perlu dilaksanakan. Tidak boleh sekadar seperti PTPTN. Saya mohon maaf. Mudah macam itu. Kuasa sudah dapat. Kalau begitu serah balikkah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya minta maaf, saya tidak dapat menyokong belanjawan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Klang untuk meneruskan perbincangan.

#### 8.26 mlm.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah membentangkan bajet pertama sebagai kerajaan yang baharu.

Isu pertama yang saya nak bahas pada malam ini adalah berkait dengan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional. Menteri Kewangan telah mengumumkan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 dengan jumlah permulaan RM2 bilion yang akan di sumbang oleh Great Eastern Life Insurance. Dana tersebut memanglah satu usaha yang baik untuk membantu golongan B40. Akan tetapi saya mempunyai beberapa persoalan yang hendak diketengahkan dan meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan termasuk juga dengan Menteri Kesihatan.

Soal pertama ialah saya minta penjelasan kementerian bahawa apakah syarat-syarat atau terma-terma perjanjian di antara kerajaan dengan Great Eastern Life Insurance? Itu pertama.

Kedua, daripada jumlah RM2 bilion yang diperuntukkan, berapa peratus wang akan diperuntukkan kepada hospital kerajaan dan berapa peratus akan diberikan kepada ataupun diperuntukkan kepada hospital swasta untuk melaksanakan program ini?.

Soalan ketiga, adakah ini bermakna bahawa pelaksanaan serta inisiatif kerajaan kini akan dibiayai oleh sektor swasta?

Keempat, adakah mana-mana klinik swasta yang akan menerima peruntukan dana ini mempunyai apa-apa perhubungan dengan Great Eastern Life Insurance.

Akhir sekali soalan yang kelima ialah berkait dengan kerajaan juga perlu memastikan inisiatif-inisiatif ini adalah *sustainable* dalam jangka masa yang panjang dan bukan sahaja untuk masa yang singkat. Oleh itu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa dana ini mampan dan boleh dilaksanakan dalam masa yang panjang.

Isu berkait dengan kesihatan adalah isu apa yang dipanggil biosimilar. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah dijemput melawat satu kilang pembuatan ubat-ubatan biosimilar di Nilai yang disokong oleh Kementerian Kewangan. Nama syarikat tersebut ialah Inno Bio Ventures Sdn. Bhd dan idea untuk membina kilang membuat ubat biosimilar merupakan idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Langkawi 15 tahun yang lalu. Kilang tersebut mempunyai fasiliti dan makmal untuk pembuatan bio perubatan yang canggih, *in fact world class labs*. Walaupun mereka adalah GLC kerajaan tetapi ubat biosimilar yang mereka keluarkan tidak diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. *This is shocking*, di mana Kerajaan Pusat menyokong perubatan biosimilar tetapi ubat yang dikeluarkan oleh satu pihak kerajaan tidak digunakan oleh Kementerian Kesihatan.

▪ **2030**

Ini saya tidak faham macam mana tidak ada koordinasi di antara kedua-dua agensi kerajaan ini. Saya cadang supaya Kementerian Kesihatan Malaysia mempertimbangkan untuk membeli ubat generik ini atau *biosimilar* untuk diguna pakai di hospital dan klinik tempatan dan ini akan memberi dorongan kepada *bioventures* untuk eksport *biosimilar* ke negara-negara lain di rantau ini dan juga memperoleh *biosimilar* yang lain *more generic medicine* yang boleh digunakan di Malaysia dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Bioteknologi Kebangsaan digubalkan pada tahun 2005 untuk membangun tiga sektor ekonomi iaitu pertanian, kesihatan dan juga industri pembuatan. Dasar tersebut dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa pertama ialah membangun kapasiti iaitu daripada 2005 hingga 2010, fasa kedua dari sains ke perniagaan 2011 hingga 2015 dan pada masa sekarang fasa ketiga iaitu membangun untuk perniagaan di negara dan juga di rantau ASEAN.

Soalan saya ialah adakah kerajaan sudi untuk mempertimbangkan untuk mengintegrasikan perkembangan dan juga pembangunan teknologi *biologic* atau *biosimilar* sebagai sebahagian daripada Dasar Bioteknologi Kebangsaan. Dalam konteks ini saya bercadang supaya kerajaan membentuk satu dasar khas untuk menggubal bangunan industri bio perubatan iaitu Dasar Bioperubatan Nasional ataupun National Bio Medicine Policy.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan National Bio Medicine Policy ini kerajaan harus memberi pelbagai bantuan dan juga insentif untuk menggalakkan SME's dan juga GLC menceburi industri perubatan khususnya dalam menghasilkan ubat generik dan juga *biosimilar*. Saya berharap bahawa kerajaan akan kaji semula sebarang perjanjian perdagangan bebas FDA yang mungkin mengetatkan harta intelek atau *intellectual property rights* dan ini akan memberi ruang yang cukup untuk membangunkan industri tempatan iaitu industri generik dan juga industri *biosimilar*.

Selain itu saya juga mencadangkan seperti yang dikatakan pagi tadi dalam soal jawab dengan Menteri supaya kerajaan kaji semula Dasar Harga Ubat Negara, National Drug Pricing Policy untuk mengawal harga-harga ubat di Malaysia. Hal ini adalah kerana harga ubat terlalu tinggi dan tidak terdapat penyelewengan antara penjual ubat dan juga pembeli ubat ataupun pengguna.

Satu kajian Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012 membandingkan harga runcit ubat di bahagian utara Semenanjung Malaysia khususnya di Pulau Pinang dan juga di Australia dan kajian ini menunjukkan bahawa harga runcit ubat di Malaysia adalah 30 peratus hingga 148 peratus lebih tinggi daripada Australia untuk ubat yang sama, *the 10th largest use medicine that was used*. So, hal ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan untuk menyeragamkan untuk *regulate* harga ubat secara berpatutan atau *affordable* di seluruh negara, ini adalah penting.

Saya juga minta kerajaan untuk memberi *update* atau memberi perkembangan semasa kini mengenai dasar kerajaan untuk membeli ubat secara *bulk* ataupun pukal. Saya diberitahu bahawa beberapa mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pertahanan supaya membeli ubat daripada beberapa pembuat supaya menurunkan harga ubat demi kepentingan negara. Saya minta supaya kerajaan memberi *update* mengenai isu ini.

Isu yang berkait yang saya hendak bincang ialah berkait dengan undang-undang alam sekitar, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya fikir bahawa kerajaan mesti mengatakan bahawa pihak berkuasa sekarang ada dasar baru akan menubuhkan pasukan penguatkuasaan untuk memastikan projek awam dan juga swasta mematuhi apa yang dipanggil *environmental impact*

*assessment* ataupun penilaian impak alam sekitar dan penilaian impak sosial ataupun *social impact assessment*.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa ini merupakan satu langkah yang wajar serta menuju ke arah penggunaan mampan ataupun *sustainable development* dan juga konsisten dengan *sustainable development goals* yang diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan *human rights impact assessment* untuk mengkaji kesan-kesan pembangunan dari semua aspek termasuk ekonomi, budaya dan juga sosial.

Salah satu sebab utama cadangan ini adalah penting kerana hak asasi masyarakat atau komuniti Orang Asli mahupun asal sentiasa dilanggar di *exploited* apabila projek pembangunan besar diluluskan seperti di projek pembinaan Empangan Bakun dan juga di Murun. Saya percaya bahawa ketiga-tiga penilaian iaitu *environmental impact assessment*, *social impact assessment*, *human rights impact assessment* dapat memastikan supaya hak asasi rakyat Malaysia dapat dibela dan dipertahankan oleh Kerajaan Malaysia khususnya Kerajaan Pakatan Harapan.

Isu berikut adalah berkaitan dengan plastik, penggunaan plastik sekali guna. Saya juga ingin menyeru kerajaan untuk mempertimbangkan untuk melaksanakan sistem memulangkan deposit ataupun *deposit return scheme* untuk menggalakkan kitar semua botol plastik ataupun tin minuman. Satu cukai bungkusan ataupun *packaging tax* baru harus dikenakan kepada semua barangan plastik termasuk beg plastik, botol plastik dan kontena plastik sekali guna untuk mengurangkan sisa plastik berleluasa di negara kita.

Di Finland Tuan Yang di-Pertua misalnya, setiap bungkusan minuman akan dikenakan cukai Euro 0.20 sen hingga Euro 0.40 sen untuk meningkatkan kos penggunaan plastik, tin atau kaca dalam industri minuman. Cukai tersebut menggalakkan industri minuman dan rakyat menghantar balik botol plastik dan tin minuman untuk kitar semula *for recycling*.

Pada tahun 2017 Tuan Yang di-Pertua, Kenya satu negara membangun seperti di Malaysia di Afrika mengharamkan plastik sama sekali secara keseluruhan, pembuatan, penjualan, penggunaan plastik dalam negara tersebut dianggap haram. Sesiapa yang membeli beg plastik akan dihukum. Setahun selepas dasar tersebut dilaksanakan di Kenya, sistem saliran menjadi lebih bersih, rantai makanan kurang dicemari oleh sisa plastik, sampah-sarap pun berjaya dikurangkan.

Walaupun dasar ini telah dikritik bahawa ia akan menjejaskan sektor perniagaan dan mengakibatkan pengangguran tetapi hal ini merupakan impak jangka pendek. Dalam jangka masa yang panjang fenomena seperti ini dikatakan *creative destruction* akan mengambil alih. Produk yang ketinggalan zaman akan diganti dengan produk lebih besar, lebih baik secara semula jadi.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya mempercepatkan larangan penggunaan plastik sekali guna dalam jangka masa 3 hingga 5 tahun dan bukan tunggu untuk tahun 2030. Seperti Tuan Yang di-Pertua tahu dan kawan-kawan kita, Ahli Parlimen tahu dalam

Dewan yang mulia ini bahawa kalau kita tidak *control* plastik khususnya ke sungai pada tahun 2030 kita akan adakan lebih plastik di sungai dan di laut daripada ikan.

Ini akan menjadi masalah yang besar dan juga penyelidikan menunjukkan bahawa badan kita sekarang ada plastik. Oleh kerana ikan makan plastik, kita makan ikan, badan kita ada plastik. Ini adalah masalah pencemaran dan juga masalah untuk kesihatan kita. So, saya cadang kepada kerajaan jangan tunggu sampai 2030 tetapi mempercepatkan dasar untuk memansuhkan terus menggunakan plastik di negara kita.

Isu yang keempat Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan *unexplained wealth order*. Saya telah bangkit isu ini pertama kali dalam ucapan saya dalam *mid-term review Malaysia Plan* dan saya berharap bahawa kerajaan akan mengambil serius isu berkait dengan *unexplained wealth order*. Langkah kerajaan amat dialu-alukan dan saya diberitahu dan juga telah baca bahawa Kerajaan Malaysia akan membawa satu undang-undang yang dipanggil *Unexplained Wealth Order*.

Menurut laporan Global Financial Integrity (GFI) Malaysia kehilangan kira-kira RM1.8 trilion dalam aliran keluar haram antara 2005 dan 2014 dan ini tidak termasuk kehilangan wang melalui 1MDB dan juga skandal kewangan yang lain. Saya mencadangkan supaya kerajaan membawa rang undang-undang secara cepat seperti *unexplained wealth order* secepat mungkin demi kepentingan negara.

Undang-undang ini berasal sebenarnya daripada United Kingdom di mana perintah akan dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi untuk seseorang yang disyaki mempunyai kekayaan luar biasa berbanding dengan pendapatan beliau. So, undang-undang ini digunakan kerajaan untuk mendapatkan penjelasan bagaimana satu aset ataupun kekayaan luar biasa diperolehi oleh individu berkenaan. Jika pemilik aset gagal menjelaskan kekayaan tersebut, ia bermaksud aset tersebut boleh dipulangkan *recoverable* oleh kerajaan.

#### ■2040

Satu tindakan pemulihan sivil boleh difailkan oleh agensi-agensi ini di Mahkamah Tinggi untuk memulihkan aset tersebut kepada kerajaan. Perintah seperti ini dapat mengatasi *money laundering* yang kerap berlaku di Malaysia dan ini boleh digunakan terhadap warganegara dan juga bukan warganegara Malaysia. Satu kajian daripada United Kingdom menunjukkan bahawa kerajaan United Kingdom berjaya mendapat balik *recover* lebih kurang 90 bilion *pound* menerusi Akta *Unexplained Wealth* yang telah diperolehi secara haram. So Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan memperhalusi *unexplained wealth order* supaya kita dapat membahaskan isu ini dalam masa yang singkat.

Isu yang kelima Tuan Yang di-Pertua adalah berkaitan dengan apa yang saya panggil *macau scam*. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima banyak aduan. Bukan satu, bukan dua tetapi banyak aduan daripada rakyat Klang dan juga lain-lain kawasan bahawa mereka ditipu oleh sindiket siber yang memindahkan simpanan wang mereka kepada akaun-akaun bank tertentu. Mangsa-mangsa ini menerima beberapa panggilan telefon daripada sindiket penipuan. Mereka menyamar sebagai pegawai bank khususnya Bank Hongkong, CIMB dan sebagainya

dan pegawai polis yang menyiasat kes tersebut. Polis palsu itu memberi amaran kepada mangsa-mangsa berkenaan bahawa polis sedang menyiasat akaun bank mereka di bawah undang-undang *Anti-Money Laundering* dan jika mangsa tidak memindahkan simpanan wang mereka ke akaun bank tertentu, mangsa itu diugut dengan tangkapan oleh pihak polis.

So, oleh sebab mereka tidak memahami ataupun tidak ada pengetahuan ataupun kurang pengetahuan kes penipuan siber dan kerana berasa takut dan diugut oleh tindakan yang akan dikenakan, mangsa yang membuat aduan kepada saya memindahkan wang simpanan sebanyak RM648,000 kepada empat akaun bank. RM648,000 di *transfer*, dipindahkan ke empat bank atas arahan-arahan polis palsu. Apabila pengadu itu pergi ke bank, bank kata, "*We cannot help you*". Apabila pergi ke polis pun, polis kata, "*We have to investigate*". Akan tetapi ini telah berlarutan, berpanjangan untuk satu tahun dan isu ini belum diselesaikan.

Seperti kawan saya yang telah membuat aduan ini, kita dapati ramai rakyat Malaysia yang masih mengatasi masalah ini tetapi saya fikir polis *are not going force on this matter*. Oleh sebab itu, saya minta pihak PDRM supaya cepat-cepat membuat satu jawatankuasa ataupun tindakan yang penting untuk mengatasi masalah ini. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sik.

#### 8.43 mlm.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang untuk saya berbahas Belanjawan 2019. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]. "Dan apabila diminta kamu bangun, maka bangunlah. Allah akan meninggikan orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat"*.

Tuan Yang di-Pertua, di ketika di luar sana kita dihujani dengan air hujan yang menyejukkan Dewan yang mulia ini, ketahui bahawa penduduk di bandar **Gaza**, Palestin sedang dihujani dengan bom dan peluru-peluru yang dilemparkan oleh rejim tentera Zionis. Dalam tempoh beberapa hari ini, mereka telah menyerang sekolah, rumah-rumah awam termasuk membunuh masyarakat sivil. Saya bersama pengalaman Yang Berhormat Menteri KPKT, Yang Berhormat Ampang dan Timbalan Yang di-Pertua beberapa tahun lepas menyaksikan sendiri kemusnahan bandar **Gaza** ini yang diserang sejak 2006 dan menyebabkan korban jiwa yang sangat ramai dan kemusnahan harta benda.

Pada petang ini saya memohon untuk bersama seluruh Ahli Parlimen Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan kemanusiaan yang terus dilakukan oleh rejim Zionis Israel dan kita mengatakan mereka telah melampaui batas dan ia tidak boleh diterima sama sekali oleh seluruh manusia sejagat. Mari kita bersama bertafakur dan berdoa, membaca surah Al-Fatihah kepada rakyat yang terkorban beberapa hari yang lalu. Al-Fatihah. *[Membaca surah Al-Fatihah]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbahasan saya berkaitan Bajet 2019. Saya menyenaraikan beberapa kelemahan dan perkara penting yang perlu dilihat dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Pertama iaitu kebergantungan kepada pendapatan Petronas yang sangat tinggi. Kedua, penerusan bajet defisit walaupun negara mempunyai hutang yang tinggi. Ketiga, tiada peruntukan khusus untuk pembangunan pantai timur. Keempat, tidak menunjukkan hala tuju jelas dalam pembangunan ekonomi negara. Seterusnya, pengulangan agenda kerajaan dahulu dengan pembaharuan dan saya melihat juga kurang daya tarikan pemacu ekonomi negara. Seterusnya, kelemahan yang dilihat tidak ada suatu intensif yang sangat kukuh untuk membantu golongan petani, penoreh getah, nelayan dan sebagainya dan seterusnya, saya melihat tiada satu yang dapat menurunkan kos hidup rakyat. Kita bertanya ke mana perginya ataupun ke mana yang akan diuruskan oleh kerajaan dalam bajet yang telah kita lihat jumlahnya sangat besar iaitu sebanyak RM316.55 bilion ini.

Seterusnya, saya ingin mengungkap satu istilah yang sering digunakan di dalam Dewan ini termasuk digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu 'kleptokrasi' yang selalu diulang-ulang. Sepatutnya istilah ini perlu dihuraikan secara menyeluruh dan bukan hanya ditujukan kepada musuh politik semata-mata.

Pada 16 Oktober yang lalu, seorang calon timbalan presiden sebuah parti menyatakan bahawa budaya politik wang dilihat semakin membimbangkan pada musim pemilihan sebuah parti ini dan diakui oleh pimpinan-pimpinan yang lain bahawa kleptokrasi negara bermula dengan budaya politik wang dan rasuah dan dalam parti dan perkara ini perlu diberikan perhatian oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga membangkitkan soal nasib penduduk luar bandar yang telah disentuh oleh sebahagian besar daripada Ahli-ahli Dewan yang bercakap sebelum ini. Sudah pastilah isu ini sangat penting perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Saya melihat Ahli Parlimen di pihak pembangkang dan juga kerajaan sendiri mengatakan bahawa ada yang tidak kena dalam belanjawan kita, khususnya apabila kita melihat kerajaan telah tidak lagi memberi peruntukan untuk Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah yang sudah pasti sangat memberi kesan kepada lebih 600,000 keluarga penoreh di seluruh negara. Padahal dalam Bajet 2018 yang lalu telah diperuntukkan RM261 juta untuk kita membantu penoreh getah yang terkesan akibat musim tengkujuh pada bulan November, Disember dan bulan Januari nanti.

Kita juga sangat terkesan apabila dikhabarkan dalam belanjawan kita pengurangan subsidi baja padi, intensif pengeluaran padi, elaun sara hidup nelayan dan intensif hasil tangkapan ikan.

#### ■2050

Begitu juga pengurangan subsidi benih padi yang sah dan lain-lain lagi yang melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Perkara ini perlu dilihat secara serius bahawa

rakyat di bawah sana sedang menanti apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu mereka ketika mereka berada dalam keadaan yang sangat susah ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghuraikan sedikit hal yang berkaitan dengan penoreh getah ini khususnya yang melibatkan daerah saya daerah Sik di mana lebih 85 peratus penduduk Sik ini yang terlibat dengan menoreh getah. Begitu juga di daerah-daerah yang lain di daerah Pandang Terap, Baling begitu juga di negeri-negeri yang lain. Ketika mana kerajaan mengumumkan Intensif Pengeluaran Getah (IPG) dengan peruntukkan RM50 juta dalam Bajet 2019 ini. Namun dalam intensif ini ia terhenti apabila harga getah sekerap berada di bawah paras RM2.20 sekilo kadar yang masih jauh yang mampu menampung kehidupan penoreh-penoreh getah.

IPG saya katakan memberi sedikit kelegaan tetapi tidak menghilangkan kehausan apatah lagi membebaskan penoreh getah daripada penderitaan. Putaran ganas kemiskinan penoreh-penoreh getah ini sehingga ada di antara mereka yang terus dalam kehimpitan kemiskinan dan kefakiran ketika mana saya sendiri meninjau melihat menziarahi mereka di kampung-kampung di daerah Sik dan di tempat-tempat yang lain.

Anak-anak mereka yang sangat terkesan dan mereka sudah pastilah hidup dalam kesempitan termasuklah mereka yang juga akan menghadapi musim tengkujuh di hujung tahun ini. Kebanyakan penoreh-penoreh akan berdiam dalam keadaan kepayahan kerana tidak boleh membuat apa-apa. Jeritan mereka tidak di dengari lagi kerajaan telah menjadi pasif dan tidak menghiraukan apa yang sedang di alami oleh mereka. Harga getah yang terlalu murah tidak hanya memerosok penoreh ke hidup sukar, malah turut menyuramkan semua aktiviti sektor ekonomi yang lain seperti perniagaan, pasar malam, kedai runcit dan peniagaan yang lain.

Ia turut merencat bayaran balik pinjaman institusi kewangan termasuk Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN Nasional. Malah penoreh terpaksa meminjam lagi kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk menimbus hutang di tempat lain. Mereka terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 77 peratus penoreh getah adalah Melayu, 20 peratus adalah kaum Cina, satu peratus adalah kaum India, 0.4 peratus daripada orang asal dan 0.9 kaum-kaum yang lain. Ternyata orang-orang Melayu di kampung paling teruk terjejas dengan keadaan harga getah ini. Kalau kerajaan serius membantu dan melindungi kaum Melayu ini, maka sudah segeralah perlu dibuat satu tindakan dan jangan tindakan ini hanya seperti melepaskan batuk di tangga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan beberapa tindakan yang seharusnya boleh diambil untuk mengatasi masalah hal penoreh getah ini, hal harga getah yang jatuh menjunam ini dan jika benar-benar serius untuk menyelamatkan keadaan ini, kerajaan hanya perlu memperuntukkan RM1.6 bilion setahun dalam belanjawan negara untuk menokok RM2 bagi setiap sekilo getah sekerap yang dikeluarkan oleh penoreh untuk menetapkan harga lantai yang lebih munasabah yang lebih tinggi berbanding harga sekarang RM2.20.



Tidak ada sesiapa pun yang waras akal fikiran akan marah dan kecoh jika kerajaan membelanja untuk orang-orang miskin sama ada orang Melayu, Cina, India, orang asal dan kaum peribumi Malaysia Timur yang menoreh getah. Ini bukan kes 1MDB, SRC International, derma RM2.6 bilion ataupun kapal selam ini adalah kes rakyat yang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal sosial ekonomi di daerah Sik ini daerah yang sangat terpencil di pedalaman Kedah di sana. Saya memohon untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat mengambil perhatian yang lebih berat, yang lebih kuat untuk mereka membantu penduduk-penduduk di sana dan khususnya untuk membantu membaik pulih rumah-rumah rakyat yang sangat daif yang mereka juga bergantung hidup dengan menoreh getah ini.

Saya juga ingin memohon untuk Kementerian Pelancongan melihat potensi Ulu Muda *agrotourism* di sepanjang daerah Sik dan Padang Terap itu dijadikan pusat pelancongan yang menarik perhatian pelancong daripada seluruh negara.

Begitu jugalah saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya untuk melihat satu kes pembinaan jambatan di Kuala Telui yang menghubungkan jalan raya antara Parit Panjang dan Batu Lima di mana jambatan sempit ini yang sangat berbahaya kepada pengguna jalan raya yang telah menyebabkan sebelum ini kemalangan maut yang berlaku di situ.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengungkap sedikit laporan yang telah didedahkan oleh surat khabar Harian Metro pada hari ini yang disebut plot jual negara. Isu di mana sebuah syarikat yang diberi hak eksklusif oleh Kementerian Dalam Negeri dua tahun lalu untuk menguruskan permohonan pengecualian visa ataupun eNTRI kepada pelancong dari China telah mengaut keuntungan atas angin RM198 juta sejak Mac 2016. Dilaporkan dalam Harian Metro ini bagaimana syarikat ini yang diberi kuasa mutlak oleh Jabatan Imigresen, mereka dibenarkan untuk memproses permohonan kemasukan pelancong daripada China dan ada di antara kes yang di laporkan ini permohonan secara *online* ini sangat mudah dimanipulasi sehinggakan permohonan yang menggunakan *passport* palsu serta kes permohonan menggunakan foto seekor beruk juga telah diluluskan. Akhirnya pihak yang memohon ini berjaya masuk ke Malaysia dengan membayar RM100. Saya memohon supaya pihak Kementerian Negeri mengambil serius hal dan isu ini untuk diambil tindakan kepada mereka yang telah mencemar kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin juga membangkitkan soal berkaitan dengan keadaan ataupun kedudukan petani-petani padi khususnya di negeri Kedah dan di negeri-negeri lain. Saya memohon untuk pihak Kementerian Pertanian supaya mengkaji semula dengan lebih sistematik bagaimana padi ini adalah soal keselamatan negara, hal makanan, *food security* dengan izin, yang sangat penting. Kita juga memohon kerajaan meningkatkan tahap sara diri (SSL) bagi keperluan padi ini sehingga ke tahap lebih daripada 70 peratus yang ada pada hari ini untuk kita bersiap siaga ketika mana kita menghadapi bencana di luar dan keadaan yang sudah pastilah penting untuk kita menjaga stok padi di seluruh negara untuk keperluan rakyat semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya ini dengan— saya bersama-sama untuk melihat bahawa proses yang penting sebuah negara ini perlu lah didasari bersama dengan sesuatu iltizam oleh kita semua, bahawa satu sikap individualistik, materialistik dan segala hal-hal yang sangat negatif dalam diri kita dan seluruh rakyat itu perlu dihakis, perlu dibina dengan sesuatu pembinaan moral, pembinaan akhlak yang lebih mulia untuk kita menjadikan negara kita yang lebih baik negara yang disebut *baldatun toyyibatun warobbun ghofur* sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapit. Silakan.

### 8.59 mlm.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. pertamanya saya ingin merakamkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk terus serta berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini.

#### ■2100

Rang Undang-undang Perbekalan 2019 juga yang kita sebut sebagai Belanjawan 2019 atau Bajet 2019 telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan selaku Menteri Kewangan pada 2 November 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan pendapat saya tentang Belanjawan 2019 ini. Saya di peringkat awal ini menyatakan tidak puas hati dengan Belanjawan 2019 ini. Ia tidak banyak membantu atau menyejahterakan masyarakat luar bandar khususnya kami penduduk luar bandar di negeri Sarawak. Masih ada terlalu banyak lagi keperluan kami di sana yang jelasnya tidak akan dikecapi melalui Belanjawan 2019 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM316.55 bilion telah diperuntukkan bagi tahun 2019. Sejumlah RM259.85 bilion atau 82.1 peratus adalah untuk perbelanjaan mengurus dan hanya RM56.7 bilion atau 17.9 peratus adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, yang mengecewakan saya adalah hanya RM4.346 bilion telah diagihkan kepada negeri Sarawak. Kalau diambil kira dari perspektif peratusannya, negeri Sarawak hanya mendapat nisbah yang terlalu kecil iaitu hanya 7.94 peratus sahaja. Kalau dikira juga agihan untuk negeri Sabah untuk tujuan pembangunan, Sabah mendapat RM5 bilion. Kedua-dua wilayah Borneo ini hanya mendapat 16.4 peratus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, angka 16.4 peratus untuk Sarawak dan Sabah ini adalah terlalu jauh berkurangan daripada yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum Belanjawan 2019 dibentangkan. Yang Berhormat Stampin, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selaku Pengerusi Parti DAP Sarawak telah jelas mengumumkan bahawa negeri Sarawak dan negeri Sabah akan mendapat lebih daripada 30 peratus daripada Bajet 2019 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu buang masa lah. Buang masa saya mempertikaikan janji palsu itu. Saya lebih ingin menekankan bahawa, pada prinsipnya,

Belanjawan 2019 ini seharusnya membantu menjana pembangunan dan kesejahteraan penduduk negeri Sarawak khususnya mereka yang duduk nun jauh di luar bandar, di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya setuju dengan pendirian Yang Berhormat Rembau yang menyatakan dalam ucapan perbahasan beliau tentang Belanjawan 2019 ini juga. Yang Berhormat Rembau telah menyatakan bahawa Belanjawan 2019 ini adalah lebih untuk rakyat yang duduk di bandar atau di kota raya, di Kuala Lumpur. Belanjawan 2019 ini tidak memberi banyak manfaat kepada mereka yang duduk di pedalaman, di luar bandar, dan sekali lagi saya tekankan, khususnya di pedalaman negeri Sarawak atau di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak masih memerlukan pelbagai pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih dan terawat dan perkhidmatan telekomunikasi. Sebenarnya Kerajaan Negeri Sarawak ada perancangan bagaimana hendak melengkapinya seluruh negeri dengan kemudahan asas seperti yang telah saya sebut tadi iaitu jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan terawat dan perkhidmatan telekomunikasi. Jikalau tidak diganggu dengan sekatan kewangan atau dengan cara lain, seluruh negeri Sarawak mungkin boleh mencapai 100 peratus liputan bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih dan terawat tiba masa tahun 2019 kelak. Ini mengikut perancangan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh isu *Malaysia Agreement 1963* atau selalu disebut MA63. Seperti yang banyak telah dibangkit oleh rakan-rakan seperjuangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah, saya sekeras-kerasnya mendesak agar apa yang kami minta dalam isu mendapat balik kuasa serta hak kami yang termaktub tetapi sudah terhakis dalam *Malaysia Agreement 1963* itu direalisasikan. Pemimpin negeri Sarawak serta rakyat atau warga negeri Sarawak amat serius dalam perkara kuasa serta hak negeri kami ini. Janganlah mempermainkan kami. Saya dan warga Sarawak mula hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap orang Malaya atau pemimpin Malaya.

Jangan lupa bahawa pembentukan negara Malaysia tidak mungkin akan tercapai jika tidak ada ataupun bukan kerana fungsi dan peranan Sarawak dan Sabah. Satu fakta sejarah negara yang amat penting. Pembentukan negara Malaysia ini terjadi disebabkan oleh kerisauan serta kebimbangan ataupun ketakutan semasa itu terhadap pengaruh anasir komunis yang mungkin melanda dan menguasai Tanah Malaya dan Singapura pada masa itu iaitu pada awal tahun 90an.

Tambahan lagi, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama, memerlukan Sarawak dan Sabah untuk mengimbangi Singapura. Saya tidak akan menyentuh lebih mendalam lagi mengenai isu ini kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi fakta dan sejarah sentiasa ada.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya memang terdapat banyak sebab-sebab penting agar kepentingan Sarawak dan Sabah dijaga dan tidak patut dipandang remeh. Selain daripada sebab keselamatan dan untuk memerangi ancaman pencerobohan oleh pihak komunis terhadap Tanah Malaya dan Singapura, Sarawak dan Sabah juga telah dipanggil untuk menjadi

sebahagian dalam pembentukan negara Malaysia dan juga untuk mengimbangi kuasa terhadap Singapura. Ini adalah titik penting dalam sejarah Malaysia yang kami warga Sarawak dan Sabah sedar dan sentiasa ingat betapa penting peranan kami menyumbang kepada kejayaan negara Malaysia ini. Ramai daripada kaum Dayak Sarawak dan juga kaum asal di Sabah kehilangan nyawa sebagai askar di Sarawak Rangers untuk orang Sarawak dan *First Batalion Malaysian Rangers*. Kami tidak mahu lagi dipandang rendah, malah kami mahu dihargai.

Ini kerana sumbangan daripada hasil industri minyak dan gas iaitu khazanah negeri Sarawak telah banyak sudah diguna untuk pembangunan negara Malaysia ini. Kerajaan lampau— yang jauh lampau maksud saya, bukan yang kebelakangan 10 tahun sahaja— telah menggunakan hasil dari minyak dan gas dari Sarawak untuk melengkapi Malaya dengan pelbagai kemudahan asas sehingga dinaiktarafkan kepada peringkat kemudahan asas *the state of the art ultra modern* KLIA dan KLIA2 yang sungguh indah, seperti Putrajaya yang sungguh memukau dan sangat menakjubkan iaitu *Petronas Twin Towers*, Jambatan Pulau Pinang dan banyak lagi projek mega dan juga universiti-universiti dan kolej-kolej kerajaan yang ditempatkan di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sebut dan saya akui dalam Dewan ini bahawa hanya dalam zaman Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang Berhormat Pekan sejak tahun 2009 barulah Sarawak mendapat peruntukan pembangunan yang jauh besar dari sebelum itu. Jadi, fikir-fikirlah apa maksud saya ini.

#### ■2110

Saya bukan, tak nak mendewa-dewakan sesiapa, ya. Akan tetapi, ini fakta. Jadi, kita buat perbezaanlah. Kami tidak boleh menafikan bahawa projek mega lagi amat diperlukan oleh rakyat seperti Pan Borneo Highway atau Lebuhraya Pan Borneo dilaksanakan. Pembinaan jalan penghubung sekarang belum siap tetapi hampir siaplah, yang menghubungkan kawasan saya iaitu Kapit ke pekan-pekan lain, seperti Song, Kanowit sampailah ke Sibu, diluluskan serta dilaksanakan hanya dalam lima sehingga tujuh tahun ini. Ini zaman siapa? Zaman kerajaan terdahulu tetapi diketuai oleh Yang Berhormat Pekan. Kami harus menghargai apa yang diberikan kepada kami.

Saya sekarang berharap sangat agar di masa era Kerajaan Pakatan Harapan kali ini, Sarawak diberikan banyak pembangunan bagi mempercepatkan pembangunan untuk kami agar dapat kita sama-sama merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung, Tanah Melayu (Malaya), Sarawak dan Sabah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat, kalau kita selalu mendengar yang suka menceritakan 60 tahun zaman siapa, Kerajaan Persekutuan diketuai siapa? Selalu yang membuat tuduhan sewenang-wenangnya tidak dengan fakta. Kita seharusnya membahagikan dalam masa ke semasa. Oleh sebab itulah, saya boleh menerima baik kemenangan Kerajaan Pakatan Harapan, saya boleh menerima kemenangan pihak lawan dahulu yang sekarang telah menerajui kerajaan. Kita sungguh menerima prinsip sistem demokrasi. Tidak ada masalah bagi saya. Cuma, sudah menjadi sebuah kerajaan, janganlah kita harus berpolitik.

Buatlah apa yang sepatutnya penambahbaikan kepada apa yang kami tidak dapat buat dahulu. Perbetulkanlah kepada kesilapan kami yang terdahulu. Ini supaya negara kita betul-betul maju ke hadapan. Kalau betul-betul Kerajaan Pakatan Harapan sangat berjaya, kita doakan agar membawakan negara tercinta ini ke tahap negara maju, saya pun untung! Keluarga saya pun untung. Oleh sebab kita sama-sama duduk di negara ini. Sama-sama kita menikmati apa jua yang baik untuk kesemua kita. Tidak ada masalah bagi kami.

Di Sarawak, sebagai orang Sarawak kita merasa jauh ketinggalan. Kami tidak terlalu taksub dengan – *We do not duels too much on politics!* Kata orang lain. Kami, mengejar pembangunan. Kalau dahulu bersama dengan Barisan Nasional kerana Barisan Nasional kerajaan di dalam peringkat Persekutuan. Kami di peringkat Negeri Sarawak, seharusnya – satu yang menarik minat pemimpin-pemimpin, tokoh-tokoh kami dalam tahun 60-an, bersetuju untuk kita mewujudkan negara Malaysia ini adalah kerana kita dijanjikan dengan pembangunan kepada Sarawak.

Tidak ada pernah berlaku dalam sejarah politik kita, peralihan kuasa. Oleh sebab, Barisan Nasional kalah, kami di sebelah sini kami bukan seperti orang yang suka-suka terus melompat. Kita bertahan, mungkin kita tidak mahu jadi pembangkang kita jadi *independent* dahulu. Di sana kita tegur, di sini pun kita tegur. Kalau di sana betul, kita sokong. Di sini pun kalau betul, kita sanjungi. Tidak ada masalah, secara prinsipnya. Tunggu dulu ya kawan. *I know* – Ini dia baik ni. Kuat kerja Yang Berhormat Lanang ini.

*Point* saya, janganlah suka-suka menuding jari mengatakan “*Oh! Sekarang pembangkang jahat, Barisan Nasional jahat*”. Yang Berhormat Langkawi menerajui Barisan Nasional selama 22 tahun! Saya tidak mahu cerita, nanti ada di sebelah sana mungkin mahu beritahu... Eh, banyak saya mahu cerita ini Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Malangnya, masa terhad Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, berikan saya. Saya dari jauh. Saya mengakhiri perbahasan saya dengan satu cadangan saya mahu usulkan supaya diterima oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan sesuatu yang saya anggap amat penting. Ini untuk membantu Kerajaan Persekutuan penambahbaikan kepada pengurusan Petronas dan juga untuk memenuhi janji Pakatan Harapan untuk memastikan ketelusan serta menegakkan integriti berkaitan dengan urusan Petronas dalam era Kerajaan Pakatan Harapan.

Jadi, cadangan saya berbunyi begini, marilah kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira dari pihak mana, parti politik mana, sama-sama mengusulkan agar Laporan Kewangan Tahunan Petronas diwajibkan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini setiap tahun. Bolehkah?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Setuju. Setuju.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Setuju semua?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Setuju. Setuju.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Oleh sebab, apabila kami di sebelah sana dahulu inilah bantahan dan rayuan dari sebelah sini dahulu. Sekarang kita sudah beralih. Saya harap kita semua bersetuju. Jadi, kalau boleh, saya hendak layan Yang Berhormat Lanang boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Secara ringkas Yang Berhormat Lanang.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Okey boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kapit. Tadi Yang Berhormat Kapit memuji-muji Yang Berhormat Pekan kerana memberikan banyak peruntukan kepada Sarawak. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat Kapit bersetuju bahawa Kerajaan Barisan Nasional sudah 50 tahun lebih menjadi kerajaan. Kalau memang mereka begitu baik kenapa Sarawak masih banyak ketinggalan?

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Inilah dia Tuan Yang di-Pertua, yang tidak tahu fakta dan sejarah. Bagaimana Yang Berhormat Lanang mengatakan 50 tahun lebih Barisan Nasional? Barisan Nasional hanya di *registered* sebagai Barisan Nasional hanya dalam tahun sekitar 1973 atau 1974. Tidak sampai 50 tahun lagi. [*Dewan riuh*] Tahun 1974, jangan ribut, ini mengenai fakta. Sebelum itu, belum... [*Disampuk*] Tunggu. Sebelum itu belum ada Barisan Nasional. Sebelum itu Sarawak yang ada Sarawak *coalition* yang terlebih dahulu. Selepas itu baru Barisan Nasional ditubuhkan, jadi jangan cakap lebih 50 tahun.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Kapit, minta penjelasan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tidak ada masa. Saya...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Apa tiada masa?

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tunggu dahulu. Jadi dalam 50 tahun, dalam 40 lebih tahun itu siapa mengetuai Barisan Nasional? Siapa dahulu yang dimarahi di Dewan ini juga oleh pemimpin-pemimpin tokoh-tokoh lama DAP kah, pembangkang dahulu. Yang Berhormat Langkawi, 22 tahun. Kalau kita ketinggalan, saya tidak hendak menuding jarilah, saya ini dari dahulu datuk saya, nenek saya, ibu bapa saya mengajar saya menghormati orang tua. Janganlah *put words in my mouth* kata orang saya terlanjur nanti. Kami kaum Iban ini memang *we have huge respect to the eldest. I don't want to blame but it's a fact, please* Yang Berhormat Lanang. *Thank you.* Dengan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa menyokonglah kerana tidak cukup untuk luar bandar dekat Sarawak sekian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar. Kemungkinan pembahas yang terakhir untuk malam ini. Silakan.

**9.18 mlm.**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk

turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2019. Saya memandang tinggi peluang dan ruang yang diberikan ini kerana ia merupakan suara anak muda di angkat ke Dewan Rakyat. Saya yakin dan percaya anak muda di luar sana mempunyai kuasa yang besar dan telah menentukan hala tuju negara dalam PRU tempoh hari dan saya lihat anak muda telah memilih Pakatan Harapan sebagai Kerajaan Persekutuan pada hari ini.

Walaupun syabah dan tahniah saya ucapkan kepada kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini tetapi haruslah kita melihat bahawasanya sesungguhnya hendak muda pada hari ini telah memilih kerajaan dan sesungguhnya mereka harus menjalankan tugas seperti mana dan sebaik mana dan selebih mana Kerajaan Persekutuan tempoh hari. Dahulu kita melihat belanjawan yang dikemukakan oleh Barisan Nasional sepanjang tempoh pemerintahan 61 tahun. Banyak pertikaian berlaku dan hari ini juga belanjawan yang telah di bentangkan oleh Yang Berhormat Bagan juga mendapat kecaman, mendapat tentangan daripada pelbagai pihak, bukan sahaja Ahli-ahli Dewan tetapi juga anak muda di luar sana.

#### ■2120

Dahulu kita mengatakan bahawasanya bajet Kerajaan Barisan Nasional begitu tinggi dan hari ini bajet Pakatan Harapan juga tinggi. Akan tetapi ironinya, yang menjadi persoalannya bajet tinggi tetapi banyak kemudahan telah dihilangkan. Sebagai contoh, bantuan untuk anak muda BR1M. Sepatutnya dalam Bantuan Sara Hidup juga patut diperkenalkan kerana bukan semua anak muda Tuan Yang di-Pertua adalah anak muda yang mempunyai kemampuan dan anak muda yang boleh berdikari. Bukan kita hendak manjakan mereka Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekurang-kurangnya kita memberi mereka nafas agar mereka dapat berdikari dalam begitu tingginya gelombang kos sara hidup yang begitu tinggi pada hari ini.

Isu pertama yang berkaitan dengan anak muda yang saya ingin bawa ke Dewan ini ialah berkaitan perumahan. Saya bersetuju dengan penubuhan Majlis Perumahan Rumah Mampu Milik Negara. Saya yakin dan pasti sejumlah 20 agensi yang kerap kali saya bangkitkan harus mempunyai satu koordinasi. Saya seolah-olahnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang juga ada di sini melihat kerajaan seharusnya memahami apakah sebenarnya kehendak anak muda. Ini kerana kehendak anak muda hari ini mereka mahukan rumah. Apakah masalah mereka? Masalah mereka bukanlah tidak mampu untuk membayar ansuran rumah tetapi mereka mempunyai masalah untuk mendahulukan deposit rumah itu. Walaupun pelbagai yang dinyatakan dalam insentif atau jalan keluar dalam Belanjawan 2019, saya agak tersinggung dengan perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Ini kerana kita melihat Skim FundMyHome tidak sebenarnya memberi keuntungan kepada anak muda tetapi sebenarnya memberi keuntungan kepada pihak pemaju.

Saya hendak pergi kepada isu kedua berkaitan isu pendidikan. Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan – adalah satu elemen yang amat penting bagi membina anak muda yang ada pada hari ini dan anak muda inilah yang kita harapkan, yang akan memberi satu pulangan yang baik kepada negara pada masa akan datang. Setiap tahun PTPTN akan membiayai lebih kurang 200,000 peminjam. Akan tetapi apabila saya melihat perangkaan

yang dilakukan pada tahun 2017 dan tahun 2018 nampaknya ada perubahan yang amat ketara. Berlaku pengurangan kutipan sebanyak 38.3 peratus, lebih kurang RM500 juta. Kerisauan saya kutipan balik ini Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian akan mengecilkan saiz peminjam kepada kelompok yang terbaru masuk ke universiti? Sekiranya ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, ia akan merencatkan pembangunan anak muda pada masa akan datang. Apatah lagi anak muda di kalangan B40.

Janji memang janji Tuan Yang di-Pertua, memanglah anak muda tahu mereka telah berjanji melalui perjanjian yang mereka harus membayar kembali tetapi mereka juga menuntut janji Pakatan Harapan untuk menanggungkan pinjaman apabila gaji mereka RM4,000 tetapi amat mengecewakan. Sudah pasti hari ini satu *action* yang dibuat oleh anak muda berjalan hari ini Tuan Yang di-Pertua, berjalan daripada sekelompok mahasiswa, berjalan daripada Universiti Malaya datang ke Parlimen kerana ingin menyerahkan memorandum. Pakai baju konvokesyen Tuan Yang di-Pertua.

Kita akui Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli-ahli Dewan ini ada anak-anak, ada cucu-cucu atau saudara-mara yang sedang menghadapi majlis konvokesyen. Sepatutnya majlis konvokesyen ini anak muda merasakan jiwa mereka gembira, jiwa mereka terhibur kerana mereka mendapat segulung ijazah. Sepatutnya mereka tidak perlu bayar PTPTN sehingga gaji RM4,000. Akan tetapi apa yang berlaku adalah ia bertentangan dengan prinsip janji yang dibuat oleh Pakatan Harapan. Ini menyebabkan saya rasa tersinggung terhadap Belanjawan 2019.

Apa yang peliknya Tuan Yang di-Pertua, Pakatan Harapan semasa mereka tidak menjadi kerajaan, mereka menjanjikan supaya pendidikan percuma. Berjuang bersungguh-sungguh untuk dapatkan pendidikan percuma tetapi akhirnya mereka membatalkan atau menghilangkan insentif *first class*, kelas pertama apabila PTPTN dapat kelas pertama sepatutnya mereka adakan dalam Bajet 2019. Ini kerana ini juga boleh sebagai Pakatan Harapan mengatakan mereka menjunjung janji mereka untuk memberi pinjaman atau pendidikan yang percuma.

Saya yakin dan percaya apa yang dibuat di dalam pembangunan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan Yang Berhormat Muar, Sekolah Kepimpinan Masa Hadapan (MLFS). Saya agak curiga kerana ini adalah salah satu yang kita sebut *rebranding* daripada PLKN dan *rebranding* daripada BTN. Walaupun RM70 juta diperuntukkan untuk melingkupi 70,000 belia, saya harap Kementerian Belia dan Sukan dapat menjelaskan di Dewan yang mulia ini, apakah mekanisme yang sedang dirangka supaya ada keadilan tidak mahu ketidakadilan berlaku dalam proses pemilihan peserta? Saya juga ingin melihat adakah modul-modul dan pelaksanaan-pelaksanaan ini tidak bercorakkan politik tetapi bercorakkan patriotisme? Saya harap banyakkannya kuota yang melibatkan anak-anak muda di bawah B40.

Saya juga hendak tengok dalam Bajet 2019 ini supaya ada peruntukan untuk pertubuhan-pertubuhan belia. Ini kerana saya nampak banyak sangat diceritakan tentang sukan tetapi pertubuhan belia, gerakan belia, *third force* dengan izin di akar umbi tidak langsung diucapkan dalam Belanjawan 2019 pada kali ini.



Saya hendak pergi kepada *Graduates Enhancement Programme for Employability (GENERATE)* yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bagan tempoh hari. Ini juga saya sebutkan sebagai program *copy paste* daripada SL1M. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Muar atau Yang Berhormat Bagan, adakah program GENERATE ini akan mendapat pengiktirafan seperti mana SL1M mendapat pengiktirafan daripada negara-negara antarabangsa? Bagaimana kadar elaun yang akan diberikan kepada anak muda? Jangan dikatakan tidak ada elaun atau dikurangkan elaun. Ini kerana ini sebenarnya membantu untuk mengupayakan anak-anak muda. Sebagaimana yang kita sasarkan di awal Kajian Separuh Penggal adalah 2.8 peratus pengangguran tetapi yang mendukacitakan saya Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal telah meletakkan 3.5 peratus sasaran pengangguran seolah-olah menampakkan bahawasanya akan ramai anak muda menganggur pada tahun 2020. Ini sebenarnya tidak betul Tuan Yang di-Pertua dan saya mengharapkan sangat GENERATE ini dapat menghilangkan kerisauan, kebimbangan saya dan anak muda di luar sana.

Saya hendak pergi kepada Olimpik Tokyo 2020 yang telah akan – 33 sukan, 343 acara akan bermula pada Julai sehingga Ogos 2020. Saya hendak melihat bagaimana prestasi. Saya harap Yang Berhormat Muar dapat membentangkan bagaimana prestasi sebenarnya, jangan tipu di Dewan yang mulia ini bahawasanya mengatakan kita berjaya dalam Sukan ASIA, kita berjaya dalam Sukan Komanwel di Gold Coast. Jangan melihat bilangan pingat, saya ingin melihat bagaimana KPI-KPI yang telah dinyatakan dalam program podium. Ini kerana kita peruntukan RM100 juta untuk Olimpik supaya nama negara kita terlakar sejarah di peringkat antarabangsa pada Ogos 2020 nanti. Saya hendak lihat juga adakah program-program dalam RM100 juta ini hanya ditumpukan program-program atau persatuan-persatuan yang pergi ke Sukan Olimpik, apa kata program-program yang kategori B Tuan Yang di-Pertua? Adakah mereka tidak dibiayai? Atau mereka dianaktirikan? Atau bagaimana peranan dan keupayaan mereka?

Saya harap sangat jangan kita Yang Berhormat Muar terlampau beremosi dalam berkaitan jurulatih antarabangsa ini. Kita faham bahawasanya kita baru tidak hampir 100 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Sudah pasti kita memerlukan sokongan dan jurulatih, tenaga-tenaga pakar daripada luar. Apa kata kita harus bersabar melihat bagaimana kemampuan jurulatih-jurulatih ini yang sesungguhnya akan menaikkan nama negara kita.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP). Saya tidak nampak Tuan Yang di-Pertua walaupun Yang Berhormat Muar mengutip sampah di stadium. Akan tetapi saya tidak nampak bagaimana arah tuju yang dibuat dalam Program Pembangunan Bola Sepak Negara. Ini kerana program ini dekat di hati saya. Akademik Mokhtar Dahari berada dalam Parlimen saya. Ramai orang kampung saya tanya Tuan Yang di-Pertua, apa hendak jadi dengan Program Pembangunan Bola Sepak Negara ini? Adakah program ini masih menjadi keutamaan. Jangan asyik hendak bergaduh dengan jurulatih-jurulatih antarabangsa sahaja.

Saya hendak pergi seterusnya Tuan Yang di-Pertua kepada e-Sport. Ini sebenarnya menjadi kegemaran dan kesukaan bukan sahaja anak muda di luar sana Tuan Yang di-Pertua tetapi menjadi kegemaran dan kesukaan Yang Berhormat daripada Muar. Akan tetapi apa yang menggusarkan saya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, telah membentangkan begitu cantik bagaimana kajian-kajian yang dibuat oleh pihak-pihak antarabangsa terhadap kesan e-Sport ini. Akan tetapi yang menghairankan saya, kenapa Yang Berhormat Bagan memperuntukkan RM10 juta ini di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia? Di bawah *Malaysia Digital Economy Corporation*?

■2130

Sepatutnya bajet tersebut diletakkan kawal selia di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Adakah Yang Berhormat Bagan tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Muar, main *game* dalam pejabat? Saya minta penjelasan. Ini kerana apa bagi saya kalau kita hendak melihat anak muda mempunyai keupayaan dalam e-Sport, peruntukan ini harus dikembalikan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua ingin membawa isu yang berkaitan Paya Besar kerana saya mungkin tidak sempat untuk bersama-sama dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Saya bersyukur sangat Yang Berhormat Ampang – saya ucap terima kasih Yang Berhormat Ampang, saya hendak mencatatkan Dewan yang mulia ini kerana tetap meluluskan Dewan Paya Besar RM10 juta. Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Banyak lagi Yang Berhormat Ampang.

Keduanya, saya ucapkan terima kasih kerana membantu untuk inkubator Pusat Komuniti Belia di Taman Tas, terima kasih. Dua projek ini memang dekat di hati saya, Tuan Yang di-Pertua kerana inilah keperluan anak muda di Paya Besar. Paya Besar nama saja besar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dewan besar pun tidak ada. Jadi, dengan keprihatinan Menteri saya ucapkan terima kasih banyak-banyak. Patut dia menang. Saya kalau dapat undi dia, saya pun akan undi dia.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara juga yang saya hendak sebut. Tadi ada Menteri Kerja raya tetapi sudah tidak ada. Saya dalam tempoh dua minit terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ada satu masalah di Paya Besar ini iaitu menaik taraf Persimpangan Sekolah Seri Mahkota supaya daripada biasa kepada bertingkat, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang berlaku hari ini di kawasan Simpang Empat Sekolah Menengah Seri Mahkota berdekatan dengan Kem Batu 10, apabila waktu puncak, kesesakan jalan akan berlaku sejauh tiga kilometer Tuan Yang di-Pertua. kalau hari *public holiday* atau hari Jumaat, Sabtu dan Ahad ia akan menjalar sehingga lima kilometer. Ini perkara-perkara yang membantutkan pintu masuk ke Bandar Kuantan Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana Paya Besar merupakan salah satu pintu yang harus orang hendak pergi ke Bandar Kuantan, hendak pergi ke Teluk Cempedak, harus melalui Paya Besar. Jadi ini sebenarnya merencatkan pertumbuhan pelancongan di kawasan atau di Daerah Kuantan itu. Saya juga mengharapkan sangat Tuan Yang di-Pertua supaya Kementerian Kerja Raya juga memikirkan satu jejantas atau jejambat yang untuk penunggang motosikal supaya Taman

Mahkota Aman di Batu 12, dapat anak-anak bergerak ke sekolah yang pada masa sama tidak melibatkan kemalangan.

Saya kira dua projek ini amat penting sekali kerana apa bagi saya Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting bagi kita adalah bukan kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting bagi saya sebagai wakil rakyat yang mewakili anak muda yang di luar sana, Tuan Yang di-Pertua, anak muda adalah pemilik masa hadapan Tuan Yang di-Pertua. Kita bina Malaysia hari ini Tuan Yang di-Pertua untuk diwarisi oleh mereka.

Selepas Wawasan 2020 yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Perdana Menteri keempat dan hari ini menjadi Perdana Menteri ketujuh, saya yakin dan percaya kita hendak wariskan kepada mereka. Akan tetapi selepas Wawasan 2020, kami tidak tahu Tuan Yang di-Pertua ke mana arah tuju kami. Dahulu, di bawah Kerajaan Barisan Nasional di hujung terowong kami nampak cahaya. Hari ini, sudah tidak nampak cahaya tersebut, Tuan Yang di-Pertua. Atas sebab kekusaran, kebimbangan dan ketidakpercayaan ini saya Tuan Yang di-Pertua minta maaf banyak-banyak tidak dapat menyokong Rang Undang-undang Pembekalan Belanjawan 2019. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sukacita saya ingin mengumumkan hari ini sahaja, 30 orang pembahas telah memberi perbincangan. Jadi kalau besok kalau kita gunakan kadar yang sama boleh selesai awal.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh kita tahu yang esok ini senarai siapa dan sampai pukul berapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, jadi saya kena sediakan senarai baharu. Akan tetapi saya boleh terangkan sini, boleh maklumkan. Pembahas pertama besok ialah Yang Berhormat Tenom, dan kita akan gunakan sistem yang sama lah. Selang seli. Kalau ada senarai baharu tolong berikan kepada saya awal. Untuk sementara waktu – kita ada senarai baharu. Jadi saya tidak boleh janjikan. Terpaksa saya sediakan senarai yang baharu. Yang itu kita akan tunggu dan lihat lah.

Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 19 November 2018. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.35 malam]***